

# Kesinambungan dan Perubahan

MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

21 JUL 2005

NASKAH PEMILIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01182905

TELAH DISEMAK

# Kesinambungan dan Perubahan

MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

CHAMIL WARIYA



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
No. 1 & 3, Jalan 391A  
Taman Shamselin Perkasa, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92856577  
Fax: 03-92846554/92875763  
e-mail: enquiry@upnd.com.my  
laman web: www.upnd.com.my*

*© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
Terbitan Pertama 2004*

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan  
ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran  
atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan  
cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya  
tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Chamil Wariya, 1952-

Kesinambungan dan perubahan: Malaysia di bawah pentadbiran  
Abdullah Ahmad Badawi / Chamil Wariya.

Mengandungi indeks

Bibliografi ms. 273

ISBN 967-61-1644-0

1. Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Seri, 1939- 2. Prime ministers—Malaysia.

3. Politik—Politics and government 1. Judul.

320.9595092

M

320.9595092

CHa

✓  
W

*Dicetak oleh  
SANON PRINTING CORPORATION SDN BHD  
No. 5 & 7, Jalan 10/108C, Taman Sungai Besi,  
Jalan Sungai Besi,  
57100 Kuala Lumpur.*

*Untuk Anak-anakku*

Atikah Hanum, Ahmad Zaki dan Anwar  
serta generasi seangkatan mereka yang akan melangkah ke  
alam 2020 sebagai insan dewasa. Hargailah nikmat lahir di  
negara yang bebas dan merdeka.



## PRAKATA

Buku ini kesinambungan daripada buku yang ditulis tentang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Dalam buku yang berjudul *Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik PM ke-5* itu, dirakamkan detik-detik penting perjalanan yang beliau alui dalam politik sehingga menjadi Perdana Menteri. Manakala buku ini pula merakamkan agenda utama kerja yang beliau janjikan setelah menjadi Perdana Menteri, terutamanya untuk tempoh enam bulan pertama menyandang jawatan itu serta sebelum dan selepas pilihan raya umum 2004. Lantaran itu, *Kesinambungan dan Perubahan: Malaysia di bawah pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*, dikira sesuai untuk judul buku ini.

Sepanjang tempoh itu sehinggalah beliau membubarkan Parlimen pada 4 Mac 2004 iaitu hari ke-125 Datuk Seri Abdullah menyandang jawatan itu, beliau telah membuat apa yang beliau sendiri panggil penyataan hasrat yang komprehensif meliputi pelbagai bidang untuk dijadikan program kerja selaku Ketua Eksekutif Malaysia *Incorporated*. Program kerja itu kemudian diterjemahkan dalam bentuk manifesto Barisan Nasional (BN) untuk mendapatkan sokongan rakyat pada pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac 2004. Kejayaan besar dalam pilihan raya itu memberikan beliau mandat pertama dan legitimasi untuk menubuhkan kerajaan bagi tempoh lima tahun akan datang. Sokongan yang diberikan kepada beliau bermakna permintaan beliau supaya rakyat bekerja bersama beliau untuk membawa Malaysia ke era yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, telah dipenuhi. Kini, giliran beliau

pula menunaikan janji untuk merealisasikan program kerja beliau itu.

Bagi memudahkan pemahaman, buku ini dibahagikan kepada lima bahagian: Pertama, Era Baru Bermula. Dalam bahagian ini diperkatakan peranan dan kuasa seorang Perdana Menteri serta penerimaan dan reaksi pelantikan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri, menggantikan Tun Dr. Mahathir. Di bahagian kedua pula iaitu "Sekali Air Bah" melihat proses pelantikan Timbalan Perdana Menteri sebagai orang nombor dua dalam kerajaan dan parti; rombakan kecil Kabinet yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah pada 7 Januari 2004 dan perubahan pasukan penasihat sebaik saja beliau mengambil alih pimpinan kerajaan. Bahagian ketiga menghuraikan agenda kerja Datuk Seri Abdullah, bermula dengan ucapan sulung beliau di Parlimen pada 3 November 2003, diikuti dengan pernyataan hasrat beliau yang lain selepas itu. Bagi mana-mana pemimpin, 100 hari pertama dianggap penting untuk menilai hala tuju kepimpinan. Bahagian keempat buku pula memperkatakan mauduk ini dari dua sudut: iaitu penilaian umum terhadap tiga bulan pertama beliau memimpin negara, rakaman kegiatan dan pengumuman beliau sepanjang 100 hari pertama memegang jawatan itu. Tujuannya adalah untuk memberi gambaran awal tentang pembaharuan yang beliau cuba perkenalkan setelah menjadi Perdana Menteri. Dalam bahagian kelima, dihuraikan kejayaan Datuk Seri Abdullah mendapat mandat besar pada pilihan raya umum 2004 yang berlangsung pada 21 Mac. Pilihan raya itu memberi beliau mandat dan legitimasi untuk beliau berkuasa dengan sokongan rakyat yang diperoleh sendiri. Dihuraikan juga di sini ialah pembaharuan yang beliau mahu bawa selepas kemenangan besar itu. Turut disentuh di sini ialah penubuhan Kabinet baru, janji-janji selepas menang dan pelaksanaan janji-janji itu.

Era Baru Bermula dipilih sebagai bahagian pertama kerana pelantikan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri merupakan peralihan kepimpinan pada peringkat tinggi yang pertama kita saksikan dalam tempoh 22 tahun. Tiga Timbalan Perdana Menteri, bermula dengan Tan Sri Musa Hitam, diikuti oleh Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam tempoh itu tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri. Barangkali sudah suratan takdir ataupun mungkin kerana kerenah mereka sendiri yang menyebabkan Tun Dr. Mahathir tidak percaya kepada mereka untuk menggantikan beliau. Dalam bahagian ini, dua perkara disentuh. Pertama, peranan dan profil jawatan Perdana Menteri dari segi perlembagaan dan amalan. Ini bertujuan

untuk memberi sedikit gambaran tentang kuasa seorang Perdana Menteri yang memang menjadi idaman orang politik yang mempunyai cita-cita tinggi. Turut disentuh ialah penerimaan pelantikan oleh pelbagai kalangan terhadap Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Bahagian kedua pula memperkatakan perubahan awal yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah tidak lama selepas menyandang jawatan itu pada 31 Oktober 2003. Secara khusus diteliti di sini ialah perubahan kecil pada peringkat Jemaah Menteri iaitu pemilihan Timbalan Perdana Menteri dan juga perubahan pasukan pembantu serta penasihat di pejabat Perdana Menteri. Bahagian ini cuba menghuraikan rasional pemilihan Datuk Seri Mohd Najib Razak sebagai TPM. Benarkah dengan melantik Datuk Seri Najib, Datuk Seri Abdullah tunduk kepada telunjuk Tun Dr. Mahathir yang memang sejak awal lagi menamakan anak lelaki Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri kedua, sebagai tokoh yang layak untuk menjadi timbalan apabila Datuk Seri Abdullah menjadi PM? Rasional perubahan kecil Kabinet yang dibuat serentak dengan pelantikan Datuk Seri Najib juga turut diperkatakan. Ini merupakan rombakan pertama yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah selaku Perdana Menteri. Sewaktu beliau mengambil alih jawatan pada 31 Oktober 2003, beliau mengekalkan kesemua barisan anggota Jemaah Menteri Tun Dr. Mahathir.

Datuk Seri Abdullah selalu menyatakan – sebelum dan sesudah menjadi Perdana Menteri – bahawa beliau akan mengasaskan agenda kerjanya kepada kesinambungan. Namun, jelas kepada umum bahawa beliau juga mempunyai agenda kerjanya sendiri. Matlamat yang hendak dicapai dalam menerajui negara mungkin sama dengan apa yang telah ditetapkan oleh pemimpin sebelum ini iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuannya sendiri seperti yang digariskan oleh agenda pembangunan jangka panjang Tun Dr. Mahathir dalam Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, jelas kemudian bahawa Datuk Seri Abdullah ingin mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara maju yang lebih gemilang, lebih cemerlang dan lebih terbilang. Lantaran itu, pernyataan hasrat beliau ditinjau dalam bahagian tiga buku ini.

Dalam bahagian ini, perkara yang disentuh ialah janji beliau dalam ucapan sulungnya di Dewan Rakyat pada 3 November 2003. Dalam ucapan itu,

beliau menggariskan program pembangunan yang ingin beliau teruskan daripada Tun Dr. Mahathir. Beliau turut membayangkan penekanan, tumpuan dan pendekatan berbeza yang akan beliau berikan dalam meneruskan kesinambungan itu. Ucapan di Dewan Rakyat itu kemudian dihubungkan dengan kenyataan-kenyataan beliau yang lain selepas itu untuk membolehkan umum mendapat gambaran yang jelas hala tuju negara di bawah kepimpinan beliau.

Bagi mana-mana pemimpin, tiga bulan pertama atau sekurang-kurangnya 100 hari pertama, berupaya memberi gambaran yang jelas tentang kepimpinan mereka. Sepanjang tempoh itulah mereka akan menggariskan agenda kerja yang hendak direalisasikan. Datuk Seri Abdullah juga tidak terkecuali. Sepanjang tempoh 100 hari itu, pelbagai pengumuman yang beliau lakukan.

Bahagian keempat buku ini menilai prestasi Datuk Seri Abdullah dalam tempoh itu dari pelbagai sudut. Pertama, pandangan umum dan pelbagai *opinion leaders* masyarakat tentang beliau sebagai Perdana Menteri, kedua penilaian beliau sendiri yang dikutip berdasarkan temu ramah yang beliau berikan kepada media sempena 100 hari beliau memegang jawatan itu dan juga kenyataan-kenyataan beliau yang lain. Selain itu, untuk rekod dan rujukan masa hadapan, kegiatan dan pengumuman harian beliau sepanjang tiga bulan menjadi Perdana Menteri turut diperincikan secara mendalam. Dengan itu, prestasi sebenar beliau untuk beberapa tahun akan datang boleh diukur berdasarkan kegiatan dan pengumuman beliau itu dalam menentukan sama ada apa yang dijanjikan pada peringkat awal pentadbirannya benar-benar dilaksanakan atau sekadar janji “penyapu baru” untuk menangkap imaginasi umum.

Tidak dapat dinafikan bahawa Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri dengan mewarisi mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Tun Dr. Mahathir yang diperoleh pada pilihan raya umum tahun 1999. Bagi Datuk Seri Abdullah pula, mandat pertama beliau diperoleh menerusi pilihan raya umum kali ke-11 pada 21 Mac 2004. Mandat ini memberi beliau legitimasi untuk membentuk kerajaan. Dalam bahagian ini, diperkatakan tentang usaha beliau untuk mendapatkan mandat tersebut. Turut ditinjau manifesto Barisan Nasional (BN) yang beliau dan pasukannya rangka, pemilihan calon-calon sebagai wakil rakyat baik untuk peringkat persekutuan mahupun negeri,

janji-janji yang diberikan sewaktu berkempen dan keputusan pilihan raya itu sendiri.

Tentunya, setelah mendapat mandat sendiri, Datuk Seri Abdullah mempunyai legitimasi untuk melakukan perubahan-perubahan yang ingin beliau bawa dalam kerajaan. Dalam bahagian ini, turut disentuh ialah pembaharuan pascapilihan raya umum. Ini termasuklah perubahan dalam kerajaan pada peringkat nasional dan perubahan pada peringkat negeri. Sudah pasti inilah kesempatan untuk beliau menempatkan orang kepercayaan pada pelbagai peringkat iaitu kalangan yang diharapkan untuk menjayakan "agenda kerja saya" yang telah digariskan selepas beliau menjadi Perdana Menteri. Setelah mendapat mandat rakyat, masa Datuk Seri Abdullah untuk berbulan madu bersama rakyat juga berakhir. Sekarang ialah masa untuk melaksanakan kerja dan ketika untuk beliau mengotakkan apa juga janji yang telah diikrarkan. Tidak dapat dinafikan, Datuk Seri Abdullah telah berjaya membina harapan yang tinggi di kalangan rakyat dan rakyat sekarang ini tentu ingin melihat harapan itu menjadi kenyataan. Manakala Datuk Seri Abdullah pula sudah tentu tidak mahu mengecewakan mereka.

Oleh itu, buku ini diharap dapat memberi gambaran serba ringkas tentang agenda kerja Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri serta kita semua dapat memahami apa yang ingin beliau lakukan untuk membawa 25 juta rakyat Malaysia ke era yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Apabila buku ini dibaca bersama dengan buku sebelum ini, iaitu *Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik PM ke-5*, diharap dapat menambah pengetahuan kita tentang Datuk Seri Abdullah serta cita-cita beliau untuk bangsa, negara dan agama.

Selain itu, tanpa bantuan dan sokongan beberapa pihak, buku ini tidak akan menjadi kenyataan.

Kepada mereka saya ingin merakamkan penghargaan atas segala pertolongan yang diberikan terutama kepada teman-teman yang turut meneliti draf manuskrip buku ini dan mengemukakan cadangan untuk saya memperbaiki buku ini. Mereka itu termasuklah Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin; dan Profesor Datuk Dr. Firdaus Abdullah.

Saya juga berterima kasih kepada teman-teman di Utusan Publications & Distributors terutamanya Pengarah Eksekutif, Cik Roselina Johari; Editor,

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN: MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

Saudara Mahadzir Adun; dan Pereka Grafik Puan Norasidah Dijai atas kerjasama yang diberikan dalam proses penerbitan buku ini.

Juga kepada Ketua Pengarang Bernama, Datuk Azman Ujang. Saya ingin merakamkan rasa terima kasih kerana memberi kebenaran untuk menggunakan gambar-gambar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menghiasi buku ini.

Kepada Ketua Pusat Sumber Kumpulan Utusan, Puan Maimunah Rashid, saya juga terbutang budi kerana kesediaannya membantu saya mendapatkan pelbagai maklumat bagi menyiapkan buku ini.

Kepada anda semua, terima kasih daun keladi, kalau saya memerlukan pertolongan, harap anda tidak keberatan membantu lagi.

Selamat membaca.

Chamil Wariya

Bandar Utama

Petaling Jaya

# KANDUNGAN

<i>Dedikasi</i>	v
<i>Prakata</i>	vii
<i>Kependekan</i>	xv
<b>ERA BARU BERMULA</b>	1
1. PM Ke-5: Peranan dan Kuasa	3
2. Pelantikan: Reaksi dan Penerimaan	19
<b>SEKALIAIR BAH</b>	47
3. Memilih Orang Nombor Dua	49
4. Rombakan Kecil Kabinet	69
5. Pasukan Baru Media	80
<b>AGENDA KERJA</b>	95
6. Kesinambungan – Janji di Parlimen	97
7. Saya Hamba, Bukan Tuan	105
8. Agenda Kerja – Pengisian Penting	115
9. Memperkasakan Kubu, Menangkis Serangan	123
<b>SERATUS HARI PERTAMA</b>	131
10. Satu Penilaian	133
11. Kegiatan dan Pengumuman	145
<b>BERKUASA DENGAN MANDAT SENDIRI</b>	207
12. Mandat Rakyat 2004	209
13. Pembaharuan Pasca Pilihan Raya	246
<i>Lampiran</i>	273
<i>Bibliografi</i>	307
<i>Indeks</i>	312
<i>Biodata Pengarang</i>	314



## **KEPENDEKAN**

AL MAUNAH	- Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam Al Maunah Malaysia
ASEAN	- Association of South East Asia Nation atau Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ATMA	- Institut Alam dan Tamadun Melayu
APEC	- Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
BA	- Barisan Alternatif
BBC	- British Broadcasting Corporation
BBC	- Back Banchers Club atau Kelab Penyokong Kerajaan
BCA	- Bersih Cekap dan Amanah
BERNAMA	- Berita Nasional Malaysia
BMA	- British Military Administration
BN	- Barisan Nasional
BNM	- Bank Negara Malaysia
BPR	- Badan Pencegah Rasuah
DAP	- Democratic Action Party atau Parti Tindakan Demokratik
DBP	- Dewan Bahasa dan Pustaka
Felda	- Federal Land Development Authority atau Lembaga Tanah Persekutuan
Gerakan	- Gerakan Rakyat Malaysia
GPMS	- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
ICT	- Information Communication Technology atau Teknologi Komunikasi Maklumat

ICU	- Implementation, Coordination Unit atau Unit Pelaksanaan dan Penyelepasan
IHT	- International Herald Tribune
IIM	- Institut Integriti Malaysia
IKS	- Industri kecil sederhana
INTAN	- Institut Tabiran Awam Negara
ISA	- Akta Keselamatan Dalam Negeri atau Internal Security Act
ITV	- Independence Television Thailand
JE	- Japanese Euphancelitis
JKKK	- Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
JKKKB	- Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Baru
JKKR	- Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Tanah Rancangan
JKR	- Jabatan Kerja Raya
JPJ	- Jabatan Pengangkutan Jalan
KLCC	- Kuala Lumpur City Centre
KLSE	- Kuala Lumpur Stock Exchange
KPN	- Ketua Polis Negara
KPI	- Key Performance Index
KUB	- Koperasi Usaha Bersatu
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MAGERAN	- Majlis Gerakan Negara
MAMPU	- Unit Pemodenan dan Pentadbiran
MCA	- Malaysian Chinese Association
MIC	- Malaysian Indian Congress
MIGHT	- Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan Malaysia
MRCS	- Malaysian Resources Corporation Berhad
MTN	- Majlis Tindakan Negara
MTEN	- Majlis Tindakan Ekonomi Negara
MT	- Majlis Tertinggi
MPI	- Malaysian Press Institut atau Institut Akhbar Malaysia
NAFAS	- Pertubuhan Peladang Nasional
NAM	- Non Aligned Movement

NSTP	– New Straits Time Press
OIC	– Organisation of Islamic Conference
PAS	– Parti Islam SeMalaysia
PBB	– Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBB	– Parti Pesaka Bumiputera Sarawak
PBDS	– Parti Bansia Dayak Sarawak
PBRS	– Parti Bersatu Rakyat Sabah
PDRM	– Polis DiRaja Malaysia
PIN	– Pelan Integriti Nasional
PLUS	– Projek Lebuhraya Utara Selatan
PM	– Perdana Menteri
PNB	– Permodalan Nasional Berhad
PPTD	– Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik
PPP	– Parti Progresif Penduduk
PWTC	– Pusat Dagangan Dunia Putra atau Putra World Trade Centre
RCTI	– Rajawali Citra Televisi Indonesia
RM	– Ringgit Malaysia
RMK8	– Rancangan Malaysia Ke-8
TNB	– Tenaga Nasional Berhad
SARS	– Severe Accute Respiratory Syndrome
SAWARI	– Projek Satu Wilayah Satu Industri
SBK	– Syarikat Berkaitan Kerajaan
SBT	– Skim Bucer Tuisyen
SMART	– Pasukan Khas Mencari dan Penyelamat Malaysia
SUPP	– Sarawak United People Party
SUHAKAM	– Surhanjaya Hak Asasi Manusia
TPM	– Timbalan Perdana Menteri
UEM	– United Engineers Malaysia Berhad
UiTM	– Universiti Teknologi Malaysia
UKM	– Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	– United Malays National Organisation
UUM	– Universiti Utara Malaysia
YADIM	– Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia



Era Baru  
Bermula

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN: MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

## **BAB 1**

---

### **PM KE-5: PERANAN DAN KUASA**

Apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terjaga daripada tidur pada pagi 1 November 2003, beliau sebenarnya bangun sebagai seorang Perdana Menteri. Tidak sampai 24 jam sebelum itu, atau lebih tepat lagi pada jam 3.10 petang 31 Oktober 2003, beliau menerima surat pelantikan sebagai Perdana Menteri daripada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur. Ini diikuti dengan upacara mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia, juga di hadapan Yang di-Pertuan Agong dengan disaksikan oleh 150 orang pembesar negara. Sebahagian besar 25 juta rakyat Malaysia yang lain turut mengikuti upacara itu yang disiarkan secara langsung oleh TV3, TV1 dan NTV7 serta beberapa rangkaian stesen radio. Dengan itu, penantian Datuk Seri Abdullah selama 16 bulan 9 hari, bermula dengan pengumuman mengejut Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk bersara dan menamakan Datuk Seri Abdullah sebagai penggantinya pada 22 Jun 2002, benar-benar menjadi kenyataan.

Sepanjang tempoh itu, memang terdapat desas-desus bahawa Dr. Mahathir mungkin tidak jadi bersara atau berhasrat untuk menangguhkan persaranya. Dr. Mahathir sendiri mengakui ada desakan dan pujaan supaya beliau meneruskan khidmatnya sebagai Perdana Menteri atas alasan khidmat beliau masih diperlukan oleh negara dan populariti beliau masih memuncak.

Selama 16 bulan 9 hari itu, Dr. Mahathir beberapa kali ditanya oleh wartawan dan menafikan yang beliau merancang untuk terus kekal sebagai Perdana Menteri sekalipun telah mengumumkan persaraannya pada 22 Jun 2002. Walau bagaimanapun, penafian itu masih dicurigai oleh sesetengah pihak. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) tetap melabelkan pengumuman Dr. Mahathir untuk bersara itu sebagai satu sandiwara. Hanya kenyataan beliau yang dibuat pada satu sidang akhbar di Monte Carlo pada 27 September 2003, barulah umum menerima hakikat bahawa Dr. Mahathir bukan bermain wa-yang kulit tentang hasratnya untuk meletakkan jawatan selepas sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur selesai.

Pada sidang akhbar itu, Dr. Mahathir memberitahu, "keputusan saya untuk bersara selepas Oktober 2003 adalah muktamad." Sambil menolak cakap-cakap yang kononnya beliau akan mengubah fikiran, Dr. Mahathir berkata, "Saya telah berjanji akan meletakkan jawatan pada penghujung Oktober 2003 dan saya akan pegang pada janji ini, jika tidak saya seorang yang tidak ada kewibawaan. Malah kalau boleh saya ingin bersara lebih awal tetapi oleh kerana ada rayuan yang begitu emosional, saya tangguhkan hasrat itu."

Buat pertama kalinya, Dr. Mahathir memberitahu bahawa hari terakhir beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri ialah pada 31 Oktober 2003. Beliau juga menyatakan keyakinan dengan kemampuan Datuk Seri Abdullah untuk menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Kenyataan tegas Dr. Mahathir kira-kira sebulan lagi persaraannya, sekali gus menamatkan spekulasi tentang perletakan jawatannya. Kalangan yang ingin terus memujuk beliau supaya kekal sebagai Perdana Menteri, atas sebab-sebab dan kepentingan tertentu, mula menerima hakikat. Mereka tidak lagi melobi Dr. Mahathir supaya mengubah fikiran. Apabila keadaan itu sudah jelas, negara hanya menunggu Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri.

## **PERALIHAN KUASA SECARA LICIN DAN TERATUR**

Datuk Seri Abdullah ialah Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Perdana Menteri yang pertama ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau me-

nyandang jawatan itu selama 13 tahun sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 sehinggalah beliau bersara pada 22 September 1970. Sebelum itu, selama dua tahun setelah menerajui Perikatan memenangi pilihan raya umum yang pertama pada 1955, Tunku Abdul Rahman bertindak sebagai Ketua Menteri. Perdana Menteri kedua ialah Tun Abdul Razak Hussein. Beliau menyandang jawatan itu pada 22 September 1970 hingga beliau meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Tempat Tun Razak diambil alih oleh Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri ketiga pada 15 Januari tahun yang sama sehinggalah beliau membuat keputusan untuk bersara pada 16 Julai 1981. Mulai tarikh itu, Dr. Mahathir pula memulakan tugasnya sebagai Perdana Menteri keempat sehinggalah beliau bersara pada 31 Oktober 2003. Dr. Mahathir, yang berasal dari Kedah, merupakan Perdana Menteri yang paling lama memerintah Malaysia iaitu selama 22 tahun 3 bulan dan 16 hari.

Peralihan kuasa yang menampilkan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima merupakan satu lagi sejarah bermakna dalam politik tanah air. Hal ini kerana peralihan kuasa itu berlangsung secara licin dan teratur. Hakikat ini diakui umum sebagai satu lagi bukti kematangan politik negara. Keadaan ini tidak sama dengan negara-negara membangun lain, yang mencapai kemerdekaan pada waktu yang lebih kurang sama dengan Malaysia. Di negara-negara tersebut, peralihan kuasa biasanya diiringi dengan pertumpahan darah atau revolusi. Ketua kerajaan yang sedia ada lazimnya dijatuhkan melalui kekerasan dan keganasan. Ada yang digulingkan oleh pihak tentera atau tunjuk-tunjuk perasaan ganas oleh rakyat yang bangkit menentang. Hal ini banyak berlaku di negara-negara Afrika. Malah di Georgia, sebuah negara bekas Kesatuan Soviet, peralihan kuasa pada penghujung tahun 2003 berlaku melalui kekerasan apabila Presiden Edward Shevardnadze enggan melepaskan kedudukannya.

Di Malaysia, pertukaran kuasa secara yang mengaibkan itu tidak pernah berlaku. Peralihan kuasa daripada Tunku Abdul Rahman kepada Tun Razak dan seterusnya kepada Tun Hussein Onn dan Tun Mahathir berjalan dengan baik, teratur dan kemas. Malah peralihan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah dilihat sebagai yang paling terancang kerana mengambil masa lebih 16 bulan untuk benar-benar menjadi kenyataan. Dr. Mahathir mungkin mengambil masa yang panjang untuk mengucapkan selamat tinggal kepada kerjaya poli-

tiknya sebagai Perdana Menteri dan bagi Datuk Seri Abdullah pula, ia mungkin satu penantian yang penuh dengan debaran.

Hakikat bahawa segala-galanya berjalan dengan baik seperti yang dirancang membuktikan bahawa kematangan demokrasi di negara ini terserlah. Memang ada pihak yang ingin melihat pertukaran kuasa di negara ini berlangsung dalam keadaan kelam-kabut seperti yang pernah terjadi di negara lain. Namun, kewujudan mekanisme peralihan kuasa yang jelas dan kesediaan aktor-aktor utama politik berpegang kepada *rule of the game* telah menghindarkan Malaysia daripada terheret ke dalam kancah perebutan kuasa yang tidak bertamadun.

## ASAL USUL JAWATAN PM

Perdana Menteri ialah jawatan yang diwujudkan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Dalam sistem pemerintahan Melayu, kedudukan yang bergelar Perdana Menteri sebenarnya tidak ada. Ahli-ahli sejarah ada yang berpendapat bahawa dalam sistem pemerintahan Melayu, jawatan yang boleh disamakan dengan Perdana Menteri ialah Bendahara yang bertindak sebagai penasihat utama kepada Raja. Kedudukan itu wujud sewaktu era empayar Melaka yang disusuli oleh beberapa empayar Melayu lain selepas itu. Namun, jika dibandingkan dengan Perdana Menteri, kuasa yang ada pada Bendahara dibayangi oleh kuasa Raja atau Sultan. Malah kuasa mutlak dalam sistem pemerintahan beraja Melayu, tidak dikongsi oleh Sultan yang memerintah. Konsep pengasingan tiga cabang kuasa iaitu eksekutif (pemerintahan), legislatif (perundangan) dan judisiar (kehakiman) tidak ada dalam sistem pemerintahan monarki mutlak baik di alam Melayu maupun di negara-negara lain. Raja tidak berkongsi kuasa dengan sesiapa. Mereka hanya mempunyai pegawai-pegawai istana seperti Bendahara, Laksamana, Temenggung, Syahbandar dan lain-lain untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh raja.

Konsep pengagihan kuasa di negara ini sebenarnya diperkenalkan oleh penjajah Inggeris yang mula menjajah negara ini secara berperingkat menerusi perjanjian yang ditandatangani dengan para Sultan negeri-negeri Melayu pada waktu itu. Penjajahan ini bermula dengan penguasaan ke atas Pulau

Pinang pada tahun 1786; diikuti dengan penyerahan Singapura oleh Sultan Johor pada tahun 1819. Penjajah Inggeris kemudian bertapak pula di Melaka melalui satu perjanjian dengan Belanda pada tahun 1824. Melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, London masuk pula ke Perak. Perjanjian yang sama dengan Selangor pada tahun 1874, Negeri Sembilan pada tahun 1879 dan Pahang pada tahun 1881, membolehkan Inggeris bertapak di ketiga-tiga negeri Melayu itu. Melalui perjanjian dengan Siam pada tahun 1909, empat negeri Melayu di utara iaitu, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dikuasai oleh mereka. Dengan itu, kesemua sebelas buah negeri Tanah Melayu iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, berjaya dikuasai. Akan tetapi, negeri-negeri tersebut diletakkan di bawah tiga sistem pemerintahan yang berasingan. Melaka, Pulau Pinang dan Singapura ditadbirkan sebagai Negeri-negeri Selat yang ditadbir secara langsung sebagai tanah jajahan; manakala Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak diletakkan di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran yang diinstitusikan pada tahun 1895. Bagi Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah yang enggan menyertai Negeri-negeri Melayu Bersekutu diurus oleh London sebagai Negeri-negeri Tak Bersekutu. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, London menempatkan Residen, manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, seorang Penasihat bertanggung-jawab mewakili Inggeris.

Kesebelas-sebelas buah negeri itu kemudiannya digabungkan di bawah satu pentadbiran yang dikenali sebagai British Military Administration (BMA) selepas Perang Dunia Kedua berakhir pada tahun 1945. BMA, kemudian diganti dengan sistem berbentuk kesatuan iaitu Malayan Union pada 1 April 1946. Apabila pemerintahan Malayan Union mendapat tenterangan daripada bangsa Melayu, London memperkenalkan pula Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Sistem itu buat pertama kalinya menyatukan kesemua sebelas buah negeri Melayu dalam satu sistem politik dengan Pesuruhjaya Tinggi British sebagai pemegang kuasa eksekutif. Ia merupakan jawatan yang dikhaskan untuk orang Inggeris. Ini bermakna anak tempatan tidak layak untuk menyandangnya.

Ketika Inggeris mempersiapkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan memperkenalkan konsep *self government*, jawatan Ketua Menteri diperke-

nalkan pada tahun 1955. Apabila negara mencapai kemerdekaan, jawatan itu bertukar menjadi Perdana Menteri untuk membezakan jawatan dengan nama yang sama seperti yang diwujudkan di negeri-negeri yang tidak mempunyai raja atau sultan iaitu Pulau Pinang, Melaka, kemudian Sabah dan Sarawak. Di negeri-negeri beraja, tokoh yang mengetuai kerajaan negeri dikenali sebagai Menteri Besar.

Ternyata bahawa Perdana Menteri ialah kedudukan yang diperkenalkan dan diterima oleh elit-elit politik Tanah Melayu yang dilantik oleh British untuk mengambil kira corak pemerintahan negara yang turut berubah. Negeri-negeri Melayu tidak lagi mengamalkan corak pemerintahan monarki mutlak. Kuasa mutlak Raja Melayu telah dikurangkan. Mereka kini menjadi apa yang dipanggil "Raja Berperlembagaan" dalam sebuah negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen. Di bawah sistem politik ini, kuasa mentadbir negara telah dipindahkan kepada rakyat menerusi Parlimen di peringkat pusat dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di peringkat negeri. Rakyat akan memilih calon untuk mewakili mereka di Parlimen dan DUN dalam pilihan raya umum setiap lima tahun sekali atau jika berlaku kematian atau kekosongan dalam pilihan raya kecil. Salah seorang wakil rakyat itu pula, lazimnya ketua parti politik atau gabungan parti-parti politik yang mempunyai majoriti dalam dewan legislatif akan menjadi Perdana Menteri di peringkat Persekutuan, Menteri Besar atau Ketua Menteri di peringkat negeri.

## **PERDANA MENTERI—PROSES PELANTIKAN**

Perdana Menteri dilantik mengikut Artikel 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pelantikan itu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, selaku Ketua Negara, untuk mengisi kekosongan yang berlaku sama ada Perdana Menteri yang sedia ada bersara, meletakkan jawatan atau meninggal dunia. Akan tetapi, dalam melantik Perdana Menteri ini, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh melantik sesiapa saja yang baginda berkenan. Pelantikan itu seperti yang jelaskan oleh Artikel 43 (2) (a) hendaklah seorang anggota Dewan Rakyat yang menurut pertimbangan Baginda akan mendapat kepercayaan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain. Setelah dilantik, Perdana Menteri

yang akan bertindak sebagai ketua Jemaah Menteri akan mengusulkan pula pelantikan-pelantikan menteri atau mengekalkan menteri-menteri yang sedia ada dalam Kabinetnya seperti yang dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah sebaik saja memegang jawatan Perdana Menteri.

Jelas bahawa asas utama pelantikan Perdana Menteri ialah seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada perhitungan Yang di-Pertuan Agong mendapat sokongan majoriti ahli-ahli Dewan yang lain. Namun dalam membuat pelantikan itu, amalannya bukanlah Yang di-Pertuan Agong mengadakan persidangan Dewan Rakyat dan meminta ahli-ahli Dewan memilih secara langsung siapa juga yang mereka fikir sesuai sebagai ketua mereka di Dewan Rakyat. Ini mungkin diamalkan di negara-negara lain yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia.

Walau bagaimanapun, di Malaysia cara itu dilakukan menurut amalan-amalan silam yang mempunyai tradisinya tersendiri. Tokoh yang hendak menjadi Perdana Menteri itu mestilah ketua parti yang mempunyai majoriti dalam Dewan Rakyat. Majoriti ini diperoleh dalam pilihan raya umum. Dalam konteks Malaysia, tokoh itu ialah Pengurus Barisan Nasional (BN), gabungan 14 buah parti yang memerintah Malaysia sejak ia diinstitusikan pada tahun 1974, bagi menggantikan parti Perikatan. Perikatan ialah parti yang memenangi pilihan raya umum pertama pada tahun 1955 yang kemudian diamanahkan untuk membentuk kerajaan. Pada tahun 1974, pakatan tiga parti itu dibesarkan menjadi BN.

Pengurus Barisan Nasional ini pula biasanya ialah Presiden UMNO atau Pemangku Presiden UMNO iaitu parti politik yang mewakili orang Melayu dan mempunyai kerusi terbanyak dalam Dewan Rakyat. Berdasarkan kriteria itu, maka siapa juga yang menjadi Pengurus BN, beliaulah orang yang akan dijemput oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi Perdana Menteri. Sebagaimana empat Perdana Menteri sebelumnya, Datuk Seri Abdullah juga telah melalui proses yang sama untuk menjadi Perdana Menteri pada petang 31 Oktober 2003. Mekanisme yang sama juga dijangka akan digunakan untuk memilih Perdana-Perdana Menteri akan datang kecuali berlaku perubahan besar dalam iklim politik negara. Misalnya diputuskan bahawa Perdana Menteri dipilih secara langsung oleh rakyat sama seperti memilih presiden di sesetengah negara. Namun, dengan mengambil kira latar belakang politik Malaysia, perkara itu tidak mungkin berlaku.

## PERDANA MENTERI—PERANAN DAN KUASA

Dalam bahasa yang mudah, Perdana Menteri ialah ketua cabang eksekutif pemerintahan negara yang berpaksikan kepada Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Dua cabang lain dalam pemerintahan Malaysia yang memberi unsur-unsur semak dan timbang atau *checks and balances* ialah badan legislatif atau perundangan dan badan kehakiman atau judisiari. Ketiga-tiga cabang ini dinaungi oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Namun disebabkan undi rakyat merupakan sumber kuasa cabang eksekutif yang dipilih melalui pilihan raya setiap lima tahun sekali, maka Perdana Menteri seperti yang dinyatakan oleh Andrew Harding dalam bukunya *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, muncul sebagai kedudukan yang paling penting di bawah Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan bagaimanapun tidak menghuraikan secara terperinci tentang kuasa dan peranan Perdana Menteri. Hal ini kerana menurut Harding lagi, kuasa Perdana Menteri lebih berbentuk politik dan konvensional bukananya legal. Selain itu, beliau juga berhujah bahawa kuasa itu boleh juga berbentuk *constitutional* dan *statutory*. Kuasa-kuasa itu boleh digunakan secara langsung dengan memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong tentang perkara-perkara tertentu seperti lantikan menteri atau secara tidak langsung. Ini boleh dilakukan dengan mempengaruhi rakan sejawatnya dalam Kabinet supaya membuat keputusan seperti yang Perdana Menteri kehendaki. Jika seseorang Perdana Menteri itu turut melantik dirinya sebagai menteri bagi kementerian-kementerian tertentu, maka kuasanya tentulah lebih luas. Atas sifatnya sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional, Perdana Menteri juga mempunyai kuasa ke atas Menteri Besar dan Ketua Menteri di mana parti itu berkuasa. Sebagai penggerusi Barisan Nasional pula, Perdana Menteri boleh mempengaruhi ketua-ketua parti gabungan itu dalam membuat keputusan.

Secara lebih khusus, kita boleh meninjau kuasa dan peranan Perdana Menteri dalam konteks berikut: Perdana Menteri dan kerajaan—kuasa membuat lantikan seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan; Perdana Menteri dan Kabinet; Perdana Menteri dan Parlimen; serta Perdana Menteri dan parti politik. Selain itu, Perdana Menteri juga diperuntukkan “kuasa” oleh Perlembagaan untuk membubarkan Parlimen; kuasa mengawal

agenda kabinet; kuasa pengurusan politik dan hak memberi kepimpinan. Di samping itu, Perdana Menteri juga diberi kuasa untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong tentang pelbagai perkara seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan, termasuk mengisyiharkan pemerintahan darurat dan melantik para hakim.

## **PERDANA MENTERI DAN EKSEKUTIF — KERAJAAN DAN KABINET**

Tugas pertama Perdana Menteri, sebaik saja dilantik ke jawatan itu ialah menubuhkan Jemaah Menteri yang akan bertindak sebagai badan pembuat dasar tertinggi negara. Keputusan-keputusan Kabinet itu akan diterjemahkan menjadi program pembangunan kerajaan, baik yang berbentuk jangka pendek atau jangka panjang. Pembangunan jangka pendek boleh juga berbentuk ad hoc untuk mengatasi masalah tertentu yang berbangkit tanpa diduga seperti menangani wabak SARS atau JE atau untuk memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi akibat apa yang berlaku di luar negara. Ia juga boleh berbentuk jangka panjang untuk tempoh lima atau sepuluh tahun atau lebih. Pembangunan yang dilaksanakan juga menyeluruh termasuk ekonomi dan sosial. Perdana Menteri juga berkuasa untuk menentukan hala tuju kerajaan dan jentera-jentera kerajaan, baik di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Kuasa Perdana Menteri membuat pelantikan dalam kerajaan boleh dilihat melalui pelbagai peringkat. Peringkat paling tinggi ialah Jemaah Menteri. Kuasa melantik dan membuang menteri merupakan prerogatif Perdana Menteri. Hanya beliau sahaja yang boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong tentang siapakah yang hendak dilantik ke jawatan itu dan siapa yang hendak ditamatkan perkhidmatan mereka. Anggota Jemaah Menteri ini boleh terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Sebagaimana empat Perdana Menteri sebelum ini, kuasa Datuk Seri Abdullah untuk melantik menteri adalah hak mutlak beliau.

Namun, amalan kuasa itu tertakluk kepada beberapa konvensyen. Dalam hal-hal tertentu, pelantikan menteri dipaksakan ke atas beliau oleh kedudukan tertentu dalam BN. Oleh sebab Jemaah Menteri biasanya mewakili kepen-

tingan pelbagai parti politik yang membentuk kerajaan, Perdana Menteri lazimnya akan memberi tempat secara automatik kepada ketua-ketua parti utama dalam komponen BN. Misalnya, para presiden MCA, MIC, Gerakan akan diberi tempat dalam Jemaah Menteri. Para wakil parti-parti komponen yang lain daripada Sabah dan Sarawak juga diminta mengemukakan calon bagi jawatan menteri jika mereka tidak mahu duduk dalam Kabinet Persekutuan. Kebebasan Perdana Menteri ialah menentukan porfolio bagi mereka. Akan tetapi, dalam melantik tokoh-tokoh UMNO sebagai menteri, Perdana Menteri mempunyai kebebasan mutlak. Beliau boleh memberi tempat kepada siapa saja yang beliau fikir sesuai. Namun dalam pelantikan itu, tangannya ada kala terikat juga. Para pemimpin UMNO yang mempunyai kedudukan kanan dalam parti, misalnya menjadi Naib Presiden, perlu diberi jawatan yang kanan dalam Kabinet. Selain memberi ruang kepada mereka yang ada kedudukan dalam MT, tokoh-tokoh di luar tetapi berpotensi juga diberi tempat. Mereka yang bukan Ahli Dewan Rakyat, boleh dilantik sebagai Senator, sekali gus memegang jawatan dalam Kabinet. Namun, kedudukan mereka sebagai Senator dihadkan kepada dua penggal sahaja. Tempoh setiap satu penggal ialah tiga tahun.

Selain melantik menteri, Perdana Menteri juga mempunyai prerogatif melantik timbalan menteri, setiausaha parlimen dan juga setiausaha politik. Kuasa ini ialah kuasa perlembagaan seperti yang dinyatakan oleh Perkara 43a, 43b dan 43c. Untuk melakukan lantikan pada peringkat ini, Perdana Menteri biasanya mempunyai kebebasan yang lebih besar. Akan tetapi, dalam kes-kes tertentu, keputusan pelantikan masih lagi tertakluk kepada kepentingan parti-parti politik yang menjadi anggota BN, kepentingan negeri-negeri, bilangan jawatan yang wujud dan sebagainya. Malah dalam kes-kes tertentu, menteri yang bertanggungjawab bagi portfolio tertentu juga mempengaruhi Perdana Menteri untuk membuat lantikan pada peringkat bawah ini.

Selain lantikan jawatan yang secara langsung berbentuk politik ini, Perdana Menteri juga dirujuk untuk lantikan ratusan jawatan tinggi dalam kerajaan —baik perkhidmatan awam, perkhidmatan perguruan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis di-Raja Malaysia, pengurus pelbagai agensi dan syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan. Malah pelantikan di peringkat negeri—Menteri Besar dan Ketua Menteri biasanya mendapat persetujuan Perdana Menteri atas kedudukannya sebagai ketua parti. .

Selaku ketua Jemaah Menteri, Perdana Menteri akan mempengaruhi mesyuarat mingguan Kabinet yang diadakan setiap Rabu. Dalam mesyuarat mingguan ini, dasar-dasar dan keputusan utama kerajaan dibuat untuk dilaksanakan menjadi dasar kerajaan. Mengikut Perlembagaan, Jemaah Menteri berpegang kepada tanggungjawab bersama atau apa yang dipanggil *collective responsibility*. Ini bermakna, setiap menteri dikehendaki mempertahankan keputusan Kabinet, sebaik saja ia dibuat, meskipun dalam proses membuat keputusan itu, dia mungkin menentang. Sebaik saja keputusan dibuat, secara terbuka dia tidak lagi boleh meneruskan penentangan. Jika masih tidak bersetuju, dia perlu meletakkan jawatan. Setelah dilantik ke Jemaah Menteri, menteri bertanggungjawab kepada Parlimen. Namun dalam amalan, menteri biasanya tunduk kepada keputusan Perdana Menteri. Hal ini kerana kedudukannya dalam Kabinet bukan ditentukan oleh Parlimen, tetapi oleh Perdana Menteri.

Perdana Menteri yang kuat personalitinya, biasanya berkeupayaan menentukan agenda yang dikemukakan untuk dibincangkan oleh Kabinet. Beliau mampu membentuk mood mesyuarat Kabinet; mempengaruhi keputusan yang hendak dibuat; serta meluluskan minit Kabinet. Selaku pengurus mesyuarat, Perdana Menteri berada pada kedudukan yang strategik untuk menetapkan hala tuju perbincangan, merumuskan pandangan mesyuarat sebelum sesuatu keputusan dibuat. Jika Perdana Menteri itu seorang yang karismatik dalam membuat keputusan, beliau boleh memaksakannya ke atas rakan sejawatnya yang lain. Malah seorang menteri biasanya menghormati pandangan Perdana Menteri tentang perkara-perkara tertentu.

## **PERDANA MENTERI DAN PARLIMEN**

Oleh sebab Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, orang yang dipilih menjadi Perdana Menteri itu juga secara langsung ialah ketua parti yang dominan di Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dari segi kedudukan, beliau merupakan orang yang pertama duduk dalam barisan ahli-ahli Parlimen apabila Dewan bersidang. Walaupun tiada undian dibuat, sebagai Perdana Menteri beliau mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli

Parlimen. Di Parlimen, Perdana Menteri menjadi jurucakap utama kerajaan. Melalui sesi soal jawab, ahli-ahli Parlimen boleh bertanyakan Perdana Menteri tentang apa juga persoalan urusan kerajaan, dari perkara yang sebesar-besarnya hingga hal kepada perkara yang sekecil-kecilnya. Oleh sebab Perdana Menteri lazimnya sibuk dengan tugas lain kerajaan dan negara, maka tugas memberikan jawapan boleh diwakilkan kepada menteri-menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Namun, jika isu yang ditimbulkan itu besar, maka Perdana Menteri sendiri yang akan memberikan jawapannya.

## PERDANA MENTERI DAN BADAN KEHAKIMAN

Dari segi pengasingan kuasa baik untuk tujuan semak dan timbang dalam demokrasi atau ketelusan, Perdana Menteri sebagai ketua cabang eksekutif sepatutnya tiada kaitan langsung dengan Badan Kehakiman. Akan tetapi, realitinya seperti yang dihuraikan oleh Abdul Aziz Bari dalam bukunya *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, keadaannya adalah berbeza. Beliau mengakui bahawa Perlembagaan Persekutuan menyediakan beberapa peruntukan bagi menjamin wujud Badan Kehakiman yang bebas daripada kawalan atau campur tangan eksekutif atau legislatif. Ini termasuklah kaedah untuk memecat para hakim; jaminan tempoh perkhidmatan dan ganjaran untuk para hakim; larangan untuk umum membincangkan tindak-tanduk hakim serta kuasa yang diberi kepada hakim untuk menghukum mereka yang menghina mahkamah.

Namun, sejak beberapa tahun lalu, kebebasan itu tidak lagi dihormati. Bagi Abdul Aziz, pelantikan para hakim pada asasnya ditentukan oleh kerajaan dan Perdana Menteri semasa. Krisis kehakiman pada tahun 1988 yang membawa kepada pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas disebut oleh beliau sebagai bukti bahawa kebebasan Badan Kehakiman merupakan satu mitos. Apa yang berlaku itu tidaklah menghairankan sesetengah pihak lain. Dalam kes tersebut, Ketua Hakim Negara itu sendiri dilihat oleh mereka sebagai telah bertindak dengan melampaui bidang tugasnya apabila beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong mendakwa bahawa Perdana

Menteri menggugat kebebasan Badan Kehakiman. Nasib yang menimpa Tun Salleh Abas sudah diketahui umum dan seluruh peristiwa itu sudah menjadi satu sejarah.

Apa yang ingin ditekankan di sini ialah Perdana Menteri selaku ketua kerajaan, memang tidak dapat dielakkan daripada menegur para hakim dan mendisiplinkan mereka, jika benar mereka sudah terlanjur. Hal ini kerana walaupun badan kehakiman dianggap bebas daripada cabang eksekutif dan legislatif, namun ini tidak pula bermakna ia bebas untuk melakukan apa saja. Perlu diingat bahawa badan kehakiman ialah satu institusi yang tidak demokratik kerana penyandang jawatan tidak dipilih oleh rakyat. Perdana Menteri yang mendapat mandat secara demokratik tentulah berasaskan bahawa beliau mempunyai hak untuk meneliti perjalanan badan kehakiman. Malah beliau mempunyai peranan dalam pelantikan para hakim. Adalah benar bahawa pelantikan para hakim merupakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong, tetapi kuasa baginda itu tidaklah dilaksanakan dalam kekosongan sosial. Yang di-Pertuan Agong hanya boleh melantik hakim atas nasihat Perdana Menteri selepas merunding Majlis Raja-raja.

## **PERDANA MENTERI DAN PARTI POLITIK**

Perdana Menteri biasanya merupakan ketua parti yang mempunyai majoriti untuk menubuhkan kerajaan. Dalam kes Malaysia, ia adalah BN, gabungan 14 buah parti politik yang mempunyai pemikiran yang sama atau hampir sama tentang pelbagai isu. Peranan penting Perdana Menteri *vis a vis* partinya ialah menjadi jurucakap utama parti itu, terutamanya ketika pilihan raya umum. Selaku ketua parti, beliau mempunyai kuasa untuk menentukan siapa yang hendak bertanding dalam pilihan raya, baik sebagai calon Ahli Dewan Undangan Negeri atau calon Ahli Dewan Rakyat. Malah beliau berpengaruh dalam menentukan penyandang jawatan yang strategik dalam parti, terutama pada peringkat nasional. Beliau juga perlu memuaskan kehendak pelbagai kelompok dalam parti untuk memastikan kedudukannya sebagai ketua parti tidak dicabar oleh pemimpin alternatif dalam partinya. Ini seperti yang dialami oleh Tun Dr. Mahathir pada 1987, apabila gabungan Tengku Razaleigh Hamzah-Musa Hitam mencabar kepimpinan beliau dan pada

tahun 1998, apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba menumbangkan Tun Dr. Mahathir melalui beberapa siri tunjuk perasaan "reformasi" berikutan pemecatannya daripada jawatan dalam parti dan kerajaan.

Walau bagaimanapun, yang penting bagi mana-mana Perdana Menteri di sini ialah bukannya untuk memuaskan kesemua anggota partinya. Itu tidak mungkin dapat dilakukan. Sekiranya beliau berupaya memuaskan sebahagian besar pendokong parti, beliau sudah dianggap berjaya. Jika ini berjaya dilakukan, beliau biasanya tiada masalah untuk mengekalkan kedudukannya sebagai ketua parti dan Perdana Menteri kecuali sekiranya gagal untuk menang dalam pilihan raya. Namun dalam sejarah Malaysia, belum ada lagi Perdana Menteri yang gagal untuk mengemudi parti pimpinan dalam pilihan raya dan seterusnya menubuhkan kerajaan, kecuali pada peringkat negeri apabila BN kehilangan dua kerajaan negeri iaitu Kelantan pada pilihan raya tahun 1990 dan 1995 dan Terengganu pada pilihan raya tahun 1999, sementara di Sabah pada satu ketika dahulu.

Pengurusan politik merupakan satu lagi tugas penting yang perlu dilakukan oleh Perdana Menteri. Tugas ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu pengurusan politik partinya sendiri seperti yang telah digariskan di atas. Ini untuk memastikan terdapat kaharmonian dalam parti, di samping menghindari ancaman politik dalaman yang boleh melemahkan kedudukannya untuk menghadapi pilihan raya. Seperkara lagi ialah pengurusan politik untuk menghadapi parti-parti lawan yang sekiranya gagal ditangani dengan baik, rakyat mungkin terpengaruh untuk mengundi calon-calon pembangkang dalam pilihan raya umum.

Pembangkang dalam usaha untuk menjaya diri akan sentiasa mencari kesalahan dan kelemahan dasar-dasar kerajaan serta mendedahkannya kepada umum untuk kepentingan politik mereka. Pembangkang juga mungkin boleh menawarkan program-program pembangunan alternatif yang boleh menandingi projek pembangunan kerajaan. Perbuatan pembangkang itu tidak boleh dibiarkan berleluasa kerana jika pengundi termakan dengan dak-yah pembangkang, yang rugi ialah kerajaan sendiri. Lantaran itu, menjadi tugas utama Perdana Menteri selaku ketua parti yang memerintah untuk menjawab dan menjelaskan setiap tuduhan yang dilemparkan oleh pembangkang terhadap kerajaan.

## PERDANA MENTERI DAN INITIATIF DASAR LUAR

Bukan rahsia lagi bahawa selain bertindak sebagai jurucakap utama kerajaan dalam negeri, Perdana Menteri juga merupakan jurucakap utama negara di persada antarabangsa. Perdana Menteri akan mewakili negara pada perhimpunan-perhimpunan penting dunia. Setiap tahun apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengadakan perhimpunan tahunannya, Perdana Menteri akan ke New York untuk menyampaikan pendirian Malaysia tentang isu-isu global kepada masyarakat antarabangsa. Sama ada ucapan-ucapan itu didengari atau tidak, adalah soal lain. Akan tetapi, sejajar dengan sistem negara-bangsa, Malaysia tidak mahu ketinggalan untuk memberikan pandanganinya terhadap pelbagai perkara seperti hak asasi manusia, demokrasi, alam sekitar, perdagangan bebas, globalisasi dan yang terbaru ialah keganasan antarabangsa.

Selain itu, oleh sebab Malaysia turut menanggotai pelbagai pertubuhan antarabangsa, baik yang berbentuk serantau seperti ASEAN dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) atau global seperti Komonwel, Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Kumpulan G15, Kerjasama Selatan-Selatan dan lain-lain, maka Perdana Menteri juga perlu mengambil pendirian yang *high profile* atau berprofil tinggi di pentas dunia. Tambahan pula, pertubuhan-pertubuhan yang kita anggotai itu mengadakan "sidang kemuncak" masing-masing dari semasa ke semasa. Pada sidang seumpama itu, Perdana Menteri selaku ketua kerajaan akan mewakili negara. Beliau juga perlu mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan-rakan sejawat dari negara lain, baik yang berjiran atau di mana kita mempunyai kepentingan ekonomi dan perdagangan. Lantaran itu, tidak dapat dielakkan bahawa siapa juga yang menjadi Perdana Menteri, beliau akan memainkan peranan yang lebih besar pada masa akan datang dalam forum-forum antarabangsa. Tambahan pula, untuk tempoh tiga tahun mendatang ini (2003 hingga 2006), Malaysia menjadi pengurus dua organisasi penting iaitu NAM dan OIC.

Sebagai sebuah negara perdagangan, Perdana Menteri Malaysia juga dikehendaki bertindak sebagai "jurujual ulung negara" di luar negara. Selain mencari pasaran baru bagi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh negara, Malaysia juga perlu menarik lebih banyak pelabur asing datang

menanam modal di sini. Hal ini penting untuk memastikan bahawa pasaran yang sedia ada dapat dipertahankan dan pada waktu yang sama pasaran-pasaran baru dapat diteroka untuk produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Malaysia. Dengan itu, pertumbuhan ekonomi negara dapat dikekalkan dan ditingkatkan. Ini penting bagi menjamin kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial. Sebagai sebuah negara kecil, Malaysia mempunyai pasaran yang terhad dan pertumbuhan ekonomi Malaysia bergantung pada pasaran antarabangsa yang semakin kompetatif.

Selaku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah telahpun membayangkan sebahagian besar waktu beliau akan dihabiskan untuk menguruskan banyak hubungan luar. "Saya mempunyai kerja yang banyak sebagai pengurusi OIC dan NAM, di samping pergi ke merata tempat untuk menghadiri mesyuarat antarabangsa. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Perdana Menteri mengurus sendiri banyak hubungan luar, tidak seperti sebelum ini," kata Datuk Seri Abdullah selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jemaah Menteri pada 5 November 2003.

## RUMUSAN

Ternyata Perdana Menteri adalah suatu jawatan yang paling penting di bawah perlembagaan Malaysia. Penyandang jawatan bukan sahaja bertindak sebagai ketua eksekutif Malaysia Incorporated, malah bertanggung-jawab penuh terhadap cabang eksekutif negara. Beliau juga mempunyai pengaruh— secara langsung atau tidak langsung—ke atas cabang legislatif dan judisiari. Di Parlimen, Perdana Menteri bertindak sebagai Pengerusi Majlis Dewan Rakyat, manakala perlembagaan negara juga memberi Perdana Menteri kuasa menasihat Yang di-Pertuan Agung untuk melantik para hakim.

## **BAB 2**

---

### **PELANTIKAN: REAKSI DAN PENERIMAAN**

Penerimaan Datuk Seri Abdullah untuk menggantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri boleh dibahagikan sekurang-kurangnya pada tiga peringkat. Pertama, selepas Datuk Seri Abdullah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada awal 1999 dan dengan itu berada pada kedudukan strategik untuk menjadi Perdana Menteri. Kedua, setelah Tun Dr. Mahathir mengejutkan negara dengan pengumuman gemparnya untuk bersara daripada semua jawatan dalam kerajaan dan parti pada 22 Jun 2002 serta menamakan Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti beliau apabila beliau bersara pada penghujung Oktober 2003. Manakala ketiga, setelah Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Tempoh 100 hari pertama beliau pula mendapat perhatian yang khusus kerana dalam waktu itulah beliau mengumumkan agenda kerja, penyataan hasrat, dasar dan hala tuju baru negara di bawah kepimpinan beliau untuk tempoh beberapa tahun akan datang. Dalam tempoh itu juga pandangan dan penilaian umum terhadap beliau terbentuk—sama ada beliau “bahan” yang layak menjadi Perdana Menteri atau sebaliknya. Penerimaan UMNO dan BN tidak disentuh secara terperinci kerana dalam kedua-dua organisasi politik itu, penerimaan beliau sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir dalam parti dan kerajaan adalah mutlak. Walau bagaimanapun, penerimaan di luar tidaklah seragam kerana ada yang

memberi kepercayaan sepenuhnya dan tidak kurang pula ada yang menyatakan keraguan dengan keupayaan beliau.

## 1999: TIMBALAN PERDANA MENTERI SEMENTARA?

Apabila dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999, pelantikan itu sebenarnya di luar jangkaan banyak pihak. Calon utama yang disebut-sebut untuk jawatan tersebut ketika itu tentulah Datuk Seri Najib Razak, Naib Presiden UMNO yang menduduki tempat pertama pada pemilihan parti 1996. Manakala Datuk Seri Abdullah menduduki tempat kedua. Pembawaan beliau yang suka merendah diri, tidak menjaya kebolehannya atau menonjolkan dirinya sebagai berpotensi menjadi Perdana Menteri, membuatkan orang sangsi dengan kemampuan sebenar Datuk Seri Abdullah untuk menjadi pemimpin nombor satu kerajaan. Selain dilihat sebagai seorang yang baik, kedudukan yang ada pada beliau sebagai anggota Jemaah Menteri dalam kerajaan dan sebagai Naib Presiden dalam parti dianggap sesuai dengan pembawaan beliau. Bagi mereka yang melihat beliau berdasarkan luaran semata-mata, mereka akan merumuskan bahawa Datuk Seri Abdullah bukanlah orang yang layak menjadi Perdana Menteri. Hal ini kerana latar belakangnya sebagai bekas pegawai kerajaan, beliau dilihat sebagai seorang pentadbir yang cekap dan bukannya seorang ahli politik yang pintar mengatur strategi untuk memahat nama beliau dalam persada politik tanah air. Ada kalanya kualiti beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri disamakan dengan Tun Hussein Onn dan Tun Ghafar Baba. Ketika itu, sesetengah pemerhati politik berpendapat kedua-dua mereka dilantik ke kedudukan itu bukan untuk dipersiapkan menjadi Perdana Menteri, tetapi sekadar mengisi kekosongan dengan orang politik yang dikira selamat kepada Perdana Menteri waktu itu. Bekas setiausaha politik Tun Abdul Razak, Tan Sri Abdullah Ahmad dalam bukunya *Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy* secara berani mendakwa bahawa Tun Hussein ialah "Perdana Menteri Malaysia yang paling tidak cerdik." Manakala bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menganggap

Tun Ghafar hanya layak untuk menjadi seorang penghulu sahaja.

Selain itu, sesetengah pemerhati berpendapat ideologi yang dibawa oleh Datuk Seri Abdullah sebagai seorang ahli politik sepanjang menganggotai Kabinet juga tidak jelas. Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, seorang yang memang rapat dengan Datuk Seri Abdullah dalam dua temu ramah berasingan dengan *Mingguan Malaysia* dan *The New Straits Times* sendiri mengakui bahawa sebelum menjadi Perdana Menteri, secara umum tanggapan pelbagai pihak terhadap Datuk Seri Abdullah tidaklah begitu baik. Menurut Tan Sri Musa, maklum balas yang beliau terima tentang Datuk Seri Abdullah untuk menggantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri memang tidak menyenangkan. Kata beliau, "Orang menggunakan istilah lembik bagi menggambarkan Datuk Seri Abdullah. Mereka risau kerana dia mungkin bukan seorang yang tegas, tidak pandai membuat keputusan atau tidak dinamik. Akan tetapi, saya memberitahu mereka jangan melihat ciri-ciri itu sebagai kelemahan pada diri Datuk Seri Abdullah dan karakter sebenar beliau hanya muncul selepas beliau mengambil alih jawatan," cerita Tan Sri Musa.

Malah ada yang berpandangan bahawa Datuk Seri Abdullah diangkat oleh Tun Dr. Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri, bukan untuk disediakan sebagai pengganti, tetapi tidak lebih sebagai keperluan beliau untuk mempunyai seorang timbalan yang setia dan akur dengan segala arahan yang diberikan. Ada yang mengatakan, Tun Dr. Mahathir sudah serik dengan pengalaman yang dilaluinya kerana mempunyai timbalan yang mahu menggunakan jawatan itu untuk menjadi Perdana Menteri, sedangkan beliau sendiri belum lagi berhasrat untuk bersara. Inilah yang dilakukan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang diberikan kedudukan sebagai Timbalan Perdana Menteri tahun pada 1996. Datuk Seri Anwar tidak sabar-sabar lagi untuk menggugat kedudukan Tun Dr. Mahathir. Di hadapan Tun Dr. Mahathir, beliau berikrar bahawa "sekalipun tertangcup bumi dengan langit, setia kita tidak akan berubah." Akan tetapi, di belakang bukan rahsia lagi bahawa beliau mendalangi usaha untuk menggoncang kedudukan Tun Dr. Mahathir dengan membangkitkan isu nepotisme, kronisme dan korupsi.

Barangkali berdasarkan pengalaman getir yang telah dilalui dengan kerenah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan seorang lagi timbalannya sebelum itu, Tan Sri Musa Hitam, maka (menurut sebilangan pemerhati) Tun Dr.

Mahathir mahu mencari seorang yang tidak mempamerkan cita-cita yang besar dalam politik. Orang seperti Tun Ghafar Baba yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri antara 1986 sehingga ditumbangkan oleh Datuk Seri Anwar sebagai Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1996, bagi Tun Dr. Mahathir adalah pilihan yang terbaik sebagai timbalan. Datuk Seri Abdullah, menurut perhitungan banyak pihak, memenuhi kriteria itu dan menurut mereka inilah sebab utama beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Jika dibandingkan dengan Datuk Seri Najib, Datuk Seri Abdullah dilihat sebagai tidak *ambitious*. Malah Datuk Seri Abdullah tidak pernah mempamerkan cita-cita politiknya, sama ada beliau mengidamkan kedudukan Perdana Menteri atau tidak. Kesetiaan beliau terhadap perjuangan, organisasi dan kepimpinan, sekalipun pernah tersasar pada tahun 1987, sudah teruji dan terbukti. Lebih daripada itu, walaupun mendapat tempat kedua pada pemilihan tahun 1996, beliau dilihat sebagai pemimpin yang mempunyai sokongan popular memandangkan sewaktu pencalonan, beliau hanya mendapat 25 pencalonan.

Selain itu, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Datuk Seri Abdullah menjadi pilihan sebagai Timbalan Perdana Menteri mempunyai kaitan dengan sebab-sebab pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan itu. Sewaktu memecat Datuk Seri Anwar, sebab utama yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir ada kaitan dengan soal moral. Oleh sebab Anwar didakwa terlibat dengan kegiatan homoseksual dan penyalahgunaan kuasa, beliau dianggap oleh Tun Dr. Mahathir sebagai seorang yang tidak bermoral dan dengan itu tidak layak untuk kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Lantaran itu, beliau perlu mencari seorang tokoh yang bersih (dari segi moral) untuk dilantik sebagai TPM. Maka, Datuk Seri Abdullah difikirkan menepati kriteria itu. Beliau bukan sahaja mempunyai kehidupan rumah tangga yang bahagia, tetapi tidak pernah dikaitkan dengan mana-mana wanita lain selain isteri beliau dalam sejarah kehidupannya, tidak seperti dengan sebilangan pemimpin UMNO yang lain. Setidak-tidaknya inilah pandangan ahli akademik Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr. Ahmad Fawzi Basri. Dalam satu temu ramah, Naib Canselor UUM itu berkata, "Mahathir menolak Anwar sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri atas dasar moral. Sama ada sebab itu alat politik atau

sebaliknya, itu adalah cerita lain. Akan tetapi, beliau memberi penekanan kepada moral. Jadi untuk mencari pengganti, Mahathir kenalah mencari orang yang ada moral. Maka dalam keadaan itu, pilihannya ialah Datuk Seri Abdullah. Hal ini kerana dari segi simbol, Dr. Mahathir melihat Datuk Seri Abdullah sebagai seorang yang dari segi moral tidak boleh dipertikaikan."

Selain mempunyai moral yang tidak boleh dipertikaikan, hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah diketahui tidak menggunakan kedudukannya sebagai menteri untuk mengagih-agihkan habuan kepada para penyokong untuk memperkuatkan kedudukannya, juga dikatakan menguntungkan beliau. Beliau juga dikenali sebagai satu-satunya pemimpin UMNO yang tidak pernah terlibat dengan politik wang dalam usaha mendapatkan jawatan dalam parti. Kehidupan beliau juga sederhana.

Beliau juga tidak mahu kekayaan dipamerkan. Selaku Menteri Luar, beliau tinggal di rumah kerajaan yang agak usang di Jalan Bellamy, Kuala Lumpur. Malah sewaktu menjadi menteri, beliau tidak mempunyai rumahnya sendiri. Semua ciri-ciri ini dikatakan latar belakang yang dipertimbangkan oleh Tun Dr. Mahathir untuk mencari pengganti Datuk Seri Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Latar belakang pendidikan beliau dalam bidang agama Islam juga dikatakan turut mempengaruhi keputusan Tun Dr. Mahathir. Bekas Perdana Menteri itu mengakui bahawa saingan utama UMNO untuk kekal sebagai wadah unggul politik orang Melayu ialah Pas. Pas pula pintar memanipulasi Islam untuk memanjangkan kepentingan politiknya di kalangan rakyat biasa, terutama di luar bandar. Dalam konteks itu, Datuk Seri Abdullah dilihat sebagai seorang yang berkemahiran dalam selok-belok ilmu agama untuk menangkis serangan Pas. Kewibawaan beliau sebagai sarjana Islam diakui oleh pelbagai pihak. Sekiranya beliau mengambil alih kepimpinan negara, Pas akan berdepan dengan kesukaran untuk memanipulasi isu-isu yang ada kaitan dengan Islam. Hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah ialah cucu kepada seorang ulama progresif tersohor dan anak kepada seorang ulama yang tidak kurang hebatnya, akan memperkuatkan lagi imej UMNO di kalangan orang Islam. Beliau akan diterima dengan baik di kalangan akar umbi bangsa Melayu sebagai seorang yang boleh mempertahankan Islam daripada diputarbelit oleh Pas untuk kepentingan politiknya.

Dalam pada itu, ada juga yang beranggapan bahawa oleh sebab ada tanda-tanda Tun Dr. Mahathir ingin terus menjadi Perdana Menteri sehingga beliau meninggal dunia sewaktu menyandang jawatan (inilah pandangan Tan Sri Abdullah Ahmad sewaktu menjadi Ketua Pengarang Kumpulan NSTP dalam banyak tulisannya), maka pelantikan Datuk Seri Abdullah dilihat sebagai bersifat sementara. Beliau dianggap sebagai Timbalan Perdana Menteri *stop gap*. Apabila tiba masanya, Datuk Seri Abdullah akan disuruh berhenti dan Tun Dr. Mahathir akan mencari pengganti lain yang mempunyai ciri-ciri dinamik untuk menjadi Perdana Menteri. Ketika itu, barangkali Datuk Seri Najib akan menjadi pilihan seterusnya oleh Tun Dr. Mahahir.

Menurut kalangan ini, meskipun Datuk Seri Abdullah ditakdirkan menjadi Perdana Menteri, ia adalah secara *default*, bukan berdasarkan merit. Menurut mereka, ini hanya berlaku jika ditakdirkan Tun Dr. Mahathir, atas sebab-sebab tertentu tidak lagi berupaya untuk menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri dan terpaksa melepaskan jawatannya. Atau jika ditakdirkan Tun Dr. Mahathir meninggal dunia pada kedudukannya seperti yang diramalkan oleh Tan Sri Abdullah. Dalam senario itu, Datuk Seri Abdullah akan menjadi Perdana Menteri kerana pada ketika itu beliau ialah Timbalan Perdana Menteri. Secara automatik, beliau akan mengambil alih tugas Tun Dr. Mahathir, sama seperti Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Razak yang meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Sekalipun menjadi Perdana Menteri dengan cara itu, beliau diramalkan tidak akan lama bertahan sebagai penyandang jawatan itu. Oleh sebab beliau sekadar hanya akan memanas kerusi, kepimpinan beliau akan dicabar tidak lama lepas itu. Atau beliau akan melepaskan jawatannya lebih awal seperti yang dilakukan oleh Tun Husein. Tidak ramai yang membayangkan bahawa selagi Tun Dr. Mahathir masih bernyawa, Datuk Seri Abdullah akan menjadi Perdana Menteri.

Mereka yang berpegang kepada teori bahawa Datuk Seri Abdullah ialah Timbalan Perdana Menteri *stop gap* berpendapat, Tun Dr. Mahathir sebenarnya memang ingin menobatkan Datuk Seri Najib sebagai Perdana Menteri kerana ingin membala budi Tun Abdul Razak yang telah membawa beliau semula ke arus perdana politik UMNO selepas dipecat oleh Tunku Abdul Rahman pada 1969. Menurut mereka (sekali lagi Tan Sri Abdullah Ahmad ialah orang yang kuat berpegang pada pendirian ini), Tun Razak bukan saja

membawa masuk semula Tun Dr. Mahathir ke dalam UMNO, tetapi memberi beliau tempat dalam kerajaan, melantik beliau sebagai Senator, kemudian bertanding pada pilihan raya umum 1974 dan terus dilantik sebagai Menteri Pelajaran.

Dalam UMNO pula, menurut Tan Sri Abdullah, Tun Razak turut membantu Tun Dr. Mahathir memenangi jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan UMNO 1975. Ini dilakukan dengan menyebut nama Dr. Mahathir pada ucapan perasmian Presiden UMNO pada hari pertama perhimpunan. Selain memuji kebolehan Tun Dr. Mahathir, Tun Razak juga memberi sanjungan kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Ghafar Baba. Dengan itu, ketiga-tiga mereka ini terpilih sebagai Naib Presiden. Memandangkan begitu banyak jasa Tun Razak kepada Tun Dr. Mahathir, maka dikatakan beliau memang merancang untuk melantik Datuk Seri Najib sebagai timbalan apabila ada kesempatan. Selain itu, Datuk Seri Najib juga sudah membuktikan dirinya sebagai pemimpin yang berkaliber dan berkualiti untuk mengambil alih pimpinan negara.

Namun, ada juga yang berpendapat pemilihan Datuk Seri Abdullah sebagai timbalan bukanlah sekadar untuk mengisi kekosongan atau Tun Dr. Mahathir ingin menjadikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri sementara seperti anggapan sesetengah pihak. Sebaliknya, pemilihan Datuk Seri Abdullah dibuat secara serius kerana beliau memenuhi beberapa kriteria yang diperlukan untuk memimpin negara selepas Mahathir, terutama dalam menangkis serangan Pas yang sering mendakwa UMNO meremehkan perjuangan agamanya. Ini pandangan saintis politik UUM, Profesor Dr. Mustapha Ishak. Menurut beliau, dari segi perjuangan nasionalisme ekonomi, komitmen UMNO sudah terbukti. Begitu juga dari segi menjaga kepentingan orang Melayu. Sebagai sebuah parti politik, kesungguhan UMNO mempertahankan hak-hak Melayu, dalam keadaan yang berubah, tidak pernah dicabar secara serius oleh sesiapa. Kata beliau, yang diremehkan oleh pelbagai pihak ialah perjuangan UMNO dari aspek keagamaannya dan beliau berpendapat dalam keadaan itu, Tun Dr. Mahathir melihat, dengan latar belakang pendidikannya dalam bidang pengajian Islam dan juga latar belakang keluarga beliau, maka Datuk Seri Abdullah merupakan pilihan yang tepat untuk menggantikan beliau. "Pemilihan ini adalah tepat dan kena pada masanya. Apabila dunia keseluruhannya sedang berdepan dengan terorisme, berlaku

radikalisme dalam Islam dan muncul fobia politikal Islam, maka Malaysia bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang berwibawa untuk menangani keadaan itu."

Profesor Mustapha lalu membuat kesimpulan, "jadi apabila Tun Dr. Mahathir melantik Datuk Seri Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999 dan menamakan beliau sebagai penggantinya pada tahun 2002, Dr. Mahathir melantik Abdullah bukan kerana dia melihat Abdullah sebagai seorang yang mesti dilantik. Setelah pemecatan Anwar, Dr. Mahathir melihat hanya tokoh yang macam Datuk Seri Abdullah yang paling baik ketika itu untuk berhadapan dengan suasana kebangkitan Pas." Beliau menilai keputusan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir itu terbukti benar dan berpandangan jauh. "Sekarang apabila Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri, Pas berada dalam keadaan gelabah. Gelabah dan kucar-kacir kerana tidak tahu bagaimana untuk mengendalikan Abdullah. Lantaran, Pas melancarkan serangan berbentuk peribadi terhadap Abdullah. Parti itu kebingungan sebenarnya. Orang Melayu apabila melihat Abdullah menjadi imam, apabila bercakap secara spontan mengeluarkan ayat-ayat a-Quran, apa yang mereka lihat itu menyentuh hati dan perasaan mereka, terutama di kampung-kampung. Keadaan ini memberi kelebihan kepada UMNO kerana parti itu kini dipimpin oleh seorang lulusan agama yang memang dekat dengan hati mereka. Hari ini Pas agak sukar untuk memomokkan UMNO sebagai sebuah parti yang sekular atau parti yang dipimpin oleh orang yang tidak tahu soal-soal agama."

## 2002: BAKAL PM TAPI ADA YANG SANGSI

Mereka yang pada mulanya tidak dapat menerima Datuk Seri Abdullah menggantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, mula menerima hakikat apabila Tun Dr. Mahathir mengejutkan negara dengan pengumumannya untuk bersara pada 22 Jun 2002. Namun, di kalangan segelintir mereka, ada yang masih sangsi dengan kemampuan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Atas sebab-sebab yang mereka sendiri tahu, mereka masih berharap Tun Dr. Mahathir akan mengubah fikiran di pertengahan jalan, sekalipun beliau sudah pun mengumumkan persaraan pada penghujung Oktober 2002.

Golongan inilah yang paling bersorak besar apabila Tun Dr. Mahathir memutuskan untuk menarik balik peletakan jawatannya pada pertengahan Jun itu. Golongan ini bukan sangat sayangkan Tun Dr. Mahathir. Mereka mahu beliau kekal kerana mereka tidak yakin dengan kemampuan Datuk Seri Abdullah untuk mengambil alih kepimpinan negara. Mereka walaupun tidak menyukai Tun Dr. Mahathir, nampaknya berpegang pada falsafah adalah lebih baik negara dipimpin oleh seorang yang sudah kami kenali kualitinya daripada seorang yang kami sama sekali tidak tahu mempunyai kualiti atau tidak.

Di kalangan mereka, ada yang terus melobi supaya Tun Dr. Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri. Golongan kecil ini kononnya berpendapat, selepas berjaya menyelamatkan ekonomi Malaysia daripada dimufliskan oleh penyangak mata wang antarabangsa pada tahun 1997 dan seterusnya memulihkan ekonomi yang meleset, Tun Dr. Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin yang layak untuk memerintah. Mereka mengatakan pimpinan beliau adalah *indispensible* atau tidak boleh ditukar ganti sehingga muncul seorang pemimpin yang boleh mengambil alih. Mereka juga berhujah, Tun Dr. Mahathir ketika itu berada di puncak popularitinya dan beliau merupakan aset terpenting yang boleh mengemudi Barisan Nasional (BN) mencapai kejayaan besar pada pilihan raya umum ke-11. Dalam keadaan itu, mereka tidak mahu Dr. Mahathir berundur kerana mereka tidak percaya bahawa Datuk Seri Abdullah boleh mencapai kejayaan yang diingini. Ahli sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri mengakui pada peringkat awalnya, pandangan seumpama itu terhadap Datuk Seri Abdullah memang meluas. Menurut persepsi umum dalam tempoh 22 tahun Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, yang kerap bertukar ialah Timbalan Perdana Menteri, bukan Perdana Menteri. Jadi, apabila Tun Dr. Mahathir mengumumkan persaraannya, ada kelompok Orang Kaya Baru Melayu ini berkata, pelantikan Abdullah akan membawa kepada bencana kerana mereka menggunakan kayu ukur Mahathir sebagai pemimpin. Menurut beliau, golongan ini berasaskan Tun Dr. Mahathir patut terus kekal. "Golongan inilah yang bekerja keras untuk mengekalkan Tun Dr. Mahathir hingga ke saat-saat akhir. Mereka tidak mahu perubahan kerana mereka rasa Datuk Seri Abdullah tidak akan mampu

untuk memimpin," kata Profesor Shamsul. Mereka hanya mengubah fikiran selepas jelas bahawa Tun Dr. Mahathir memang ikhlas untuk bersara dan pengunduran beliau tidak lagi dapat dipertahankan.

Lantas golongan yang berpandangan demikian mula berkurangan dan semakin tiada selepas tempoh Tun Dr. Mahathir bersara semakin hampir. Kebanyakan rakyat Malaysia mula menerima hakikat bahawa pemimpin datang dan pergi, manakala yang datang tidak sama dengan yang akan pergi. Golongan ini mula mengubah *mindset* masing-masing dan secara senyap-senyap mula menaruh keyakinan yang tinggi terhadap Datuk Seri Abdullah. Mereka mula melihat Datuk Seri Abdullah sebagai pemimpin yang mempunyai kualiti yang positif. Semakin hari semakin besar golongan ini. Mereka mula melihat bahawa sifat Datuk Seri Abdullah yang gemar merendah diri, tidak menonjolkan diri selagi ketua masih ada merupakan nilai kepimpinan sebenar yang patut ada pada semua. Mereka juga menerima hakikat bahawa tidak ada dua orang pemimpin yang mempunyai watak yang sama. Lantaran itu bagi mereka, Datuk Seri Abdullah tidak boleh sesekali dibandingkan dengan Tun Dr. Mahathir yang sudah 22 tahun menjadi Perdana Menteri. Mereka mempersiapkan diri mereka dengan gaya kepimpinan berbeza yang ditampilkan oleh Datuk Seri Abdullah apabila beliau berkuasa nanti. Semakin hampir 31 Oktober 2003, penerimaan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri semakin meluas. Meskipun ada yang ragu, tetapi jumlah mereka terlalu kecil. Sebahagian besar 25 juta rakyat Malaysia yang lain sudah bersedia untuk mengalu-alukan Perdana Menteri ke-5, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

## 2003: KEJUTAN MENYENANGKAN

Penerimaan awal pelbagai peringkat terhadap Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri adalah cukup positif. Memanglah mereka yang sudah biasa dengan kepimpinan Tun Dr. Mahathir, ada yang berasa kekok dan janggal melihat cara Datuk Seri Abdullah bekerja. Ada yang tersasul memanggil beliau sebagai masih Timbalan Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah sendiri, menurut cerita seorang yang rapat dengannya pada satu ketika tersasul dengan kedudukannya. Selepas diberitahu bahawa Pesawat Perdana Satu,

yang memang dikhaskan untuk Perdana Menteri, sudah bersedia untuk membawa beliau ke destinasi yang dituju, beliau bertanya balik kepada pembantu itu, "bukankah itu pesawat untuk Perdana Menteri?" Apabila beliau diperingatkan bahawa beliau sekarang ialah Perdana Menteri, beliau segera berkata "sekejap lagi kita berangkat."

Namun lama-kelamaan, rakyat menerima gaya dan pembawaan beliau sebagai Perdana Menteri. Mereka tidak lagi membandingkan Datuk Seri Abdullah dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Di sini media dan Tun Dr. Mahathir sendiri juga memainkan peranan penting. Setelah tidak lagi menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir tidak lagi bersaing untuk mendapat publisiti meluas seperti sebelum ini. Beliau berpuas hati dengan laporan biasa yang beliau peroleh. Ulasan beliau tentang banyak perkara, lebih bersifat pandangan peribadi dan bukan kenyataan dasar yang dipaksakan ke atas Perdana Menteri baru. Dengan itu, Datuk Seri Abdullah mengambil tempat utamanya di pentas politik Malaysia, serantau dan global.

Agenda kerja, arahan, dasar dan hala tuju kerajaan yang beliau umumkan untuk tempoh suku pertama sebagai Perdana Menteri pula membawa kesegaran baru terhadap cara beliau menerajui negara. Semuanya diterima dengan positif. Usaha beliau untuk membanteras rasuah, langkah memulihkan imej PDRM sebagai pengawal berwibawa dan memperbaiki sistem penyampaian khidmat kerajaan kepada rakyat, telah diterima baik. Tidak sampai tiga bulan menjadi Perdana Menteri, kolumnis *THE BIG PICTURE* dalam *New Sunday Times*, Dr. Munir Majid merumuskan bahawa "kita menyaksikan kepimpinan luar biasa daripada seorang yang telah menetapkan agenda baru nasional, yang tidak akan dipaksa oleh sesiapa, yang bertindak tegas dan mantap apabila diperlukan serta bersedia untuk berkompromi dengan tidak bertindak kasar."

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, yang satu ketika dianggap mentor Datuk Seri Abdullah dalam politik, turut kagum dengan pembawaan Datuk Seri Abdullah selepas menjadi Perdana Menteri. Bagi beliau, Datuk Seri Abdullah yang sebelum ini seolah-olah melembikkan dirinya sebagai seorang tokoh, muncul sebagai pemimpin yang terserlah dan berwibawa. Menurut beliau, rakyat telah memberi tanggapan yang baik terhadap Perdana Menteri ke-5 itu. Beliau telah membawa kejutan, tetapi menurut Tan Sri Musa, semuanya merupakan kejutan yang menyenangkan.

"Kalau sebelum ini misalnya ada banyak orang meraguinya tetapi tanggapan pertama mereka selepas Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri telah memberikan kesan yang positif," tegas beliau dalam satu temu ramah dengan *Mingguan Malaysia* pada 29 Februari 2004. Walau bagaimanapun Tan Sri Musa berkata, ujian sebenar bagi Datuk Seri Abdullah ialah selepas pilihan raya umum dan selepas pemilihan UMNO. Menurut Tan Sri Musa, "selepas itu cabaran kepada kepimpinan Abdullah akan bertambah. Itu realiti politik, realiti pentadbiran. Dalam sesbuah masyarakat yang kompleks, sudah tentu ada pelbagai masalah. Ini bergantung kepada kaliber kepimpinan dan pasukan sokongannya." Namun bagi Tan Sri Musa, Datuk Seri Abdullah setakat ini ialah seorang pemimpin yang bukan cakap lain buat lain. Beliau menjadikan kes membanteras rasuah sebagai contoh. Tan Sri Musa mengakui pada mulanya beliau sinis dengan kempen yang dimulakan oleh Datuk Seri Abdullah itu, yang dilihat lebih kurang sama dengan kempen Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) yang diperkenalkan di awal pentadbiran Tun Dr. Mahathir pada tahun 1981. Kempen BCA itu dianggap oleh Tan Sri Musa, tidak lebih sebagai satu retorik. Namun menurut pengamatan beliau, kempen membanteras rasuah Datuk Seri Abdullah ada bezanya kerana "beliau telah bertindak. Beliau telah memperkotakan katanya dan ia dikotakan begitu awal."

Dalam kata lain, Datuk Seri Abdullah yang pada mulanya dicurigai, tidak lagi dipandang sangsi akan kebolehannya untuk menerajui negara. Kini masyarakat Malaysia pada umumnya menerima beliau sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir yang berwibawa serta berupaya membawa kecemerlangan Malaysia ke puncak baru.

## PEMBANGKANG TETAP PEMBANGKANG

Parti-parti pembangkang menerima pelantikan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 sebagai sesuatu yang diperlukan dan dibenarkan oleh demokrasi berparlimen yang negara ini amalkan. Mereka menerima hakikat bahawa sebagai parti yang mempunyai majoriti di Dewan Rakyat (151 daripada 193 kerusi yang ada sewaktu mengambil alih jawatan), kuasa membentuk kerajaan adalah milik BN dan Datuk Seri Abdullah

sebagai Pengerusi BN mempunyai legitimasi untuk menjadi ketua kerajaan. Namun, penerimaan mereka hanya setakat itu saja. Selebihnya, sejak mula lagi para pemimpin pembangkang mengambil sikap tidak akan bekerjasama dengan Perdana Menteri baru itu dan menentang apa juga agenda kerja yang telah dihidangkan.

Selari dengan kedudukan mereka sebagai pembangkang, apa saja yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah seolah-olah tidak kena. Dari satu segi, pendirian mereka ini tidaklah menghairankan. Jika mereka menerima dan menyokong Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri, maka kewujudan mereka sebagai pembangkang, baik sebagai suara alternatif kepada kerajaan, mahupun sebagai pasukan yang bertindak sebagai *checks and balances* kepada kerajaan, sudah tidak lagi relevan. Mereka akan mendapati ketiadaan penyokong. Lantaran itu, parti-parti pembangkang yang bertindak sebagai "lalat", menghurungi BN dan kerajaan untuk menghindu sesuatu yang dianggap busuk. Malah ada pemerhati politik menganggap dalam kes-kes tertentu, pembangkang di negara ini lebih teruk daripada lalat kerana yang tidak busuk pun mereka anggap busuk semata-mata kerana mahu menjustifikasi peranan mereka sebagai pembangkang dalam erti kata menentang apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan.

Di kalangan parti pembangkang itu, tidak syak lagi pembangkang Melayu, terutama Pas dan Parti Keadilan Nasional yang paling lantang menyatakan tentangan terhadap apa juga yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah. Kenyataan yang dibuat oleh pemimpin mereka kepada *Mingguan Malaysia* bertarikh 8 Februari 2004, sewaktu mengulas 100 hari pentadbiran Datuk Seri Abdullah mencerminkan hakikat itu. Malah Pas mengambil sikap yang lebih dahsyat. Lidah rasminya, *Harakah* boleh dikatakan memuatkan banyak tulisan yang mengeji Datuk Seri Abdullah selaku Perdana Menteri.

## REAKSI DAP

Parti ini mengakui pendekatan Datuk Seri Abdullah yang dianggap sebagai populis, membuatkan Perdana Menteri disukai rakyat. Rakyat juga berasa selesa dengan Datuk Seri Abdullah, kata DAP, iaitu satu keadaan yang sama sewaktu Tun Dr. Mahathir mengambil alih kepimpinan negara pada 16 Julai

1981. Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock memberitahu *Mingguan Malaysia* bahawa berdasarkan pengamatan beliau, Datuk Seri Abdullah memang betul-betul mahu membawa sedikit sebanyak perubahan.

Secara lebih spesifik, beliau memuji usaha Perdana Menteri untuk memperbaiki perkhidmatan awam dengan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang telus dan bebas daripada rasuah. Akan tetapi seperti biasa, pemimpin pembangkang itu mengambil sikap yang *skeptical* terhadap perubahan yang hendak dibawa itu. Beliau menganggap perubahan-perubahan yang penting tidak akan berlaku.

Untuk menyokong hujahnya, Kerk menarik perhatian terhadap ketidak-sanggupan Datuk Seri Abdullah menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang bertanggungjawab terhadap Parlimen. Bagi beliau, penubuhan Suruhanjaya Khas Polis juga pincang kerana ia tidak diberi kuasa untuk mengkaji keganasan, rasuah, salah laku polis serta kematian dalam tahanan polis sepanjang beberapa dekad yang lalu. Bagi Kerk, selagi Datuk Seri Abdullah tidak memasukkan dalam agendanya kajian semula pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi, pendemokrasian Parlimen, pengenalan semula pilihan raya kerajaan tempatan, perubahan berani dalam dasar pendidikan dan menjadikan rakyat lebih berdaya saing, maka perubahan yang ingin dilakukan tidak akan memberi makna. Beliau juga menganggap perubahan yang ingin dibawa oleh Datuk Seri Abdullah itu diragui keberkesanannya kerana ia tidak "menangani cabaran mewujudkan hubungan antara kaum yang sejati melalui pembinaan konsensus dan dasar yang adil melaksanakan dasar-dasar yang dapat menepati cabaran era globalisasi memulihkan keyakinan terhadap kehakiman dan agensi penguatkuasa serta menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan yang baik dan memerangi kepincangan sosial."

## REAKSI PARTI KEADILAN

Sebagaimana DAP, Keadilan tidak melihat Datuk Seri Abdullah bersungguh-sungguh untuk melakukan perubahan sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Presiden parti itu, Datin Seri Wan Azizah Ismail berpendapat, agenda kerja yang diumumkan setakat ini hanya sekadar

untuk membawa sedikit kelainan daripada pentadbiran sebelum ini. Seperti DAP, Datin Seri Wan Azizah berpendapat badan kehakiman masih di takuk lama. Kewibawaannya masih belum dipulihkan. Malah bagi beliau, terbina-nya kompleks mahkamah yang diberi nama Istana Keadilan di Putrajaya hanya tersgam indah dari segi bangunan, tetapi tetap tidak mesra rakyat kerana kesukaran untuk sampai ke tempat itu. Beliau juga tidak nampak ke-upayaan Datuk Seri Abdullah untuk keluar daripada bayang-bayang Tun Dr. Mahathir. Malah Datin Seri Wan Azizah, melihat bahawa pelantikan Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tan Sri Nor Yackop sebagai Menteri Kewangan Kedua hanya mengukuhkan bayang-bayang bekas Perdana Menteri itu ke atas Datuk Seri Abdullah. Ini dikaitkan dengan hakikat bahawa Datuk Seri Najib ialah calon Timbalan Perdana Menteri oleh Tun Dr. Mahathir manakala Tan Sri Nor Yackop pula penasihat utama ekonomi dan kewangan bekas Perdana Menteri itu. Bagi Datin Seri Wan Azizah, jawatan-jawatan utama dan strategik dalam kerajaan masih dikuasai oleh orang Tun Dr. Mahathir. Sama seperti DAP, Keadilan mahu Perdana Menteri memansuhkan ISA, di samping mewujudkan kebebasan bersuara dan kebebasan media yang sebenarnya. Keadilan juga berkempen bagi mendedak Perdana Menteri supaya membebaskan Datuk Seri Anwar yang dipenjarakan di Sungai Buloh atas kesalahan homoseksual dan penyalahgunaan kuasa atau setidak-tidaknya mengadakan perbicaraan semula terhadap bekas Perdana Menteri itu. Apabila tiada petanda bahawa Datuk Seri Abdullah bersedia berbuat demikian, parti itu melihat Datuk Seri Abdullah sebagai salah seorang yang berkonspirasi dengan Tun Dr. Mahathir untuk menjahanamkan kerjaya politik Datuk Seri Anwar.

## REAKSI PAS

PAS pula secara terang-terangan mengatakan belum lagi dapat mengukur keupayaan dan prestasi sebenar Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang memberitahu *Mingguan Malaysia*, prestasi sebenar Perdana Menteri dapat dinilai selepas pilihan raya umum selesai. Beliau berkata, "Sekarang ini dalam suasana demam pilihan raya. Suhu badan tidak menentu. Mungkin selepas itu kelak, baru kita nampak

lebih jelas dalam membuat ukuran tentang prestasinya.” Bagi beliau, prestasi Datuk Seri Abdullah belum lagi boleh diukur seandainya beliau tidak menghentikan diskriminasi terhadap kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu sebelum pilihan raya 2004 serta membenarkan Pas membangunkan Islam seperti yang ia takrifkan. Selagi kemahuan Pas itu tidak dipenuhi, selagi itu pengiktirafan terhadap prestasi Perdana Menteri ke-5 ini belum boleh diberikan. Kenyataan Datuk Seri Hadi Awang ini tidaklah memerlukan. Sebagai ketua pembangkang, menjadi tanggungjawab beliau untuk memperkecilkkan apa juga pencapaian baik Datuk Seri Abdullah dan kerajaan pimpinannya. Jika beliau mengakui bahawa apa yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah sejak menjadi Perdana Menteri adalah baik, kenyataan itu akan hanya membunuh diri dan partinya dalam menghadapi pengundi pada pilihan raya umum.

Malah pendirian Presiden Pas untuk tidak mengiktiraf kekaguman rakyat terhadap Perdana Menteri baru ini, termuat dalam banyak artikel dan tulisan yang terdapat dalam lidah rasmi parti itu, *Harakah*. Boleh dikatakan tidak ada satu pun yang memuji Datuk Seri Abdullah sejak hari pertama beliau menyandang jawatan itu. Apa yang ada hanyalah tulisan-tulisan yang mengejinya dan mempersendakan Datuk Seri Abdullah. Pembawaan Datuk Seri Abdullah selepas menjadi Perdana Menteri yang diakui oleh DAP, “diterima secara selesa oleh rakyat,” cuba diperlekehkan. Apabila Datuk Seri Abdullah mengungkapkan kata-kata “kerja bersama saya bukan untuk saya,” Pas dalam salah satu tulisan oleh pengarangnya, Zulkifli Sulong, cuba memperkecilkannya dengan menyatakan, “kata-kata bukanlah sesuatu yang asli daripada Datuk Seri Abdullah”. Parti itu menganggap slogan itu sebagai sesuatu yang disumbat ke mulut Datuk Seri Abdullah. Ia mendakwa kata-kata itu telah disumbat ke mulut Perdana Menteri oleh salah seorang penasihat beliau iaitu Tan Sri Noordin Sopie, Ketua Pegawai Eksekutif ISIS Malaysia.

Pas juga memandang rendah tindakan Datuk Seri Abdullah yang mengimamkan solat, berbuka puasa bersama rakyat, dan mengucup tangan ibunya bukan imej sebenar beliau, tetapi direka oleh para pembantu yang mengelilingi beliau. Malah watak Pak Lebai dan Tuk Imam yang ditonjolkan oleh Pemangku Presiden UMNO, dianggap sebagai bermotifkan politik dengan tujuan untuk mendapat perhatian orang Melayu dan masyarakat Islam.

Apabila ahli UMNO berkempen bahawa mereka kini dipimpin oleh seorang cucu dan anak ulama tersohor tanah air (Sheikh Abdullah Fahim dan Datuk Ahmad Badawi), Pas memperlekehkannya dengan berkata, "dalam Pas bukan sahaja ramai cucu-cucu tok guru, tetapi terdapat bilangan tok guru dan bapak guru yang bukan sedikit jumlahnya. Agenda kerja Datuk Seri Abdullah yang diterima baik oleh pelbagai pihak, termasuk di luar negara, juga tidak mahu diiktiraf. Pas memberi kredit kepada menantu Datuk Seri Abdullah, Khairy Jamaluddin yang juga mantan pembantu khas beliau dan pegawai-pegawai muda lain yang mengelilingi beliau, bagi pembaharuan yang dibawa oleh Perdana Menteri. *Harakah* pada 1-15 Mac secara sinis menyatakan Khairy yang dibantu oleh (antara lain) Ahmad Zaki "telah melahirkan pelbagai pendekatan baru Abdullah dalam memulihkan imej partinya ... Khairy lebih banyak membantu memulihkan imej beliau walaupun terpaksa merosakkan imej rakan-rakan UMNO Abdullah." Keraguan juga ditimbulkan sejauh mana Datuk Seri Abdullah benar-benar serius untuk melaksanakan agenda kerja yang beliau umumkan. Kesungguhan untuk membanteras rasuah disamakan dengan konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang diperkenalkan oleh pentadbiran Tun Dr. Mahathir pada awal pentadbirannya dan dijangka tidak akan sampai ke mana. Apabila pentadbiran Datuk Seri Abdullah membenarkan Datuk Eric Chia, tokoh korporat yang menyebabkan Perwaja kerugian berjuta-juta ringgit dan seorang menteri Kabinet, Tan Sri Kasitah Gaddam yang didakwa melakukan rasuah, dihadapkan ke mahkamah, Pas mengatakan, "ia tindakan selektif." Pendek kata bagi Pas, ada saja yang tidak kena dengan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri.

Dari satu segi, sikap Pas dan parti-parti pembangkang yang lain tidaklah menghairankan. Ia menggambarkan bahawa sebagai sebuah parti yang sudah ketandusan isu, Pas akhirnya beralih kepada pembunuhan karakter seteru politiknya. Sebelum ini pun, pemimpin Pas pernah melabelkan Datuk Seri Abdullah sebagai "penjaga babi" hanya kerana sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau diamanahkan untuk mempengaruhi jawatankuasa kabinet bagi menangani wabak penyakit *Japanese Euphancelitis* (JE) yang menyerang ternakan babi. Sekiranya Pas tergamak untuk melemparkan gelaran itu terhadap seorang pemimpin negara, pelbagai usaha untuk memperkecilkan Datuk Seri Abdullah setelah menjadi Perdana Menteri seperti

yang dimuatkan dalam tulisan-tulisan dalam lidah rasminya itu, tidaklah luar biasa.

Malah bagi sesetengah pemerhati politik, tindakan Pas itu meletakkan Datuk Seri Abdullah dalam kedudukan yang lebih baik dan lebih dihormati. Menurut mereka sebagai seorang pemimpin, Datuk Seri Abdullah mempermanakan kewarasan dan keislaman yang cukup tinggi. Walaupun Pas merupakan musuh politik, beliau tidak pernah melancarkan serangan peribadi terhadap mana-mana pemimpin Pas. Beliau juga tidak mengambil sikap yang berkonfrontasi dengan Pas seperti mencaci atau memaki hamun parti itu. Bagi mereka di sinilah bezanya antara seorang pemimpin Islam yang tulen dengan seorang pemimpin Islam yang hanya memperalatkan agama untuk kepentingan politik mereka.

## PANDANGAN MEDIA ASING

Apabila dinamakan sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada 22 Jun 2003, kebanyakan media asing terutama di Barat, tidak menaruh keyakinan yang tinggi dengan kemampuan Datuk Seri Abdullah untuk menerajui Malaysia. Walaupun media Barat selalunya bersikap kritikal terhadap Tun Dr. Mahathir, sehingga ada yang menganggap beliau sebagai diktator, autoritarian dan memerintah secara kuku besi serta dianggap rejim paling menindas di Asia Tenggara selepas Myanmar, tetapi mereka mengakui perubahan dan kemajuan besar yang beliau bawa selama 22 tahun memerintah Malaysia.

Lantaran itu, apabila Tun Dr. Mahathir bersara, media asing cuba membuat pelbagai ramalan dan telahan selepas ketidaaan beliau. Mampukah pengganti beliau meneruskan kehebatan kepimpinan yang diberikan sehingga Malaysia terkenal di seluruh pelosok dunia? Atau Malaysia akan mengalami nasib yang sama seperti sebilangan negara membangun yang lain iaitu terpinggir dan tidak diambil kira dalam pergolakan dunia? Media asing yang memang suka membandingkan Tun Dr. Mahathir dengan Datuk Seri Abdullah pada peringkat awalnya ada membuat kesimpulan bahawa Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 itu akan berada pada kedudukan yang janggal. Datuk Seri Abdullah menurut mereka tidak dapat keluar, apalagi mengatasi bayang-bayang Tun Dr. Mahathir dari pelbagai sudut. Ada yang meramalkan

beliau tidak akan dapat bertahan lama. Beliau dianggap sebagai Perdana Menteri sementara bagi mengisi kekosongan kepimpinan yang ditinggalkan oleh Tun Dr. Mahathir.

Namun setelah tersedar bahawa mereka telah membuat analisis yang silap, ada yang mengubah pendirian selepas beberapa bulan Datuk Seri Abdullah menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, ada juga media yang tidak membetulkan penilaian awal mereka sehingga memberi gambaran negatif kepada audiens masing-masing tentang Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 itu. Yang sedihnya, antara tulisan yang memandang rendah terhadap Datuk Seri Abdullah itu dikarang oleh warganegara Malaysia sendiri yang menulis untuk akhbar di Barat.

## KUSAM DAN MEMBOSANKAN—WASHINGTON TIMES

Apabila jelas bahawa Tun Dr. Mahathir akan benar-benar bersara pada akhir Oktober 2003, *The Washington Times* menulis satu rencana yang bertajuk *Can Malaysia Cope without Mahathir?* Rencana ini ditulis oleh seorang wartawan Malaysia, Jasbant Singh, bersama dengan seorang lagi rakan wartawannya, Rohan Sullivan. Jasbant ialah bekas wartawan dan editor di TV3 yang diketahui rapat dengan Pengarah Operasi TV3 ketika itu, Yunus Said, yang dianggap sebagai orang penting bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tidak lama selepas Yunus berhenti di TV3, Jasbant turut meninggalkan stesen televisyen itu untuk bekerja dengan *The Star*, kemudian menyertai sebuah agensi berita asing di Kuala Lumpur sebagai korespondennya.

Rencana kedua-dua penulis itu bertujuan untuk memberitahu masyarakat Amerika tentang cabaran-cabaran besar yang tidak terpikul oleh Datuk Seri Abdullah setelah beliau menjadi Perdana Menteri. Lantaran itu, sebahagian besar rencana ditumpukan kepada kejayaan dan kegagalan Malaysia sewaktu pemerintahan Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Secara umumnya, tulisan itu mengakui keupayaan Tun Dr. Mahathir mengubah wajah Malaysia daripada sebuah negara pengeluar getah, bijih timah dan mundur ekonominya menjadi terkaya di Asia Tenggara. "Ia (Malaysia) kini mengeksport

berkapal-kapal komputer Dell dan barang perkilangan yang lain serta berbangga dengan kereta Malaysia buatan Proton yang meluncur di jalan-jalan raya, modal yang tinggi dan sebuah tv berwarna di setiap rumah di desa," kata Jasbant. Tulisan itu turut menggariskan cabaran yang dihadapi oleh pengganti Tun Dr. Mahathir dari segi politik, terutama ancaman keganasan dan pengaruh Pas yang semakin meningkat di luar bandar.

Namun seperti biasa, pencapaian yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir itu cuba diperlekehkan dengan pelbagai cara yang negatif. Antara lain, Jasbant mengatakan "rekod pembangunan Mahathir dilaksanakan dengan gaya autokratik yang memperolok-lolokkan dakwaan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi. Jasbant Singh dan Rohan Sullivan seterusnya berpendapat Tun Dr. Mahathir "secara terang-terangan memihak majoriti Melayu berbanding masyarakat Cina dan India yang besar itu. Musuh-musuh politik ditahan tanpa bicara. Para pengkritik mengatakan akhbar dan kebebasan kehakiman telah merosot dan budaya kronisme dan ketiadaan pertanggungjawaban bermaharaja lela."

Untuk menyokong hujahnya, Jasbant memetik pula pendapat seorang saintis politik Universiti Kebangsaan Malaysia, P Ramasamy sebagai berkata, "walaupun terdapat kestabilan dan pertumbuhan ekonomi, rejim Mahathir terlalu autoritarian." Yang tidak diterangkan oleh mereka ialah mengapa pembelaan terhadap bangsa Melayu diutamakan dan mengapa Dr. Mahathir ada kalanya terpaksa bertindak autoritarian kerana tidak mahu Malaysia menjadi huru-hara.

Selepas menggariskan dengan panjang lebar tentang cabaran-cabaran dalam dan luaran selama 22 tahun berkuasa, Jasbant bertanya sejauh mana pengganti Tun Dr. Mahathir boleh bertahan. Menurut Jasbant, sebagai bekas pelajar Islam yang menjadikan politik sebagai kerjayanya, Datuk Seri Abdullah berdepan dengan tugas-tugas menggerunkan dalam merintis jalannya sendiri ke atas satu sistem untuk tempoh yang lama dikuasai oleh seorang pemimpin. Bagi keperibadian Datuk Seri Abdullah pula, Jasbant dan Sullivan merumuskan bahawa jika dibandingkan dengan Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri ke-5 Malaysia itu adalah "kusam" yang juga bermaksud membosankan dan menjemukan.

## SELEPAS MAHATHIR MENURUT *THE ECONOMIST*

"After Mahathir" pula ialah tajuk tulisan yang tersiar dalam majalah mingguan ternama United Kingdom, *The Economist*, keluaran 1-7 November 2003. Tulisan ini juga turut menonjolkan kejayaan Tun Dr. Mahathir dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, menarik pelabur dan lain-lain. Pada waktu yang sama, *The Economist* juga mengambil pendirian yang kritikal terhadap gaya kepimpinan bekas Perdana Menteri itu. Tun Dr. Mahathir dianggap sebagai seorang yang mempunyai naluri *authoritarian*. Buktinya, beliau pernah memecat Ketua Hakim Negara, mengehadkan kuasa-kuasa Sultan, menahan musuh politik tanpa bicara, menyerang hak-hak asasi serta mengawal kesatuan sekerja, media, tunjuk-tunjuk perasaan dan pembangkang.

Tulisan itu merumuskan bahawa Malaysia kini boleh menjadi rejim yang paling menindas di Asia Tenggara yang bukan komunis selepas Myanmar. Tun Dr. Mahathir juga dilihat oleh *The Economist* sebagai sudah pudar semangat kebangsaannya melalui pelbagai dasar barunya sejak waktu kebelakanan ini. Hal ini termasuklah penghapusan sistem kuota ke universiti, pengenalan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah, kebenaran pelajar bukan Melayu masuk ke Maktab Rendah Sains Mara dan penghapusan pelbagai bentuk subsidi.

Dengan mengambil kira senario itu, tulisan itu berpendapat bahawa Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti akan berada di kedudukan yang janggal. Di satu pihak, beliau berjanji untuk mengekalkan semua dasar Tun Dr. Mahathir, tetapi pada waktu yang sama beliau perlu meraih sokongan orang Melayu dalam UMNO dengan memperkenalkan semula langkah-langkah yang menguntungkan Melayu yang telah dirobek-robekkan oleh Dr. Mahathir. Tulisan itu menganggap Datuk Seri Abdullah sebagai seorang yang baik, tetapi bertanya: baik, tapi apa gunanya? Malah majalah itu berpendapat Tun Dr. Mahathir sengaja memilih Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti beliau kerana "Datuk Seri Abdullah tidak mempunyai pengikut yang setia dalam UMNO dan oleh sebab itu beliau tidak akan menjadi ancaman terhadap kepimpinan Dr. Mahathir."

Alangkah simplistiknya rumusan majalah itu. Ia menggunakan kayu ukur yang tidak tepat untuk membandingkan Datuk Seri Abdullah dengan Tun Dr. Mahathir. Ia juga melihat seolah-olah politik UMNO ialah *zero sum game*. Padahal keadaan adalah sebaliknya. Politik UMNO adalah *positive sum game*. Jika *The Economist* berpandangan jauh, ia tentulah akan mempunyai penilaian yang berbeza terhadap Datuk Seri Abdullah.

Namun, untuk berlaku adil terhadap Datuk Seri Abdullah, majalah itu juga menyanjung beberapa ciri kepimpinan beliau. Sifat jujur dipuji, tetapi keraguan dibangkitkan pula dengan memetik kata pembangkang sebagai berkata, "beliau memberi perlindungan kepada syarikat yang dikuasai oleh adik dan anak beliau." Ini merupakan satu tuduhan yang sebenarnya tidak betul, tetapi sengaja diadakan untuk menimbulkan kecurigaan terhadap beliau. Disebabkan datangnya daripada sebuah majalah asing yang sumber penulisannya pula terbatas kepada tokoh-tokoh pembangkang (seperti Ezam Mohd Nor) dan ahli akademik yang kritikal terhadap kerajaan, maka paparan berat sebelah seumpama itu tidaklah memeranjatkan.

## MASIH DIBAYANGI MAHATHIR LAGI, KATA *THE ECONOMIST*

Sempena tiga bulan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri, mingguan *The Economist* keluaran 31 Januari-6 Februari 2004, sekali lagi menilai prestasi Datuk Seri Abdullah. Kali ini dengan judul *Not yet out of Mahathir's Shadow*—belum keluar daripada bayang-bayang Mahathir. Majalah mingguan terbitan London itu merumuskan bahawa walaupun Datuk Seri Abdullah telah melakukan beberapa kebaikan, tetapi Perdana Menteri baru itu masih "malu alah" dengan beberapa isu yang lebih penting. Sekali lagi, tulisan itu cuba membandingkan Datuk Seri Abdullah dengan mentornya Tun Dr. Mahathir. Mereka membuat kesimpulan, jika dibandingkan dengan Tun Dr. Mahathir, Datuk Seri Abdullah tidak bercakap lantang dan seorang tokoh yang lebih *inscrutable* (seseorang yang apabila bercakap tidak menunjukkan reaksi atau emosi sehingga sukar untuk mengetahui perasaan atau fikirannya). Tulisan itu menyatakan, "Rakyat Malaysia masih lagi mencari-cari sama ada beliau seorang reformer yang berhati-hati atau sekadar Dr. Mahathir

yang tidak bercakap banyak. Abdullah Badawi tidak berpura-pura yang beliau seorang *revolusiner* ... Beliau sekadar mencadangkan satu semakan sederhana agenda orang yang beliau ganti, lebih sedikit keterbukaan dan penanggungjawaban dalam kerajaan, mengurangkan rasuah, mengurangkan projek-projek besar yang mahal serta memberi penekanan kepada pembangunan desa."

Walaupun *The Economist* mengakui terdapat perkara-perkara positif dalam agenda pembangunan Datuk Seri Abdullah, tetapi ia berpendapat ada antaranya dilaksanakan secara tidak bersungguh-sungguh. Perkara yang dibangkitkan ialah keputusan menawarkan tender kerajaan secara terbuka yang sampai sekarang masih belum ada dasar rasmi untuk pelaksanaannya. Ia juga mempersoalkan keputusan Datuk Seri Abdullah melantik Datuk Seri Mohd Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri yang dianggap sebagai "pemimpin yang tergolong dalam kelompok lama UMNO." Pelantikan Datuk Seri Najib juga dilihat sebagai mematuhi arahan Tun Dr. Mahathir yang memang diketahui mahukan anak lelaki sulung Tun Razak Hussein itu sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Apabila keputusan Datuk Seri Abdullah menubuahkan Suruhanjaya Diraja untuk memperbaiki khidmat PDRM dan menangguhkan projek rel berkembar mendapat pujian, *The Economist* masih merasakan "sesetengah penyalahgunaan kuasa yang dilakukan ketika zaman Tun Dr. Mahathir, masih dibiarkan berjalan." Tanggapan ini merujuk kepada tindakan polis menafikan hak parti-parti pembangkang untuk mendapatkan permit bagi mengadakan rapat umum terbuka dan menyuraikan sebarang perhimpunan yang diadakan sebagai mengingkari larangan itu. Penahanan segelintir tokoh pembangkang tanpa diadili oleh mahkamah juga dijadikan sebagai contoh.

Seperti biasa, kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa tidak mendapat perbicaraan yang adil semasa zaman Tun Dr. Mahathir, dibangkitkan semula sebagai bukti kegagalan Datuk Seri Abdullah untuk membawa pembaharuan yang sebenar. Majalah itu turut meragui kemampuan Datuk Seri Abdullah membawa perubahan. Tulisan itu mengatakan "Dr. Mahathir memilih beliau sebagai timbalan kerana kesetiaannya, bukan kerana kepimpinannya. Beliau (Datuk Seri Abdullah) tidak mungkin berupaya bergayut pada kedudukannya dan seterusnya mengambil alih pimpinan jika Dr. Mahathir tidak menghalang anggota parti yang lain mencabar beliau." *The*

*Economist* juga berpendapat dari segi jangka panjang, apa yang ingin dibuat oleh Datuk Seri Abdullah mungkin tidak kesampaian, walaupun beliau dikelilingi oleh penasihat-penasihat muda yang cerdik. Majalah itu mengakhiri tulisannya dengan merumuskan, "Malangnya Abdullah Badawi tidak menunjukkan minat bagi membentulkan rekod tidak memuaskan Dr. Mahathir tentang kebebasan awam. Penasihat-penasihatnya tidak menganggapnya sebagai satu keutamaan, malah salah seorang daripadanya mengaku mereka sesungguhnya tidak mempunyai pembaharuan yang berpotensi dalam minda mereka. Lagipun, Abdullah Badawi, tidak akan menang besar dalam pilihan raya umum mendatang dengan memberi ufuk kebebasan yang lebih kepada penentang-penentang politiknya."

## **BUKAN MAHATHIR, TETAPI OKEY MENURUT FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER)**

Berbanding dengan *The Economist* dan *Washington Times*, majalah mingguan *Far Eastern Economic Review* yang berpangkalan di Hong Kong mengakui bahawa, "bagi seorang yang sudah berikrar untuk tidak melakukan perubahan segera dasar-dasar pemimpin terdahulu, Perdana Menteri baru Malaysia tidak membuang banyak masa menetapkan agendanya sendiri dan membezakan dirinya dengan Mahathir Mohamad." Leslie Lopez, penulis rencana yang berjudul "*He's No Mahathir, And That's OK*" dalam majalah keluaran 25 Disember 2003-1 Januari 2004 itu berpendapat, "Cuma baru enam minggu memegang jawatan, Abdullah telah mengejutkan perkhidmatan awam yang kuat itu dengan lawatan mengejut ke atas jabatan-jabatan yang terkenal dengan amalan-amalan yang mencurigakan dan mengakui bahawa rasuah kerajaan merupakan masalah serius yang perlu diberi perhatian. Beliau juga telah menambah program-program luar bandar untuk meraih sokongan masyarakat Melayu dari segi politik."

Keberanian beliau menangguhkan projek besar yang disukai oleh Tun Dr. Mahathir—dalam kes ini pembinaan landasan berkembar yang diputuskan oleh bekas Perdana Menteri itu beberapa minggu sebelum beliau bersara—juga mendapat perhatian majalah berkenaan. Malah keberanian Datuk Seri Abdullah memecat Tan Sri Abdullah Ahmad sebagai Ketua Pengarang

Kumpulan NSTP, seorang yang rapat dengan Tun Dr. Mahathir, atas apa juga sebab, tiga minggu selepas beliau menjadi Perdana Menteri, dilihat oleh *The Far Eastern Economic Review* sebagai satu amaran kepada semua bahawa Perdana Menteri itu tidak akan bertoleransi dengan siapa juga yang ingkar.

Secara keseluruhannya, dengan memetik pandangan ahli-ahli akademik dan pemerhati politik Malaysia, Lopez membuat kesimpulan bahawa apa yang dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah itu satu perubahan yang sihat. Rumusan majalah itu ialah sama ada apa yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah itu dirancang atau sebaliknya, beliau kini muncul sebagai seorang pemimpin yang mempunyai pendiriannya sendiri.

## **PERMULAAN YANG BAGUS BAGI PM BARU MENURUT *FINANCIAL TIMES***

Permulaan yang bagus bagi Perdana Menteri baru—itulah pendapat lidah pengarang akhbar kewangan London, *Financial Times* tentang Datuk Seri Abdullah Badawi tidak sampai tiga bulan beliau menjadi Perdana Menteri. Dalam analisis yang disiarkan pada 19 Januari 2004, akhbar itu menyatakan, "Sebagai seorang sarjana Islam dan seorang yang percaya pada permuafakatan, beliau ialah tokoh yang tepat untuk berhujah bahawa tidak ada ruang untuk mencuba resepi keagamaan Pas dalam masyarakat pelbagai etnik Malaysia yang berjaya dari segi ekonomi." *Financial Times* berpendapat Datuk Seri Abdullah tidak patut menjadi Perdana Menteri sementara seperti yang diinginkan oleh sesetengah pihak. "Beliau telah menunjukkan tekad yang patut dipuji untuk merubah Malaysia sejak mengambil alih kuasa daripada Dr. Mahathir Mohamad."

Tindakan Datuk Seri Abdullah melancarkan satu kempen membanteras rasuah, penyemakan kontrak prasarana gergasi, pemeriksaan mengejut ke atas jabatan-jabatan kerajaan yang terkenal dengan rasuah dan salah-pengurusan telah mendapat pujian *Financial Times*. Begitu juga dengan arahan beliau bagi siasatan kekejaman, ketidakcekapan dan rasuah di kalangan anggota PDRM. *Financial Times* juga mencadangkan agar Datuk Seri Abdullah memperbaiki kerosakan yang berlaku ketika pertumbuhan ekonomi dua dekad yang lalu. Ini termasuklah mewujudkan kebebasan me-

dia, menyahpolitikkan sistem keadilan dan terus-menerus memerangi rasuah serta kronisme. Penekanan beliau terhadap usaha untuk mengawal defisit belanjawan kepada lima peratus keluaran kasar dalam negara dan janji beliau untuk meningkatkan ekonomi desa, juga disentuh oleh *Financial Times*.

### **BERMULA DENGAN BAIK MENURUT INTERNATIONAL HERALD TRIBUNE (IHT)**

Akhbar *International Herald Tribune (IHT)*, seperti *Financial Times* turut mengambil sikap yang positif terhadap Datuk Seri Abdullah. Sebuah tulisan oleh pakar akhbar Asia itu, Phillip Bowring pada 12 Januari berkata, "walaupun Datuk Seri Abdullah tidak begitu mendapat perhatian media antarabangsa, tetapi sebagai Perdana Menteri, beliau memerlukan ramai dengan keberkesanannya dan keupayaan kepimpinannya." Menurut Bowring, Datuk Seri Abdullah terkenal sebagai seorang yang jujur, seorang yang percaya pada pentingnya institusi-institusi awam dan seorang yang berpegang pada pendekatan pluralistik dalam isu-isu keagamaan. "Ada kemungkinan yang munasabah bahawa kebebasan birokrasi dan kehakiman, yang terjejas di bawah Dr. Mahathir, akan pulih," tulis beliau. Bowring percaya jika Datuk Seri Abdullah terus dengan kepimpinannya itu, beliau boleh muncul sebagai pemimpin yang berwibawa di Asia Tenggara.

### **RUMUSAN**

Ternyata bahawa Datuk Seri Abdullah yang dilabelkan dengan pelbagai gelaran negatif sebelum menjadi Perdana Menteri, menampilkan kepimpinan yang sebenarnya hanya setelah benar-benar mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr. Mahathir. Di luar dugaan ramai orang, beliau muncul sebagai pemimpin yang berwibawa, berwawasan dan tidak kurang hebatnya apabila dibandingkan dengan orang yang beliau ganti. Pembawaan beliau yang *populist* diterima baik. Agenda kerja beliau dianggap menyegarkan. Perubahan-perubahan yang ingin beliau lakukan mendapat sanjungan. Ke-

sangsonian terhadap keupayaan beliau memimpin negara, lenyap dalam sekelip mata. Dalam waktu yang singkat, kepimpinan beliau membolehkan pelbagai pihak berasa senang hati. Beliau yang sebelum ini dilihat sebagai bukan bahan yang layak untuk menjadi Perdana Menteri, kini muncul sebagai pemimpin di mana rakyat boleh bergantung harap. Mereka yakin bahawa di bawah pentadbiran Datuk Seri Abdullah, pembangunan Malaysia akan diangkat ke era yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN: MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

# SEKALI AIR BAH

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN: MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI

## **BAB 3**

---

### **MEMILIH ORANG NOMBOR DUA**

Datuk Seri Abdullah menamakan orang nombor dua pilihannya dalam kerajaan pada hari ke-69 beliau menjadi Perdana Menteri. Pelantikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak itu diumumkan pada 7 Januari 2004, selepas beliau mempengaruh mesyuarat pertama Kabinet bagi tahun baru 2004. Yang di-Pertuan Agong dimaklumkan tentang pelantikan itu pada pagi hari yang sama, apabila Datuk Seri Abdullah disertai oleh Datuk Seri Najib telah menghadap baginda di Istana Negara, Kuala Lumpur. Pada mesyuarat Jemaah Menteri selepas itu, Datuk Seri Najib diperkenalkan kepada Jemaah Menteri yang lain sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau mengambil kedudukannya di sebelah kanan Datuk Seri Abdullah mulai hari itu.

Datuk Seri Najib sendiri dimaklumkan tentang pelantikan itu pada pertemuan dengan Datuk Seri Abdullah di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pada jam 5 petang sehari sebelum itu iaitu 6 Januari 2004. Selain menyerahkan surat pelantikan sebagai timbalannya, Datuk Seri Abdullah juga memberi taklimat tentang peranan Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sebaik saja pertemuan pada petang Selasa itu berakhir, berita pelantikan itu tersebar luas. Benarlah kata orang, berita yang baik tidak dapat disembunyikan daripada diketahui umum. Mulut manusia, tidak seperti mulut

tempayan, memang tidak dapat ditutup. Seperti biasa, agensi berita asing merupakan saluran yang pertama menyebarkan berita itu ke seluruh dunia. Media-media tempatan yang tidak mahu ketinggalan atau kewibawaan mereka dipertikaikan kerana tidak melaporkan desas-desus itu, turut menjadikan pelantikan Datuk Seri Najib itu sebagai berita utama di muka depan akhbar mereka.

Selepas menjadi Timbalan Perdana Menteri, kedudukan Datuk Seri Najib diperkuuhkan pula dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN). Majlis Tertinggi UMNO, pada mesyuaratnya beberapa hari kemudian, mengamanahkan beliau untuk menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan parti. Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi pula. Dengan itu, lengkaplah kedudukan beliau sebagai orang nombor dua dalam kerajaan dan parti.

## MENGAPA SETELAH LEBIH DUA BULAN

Pada sidang media ketika mengumumkan pelantikan Datuk Seri Najib, Perdana Menteri ditanya mengapa beliau mengambil masa lebih dua bulan untuk melantik timbalannya. Apakah dengan pelantikan itu, bermakna pilihan raya umum ke-11 sudah hampir? Seperti biasa, Datuk Seri Abdullah memberi jawapan standard seperti yang beliau berikan setiap kali wartawan mengajukan soalan itu kepada beliau sebelum ini. "Bahawa saya sudah katakan akan mengumumkan TPM selepas membuat keputusan mengisi jawatan tersebut. Jadi saya lakukan hari ini." Beliau juga memberitahu bahawa sepanjang tahun 2004 ini "saya akan mengadakan kunjungan ke beberapa ibu negara ASEAN untuk menemui rakan sejawatan di samping kerja-kerja sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Di samping itu, ada juga persidangan-persidangan peringkat sidang kemuncak yang akan diadakan. Jadi, adalah baik sekiranya saya mempunyai seorang timbalan."

Pada sidang media itu, Datuk Seri Abdullah ditanya apakah beliau bersa lega apabila isu pelantikan TPM sudah dibereskan. Jawapan ringkas beliau ialah "serupa itulah." Beliau juga ditanya, apakah kesan pelantikan Datuk

Seri Najib kepada UMNO dan pilihan raya umum. Beliau menjawab beliau percaya kesannya adalah baik memandangkan Datuk Seri Najib merupakan Naib Presiden nombor satu dalam UMNO.

Walau bagaimanapun, para pemerhati politik berpendapat terdapat beberapa sebab lain mengapa Datuk Seri Abdullah tidak serta-merta menamakan timbalannya (dalam kerajaan dan parti) sebaik saja beliau menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Ada yang mengatakan Datuk Seri Abdullah tidak akan menamakan timbalannya sehingga beliau mendapat petunjuk Allah S.W.T melalui sembahyang istiqarah yang beliau adakan setiap malam selepas menjadi Perdana Menteri.

Malah ada juga yang berpendapat bahawa jawatan TPM akan dibiarkan kosong sehingga pilihan raya umum ke sebelas diadakan. Langkah ini diam-bil untuk menjaga hati pelbagai pihak dan bagi memastikan perpaduan UMNO kekal utuh untuk menghadapi pilihan raya umum yang dijangka akan diadakan pada bila-bila masa saja. Dengan itu, Datuk Seri Abdullah akan hanya melantik timbalannya atau membuat sebarang perubahan kabinet, selepas pilihan raya umum selesai diadakan.

Dengan berbuat demikian, tidak ada kalangan yang akan merajuk sekiranya mereka tidak dilantik. Semua pihak terutama mereka yang mempunyai kedudukan sebagai Naib Presiden akan bekerja keras untuk membantu bos mereka mendapatkan mandat besar daripada rakyat dengan harapan selepas itu, salah seorang daripada mereka akan dilantik sebagai TPM dan seterusnya menjadi orang nombor dua dalam parti.

Kalangan yang mengajukan pandangan ini berkata, sekiranya pada pilihan raya itu, Datuk Seri Abdullah memperoleh kemenangan cemerlang daripada apa yang dicapai oleh Tun Dr. Mahathir pada pilihan raya umum November 1999, maka kejayaan itu akan memberi kebebasan kepada beliau untuk melantik siapa saja menganggotai Kabinetnya. Kata mereka lagi, bukankah ketiga-tiga orang Naib Presiden UMNO sudah berjanji akan menerima siapa saja yang dilantik oleh Datuk Seri Abdullah sebagai TPM pada Perhimpunan Agung UMNO 2003? Oleh sebab Datuk Seri Abdullah memilih Datuk Seri Najib sebagai orang nombor duanya, maka pandangan itu terbukti meleset.

Sebab yang lebih logik, tetapi tidak ditanyakan oleh para wartawan mengapa masa yang lebih lama diperlukan untuk menamakan TPM ialah hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah ingin membina imej dan merintis jalan

awalnya terlebih dahulu sebagai Perdana Menteri melalui pengumuman-pengumuman dasar, hala tuju dan arahan dalam tempoh 100 hari beliau menyandang jawatan itu. Sebagaimana yang umum ketahui, sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri, malah selepas beliau dinamakan oleh Tun Dr. Mahathir sebagai pengganti beliau pada 22 Jun 2002. Datuk Seri Abdullah tidak memperlihatkan taringnya sebagai seorang pemimpin yang mempunyai agenda perjuangan dan wawasannya yang tersendiri. Malah beliau juga dianggap sebagai pemimpin yang tidak mempunyai wawasan oleh seseorang pihak. Dengan itu, ada pihak yang tidak begitu yakin dengan kebolehan beliau untuk menerajui Malaysia. Juga ada yang berpendapat akan terdapat lopang besar dari segi kepimpinan apabila beliau menjadi Perdana Menteri.

Oleh itu, sebaik saja menjadi Perdana Menteri, tugas utama Datuk Seri Abdullah, kata golongan ini, ialah membuktikan kepada pengkritik bahawa segala tanggapan negatif mereka terhadap beliau adalah tidak tepat. Ini dilakukan melalui pengumuman-pengumuman beliau kepada umum setelah mengambil alih pimpinan kerajaan daripada Tun Dr. Mahathir yang nyata diterima secara memberangsangkan. Pembawaan dan gaya kepimpinannya serta hala tuju yang diperkenalkan, mungkin berbeza jika dibandingkan dengan Perdana Menteri sebelum ini. Akan tetapi sebagai seorang pemimpin, Datuk Seri Abdullah kini tidak dinafikan mempunyai wawasannya tersendiri untuk memajukan bangsa, agama dan negara. Pelbagai pihak kini mengakui hakikat itu. Malah media asing seperti *Financial Times, London, International Herald Tribune* mengiktiraf Datuk Seri Abdullah sebagai seorang Perdana Menteri yang berwibawa.

Untuk membina tapaknya tersendiri dalam peta politik Malaysia dan antarabangsa itu, Datuk Seri Abdullah tidak mahu dibayangi oleh sesiapa, termasuklah timbalannya sendiri. Oleh sebab itulah, beliau membiarkan jawatan TPM kosong bagi membolehkan beliau menghuraikan agenda perjuangannya. Selepas beliau pasti bahawa apa yang ingin dilakukan untuk bangsa dan negara itu diterima umum, barulah beliau mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ini dilakukan 69 hari selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Dengan itu, persoalan Timbalan Perdana Menteri ingin bersaing dengan Perdana Menteri tidak timbul.

## MELANTIK TPM —PROSES PEMILIHAN

Bercanggah dengan pengetahuan umum, Timbalan Perdana Menteri bukanlah satu kedudukan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Dalam undang-undang dasar negara ini, tidak ada dicatat di mana-mana tentang jawatan TPM. Ia hanyalah kedudukan yang diwujudkan oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman untuk tujuan pentadbiran bagi membantu beliau melaksanakan tugas-tugas Perdana Menteri. Kedudukan itu juga kemudian digunakan untuk menentukan siapa orang nombor dua dalam hierarki kerajaan selepas Perdana Menteri. Dengan itu, sekiranya Datuk Seri Abdullah ingin menyimpang daripada kebiasaan dengan memberikan kedudukan itu kosong, perbuatannya itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Namun begitu, beliau tidak berhasrat untuk berbuat demikian. Beban tugas yang banyak tidak memungkinkan beliau membiarkan dirinya tanpa timbalan.

Lagipun dalam konteks politik Malaysia, meskipun TPM bukan jawatan dalam Perlembagaan negara, tetapi kedudukan itu sudah diterima umum sebagai tanda untuk menentukan hierarki kepimpinan negara. Siapa juga yang menjadi TPM, apabila Perdana Menteri yang sedia ada berhenti, bersara atau meninggal dunia, dia akan mengambil alih kepimpinan kerajaan. Kedudukan itu, tidak seperti di United Kingdom. Di negara itu, TPM hanya sekadar orang nombor dua kepada Perdana Menteri yang sedia ada. Contohnya, Perdana Menteri United Kingdom sekarang ialah Tony Blair, manakala timbalan beliau ialah John Prescott. Apabila Blair berhenti sebelum tempohnya menjadi Perdana Menteri habis, John Prescott secara automatik tidak akan menjadi Perdana Menteri. Malah sebagai timbalan, beliau langsung tidak berpotensi menjadi Perdana Menteri. Apa yang akan berlaku jika terjadi kekosongan pimpinan ialah parti yang mempunyai majoriti dalam Parlimen United Kingdom—dalam kes ini Parti Buruh—akan memilih seorang ketua baru. Maka ketua baru itulah yang akan menjadi Perdana Menteri.

Di Malaysia budaya politiknya tidak sama seperti di United Kingdom. Penyandang kedudukan Timbalan Perdana Menteri diterima oleh umum sebagai orang yang akan menggantikan Perdana Menteri. Oleh itu, kalangan yang bercita-cita besar dalam politik, biasanya tidak akan menyembunyikan

keinginan untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Hal ini kerana mereka tahu selepas sampai ke jawatan itu, kedudukan yang menunggu beliau kalau tidak disingkirkan atau diketepikan ialah Perdana Menteri. Dalam konteks politik Malaysia sekarang, di mana Barisan Nasional berkuasa, orang yang layak dipertimbangkan ke jawatan itu sekiranya berlaku kekosongan hanya terhad kepada mereka yang menduduki jawatan Naib Presiden UMNO, sekiranya mereka belum lagi menjadi Timbalan Presiden UMNO.

Seramai lapan orang yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri melalui proses itu. Timbalan Perdana Menteri yang pertama, Tun Abdul Razak Hussein telah dilantik ke kedudukan itu, kerana ketika itu beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO. Jika terdapat kekosongan jawatan Timbalan Presiden dan pada waktu yang sama pula terdapat keperluan untuk melantik Timbalan Perdana Menteri, maka yang akan dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan itu ialah salah seorang Naib Presiden UMNO. Hal ini berlaku pada tahun 1973 berikutan kematian Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang ketika itu menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Perdana Menteri ketika itu, Tun Razak pula melantik Tun Hussein Onn, salah seorang Naib Presiden UMNO, menjadi Timbalan Perdana Menteri yang seterusnya disahkan sebagai Timbalan Presiden UMNO. Tiga tahun kemudian, proses yang sama berulang. Berikutan kematian Tun Abdul Razak pada 14 Januari 1976, Tun Hussein dilantik menjadi Perdana Menteri. Manakala beliau pula melantik salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO, iaitu Tun Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Datuk Seri Abdullah turut mengalami proses yang sama. Beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri atas sifatnya sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO.

Apa yang menariknya ialah Naib Presiden yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri itu tidak semestinya tokoh yang mendapat tempat pertama pada pemilihan parti. Malah Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir, Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Abdullah bukannya Naib Presiden nombor satu apabila mereka dilantik ke jawatan TPM. Tun Hussein, Tun Mahathir dan Tun Ghafar merupakan Naib Presiden nombor tiga; manakala Datuk Seri Abdullah ialah Naib Presiden nombor dua. Walau bagaimanapun, Datuk Seri Najib

menjadi Naib Presiden nombor satu yang pertama dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam sejarah politik negara, hanya tiga orang tokoh yang terlebih dahulu menjadi Timbalan Presiden UMNO yang kemudian dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Mereka ialah Tun Razak Hussein, Tan Sri Musa Hitam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tan Sri Musa Hitam dilantik sebagai TPM pada tahun 1981 selepas beliau menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah pada pemilihan Presiden UMNO. Datuk Seri Anwar Ibrahim pula dilantik orang nombor dua dalam kerajaan selepas menewaskan Tun Ghafar Baba pada pertandingan Timbalan Presiden pada pemilihan UMNO 1993.

## MENERUSKAN TRADISI ATAU SEBALIKNYA

Dalam menamakan TPM, dari segi teori, Datuk Seri Abdullah boleh memilih siapa saja untuk ditempatkan pada kedudukan itu. Sebagaimana yang dinyatakan, TPM bukannya jawatan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. TPM hanya sekadar salah satu jawatan yang diwujudkan dalam Jemaah Menteri sebagai isyarat bahawa beliau ialah orang nombor dua negara. Oleh sebab itu, pelantikannya tidak memerlukan orang berkenna mengangkat sumpah secara berasingan sekiranya dia sudah menganggotai Kabinet. Cukup sekadar pelantikan itu dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong seperti yang dilalui oleh Datuk Seri Najib pada 7 Januari 2004. Beliau dibawa oleh Datuk Seri Abdullah untuk secara rasmi diperkenalkan sebagai TPM. Tidak ada upacara angkat sumpah jawatan atau menyimpan rahsia. Majlis angkat sumpah hanya dilakukan sekiranya tokoh yang dilantik sebagai TPM itu bukan seorang anggota Kabinet seperti yang terjadi pada Tun Ghafar Baba pada tahun 1986. Itu pun sewaktu pelantikannya, beliau tidak mengangkat sumpah sebagai TPM, tetapi sekadar sebagai salah seorang anggota Jemaah Menteri Malaysia. Atas rasional ini juga, setiap kali seorang menteri bertukar portfolio, beliau tidak lagi perlu mengangkat sumpah jawatan untuk kedudukan barunya itu.

Oleh sebab TPM bukan jawatan yang diwajibkan oleh Perlembagaan Persekutuan, maka jika kekosongan itu tidak diisi, Datuk Seri Abdullah sebenarnya tidak melakukan apa-apa kesalahan. Malah pada ketika-ketika

tertentu, ada pandangan yang diketengahkan bahawa Perdana Menteri mungkin membiarkan jawatan itu kosong memandangkan ia bukan satu keperluan Perlembagaan. Namun, pandangan itu segera ditolak oleh Datuk Seri Abdullah. Sewaktu ditanya bila beliau akan melantik TPM, jawapannya adalah sama, "beri saya masa dan apabila tiba waktunya saya sudah bersedia untuk mengisinya, saya akan beritahu anda semua." Dalam kata-kata lain, beliau tidak mahu dipaksa oleh mana-mana pihak, termasuk oleh bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir, bagi membuat pelantikan.

Malah Tun Dr. Mahathir sendiri yang pada satu ketika seolah-olah cuba mempengaruhi Datuk Seri Abdullah supaya melantik Datuk Seri Najib ke jawatan itu tidak lama selepas beliau menyatakan hasrat untuk bersara pada 22 Jun 2002, akhirnya mengakui bahawa melantik TPM ialah budi bicara mutlak Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Pada mulanya Tun Mahathir apabila beberapa kali diminta pandangannya siapakah yang layak menjadi TPM menyebut nama Datuk Seri Najib. Akan tetapi, apabila Datuk Seri Abdullah menyatakan beliau hanya akan menamakan TPM selepas beliau menjadi Perdana Menteri, maka Tun Dr. Mahathir sendiri mengubah pendirian dengan tidak melobi sesiapa. Beliau menyerahkan kepada Datuk Seri Abdullah untuk memilih timbalannya.

Kenyataan ini membayangkan bahawa sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah mempunyai kebebasan untuk memilih siapa saja dan melantiknya apabila beliau berasa sudah tiba waktunya. Dari segi teori, dalam melantik TPM ini, beliau boleh berpegang pada tradisi. Malah kalau beliau mempunyai kekuatan politik yang luar biasa hebatnya, beliau juga boleh menyimpang daripada norma atau tradisi UMNO.

Tradisi dalam konteks melantik TPM apabila berlaku kekosongan ini merujuk kepada amalan Perdana Menteri sebelum ini. Mereka melantik salah seorang Naib Presiden UMNO ke jawatan itu. Dari segi perlembagaan UMNO pula, terdapat tiga naib presiden yang dipilih secara langsung oleh para perwakilan ke Perhimpuan Agung UMNO dan tiga yang lain juga bertaraf Naib Presiden atas sifat mereka sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda UMNO dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO. Lazimnya, pemilihan itu hanya dibataskan terhadap tiga Naib Presiden yang dipilih secara langsung. Mereka ialah Datuk Seri Najib, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Walau bagaimanapun, pemilihan

Datuk Seri Abdullah akhirnya hanya tertumpu kepada dua orang iaitu Datuk Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin. Tan Sri Muhammad, bekas Menteri Besar Selangor, tidak termasuk dalam pemilihan kerana beliau bukannya seorang ahli Parlimen. Ini memandangkan Timbalan Perdana Menteri juga merupakan jawatan yang disandang oleh kalangan yang mempunyai kerusi di Dewan Rakyat.

Pada peringkat awal, pelbagai persoalan timbul apakah Datuk Seri Abdullah akan berpegang atau menyimpang daripada tradisi dalam memilih TPM. Ada pula yang mengatakan, oleh sebab ketiga-tiga Naib Presiden UMNO sudah berikrar untuk akur dengan siapa saja yang dinamakan oleh Datuk Seri Abdullah, maka ada kalangan yang mahu melihat beliau keluar daripada tradisi dalam memilih TPM iaitu dengan melantik kalangan yang bukan Naib Presiden. Latar belakang inilah yang barangkali menimbulkan desas-desus bahawa Datuk Seri Utama Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, turut dipertimbangkan untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sejauh mana desas-desus ini benar, hanya Datuk Seri Abdullah yang tahu.

Barangkali beliau juga terfikir tentang perkara itu, tetapi beliau sendiri mungkin menyedari implikasi politik terhadap dirinya jika mengambil jalan itu. Pengalaman bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn barangkali dijadikan renungan dan sandaran dalam membuat keputusan sama ada mahu menyimpang atau berpegang pada tradisi dalam melantik TPM. Tun Hussein sekawtu ingin memilih TPM setelah beliau menjadi Perdana Menteri pada awal 1976, pernah menimbang kemungkinan melantik salah seorang menteri *favourit*nya, Tan Sri Ghazali Shafie iaitu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Kabinet Tun Razak sebagai TPM dengan mengetepikan tiga Naib Presiden yang ada ketika itu iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, Tun Ghafar Baba dan Tun Dr. Mahathir. Walau bagaimanapun, ura-ura beliau itu mendapat tentangan daripada ketiga-tiga orang Naib Presiden itu. Mereka telah bertemu dengan Tun Hussein dan memberitahu bahawa salah seorang daripada mereka hendaklah dilantik sebagai TPM. Jika tidak, mereka tidak akan menyertai Kabinet yang dibentuk oleh Tun Hussein.

Tun Hussein, yang dari segi politik barangkali berasaskan dirinya tidak kuat, akhirnya melantik Tun Dr. Mahathir sebagai TPM. Tengku Razaleigh Hamzah dilantik sebagai Menteri Kewangan. Tun Ghafar Baba dilantik seba-

gai Menteri Pertanian, tetapi menolak jawatan itu kerana merasakan beliau merupakan Naib Presiden paling kanan dan dengan itu patut dilantik menjadi TPM. Datuk Seri Abdullah juga agaknya tidak mahu *backlash* politik yang bukan-bukan, terutama pada waktu beliau sedang memperkuuhkan UMNO untuk menghadapi pilihan raya umum yang mesti diadakan sebelum akhir tahun 2004. Lantaran itu, beliau meneruskan tradisi UMNO dengan melantik salah seorang Naib Presiden parti sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ini merupakan satu keputusan yang diterima umum sebagai mengukuhkan kedudukannya dari segi politik dalam UMNO.

## MENGAPA AKHIRNYA NAJIB, BUKAN MUHYIDDIN ATAU ...

Meskipun ingin berpegang kepada tradisi UMNO, mengapa yang dipilih Datuk Seri Najib, bukannya Tan Sri Muhyiddin? Membangkitkan persoalan ini selepas Datuk Seri Najib dilantik orang nomor dua, mungkin dianggap sebagai tidak relevan. Akan tetapi pada satu ketika, bagi sesetengah pemerhati politik, Datuk Seri Abdullah lebih condong untuk melantik Tan Sri Muhyiddin, sebagai TPM. Sekali lagi benar atau tidak, atau sekadar cakap-cakap politik penyokong Muhyiddin, hanya Datuk Seri Abdullah saja yang tahu.

Perkara ini timbul pada mulanya kerana setelah dilantik sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah sedikit pun tidak mahu membayangkan siapa pilihan beliau. Malah ada yang berkata, jika Datuk Seri Najib ingin dilantik, mengapa ia tidak dilakukan serta-merta. Mengapa perlu ditunggu lebih lama? Maka kesimpulan dibuat bahawa Datuk Seri Abdullah sebenarnya mempunyai calon lain, selain Datuk Seri Najib, untuk menjadi TPM.

Lalu ditimbulkan cerita bahawa Datuk Seri Abdullah tidak selesa dengan Datuk Seri Najib yang dikhabarkan sebagai mempunyai pengaruh besar dalam UMNO. Hakikat ini jelas apabila Datuk Seri Najib memenangi kedudukan pertama sebagai Naib Presiden pada pemilihan UMNO selama dua kali berturut-turut (pada 1996 dan 2000) dan ini membuktikan *supremacy* beliau dalam UMNO. Hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah sendiri menduduki tempat kedua sebagai Naib Presiden pada pemilihan 1996,

membuktikan pengaruh Datuk Seri Najib dalam parti adalah cukup besar untuk mencabar kepimpinan Datuk Seri Abdullah. Lalu pencacai-pencacai politik menyebarkan bahawa sekiranya ada satu tokoh yang boleh mengancam kedudukan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO, maka tokoh itu ialah Datuk Seri Najib. Jika pun Datuk Seri Najib dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipercayai beliau akan menggunakan kedudukan itu untuk menjatuhkan Datuk Seri Abdullah dalam waktu yang singkat. Dalam keadaan itu, Datuk Seri Abdullah tidak mungkin melantik Datuk Seri Najib sebagai timbalannya.

Tindakan Datuk Seri Abdullah menamatkan khidmat Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Tan Sri Abdullah Ahmad yang memang diketahui berkempen kuat melobi Datuk Seri Najib menjadi TPM, seolah-olah mengukuhkan tanggapan bahawa pilihan Datuk Seri Abdullah bukanlah Datuk Seri Najib. Tan Sri Abdullah, yang pernah menjadi Setiausaha Politik Tun Abdul Razak ketika menjadi Perdana Menteri, terang-terangan berkempen untuk Datuk Seri Najib melalui tulisan-tulisannya dalam akhbar-akhbar yang beliau kuasai khususnya *The New Straits Times*, *The New Sunday Times*, *Berita Harian* dan *Berita Minggu*. Malah dalam ceramah-ceramahnya beliau membayangkan sekiranya Datuk Seri Abdullah tidak melantik Datuk Seri Najib sebagai TPM, BN akan mengalami kekalahan di Pahang, kesukaran untuk mendapatkan majoriti dua pertiga di Kedah dan langsung tiada harapan untuk menawan Kelantan dan Terengganu yang dikuasai oleh PAS. Akan tetapi, seperti yang dijelaskan sendiri oleh Datuk Seri Abdullah, penamatkan khidmat Tan Sri Abdullah tidak ada kena-mengena dengan politik dalam UMNO atau siapa yang beliau sokong untuk menjadi TPM. Sebaliknya, khidmat beliau ditamatkan kerana tulisan beliau tentang keluarga diraja Arab Saudi telah mendapat bantahan Riyadh dan jika suatu tindakan tidak diambil, ia boleh mengeruhkan hubungan antara Kuala Lumpur dengan Riyadh.

Di kalangan sesetengah pihak, penjelasan itu tidak dapat diterima. Penyingkiran Tan Sri Abdullah itu tetap dikaitkan dengan usaha beliau melobi Datuk Seri Najib sebagai TPM. Hakikat bahawa tempat Tan Sri Abdullah diganti dengan Datuk Kalimulah Hassan, bekas Pengurus Agensi Berita Nasional (BERNAMA), dilihat oleh sesetengah pihak sebagai usaha Perdana Menteri untuk terus memperkuatkannya dalam media yang dikuasai oleh UMNO.

Tidak cukup dengan itu. Kemudian ditimbulkan pula cerita yang bukan-bukan, kononnya Datuk Seri Najib tidak mungkin dilantik kerana isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan isteri Datuk Seri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmod tidak sehaluan. Mereka juga dikatakan tidak bertegur sapa. Golongan ini mendakwa Datin Seri Endon akan mempengaruhi suaminya supaya meminggirkan Datuk Seri Najib — cakap-cakap yang terbukti tidak betul. Datin Seri Endon dan Datin Seri Rosmah masing-masing pernah membuat pengakuan bahawa cakap-cakap yang menyatakan mereka tidak bertegur sapa adalah fitnah semata-mata. Datin Seri Endon juga dalam satu temu ramah dengan akhbar *The Star* sempena 100 hari suaminya menjadi Perdana Menteri memberitahu, beliau tidak campur dalam urusan melantik TPM. Menurut beliau, pelantikan timbalan dibuat oleh Datuk Seri Abdullah berdasarkan pada pertimbangan untuk memajukan agama, bangsa, dan negara. Datin Seri Rosmah pula memberitahu akhbar yang sama bahawa "saya dan Datin Seri Endon bekerjasama dengan baik terutama dalam BAKTI iaitu Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri. Kami sama-sama profesional dan saya menghormati beliau sebagai Wanita Pertama dan bos saya dalam BAKTI." (*Sunday Star*, 23 Mei 2004).

Selaku Naib Presiden nombor satu UMNO, Datuk Seri Najib tidak syak lagi mempunyai dua kualiti yang digariskan oleh Datuk Seri Abdullah untuk menjadi timbalannya iaitu membantu Perdana Menteri dan berupaya memberi kepimpinan yang terbaik sewaktu Datuk Seri Abdullah menguruskan sendiri hubungan luar di pentas dunia. Persoalannya yang ditimbulkan ialah sebagai seorang ahli politik yang bercita-cita besar dan mempunyai jaringan yang luas dalam UMNO, bersediakah Datuk Seri Najib untuk menjadi timbalan yang setia kepada Datuk Seri Abdullah? Dan untuk berapa lama? Atau beliau akan menjadi seperti Tan Sri Musa dan Datuk Seri Anwar yang secara langsung atau tidak langsung menggunakan kedudukan Timbalan Perdana Menteri yang diberikan oleh bos mereka, untuk mengancam kedudukan Perdana Menteri itu sendiri?

## REAKSI NAJIB

Walaupun baru berusia 50 tahun sewaktu dilantik sebagai TPM, Datuk Seri Najib sebenarnya kaya dengan pengalaman dalam politik UMNO. Selama 28

tahun sebagai pemain dalam politik, beliau telah menyaksikan pelbagai peristiwa yang mematangkan dirinya sebagai ahli politik. Beliau memulakan kerjaya politik secara tidak dirancang pada awal 1976, berikutan kematian ayahandanya, Tun Abdul Razak, yang juga Perdana Menteri kedua. Menyahut desakan para penyokong bapanya yang mahu beliau bertanding pada kerusi Parlimen Pekan di Pahang, maka beliau melepaskan jawatannya sebagai Pengurus Hal Ehwal Awam di Petronas. Dalam pilihan raya kecil itu, beliau menang tanpa bertanding dan muncul sebagai Ahli Parlimen paling muda pada usia 22 tahun.

Selepas itu, beliau tidak menoleh ke belakang lagi. Setelah bergelar wakil rakyat, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi. Kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Pada pilihan raya umum 1978, beliau bertanding kerusi negeri dan dilantik sebagai Menteri Besar. Selepas dua penggal di Pahang, beliau kembali bertanding di kerusi Parlimen pada pilihan raya 1986. Beliau dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan, kemudian berpindah sebagai Menteri Pendidikan sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Menteri Pertahanan.

Dalam politik UMNO pula, seperti Datuk Seri Abdullah, beliau naik setapak demi setapak dari bawah. Beliau memulakan kerjayanya di peringkat nasional dengan menjadi Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, kemudian menjadi Naib Ketuanya dan seterusnya Ketua Pergerakan Pemuda. Pada tahun 1993, beliau terpilih sebagai Naib Presiden UMNO – iaitu kedudukan yang berjaya dipertahankan pada pemilihan 1996 dan 2000. Pada pemilihan 1993, beliau mendapat tempat nombor dua pada pemilihan Naib Presiden. Pada pemilihan 1996 dan 2000, beliau mendapat tempat pertama. Kedudukan itu mengesahkan bahawa dalam UMNO, selain Presiden dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib ialah tokoh ketiga yang paling popular. Ini memandangkan hakikat itu sudah diuji tiga kali melalui pertandingan.

Oleh itu, apabila berlaku kekosongan jawatan TPM berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998, para penyokong Datuk Seri Najib merasakan bahawa beliau merupakan tokoh yang paling layak untuk kedudukan itu. Selepas mengekalkan diri sebagai Naib Presiden UMNO paling popular dua kali berturut-turut, mereka berpendapat Datuk Seri Najib paling layak menjadi TPM. Walau bagaimanapun, atas sebab-

sebab yang tidak dijelaskan, Tun Dr. Mahathir menamakan Datuk Seri Abdullah sebagai TPM. Meskipun beliau menerima keputusan itu dengan baik, tetapi para penyokongnya tidak dapat menyembunyikan kekecewaan mereka.

Dengan itu, apabila Tun Dr. Mahathir mengumumkan hasratnya untuk bersara pada 22 Jun 2002 dan menamakan Datuk Seri Abdullah sebagai penggantinya, para penyokong Datuk Seri Najib menyatakan Datuk Seri Abdullah tiada pilihan kecuali melantik Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ada antara mereka yang melompat tinggi apabila Tun Dr. Mahathir sendiri mengemukakan pandangan bahawa selepas Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib wajar dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tun Dr. Mahathir beberapa kali mengulang cadangan itu. Namun, apabila Datuk Seri Abdullah membuat pendirian tidak akan menamakan timbalannya sehingga beliau menjadi Perdana Menteri, maka Tun Dr. Mahathir akhirnya menerima hakikat bahawa kuasa melantik TPM ialah hak mutlak Perdana Menteri semasa.

Para penyokong Datuk Seri Najib jelas ada yang kecewa dengan keeng-ganan Datuk Seri Abdullah menerima cadangan Tun Dr. Mahathir supaya menamakan Datuk Seri Najib sebagai TPM. Manakala Datuk Seri Najib sendiri menghadapi keadaan yang tidak menentu itu dengan tenang. Sebagaimana Tun Dr. Mahathir, beliau membuat kenyataan menyerahkan sepenuhnya pelantikan TPM kepada Datuk Seri Abdullah. Pada Perhimpunan Agung UMNO 2003, ditekan oleh keadaan yang mahu melihat pelantikan TPM menjadi isu yang diserahkan sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah, maka Datuk Seri Najib bersama-sama dengan dua Naib Presiden yang lain iaitu Tan Sri Muhyiddin dan Tan Sri Muhammad, berjanji untuk menerima siapa saja di antara mereka sebagai pilihan Datuk Seri Abdullah. Namun, Datuk Seri Najib tidak menyembunyikan harapan bahawa sebagai Naib Presiden nombor satu, pilihan Datuk Seri Abdullah tentulah diri beliau sendiri. Malah beliau pernah mengeluarkan kenyataan terbuka bahawa beliau ada mendengar desas-desus bahawa pilihan pertama Datuk Seri Abdullah untuk menjadi TPM ialah dirinya sendiri.

Desas-desus itu akhirnya terbukti betul. Apabila beliau dilantik sebagai TPM, pengumuman itu tidaklah dianggap sebagai satu kejutan besar kerana pelantikan tersebut sudah diduga. Kejutan besar hanya berlaku jika Datuk Seri Najib tidak dilantik sebagai TPM.

Datuk Seri Najib yang menerima surat pelantikan beliau pada petang 6 Januari 2004, segera memaklumkan berita gembira itu kepada bondanya, Tun Rahah Noah, isterinya, Datin Rosmah dan orang yang rapat dengannya. Akan tetapi, mereka diminta supaya merahsiakan pelantikan itu sehingga pengumuman rasmi dibuat pada 7 Januari 2004, selepas Datuk Seri Abdullah memaklumkannya secara rasmi kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada mesyuarat Jemaah Menteri pada pagi itu. Akhbar-akhbar yang turut menghidu berita pelantikan itu cuba menghubungi pejabat Perdana Menteri untuk pengesahan, tetapi tidak seorang pun berani untuk mengatakan "ya" atau "tidak". Sebaliknya berita pelantikan itu disebarluaskan pertama kalinya oleh *Reuters*, yang memetik sumber-sumber yang tidak mahu identitinya dikenalalinya. Dengan memetik *Reuters*, media tempatan melaporkan berita itu sebagai berita utama media masing-masing.

Setelah 28 tahun bertahan dalam UMNO, bermula daripada peringkat yang rendah sehinggalah menjadi Naib Presiden, Datuk Seri Najib tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya dengan pelantikannya sebagai TPM. Selain menyatakan terima kasih kepada Datuk Seri Abdullah di atas kepercayaannya untuk menjadi timbalan beliau, Datuk Seri Najib turut menzahirkan kesyukurannya terhadap Ilahi kerana mentakdirkan beliau menjadi TPM, mengikut jejak ayahnya satu waktu dulu. Sebagai seorang yang menerima pelantikannya itu dengan penuh tawaduk, Datuk Seri Najib mengadakan majlis tahlil kesyukuran yang turut disertai oleh 500 orang para penyokongnya.

Namun begitu, sebagai seorang yang mempunyai pengalaman luas dalam politik peringkat tertinggi, Datuk Seri Najib segera mengingatkan dirinya dan para penyokongnya bahawa pelantikan beliau itu merupakan satu amanah berat untuk membantu Perdana Menteri melaksanakan agenda dan wawasannya. Tidak seperti Tan Sri Musa Hitam yang menganggapnya dirinya setara dengan Perdana Menteri setelah dilantik TPM sehingga seronok dengan gelaran kerajaan 2M (Mahathir-Musa), Datuk Seri Najib nampaknya mengambil sikap yang berbeza.

Pada sidang akhbar pertamanya selepas dilantik sebagai TPM pada 7 Januari 2004, Datuk Seri Najib berkata, "Saya berazam untuk menjadi seorang timbalan yang dapat membantu Datuk Seri Abdullah dengan sebaik mungkin, melaksanakan segala agenda kerajaan dan dasar yang telah ditent-

tukan oleh Perdana Menteri. Ini termasuklah mewujudkan kerajaan yang lebih efisien, memerangi habis-habisan gejala rasuah dan menentukan pelaksanaan sistem yang lebih cekap. Oleh itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa saya akan membantu Perdana Menteri dalam mentadbir negara supaya cita-citanya untuk membawa negara kita ke arah yang lebih maju, gemilang dan terbilang, insya-Allah akan menjadi kenyataan."

Untuk melaksanakan tanggungjawab itu, Datuk Seri Najib berjanji beliau akan taat setia kepada Datuk Seri Abdullah kerana menurut beliau, kesetiaan merupakan elemen penting yang harus ada pada seorang timbalan kepada Perdana Menteri, selain kesanggupan bekerja dengan penuh dedikasi dan kemampuan melaksanakan kerja yang patut dilakukan. Beliau sedar cabaran yang bakal dihadapinya bukan mudah, namun beliau percaya ia mampu dicapai dengan doa dan kerjasama semua pihak.

Soal setia kepada ketua ini terus menjadi tema kenyataan Datuk Seri Najib beberapa hari selepas pelantikannya. Dalam satu temu ramah dengan *Berita Harian*, 10 Januari 2004, beliau menggariskan tiga faktor sebagai bukti kesetiaan beliau kepada Datuk Seri Abdullah. "Pertamanya ialah saya senantiasa ingat bahawa saya ialah nombor dua dan perlu setia kepada ketua. Kedua, saya juga mengingatkan penyokong saya supaya jangan cuba mempunyai agenda besar. Ketiga, saya menasihatkan mereka yang fikir boleh memecahkan hubungan saya dengan Datuk Seri Abdullah supaya melupakan hasrat itu kerana mereka tidak akan berjaya."

Dalam temu ramah dengan *Mingguan Malaysia* yang disiarkan pada 11 Januari 2004, soal setia kepada ketua sekali lagi ditimbulkan. Walaupun cuba diperangkap dengan pelbagai pertanyaan, Datuk Seri Najib tetap tidak berganjak bahawa kesetiaan terhadap orang yang melantik beliau sebagai TPM tidak akan berubah. Beliau juga berazam untuk menjalin hubungan yang selesa dengan Perdana Menteri. Kata beliau, "Saya menerima bahawa agenda politik dan agenda kerajaan mestilah ditentukan oleh Perdana Menteri, bukan oleh timbalannya. Timbalannya bertanggungjawab untuk membantu memastikan segala agenda politik dan kerajaan itu dilaksanakan dengan berkesan sehingga matlamatnya tercapai."

Dalam temu ramah itu, Datuk Seri Najib juga ditanya bagaimana beliau menilai pelantikannya sebagai TPM. Menurut beliau, "Saya terharu. Pertamanya bagi diri saya sendiri, tentu sekali ini satu pengiktirafan oleh Perdana

Menteri dan satu bentuk kepercayaan serta keyakinan bahawa saya layak menduduki jawatan ini. Bagi diri saya, ia merupakan satu keputusan yang amat bermakna kerana penilaian oleh seorang Perdana Menteri terhadap kemampuan saya untuk menduduki jawatan yang amat penting ini."

Bagi beliau, kedudukan TPM juga "datang dengan segala rasa tanggungjawab yang sebenarnya amat berat. Sebab itulah saya senantiasa mengingatkan diri saya bahawa dalam merasakan satu kepuasan, tetapi lebih daripada itu ia membawa perasaan tawaduk atau rendah diri."

Sebagai seorang yang insaf dengan tanggungjawab berat yang menunggu beliau, Datuk Seri Najib merumuskan bahawa "tanggungjawab besar ini tentu sekali akan dinilai oleh Perdana Menteri dan rakyat. Dan di akhirat nanti oleh Allah S.W.T. Sebab itulah saya merasakan bahawa ini ialah jawatan yang membawa segala perasaan tanggungjawab yang amat berat."

## PENERIMAAN DAN KESAN LANTIKAN

Pelantikan Datuk Seri Najib diterima secara positif oleh pelbagai pihak. Mereka sekata bahawa pelantikan beliau memang kena pada tempatnya. Tan Sri Muhyiddin Yassin, seorang lagi Naib Presiden yang didesas-desuskan diperimbangkan bagi jawatan itu, segera mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Najib. Beliau menerima keputusan Perdana Menteri itu sebagai satu suratan takdir yang tidak akan membuatkan beliau berasa kecewa. Sebaliknya, beliau berikrar untuk menyokong kedua-dua pemimpin itu. Tan Sri Muhammad juga mengambil pendirian yang sama. Pemimpin kanan UMNO yang lain, termasuk ketua ketiga-tiga sayap UMNO iaitu Wanita, Pemuda dan Putri, menyambut baik pelantikan Datuk Seri Najib itu.

Bonda Datuk Seri Najib turut berbangga dengan pelantikan anak sulungnya itu sebagai TPM—satu jawatan yang satu waktu dahulu pernah disandang oleh suaminya, Tun Abdul Razak. Sebagai ibu yang ingin melihat anaknya maju dalam dunia politik, beliau menasihatkan Datuk Seri Najib supaya melaksanakan amanah sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan ikhlas, jujur dan mengambil berat masalah rakyat. Beliau juga berharap Datuk Seri Najib tidak berubah setelah menjadi TPM. Tun Rahah, yang kini berusia 70 tahun, tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri

Abdullah yang telah memberi kepercayaan kepada anaknya untuk menjadi TPM. "Syukur Alhamdulillah, sebagai ibu saya rasa bangga Najib mendapat kepercayaan Datuk Seri Abdullah untuk memegang jawatan yang satu ketika dulu pernah dipegang oleh arwah bapanya. Saya sekeluarga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Abdullah dan saya berdoa agar Najib dapat membantunya menjalankan tanggungjawab berat sebagaimana ayahnya berkhidmat di bawah Tunku Abdul Rahman dalam mengisi kemerdekaan," tegas Tun Rahah pada satu sidang akhbar sehari selepas anaknya bergelar Timbalan Perdana Menteri.

Pelantikan Datuk Seri Najib dan perubahan kecil Kabinet yang menyaksikan pelantikan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, turut memberi kesan positif terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Pada hari lantikan itu diumumkan, Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia melonjak pada tahap tertinggi pasca krisis kewangan 1997. Ia naik sebanyak 18.47 mata untuk ditutup pada 805.76, melepassi tahap psikologi 800 mata yang juga menandakan tahap tertinggi untuk 2004. Sehari selepas itu, IK naik lagi 7.44 mata untuk ditutup pada 813.20. Selain itu, negara-negara luar turut menyambut baik pelantikan Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Di samping mengukuhkan kedudukan politik Datuk Seri Abdullah, UMNO, BN dan negara, pelantikan Datuk Seri Najib itu, menurut sebilangan penganalisis politik, akan mengelakkan sebarang perebutan kuasa—sekurang-kurangnya buat sementara waktu ini—dalam UMNO seperti yang pernah terjadi pada pemilihan UMNO 1987 dan 1993. Pada pemilihan 1987, ke semua jawatan utama dipertandingkan oleh dua kumpulan yang bersaingan kuasa dalam parti – *Team A* dan *Team B*. Pada pemilihan 1993 pula, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan kekuatannya untuk menewaskan musuh-musuh politiknya dengan menunggang Team Wawasan. Kedua-dua peristiwa itu telah menjaskan perpaduan dan kestabilan UMNO. Menurut pemerhati politik, perebutan kuasa yang sengit dalam UMNO mungkin berlaku lagi sekiranya TPM yang dilantik oleh Datuk Seri Abdullah bukannya Datuk Seri Najib.

Hal ini kerana para pemerhati politik mencogak sekiranya ada satu-satu tokoh UMNO yang boleh melemahkan kedudukan Datuk Seri Abdullah, tokoh itu ialah Datuk Seri Najib. Ini boleh berlaku sekiranya Datuk Seri

Najib enggan menerima keputusan melantik tokoh lain selain beliau, katakan Tan Sri Muhyiddin, sebagai TPM. Menurut perhitungan pandangan ini – yang belum tentu betul—Datuk Seri Najib atau setidak-tidaknya penyokong beliau akan memberontak seandainya Datuk Seri Najib dinafikan sekali lagi jawatan TPM, kali ini oleh Datuk Seri Abdullah, kali pertama oleh Tun Dr. Mahathir pada 1999.

Menurut pendapat ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad tidak mempunyai kekuatan yang cukup untuk menggugat kedudukan Datuk Seri Abdullah baik secara individu atau secara kolektif. Tetapi tidak begitu halnya dengan Datuk Seri Najib yang sudahpun membuktikan melalui dua pemilihan parti bahawa dirinya mempunyai sokongan yang kuat dalam parti. Jadi, dengan menamakan Datuk Seri Najib sebagai TPM, Datuk Seri Abdullah menurut kalangan ini telah membuat keputusan politik yang memberi manfaat kepada beliau untuk mencapai kejayaan pada pilihan raya umum dan seterusnya mengesahkan kedudukannya sebagai Presiden UMNO selepas itu nanti.

Malah kata mereka, besar kemungkinan jawatan Presiden yang sekarang dipangku oleh Datuk Seri Abdullah dan jawatan Timbalan Presiden, yang sekarang tugas-tugasnya dijalankan oleh Datuk Seri Najib, tidak akan dicabar oleh sesiapa. Tambahan pula, jika gandingan Datuk Seri Abdullah dengan Datuk Seri Najib itu memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac 2004. Siapa juga yang mempunyai cita-cita untuk mencabar mereka harus melupakan hasrat tersebut.

## RUMUSAN

Pelantikan Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri dianggap oleh pelbagai kalangan sebagai satu keputusan bijak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Pelantikan itu didakwa mengukuhkan UMNO dan BN untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11. Datuk Seri Najib sendiri yang memang berasal daripada keluarga ternama politik tanah air, tidak kelihatan kekok menjalan tugas-tugasnya sebagai TPM. Menyedari bahawa kedudukan TPM ini memang senantiasa panas jika tersalah bawa, maka beliau dari mula lagi menegaskan bahawa peranan utamanya hanya sekadar melaksana-

kan agenda politik dan agenda negara yang ditentukan oleh Perdana Menteri. Sebagai TPM, beliau tahu beliau tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Kesedaran ini akan menjadikan beliau seorang timbalan yang setia kepada ketua dan bukannya seorang timbalan yang memandai-mandai atau berlaku curang apabila ketua tidak ada dalam negara. Sekiranya kesedaran ini berkekalan, antara nombor satu dan nombor dua tidak akan berlaku pergeseran. Memang akan ada pihak yang akan mengapi-apikan Datuk Seri Najib supaya melawan "tauke"(Datuk Seri Abdullah). Akan tetapi, seperti yang beliau sendiri nyatakan, usaha itu tidak akan berjaya. Betul atau tidak, hanya masa yang menentukan.

## BAB 4

---

### ROMBAKAN KECIL KABINET

Sewaktu dilantik sebagai Perdana Menteri pada petang 31 Oktober 2003, Datuk Seri Abdullah, jika beliau mahu, boleh terus membuat rombakan Kabinet. Malah ada yang berpendapat, serentak dengan persaraan Tun Dr. Mahathir, seluruh anggota Kabinet beliau patut turut meletakkan jawatan bagi membolehkan Perdana Menteri baru melantik Jemaah Menterinya sendiri. Akan tetapi, keadaan itu tidak berlaku. Datuk Seri Abdullah telah memutuskan untuk mengekalkan semua anggota Kabinet yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir. Tidak seorang pun yang digugurkan, atau ditukar portfolio mereka.

Lantaran itu, menteri-menteri tersebut tidak perlu mengangkat sumpah jawatan baru. Cukup sekadar Perdana Menteri baru memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Sewaktu menjelaskan mengapa tidak ada perubahan Kabinet, Datuk Seri Abdullah berkata, apa yang berlaku bukanlah rampasan kuasa atau satu perubahan rejim, tetapi penyerahan tugas oleh seorang Perdana Menteri yang bersara kepada seorang Perdana Menteri yang baru dilantik daripada parti yang sama iaitu Barisan Nasional (BN). Ketika itu beliau mengibaratkan peralihan kuasa itu sebagai kereta yang hanya bertukar pemandu dan kereta yang hendak membawa Malaysia ke destinasi yang dituju adalah tetap sama. Tidak ada perubahan dari segi dasar, kata beliau. Meskipun ada yang berpendapat, seluruh Kabinet patut meletakkan jawatan, tetapi keadaan itu tidak terjadi.

Datuk Seri Abdullah hanya membuat rombakan Kabinet yang pertama

serentak dengan mengumumkan pelantikan Datuk Seri Mohd Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Januari 2004. Rombakan yang dibuat tidaklah besar. Tidak ada menteri yang digugurkan. Perubahan itu cuma menyaksikan pelantikan seorang menteri baru iaitu pengwujudan satu portfolio baru yang melibatkan pertukaran jawatan tiga orang menteri. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam pula meletakkan jawatan tidak lama lepas itu apabila beliau dihadapkan ke mahkamah atas beberapa tuduhan rasuah sewaktu beliau menjadi Pengurus Eksekutif Lembaga Tanah Sabah. Pada peringkat timbalan menteri dan setiausaha parlimen, tidak ada pelantikan baru dan pertukaran jawatan dilakukan. Hanya seorang timbalan menteri, Senator Datuk Zainuddin Maidin terpaksa melepaskan jawatannya pada 16 Februari 2004 kerana tempoh dua penggal beliau sebagai anggota Dewan Senat, yang telah membolehkan beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Penerangan, berakhir.

## **KABINET BARU—PERUBAHAN YANG BERLAKU**

Datuk Seri Abdullah ialah seorang yang bijak merahsiakan apa juga perubahan anggota Jemaah Menteri yang hendak beliau lakukan. Selain mengumumkan pelantikan Datuk Seri Najib pada sidang media pada 7 Januari itu, tidak ada kedengaran pula yang beliau juga berhasrat untuk melakukan perubahan kecil Kabinet. Malah beberapa hari sebelum itu pun tidak ada desas-desus tentang pelantikan menteri baru atau ada menteri yang akan bertukar jawatan. Lantaran itu, apabila beliau mengumumkan pelantikan Penasihat Ekonomi Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamad Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, ramai yang terperanjat dengan pelantikan itu. Akan tetapi, pelantikan itu diterima dengan baik oleh pasaran saham dan masyarakat perniagaan.

Serentak dengan pelantikan Tan Sri Nor, Datuk Seri Abdullah juga mengumumkan perubahan jawatan tiga orang menteri. Bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis pula dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna bagi menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Menteri Pertanian. Bekas Menteri Pertanian, Datuk Dr. Effendi Norwawi pula dilantik sebagai Menteri Tugas-

tugas Khas yang bertanggungjawab terhadap Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Menteri Tugas-tugas Khas ialah portfolio baru yang diwujudkan oleh Datuk Seri Abdullah. Selain dilantik menjadi TPM, Datuk Seri Najib kekal sebagai Menteri Pertahanan. Datuk Seri Abdullah, selain menjadi Perdana Menteri, beliau juga kekal sebagai Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Kewangan.

Memandangkan tidak ada menteri yang digugurkan, tetapi adanya pelantikan tambahan seorang menteri baru, maka Kabinet Malaysia kini mempunyai 29 orang anggota iaitu bertambah seorang berbanding Kabinet Tun Dr. Mahathir. Di peringkat timbalan menteri, jumlahnya kekal 30 orang, manakala di peringkat setiausaha parliment terdapat 16 orang. Dari segi perwakilan kepartian, UMNO mempunyai perwakilan yang paling ramai dalam Kabinet iaitu 19 orang menteri; diikuti oleh MCA, empat orang dan parti komponen yang lain iaitu MIC, Gerakan, Parti Bansya Dayak Sarawak (PBDS) yang digantung keahliannya dalam BN, Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB), SUPP dan PBRS, masing-masing mempunyai seorang wakil. Parti komponen BN lain yang kecil seperti Parti Progresif Penduduk (PPP) tidak mempunyai sebarang wakil. Presiden PPP, Datuk M. Kaveas hanya sekadar menjadi timbalan menteri.

Dari segi jantina pula, Kabinet Datuk Seri Abdullah ini mempunyai tiga orang menteri wanita (kesemuanya mewakili UMNO). Mereka ialah Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Tidak semua negeri mempunyai perwakilan pada peringkat Kabinet dan Tidak ada orang Selangor, Kelantan serta Terengganu yang bertaraf menteri dalam Kabinet 2004 ini, kecuali jika Datuk Chan Kong Choy yang mewakili Parlimen Selayang dikira sebagai mewakili Selangor, walaupun beliau sebenarnya berasal dari Pahang. Kali terakhir Selangor mempunyai wakil ialah sewaktu Datuk Abu Hassan Omar menjadi menteri.

Mengikut agihan negeri, perwakilan dalam Kabinet adalah seperti berikut:

1. Johor – 5 orang
2. Negeri Sembilan – 1 orang
3. Melaka – 1 orang
4. Pahang – 4 orang
5. Perak – 6 orang

6. Pulau Pinang – 2 orang (termasuk Tan Sri Nor yang berasal dari Pulau Pinang)
7. Kedah – satu orang
8. Perlis – satu orang
9. Sarawak – 3 orang
10. Sabah – 3 orang
11. Wilayah Persekutuan – 2.

Perwakilan negeri ini dihitung berdasarkan Parlimen yang diwakili oleh menteri berkenaan, bukan dari mana menteri itu berasal. Misalnya, Datuk Seri Shahrizat mewakili Parlimen Bangsar dalam Wilayah Persekutuan, walaupun beliau berasal dari Pulau Pinang. Senator Datuk Hamid Zainal Abidin pula dikira sebagai wakil Perak, negeri asal usul beliau walaupun tidak mewakili mana-mana kerusi Parlimen di negeri itu.

Daripada jumlah 29 orang itu, 25 merupakan ahli Dewan Rakyat manakala empat yang lain merupakan ahli Dewan Senat iaitu Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin dan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Keanggotaan penuh Kabinet baru yang diumumkan oleh Datuk Seri Abdullah pada 7 Januari itu adalah seperti berikut:

1. Datuk Seri Abdullah (Pemangku Presiden UMNO/ Kepala Batas, Pulau Pinang) – Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri kewangan.
2. Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak (Naib Presiden UMNO/ Pekan, Pahang) – Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan.
3. Datuk Seri Ong Kah Ting (Presiden MCA, Pontian, Johor), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
4. Datuk Seri S Samy Vellu (Presiden MIC/Sungai Siput, Perak), Menteri Kerja Raya.
5. Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik (Presiden Gerakan/Bruas, Perak) Menteri Perusahaan Utama.
6. Datuk Seri Rafidah Aziz (Ketua Wanita UMNO/Kuala Kangsar, Perak). Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa.

7. Datuk Seri Law Hieng Deng, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
8. Datuk Seri Syed Hamid Albar (UMNO/ Kota Tinggi, Johor), Menteri Luar.
9. Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis (UMNO/Rompin, Pahang), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
10. Datuk Chua Jui Ming (Naib Presiden MCA/Bakri, Johor), Menteri Kesihatan.
11. Tan Sri Kasitah Gaddam (UMNO/Kota Kinabalu, Sabah), Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Selepas meletakkan jawatan kerana dituduh rasuah, jawatan menteri ini dipangku oleh Datuk Seri Abdullah sendiri sehingga Kabinet baru dibentuk selepas pilihan raya umum selesai pada 21 Mac 2004).
12. Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman (UMNO/Paya Besar, Pahang), Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
13. Tan Sri Khalil Yaacob (UMNO/Kuantan, Pahang), Menteri Penerangan.
14. Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir (UMNO/Kulim Bandar Baru, Kedah), Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
15. Datuk Dr. Fong Chan Onn (MCA, Batu Berendam, Melaka), Menteri Sumber Manusia.
16. Datuk Chan Kong Choy (MCA, Selayang, Selangor), Menteri Pengangkutan.
17. Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz (UMNO, Padang Rengas, Perak) Menteri Pembangunan Usahawan.
18. Tan Sri Azmi Khalid (UMNO/Perlis), Menteri Pembangunan Luar Bandar.
19. Datuk Hishamuddin Hussein (UMNO/Johor), Menteri Belia dan Sukan.
20. Datuk Seri Dr. Mohd Effendi Norwawi (PBB/Sarawak), Menteri Tugas-tugas Khas.

21. Tan Sri Musa Mohamad (Senator/Perak), Menteri Pendidikan.
22. Datuk Seri Shahrizat Jalil (UMNO/Lembah Pantai), Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga.
23. Datuk Seri Rais Yatim (UMNO, Jelebu, Negeri Sembilan), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
24. Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor (Senator/Wilayah Persekutuan), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
25. Datuk Hamid Zainal Abidin (Senator/Perak) Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
26. Tan Sri Bernard Dompok (Sabah) Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
27. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Senator/Pulau Pinang), Menteri Kewangan Kedua.

## RASIONAL PERUBAHAN

Tugas melantik, menentukan portfolio atau malah memecat anggota Kabinet adalah hak mutlak Perdana Menteri. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, beliau sekadar perlu memaklumkan apa yang hendak dilakukan kepada Yang di-Pertuan Agong. Malah keanggotaan Kabinet juga ditentukan oleh Perdana Menteri. Beliau boleh mewujudkan kementerian baru atau meniadakan kementerian yang sedia ada. Walaupun tugas melantik dan memecat anggota Jemaah Menteri ini hak mutlak Perdana Menteri, namun ia tidak pula bermakna jika rombakan dibuat, pertanyaan tidak diajukan tentang pertimbangan yang diberikan untuk melakukan rombakan. Perbincangan mengapa seseorang menteri dipindahkan ke kementerian tertentu atau diberi jawatan baru akan dibangkitkan. Apakah pelantikan itu satu kenaikan pangkat atau usaha untuk meletakkan seseorang menteri pada kedudukan yang tidak penting.

Begitu jugalah halnya dengan perubahan Kabinet yang diumumkan oleh Datuk Seri Abdullah pada 7 Januari 2004. Mengapa Datuk Dr. Jamaluddin dipindahkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna? Apakah pelantikan Tan Sri Muhyiddin satu kenaikan pangkat setelah beliau tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri? Mengapa pula seorang profesional dilantik untuk menjadi Menteri Kewangan Kedua? Apakah pelantikan Datuk Seri Effendi Norwawi sebagai Menteri Tugas-tugas Khas boleh dianggap sebagai langkah meminggirkan beliau?

Datuk Seri Abdullah sedar bahawa pertanyaan-pertanyaan itu akan diajukan pada sidang media yang diberikan untuk mengumumkan rombakkan kecil Kabinet itu. Akan tetapi, beliau nampaknya sudah bersedia untuk memberikan jawapannya. Berdasarkan penjelasan yang diberikan itu, dapat dirumuskan bahawa keperluan untuk mempunyai seorang profesional sebagai Menteri Kewangan Kedua merupakan pemangkin kepada perubahan yang dibuat. Menurut beliau, "Saya memerlukan seorang yang dapat terus membantu saya dan sentiasa boleh berada di Kementerian Kewangan kerana banyak kerja yang hendak dilaksanakan. Saya percaya kita akan dapat terus memantau sektor ekonomi dan juga menyelaraskan apa yang perlu. Tan Sri Nor tidak payah hendak mencari sokongan politik kerana beliau seorang profesional yang boleh memberi perkhidmatan secara profesional di kementerian."

Jika itulah ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadikan Menteri Kewangan Kedua, maka *rai-son d'et-re* untuk mengekalkan Datuk Dr. Jamaluddin di Kementerian Kewangan setelah 13 bulan menyandang jawatan itu, sudah tidak ada lagi. Datuk Dr. Jamaluddin yang dilantik ke jawatan itu oleh Tun Dr. Mahathir ialah seorang ahli politik. Beliau mewakili kawasan Parlimen Rompin, di Pahang. Beliau perlu pulang ke kawasan pilihan rayanya sekurang-kurang seminggu sekali. Selain itu, beliau turut menganggotai Majlis Tertinggi UMNO. Memandangkan komitmen politik beliau, Datuk Dr. Jamaluddin dirasakan tidak lagi sesuai di Perbendaharaan. Jadi perpindahannya ke kementerian lain, tidak ada kaitan dengan ketiadaan kepercayaan Perdana Menteri terhadap beliau, atau kerana beliau tidak dapat memenuhi tugasnya sebagai Menteri Kewangan Kedua. Datuk Seri Abdullah sendiri mengakui Datuk Dr. Jamaluddin banyak membantu beliau sewaktu menyandang jawatan itu. Namun disebabkan Datuk Seri Abdullah inginkan seorang profesional, maka beliau perlu mencari seorang Menteri Kewangan Kedua yang baru.

Selain itu, Datuk Seri Abdullah berpendapat masanya sudah tiba bagi memberi peluang kepada Datuk Dr. Jamaluddin untuk menerajui sebuah kementerian tanpa dibayangi oleh seorang menteri di atasnya. "Saya sudah maklumkan hal ini kepada Dr. Jamaluddin dan beliau berterima kasih kerana melantiknya sebagai menteri penuh, bukan sekadar menteri kedua," kata Datuk Seri Abdullah kepada sidang media itu. Begitu juga dengan Datuk Dr. Jamaluddin yang menerima pelantikannya dengan baik.

Pelantikan Tan Sri Nor dilihat oleh banyak pemerhati sebagai satu keputusan yang tepat. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam hal-hal perbankan dan kewangan serta pernah menjadi penasihat di Bank Negara sebelum dilantik sebagai Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri oleh Tun Dr. Mahathir. Malah di kalangan sektor kewangan, bukan satu rahsia lagi bahawa Tan Sri Nor yang berasal dari Pulau Pinang itu, telah memainkan peranan instrumental dalam pelaksanaan tambatan ringgit berbanding dolar apabila mata wang negara diserang oleh penyangak antarabangsa pada tahun 1997-1998. Beliau juga memainkan peranan utama dalam memperkenalkan kawalan modal serta diberi tanggungjawab menyusun semula syarikat-syarikat gergasi seperti Kumpulan UEM, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Tahun Haji, Syarikat Penerbangan Malaysia dan KUB yang berhadapan dengan masalah kewangan yang boleh memufliskan syarikat-syarikat tersebut. Selain itu, beliau juga merupakan tenaga utama mendalangi penubuhan sebuah agensi pelaburan, Valuecap Sdn Bhd yang ditubuhkan untuk membeli saham syarikat-syarikat yang bernilai rendah tetapi mempunyai potensi pertumbuhan yang baik di BSKL dengan menggunakan wang caruman KWSP. Bagi tahun pertama syarikat itu memulakan operasi, ia telah membuat keuntungan RM250 juta.

Selain itu, Tan Sri Nor juga ialah seorang yang bersedia memikul tanggungjawab jika berlaku kesilapan bagi tindakan yang beliau ambil. Ini dibuktikan sewaktu beliau berkhidmat dengan Bank Negara sebagai Penasihat. Ketika itu, Bank Negara mengalami kerugian beberapa bilion ringgit dalam pertukaran asingnya. Beliau tidak teragak-agak untuk meletakkan jawatannya apabila perkara itu terjadi. Beliau telah menyertai sektor swasta sehinggalah berlaku serangan penyangak mata wang antarabangsa terhadap mata wang negara-negara ASEAN, termasuk RM. Sebagai seorang yang arif

tentang pasaran mata wang asing, pasaran saham dan peranan CLOB di Singapura dalam memutarbelitkan keadaan, Tun Dr. Mahathir meminta pandangan Tan Sri Nor bagi memahamkan beliau tentang *modus operandi* penyangak mata wang itu. Nasihat beliau yang membawa kepada pengenalan tambatan ringgit dan kawalan modal pada 1 September 1998 telah membantu kerajaan memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara. Akhirnya beliau telah diambil berkhidmat sebagai Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Dengan rekod kerja yang hebat itu, keputusan melantik beliau sebagai Menteri Kewangan Kedua oleh Datuk Seri Abdullah disambut baik oleh pelbagai pihak, terutamanya pasaran saham dan kewangan. Selaku seorang yang profesional, beliau akan memberi nasihat yang objektif kepada Datuk Seri Abdullah, selaku Menteri Kewangan. Dengan kedudukan beliau sebagai seorang anggota Senat, ini bermakna Tan Sri Nor tidak perlu turun padang untuk mencari sokongan bagi melegitimaskan kehadiran beliau dalam dunia politik.

Oleh itu, beliau boleh berada di Kementerian Kewangan 24 jam sehari, jika diperlukan untuk memantau pergerakan ekonomi dunia, turun naik mata wang asing dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Perdana Menteri bagi melindung ekonomi Malaysia daripada kesan buruk ekonomi luar. Ini bermakna beliau tidak akan terhutang budi kepada mana-mana pihak kecuali Perdana Menteri yang melantik beliau. Selain itu, tidak seperti menteri-menteri lain, beliau juga tidak perlu mengagih-agihkan habuan untuk memperkuatkan kedudukannya seperti yang pernah dilakukan oleh beberapa orang Menteri Kewangan sebelum ini. Dengan itu, Perbendaharaan akan bebas daripada pengaruh dan tekanan politik.

Sebagaimana yang diamati dengan tepat oleh A Kadir Jasin melalui ulasannya dalam *Utusan Malaysia*, berjudul *Penyegaran Semula UMNO*, "Tanpa beban politik dan berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang kewangan, Tan Sri Nor diharapkan dapat membantu Perdana Menteri sekarang dengan memberi maklumat paling tepat dan terperinci tanpa khuatir tentang kesan politik terhadap dirinya. Pelantikan beliau juga dianggap sebagai usaha mengelakkan kemungkinan jawatan yang penting itu digunakan untuk tujuan politik peribadi. Ia juga bukti kesungguhan Perdana Menteri mengota-

kan ikrar beliau untuk menjadikan perhambaan diri kepada rakyat dan kesederhanaan sebagai lambang pentadbiran beliau." Ketua Pengarang Kumpulan akhbar *The Star*, Datuk Wong Sulong menyatakan pandangan yang sama. Mengulas secara khusus tentang pelantikan Tan Sri Nor sebagai Menteri Kewangan Kedua, dalam tulisannya yang berjudul *Professionalism, hallmark of Nor Mohamed*, beliau antara lain menulis "Dengan menempatkan seorang tenokrat untuk membantu beliau di Kementerian Kewangan, Abdullah berharap dapat menyahpolitikkan kementerian berkenaan, yang memainkan peranan utama dalam ekonomi dan kerajaan."

Pelantikan Tan Sri Muhyiddin sebagai Menteri Pertanian juga dilihat akan menyuntik satu dimensi baru dalam bidang pertanian yang selama ini tidak begitu ditekankan atau diberi perhatian secara sambil lewa dalam pembangunan ekonomi negara. Datuk Seri Abdullah sendiri, sejak menjadi Perdana Menteri, menzhirkan hasratnya untuk memodenkan sektor pertanian supaya pembangunannya seiring dengan pembangunan sektor industri. Selain itu, beliau juga mahu sektor pertanian menjadi sumber baru pertumbuhan dan kekayaan yang selama ini tidak diteroka sepenuhnya. Untuk merealisasikan hasrat itu, beliau melihat adalah wajar bagi menempatkan seorang menteri yang agak kanan untuk menerajui kementerian tersebut dan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah diberi kepercayaan untuk menjayakan tanggungjawab itu.

Sebagaimana yang Datuk Seri Abdullah jelaskan, "Kementerian Pertanian akan memainkan peranan yang lebih besar dan utama dalam pembangunan pertanian moden dengan usaha-usaha memodenkan pertanian. Kita juga menggalakkan program-program yang ada kaitan dengan pengwujudan industri kecil dan sederhana (IKS) asas tani. Ini bermakna, usaha mengkomersialkan produk pertanian akan diperhebat kerana kita hendak memastikan akan ada sumber-sumber pertumbuhan baru terutama dari segi meningkatkan nisbah pendapatan kepada petani dan mencari sumber kekayaan baru bagi mereka. Jadi dengan itu, saya fikir adalah baik sekiranya jawatan Menteri Pertanian itu diberikan kepada seorang menteri kanan."

Oleh sebab seorang menteri kanan diperlukan di Kementerian Kewangan, maka tempat perlu dicari untuk Datuk Seri Effendi Norwawi. Lalu portfolio Menteri Tugas-tugas Khas diwujudkan di Jabatan Perdana Menteri yang

menurut Datuk Seri Abdullah tugasnya "ada hubung kait dengan ekonomi dan projek-projek khas yang telah pun ditetapkan serta perlu diberi perhatian melalui pelaksanaan dan penyelarasan yang baik."

Meskipun projek-projek khas yang dimaksudkan tidak dinyatakan, tetapi beberapa hari kemudian pemimpin dari Sarawak itu secara langsung bertanggungjawab menyelia Unit Perancangan Ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga akan terlibat dalam sebuah lagi agensi JPM iaitu Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebagai anggotanya. MTEN dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan operasi hariannya diterajui oleh seorang Pengarah Eksekutif, Datuk Mustapha Mohamad.

## RUMUSAN

Secara umumnya, rombakan pertama Kabinet yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah selaku Perdana Menteri itu mendapat sambutan yang positif daripada pelbagai pihak. Walaupun tumpuan dan reaksi lebih tertumpu kepada pelantikan Datuk Seri Najib sebagai TPM dan Tan Sri Nor Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, tetapi perubahan lain yang diumumkan tidak terlepas daripada pandangan masyarakat. Mereka bersetuju bahawa walaupun rombakan yang dibuat adalah kecil iaitu melibatkan pelantikan seorang menteri baru dan pertukaran jawatan tiga menteri lain yang sedia ada, tetapi kesannya terhadap kerajaan dan parti adalah besar. *Utusan Malaysia* berpendapat, "Pelantikan Datuk Seri Najib sebagai TPM mengukuhkan lagi struktur politik negara, sekali gus melicinkan pentadbiran kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah. Ini juga menunjukkan struktur politik negara berada pada kedudukan stabil dan proses pelantikan jawatan-jawatan dalam kerajaan dapat dilakukan secara licin dengan meletakkan keutamaan kepada agenda pembangunan serta memajukan negara." Pemerhati politik, A Kadir Jasin dalam ulasannya berpendapat, "Untuk jangka masa yang lebih panjang, pelantikan Najib dan rombakan Kabinet pada 7 Januari 2004 merupakan permulaan kepada proses penyegaran UMNO dan kerajaan yang pasti menjadi lebih nyata pada pilihan raya umum akan datang."

## BAB 5

---

### PASUKAN BARU MEDIA

Rombakan kecil Jemaah Menteri telah dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah pada hari ke-69 menjadi Perdana Menteri, manakala perubahan kecil di kalangan pembantu dan penasihat, termasuk dalam pasukan media di pejabat Perdana Menteri, dibuat pada hari beliau memulakan tugasnya sebagai Ketua Kerajaan pada 31 Oktober 2003. Perubahan itu mungkin tidak mendapat perhatian seperti rombakan Kabinet, tetapi ia memperlihatkan keazaman Perdana Menteri yang berusia 64 tahun itu untuk menempatkan pegawai-pegawai muda sebagai pembantu dan penasihat. Isyarat jelas yang ingin beliau sampaikan kepada generasi muda yang merupakan 60 peratus penduduk negara ini ialah mereka ialah aset masa depan negara dan dalam merangka agenda kerja beliau selaku Perdana Menteri, kepentingan generasi muda tidak akan dipinggirkan. Mesej beliau kepada semua adalah jelas. Idea-idea berasaskan generasi muda yang cerdik ibarat Hang Nadim dalam kisah Singapura dilanggar todak untuk membangunkan negara tidak patut dicemburui.

Sesuai dengan perubahan pasukan media, Datuk Seri Abdullah menukar penampilan beliau sebagai Perdana Menteri apabila mengadakan sidang media seperti yang dapat kita saksikan di kaca televisyen sekarang. Beliau tidak lagi diserbu atau dikerumun oleh para wartawan. Sebaliknya sidang media beliau, setiap kali menghadiri majlis-majlis rasmi, atau selepas mempergerusikan mesyuarat adalah lebih teratur. Para wartawan juga dapat mengajukan pertanyaan masing-masing dalam keadaan yang selesa. Beliau juga tidak lagi dibedil dengan soalan-soalan di luar jangkaan oleh para wartawan yang memang dahagakan pelbagai komen beliau tentang isu-isu semasa.

## PASUKAN BARU MEDIA DI JPM

Tiga bulan sebelum beliau benar-benar menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah telah memberi isyarat bahawa beliau akan menempatkan tenaga-tenaga baru dalam pasukan medianya di Pejabat Perdana Menteri. Beliau tidak akan mewarisi pasukan media Tun Dr. Mahathir seperti Tun Dr. Mahathir mewarisi pasukan media Tun Hussein Onn sewaktu mengambil alih tugas Perdana Menteri pada tahun 1981. Sebaliknya, tempat baru diusahakan untuk mereka, lama sebelum beliau mengambil alih. Pegawai Khas yang bertanggungjawab terhadap pasukan media Tun Dr. Mahathir, Datuk Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin (kini Tan Sri) yang pada mula dirancang ke Media Prima Berhad, dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu, berkuatkuasa 1 Januari 2004. Setiausaha Akhbar bekas Perdana Menteri, Datuk Zakaria Wahab dilantik sebagai Pengarah Eksekutif sebuah anak syarikat Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Penolong Setiausaha Akhbar, Sufi Mohd Yusof dilantik sebagai Pegawai Media Tun Dr. Mahathir atas sifat beliau sebagai Penasihat Petronas. Pegawai-pegawai lain, oleh sebab mereka ialah pegawai awam, jadi mereka dipindahkan ke jabatan kerajaan yang sesuai atau di kalangan penyandang kedudukan politik, ada yang memilih untuk bersara atau meletakkan jawatan serentak dengan pengunduran Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Rata-rata mereka sedar bahawa mereka dilantik oleh Tun Dr. Mahathir untuk berkhidmat dengan beliau, maka setelah beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, kedudukan mereka di pejabat Perdana Menteri yang baru, tidak lagi dapat dipertahankan. Namun, ada juga yang meneruskan khidmat untuk Perdana Menteri baru seperti Penasihat Agama, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Walau bagaimanapun, penyusunan di kalangan pembantu beliau di pejabat Perdana Menteri tidaklah menyaksikan perubahan yang besar. Datuk Tajudeen, yang telah berkhidmat dengan Datuk Seri Abdullah sejak zaman beliau menjadi Menteri Luar lagi dilantik sebagai Ketua Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri. Sebilangan pegawai muda, termasuk menantu beliau, Khairy Jamaluddin yang dibawa masuk semasa Datuk Seri Abdullah menjadi Timbalan Perdana Menteri turut dikenalpasti. Khairy dilantik Timbalan Ketua Setiausaha Sulit II tetapi meletakkan jawatan selepas pilihan

raya umum 2004. Bukan rahsia lagi sekarang bahawa Datuk Seri Abdullah dikelilingi oleh para pembantu yang muda-muda belaka, baik sebagai pegawai khas atau pegawai medianya. Dengan itu, Datuk Seri Abdullah tidak apologetik terhadap keputusannya itu. Jelas beliau dalam pertemuan dengan ketua-ketua editor media nasional sempena tiga bulan sebagai Perdana Menteri pada 31 Januari 2004, "Saya bukan anti orang tua, tetapi saya ingin memberi orang muda peluang kerana masa berlalu begitu pantas. Masa datang sebelum mereka menyedari bahawa pada usia muda, mereka memikul banyak tanggungjawab yang dihadapi. Lagipun mereka ialah masa depan kita."

Menyedari ada kalangan yang tidak senang dengan pembantu-pembantu muda yang mengelilingi beliau, pada satu ucapan di Kota Baru, Kelantan, beliau menegaskan bahawa beliau tetap menerima segala idea baik yang diberikan oleh siapa juga, termasuk daripada kalangan orang muda. Seolah-olah mengingatkan pihak berkenaan supaya jangan terus menimbulkan isu itu, beliau memberitahu bahawa idea-idea daripada orang muda itu akan terus beliau guna pakai dan beliau tidak akan mengkhianati mereka. Keadaan Singapura di langgar todak, di mana seorang budak bernama Hang Nadim, dibunuhi kerana dicemburui setelah memberi idea beras untuk menyelamatkan Singapura daripada serangan todak, tidak akan dibiarkan berlaku. Walaupun beliau tidak menerangkan apa maksud sebenar beliau, tetapi ia boleh ditafsirkan bahawa beliau tidak akan mengetepikan "budak-budak cerdik" yang mengemukakan idea-idea baik kepada beliau, walaupun mereka dicemburui oleh pihak-pihak tertentu.

Secara peribadi pula, beliau memberitahu, dengan dikelilingi oleh orang muda yang dinamik, penuh dengan idealisme dan tidak lagi korup, beliau dapat memastikan bahawa "kepentingan golongan ini yang meliputi 60 peratus daripada penduduk negara" senantiasa mendapat perhatian. Tambahan pula, pegawai-pegawai muda itu mempunyai kelulusan cemerlang dalam pelbagai bidang seperti undang-undang, ekonomi dan politik serta dari universiti ternama di luar negara termasuk dari Oxford dan Bristol di England serta Le Trobe di Australia. Lantaran itu, generasi muda yang dianggap sebagai "pati segala pati" itu wajar diberi tempat, sama seperti pemimpin terdahulu memberi peluang kepada pegawai muda untuk menjadi pembantu mereka. Sewaktu Datuk Seri Abdullah dilantik sebagai Ketua Penolong

Setiausaha kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada tahun 1969, beliau baru berusia 30 tahun. Sewaktu dilantik menjadi Pengarah Belia pada tahun 1971, beliau baru berusia 32 tahun. Malah sewaktu dilantik menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Seri Abdullah baru berusia 35 tahun. Beliau menyertai politik pada 1978 ketika berusia 39 tahun.

Jadi, apabila beliau menempatkan pegawai-pegawai muda untuk menjadi pembantu beliau pada "kabinet dapur"nya, tindakan itu tidaklah memerlukan. Keputusan itu dianggap tepat, walaupun ada dakwaan dalam berbuat demikian, Datuk Seri Abdullah sebenarnya dipengaruhi oleh menantu beliau, Khairy Jamaludin, yang juga Timbalan ketua Setiausaha Sulit II Perdana Menteri, yang kebetulan ingin menempatkan orang yang sehaluan dengannya dalam jawatan-jawatan penting di pejabat Perdana Menteri. Dakwaan ini ternyata hanya sekadar cakap-cakap kosong sahaja. Mereka sebenarnya tidak faham akan pemikiran Datuk Seri Abdullah.

Untuk memperkemaskan pasukan medianya, seorang lagi Pegawai Khas Perdana Menteri, Kamal Khalid, walaupun tidak mempunyai pengalaman bekerja dengan mana-mana organisasi media, diberi tanggungjawab strategik untuk mengetuai pasukan media Perdana Menteri yang baru itu. Kamal, 33, telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Utusan pada 16 Jun 2004 untuk membolehkan beliau memainkan peranannya secara berkesan. Seorang lulusan undang-undang dari Universiti Nottingham England, Kamal berpengalaman sebagai pengurus di sektor korporat sebelum bekerja dengan Datuk Seri Abdullah. Setakat ini, dia telah menunaikan kerjanya dengan baik.

Di bawah perubahan itu, dua orang setiausaha akhbar Datuk Seri Abdullah iaitu Datuk Kamarulzaman Zainal di pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Rohaizad Abdul Rahim di Kementerian Dalam Negeri mendapat kedudukan baru. Datuk Seri Abdullah bukan seorang pemimpin yang mengamalkan dasar habis manis, sebahagian dibuang. Mereka yang telah berjasa kepada beliau, diberi tempat yang sewajarnya. Datuk Kamarulzaman, seorang lulusan diploma dalam bidang kewartawanan dari London School of Journalism, yang berkhidmat dengan Datuk Seri Abdullah sejak menjadi Menteri Luar, dilantik ke jawatan baru diwujudkan sebagai Pengarah Divisyen Berita dan Ehwal Semasa di Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3). Beliau turut

dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah stesen televisyen swasta itu. TV3, New Straits Times Press Berhad (NSTP) dan TV8 ialah syarikat milik penuh Media Prima Berhad, di mana UMNO mempunyai kepentingan di dalamnya. Rohaizad pula yang dipinjamkan oleh akhbar *The Star* untuk berkhidmat dengan Datuk Seri Abdullah, kembali ke akhbar itu sebagai Pergarang Bersekutu.

Azhar Osman, yang pernah berkhidmat sebagai wartawan penyiaran serta pengebit di TV3 dan di NTV7 dilantik sebagai setiausaha akhbar Perdana Menteri yang baru. Wan Esuriyati Wan Ahmad, bekas wartawan *Berita Harian* dilantik sebagai Penolong Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, yang dikosongkan oleh Sufi.

## **KEPIMPINAN POLITIK DAN KEPIMPINAN EDITORIAL**

Selain Kumpulan Utusan Melayu Malaysia Berhad, The New Straits Times Press Malaysia Berhad (NSTP) merupakan sebuah lagi organisasi media di mana UMNO mempunyai kepentingan. Kumpulan Utusan dikuasai secara tidak langsung oleh kepentingan UMNO, selepas peristiwa mogok di akhbar itu pada tahun 1961. UMNO sendiri tidak mempunyai saham dalam Kumpulan Utusan. Walau bagaimanapun, sebilangan tokoh-tokoh UMNO diketahui memiliki saham dalam syarikat akhbar itu bagi membolehkan orang kepercayaan pimpinan UMNO diberi tempat yang strategik dalam syarikat akhbar tersebut. Kumpulan NSTP pula diambil alih oleh syarikat yang mesra dengan UMNO pada 1972 apabila ia dipisahkan daripada Straits Times yang berpengkalan di Singapura. Arahan supaya akhbar Straits Times di Malaysia dipisahkan menjadikan sebuah syarikat yang berasingan dikeluarkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein. Sebelum itu, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di bawah ketuanya, Datuk Harun Idris secara lantang telah mendesak kerajaan supaya berbuat demikian memandangkan Malaysia dan Singapura merupakan dua buah negara merdeka dan berdaulat berasingan. Ketika itu, Straits Times ialah sebahagian daripada akhbar yang dimiliki oleh syarikat yang beribu pejabat di Singapura. Cadangan dibuat supaya Straits Times Malaysia diletakkan di bawah pengurus-

an anak-anak watan supaya ia benar-benar menjadi suara nurani masyarakat Malaysia. Dengan perpisahan entiti itu, akhbar itu dikenali sebagai *The New Straits Times*, berbeza dengan nama asalnya *The Straits Times* yang kekal sebagai akhbar di Singapura.

Pada mulanya NSTP dikuasai oleh Fleet Group, sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Bendahari UMNO ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah. Kemudian diambil alih oleh Renong Berhad yang diterajui oleh Tan Sri Halim Saad. Renong Berhad ialah sebuah konglomerat yang dibentuk hasil penggabungan Fleet Group dengan sebuah lagi syarikat yang ada kaitan dengan UMNO, Hatibudi Sendirian Berhad pada pertengahan 1980-an. Pada 1993, ketika Datuk Seri Anwar menjadi Menteri Kewangan, NSTP dipisahkan daripada Renong dan diambil alih pula oleh Realmild yang dikuasai oleh empat orang eksekutif kanan NSTP iaitu Editor Kumpulan Bahasa Inggeris, Datuk A Kadir Jasin, Editor Kumpulan Bahasa Melayu, Datuk Ahmad Nazri Abdullah, Pengarah Urusan NSTP, Datuk Khalid Ahmad dan Mohd Nor Mutualib. Realmild kemudian menyuntik NSTP ke dalam Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah konglomerat yang terlibat dengan pembangunan infrastruktur. Namun begitu, di bawah penyusunan semula korporat MRCB pada akhir 2003, perniagaan media konglomerat itu telah dipindahkan di bawah satu bumbung. Media Prima Berhad menjadi syarikat holding yang memiliki TV3, NSTP dan TV8. MRCB pula memberi tumpuan kepada projek-projek pembinaan, pembangunan infrastruktur dan harta tanah. Dari segi pemilikan, kedua-dua MRCB dan Media Prima dimiliki oleh Realmild. Pengerusi Realmild, Datuk Seri Anwar Jamalulail menjadi pengurus Media Prima dan juga MRCB, selain kekal sebagai Pengerusi TV3.

Fenomena parti politik mempunyai pertalian rapat dengan media, baik secara langsung atau tidak langsung, ini bukan sesuatu yang baru tetapi merupakan sesuatu yang universal. Ini diakui oleh Felo Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Profesor Dr. Syed Hussein Al-Atas dalam satu ceramah beliau kepada pengarang-pengarang kanan media Malaysia di Institut Akhbar Malaysia (MPI) pada malam 5 Mac 2004. Beliau yang tinggal 13 tahun di Belanda berkata, "di negara-negara Eropah boleh dikatakan setiap parti mempunyai akhbar mereka sendiri untuk mendokong perjuangan dan ideologi mereka." Kata

beliau lagi, "jadi apa yang berlaku di Malaysia bukan luar biasa, tetapi yang berbeza di negara-negara itu ialah akhbar tidak dimiliki oleh parti-parti politik secara langsung. Akhbar itu dimiliki oleh kumpulan yang menyokong parti atau simpatik dengan apa yang diperjuangkan oleh parti berkenaan. Jelas beliau lagi, "akhbar-akhbar itu tidak dimanipulasi oleh parti atau individu dalam parti. Mereka juga tidak terlibat dengan pembunuhan karakter, sebaliknya memfokuskan perbincangan kepada isu dan perjuangan parti.

Dalam konteks Malaysia pula, dengan adanya pertalian rapat yang terjalin antara dua organisasi media itu dengan UMNO, baik secara langsung atau tidak langsung, siapa juga yang menerajui parti itu berhak dan berkuasa untuk menentukan kepimpinan editorialnya. Kaitan antara organisasi media ini dengan kepimpinan politik jelas dipaparkan oleh dua orang ahli akademik terkemuka iaitu Edmud Terence Gomez dan Jomo K Sundram dalam kajian-kajian mereka. (Lihat antara lain Jomo, *A Question of Class: Capital, the State and Uneven Development in Malaysia* dan Edmund Terence Gomez, *Politics in Business: UMNO's Corporate Investment*). Malah bagi para pengkaji media di negara ini, menyaksikan berlakunya perubahan kepimpinan editorial setiap kali terjadi perubahan kepimpinan pada peringkat tertinggi bukanlah sesuatu yang memerlukatkan. Hal ini memang sudah mereka jangkakan. Ia hanya mengesahkan bahawa pemutus muktamad peneraju editorial organisasi media ini adalah pemilik sebenar media berkenaan. Jika dahulu sebarang perubahan itu dilakukan secara belakang tabir, tetapi kini perubahan itu dibuat secara lebih telus seperti halnya dengan kes pemecatan Tan Sri Abdullah Ahmad sebagai Ketua Pengarang Kumpulan NSTP pada November 2004. Perkara itu dibawa oleh Datuk Seri Abdullah untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan UMNO dan beliau kemudian membuat penjelasan mengenai sebab-sebab sebenarnya perkhidmatan Tan Sri Abdullah ditamatkan. Pada masa dahulu, umum tidak diberitahu, yang mereka tahu cuma perubahan kepimpinan editorial dilakukan melalui pengumuman yang dibuat oleh media berkenaan.

Malah menurut pengkaji media itu, perubahan kepimpinan editorial sebelum ini tidak semestinya dilakukan sendiri oleh Perdana Menteri. Dalam banyak keadaan ia dilakukan oleh orang yang diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri untuk bertindak sebagai "penjaga" organisasi media di mana UMNO mempunyai kepentingan. Orang itu biasanya Timbalan Perdana

Menteri atau pegawai-pegawai lain. Apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri pada September 1970, setiausaha politiknya ketika itu, Tan Sri Abdullah Ahmad telah diberi kepercayaan untuk menjaga media. Jadi, beliaulah yang mengatur kedudukan utama dan strategik dalam organisasi media. Tan Sri Melan Abdullah, yang menerajui editorial Kumpulan Utusan ketika itu dan diketahui rapat dengan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman digantikan dengan Datuk Mazlan Nordin, yang sebelum itu merupakan Ketua Pengarang Bernama. Perubahan ini berlaku pada awal tahun 1972. Walau bagaimanapun, pada zaman Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, beliau tidak membuat sebarang perubahan terhadap kepimpinan Kumpulan Utusan dan Kumpulan NSTP.

Apabila Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, tanggungjawab menjaga media diserahkan pada mulanya kepada timbalannya, Tan Sri Musa Hitam, kemudian Tun Daim Zainuddin dan seterusnya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam tempoh 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri, kepimpinan editorial Kumpulan Utusan dan NSTP turut berubah tiga kali. Di bawah jagaan Tan Sri Musa, Datuk Zainuddin Maidin pada mulanya dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar, kemudian sebagai Ketua Pengarang Kumpulan. Manakala Datuk Mazlan Nordin dilantik sebagai Pengarah Urusan. Di NSTP pula, selepas Ketua Pengarang Kumpulan, Tan Sri Dr. Noordin Sopiee dipindahkan ke Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) yang baru ditubuhkan pada awal tahun 1980-an sebagai Ketua Pengarah entiti editorial kumpulan itu dipecahkan kepada dua iaitu penerbitan berbahasa Melayu yang diterajui oleh Editor Kumpulan Bahasa Melayu, manakala penerbitan berbahasa Inggeris dikendalikan oleh Editor Kumpulan Bahasa Inggeris. Kedua-duanya kembali disatukan pada tahun 1998 apabila Datuk A Kadir Jasin, ketika itu Editor Kumpulan Bahasa Inggeris dilantik sebagai Ketua Editor Kumpulan. Siapa juga yang menjadi Ketua Pengarang Kumpulan akan bertindak sebagai supremo editorial kesemua penerbitan di bawah kumpulan itu.

Apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1993, beliau turut mengukuhkan kedudukan dengan menempatkan pengarang-pengarang kepercayaannya di akhbar-akhbar berkenaan. Seorang pegawai bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Johan Jaaffar dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Utusan bagi mengganti-

kan Datuk Zainuddin Maidin yang dilantik sebagai Penasihat Editorial. Bagi kumpulan NSTP pula, Datuk Nazri Abdullah dilantik sebagai supremo editorial bagi akhbar-akhbaranya dan juga di TV3. Apabila Tun Dr. Mahathir bermasalah dengan Datuk Seri Anwar, antara tindakan awal yang beliau ambil sebelum hubungan bermasalah itu menjadi perang terbuka ialah menyusun semula kepimpinan editorial kedua-dua akhbar itu. Tun Daim Zainuddin yang ketika itu bendahari UMNO dan Menteri Kewangan diamanahkan untuk melaksanakan tugas tersebut dibantu oleh Datuk Ahmad Sebi Abu Bakar dan Datuk A Kadir Jasin untuk mencari calon yang sesuai bagi menerajui akhbar-akhbar berkenaan.

Datuk Johan Jaaffar yang dianggap sebagai hulubalang media Datuk Seri Anwar telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Utusan pada Jun 1998 apabila jelas bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim akan kehilangan kedudukannya. Tempat beliau pula diberikan kepada timbalannya, Datuk Khalid Mohamad. Menurut satu sumber, Datuk Khalid sebenarnya patut menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan bagi menggantikan Datuk Zainuddin lebih awal lagi. Pada waktu itu, Tun Dr. Mahathir sudah bersetuju dengan pelantikan Datuk Khalid. Akan tetapi, Datuk Seri Anwar yang ingin menempatkan orang kepercayaannya telah berjaya mempengaruhi Tun Dr. Mahathir supaya melantik Datuk Johan Jaaffar, seorang editor di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Ketua Pengarang Kumpulan. Datuk Khalid sebaliknya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan. Perubahan di Kumpulan Utusan itu menggambarkan betapa kuatnya pengaruh Datuk Seri Anwar ke atas Tun Dr. Mahathir pada waktu itu. Malah Tan Sri Khalid Abdullah ketika itu, berusaha untuk mengekalkan kedudukan Datuk Zainuddin sebagai Ketua Pengarang Kumpulan kerana beliau sudah hampir usia bersara. Datuk Seri Anwar menolak permintaan itu dan apabila Tan Sri Khalid melengah-lengah pengumuman pelantikan Datuk Johan kerana beliau mahu bertemu Tun Dr. Mahathir terlebih dahulu tentang pelantikan itu, beliau telah dimarahi oleh Datuk Seri Anwar dengan kata-kata yang agak kasar. Datuk Seri Anwar mengarahkan Tan Sri Khalid supaya mengumumkan pelantikan itu serta-merta tanpa perlu menunggu Tun Dr. Mahathir pulang dari lawatannya ke Jepun. Dalam keadaan itu, Tan Sri Khalid yang ketika itu berada di Alor Star terpaksa memanggil satu sidang

akhbar untuk mengumumkan perubahan kepimpinan editorial di Kumpulan Utusan.

Bagi Kumpulan NSTP pula, Datuk A Kadir Jasin dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan pada pertengahan tahun 1998. Perkhidmatan Datuk Nazri Abdullah, seorang lagi hulubalang media Datuk Seri Anwar sebagai Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd ditamatkan. Datuk Nazri sebenarnya pernah dipecat beberapa bulan sebelum itu kerana tulisannya yang kritikal terhadap Tun Dr. Mahathir dalam ruangannya di *Berita Minggu*. Walau bagaimanapun, menurut Datuk Kadir, setelah beliau membuat rayuan dan memohon maaf terhadap keterlanjurannya itu daripada Tun Dr. Mahathir dan atas nasihat Datuk Hashim Makaruddin, kedudukan beliau dikenalkan. Akan tetapi, apabila Tun Dr. Mahathir berbalah dengan Datuk Seri Anwar, beliau ingin memastikan bahawa seorang yang setia kepada beliau ditempatkan di Berita Harian. Supremo editorial TV3, merangkap Pengarah Operasinya, Yunus Said juga meninggalkan stesen televisyen swasta itu. Manakala Datuk Kadir, selaku Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, bertanggungjawab terhadap dasar-dasar editorial di Divisyen Berita dan Ehwal Semasa TV3. Namun begitu, semasa pilihan raya umum November 1999, terdapat perselisihan pendapat antara Datuk Kadir dengan kepimpinan politik yang menyebabkan beliau diminta untuk melepaskan kawalan editorial ke atas kumpulan NSTP. Datuk Seri A Rahman Maidin mengambil alih tanggungjawab menentukan dasar-dasar editorial kumpulan NSTP dengan dibantu oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada dua orang penasihat utama iaitu Tan Sri Samad Ismail dan Datuk Mazlan Noordin. Kedua-dua mereka ialah wartawan veteran dan pernah berkhidmat dengan NSTP. Selepas pilihan raya umum 1999, perkhidmatan Datuk Kadir secara rasmi ditamatkan. Tidak lama lepas itu, Tan Sri Abdullah Ahmad yang sudah pun dilantik Pengarah Eksekutif, diamanahkan tanggungjawab sebagai Ketua Pengarang Kumpulan sehingga perkhidmatan beliau ditamatkan pada pertengahan November 2004.

Sebelum dituduh tidak wujud kebebasan akhbar dan media di negara ini, perlu dijelaskan bahawa walaupun UMNO mempunyai kepentingan dalam dua organisasi media ini, baik secara langsung atau tidak langsung, namun parti itu tidak mengendalikan kedua-dua syarikat akhbar itu sebagai lidah rasminya. Sebaliknya pengurusan dilakukan secara profesional. Akhbar-

akhbar yang diterbitkan oleh Kumpulan Utusan, Kumpulan NSTP dan juga TV3 dianggap sebagai institusi nasional. Lantaran itu, dalam liputan-liputannya, ia turut memuatkan berita-berita tentang pembangkang meskipun kecenderungannya adalah untuk menggambarkan pembangkang dalam konteks yang negatif. Akan tetapi, pendekatan mereka tidaklah seterus *Harakah*, lidah rasmi Pas. Temu ramah terpilih dengan pemimpin Pas turut disiarkan oleh akhbar-akhbar nasional itu. Malah bukan rahsia lagi bahawa organisasi seperti Kumpulan Utusan dan NSTP turut menempatkan para wartawan yang bersimpati dengan parti pembangkang dalam jabatan editorial masing-masing.

Sekurang-kurangnya, itulah tanggapan bekas Timbalan Menteri Penetrangan, Datuk Zainuddin Maidin. Tanggapan itu seolah-olah benar kerana ada antara wartawan yang berkhidmat dengan media arus perdana itu, menyertai parti-parti pembangkang selepas mereka menamatkan perkhidmatan dengan Kumpulan Utusan atau NSTP. Pegawai Akhbar Presiden Pas, Datuk Seri Hadi Awang iaitu Suhaimi Mokhtar, sebelum berkhidmat dengan bekas Menteri Besar Terengganu itu merupakan Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan sehingga beliau bersara pada usia 55 tahun. Begitu juga dengan Mohamed Jusoh, pernah menjadi Ketua Editor Warta Darul Iman, suara rasmi kerajaan negeri Terengganu sebelum PAS tewas pada pilihan raya umum 21 Mac 2004. Sebelum bersara dan berkhidmat dengan kerajaan Pas, beliau ialah Ketua Penyunting dengan Kumpulan Utusan. Shukor Harun, yang pernah berkhidmat dengan lidah rasmi Pas, *Harakah* juga pernah berkhidmat dengan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Roslan Hamid, seorang lagi wartawan *Harakah*, sebelum menyertai lidah rasmi Pas ialah Pengarang Berita Luar Negara di *Berita Harian*. Cerpen-cerpen beliau masih disiarkan oleh *Berita Minggu* sekali-sekala. Bekas Ketua Penerangan Pas, Subky Latif, pada satu ketika juga seorang wartawan Utusan. Penghijrahan wartawan bukan saja berlaku daripada media arus perdana ke akhbar rasmi PAS. Penghijrahan dari *Harakah* ke media arus perdana juga berlaku. Pada waktu ini, beberapa orang pengarang kanan media arus perdana juga pernah berkhidmat dengan lidah rami PAS. Malah para pengkaji media berpendapat penghijrahan serupa itu akan menjadi amalan biasa pada masa-masa akan datang sama seperti ahli-ahli Pas menyertai UMNO dan ahli UMNO menyertai Pas.

## PERUBAHAN KEPIMPINAN EDITORIAL NSTP

Sewaktu Datuk Seri Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Ketua Pengarang Kumpulan NSTP yang bertanggungjawab menerbitkan empat akhbar harian iaitu *The New Straits Times*, *The Malay Mail*, *Berita Harian* dan *Harian Metro* ialah Tan Sri Abdullah Ahmad. Beliau yang juga Pengarah Eksekutif ditempatkan di kedudukan itu oleh Tun Dr. Mahathir. Akan tetapi, bukan menjadi amalan Datuk Seri Abdullah untuk menukar Ketua Pengarang mana-mana akhbar yang UMNO mempunyai kepentingan. Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid kekal dengan jawatannya. Namun, dibabkan satu tulisan Tan Sri Abdullah dalam NST yang mengkritik cara keluarga diraja Arab Saudi mentadbir negara itu telah menimbulkan kemarahan pimpinan negara Arab itu Datuk Seri Abdullah tiada pilihan lain kecuali meminta Lembaga Pengarah NSTP menamatkan perkhidmatan Tan Sri Abdullah sebagai Ketua Pengarangnya. Hal ini kerana tulisan itu boleh membawa masalah kepada hubungan baik antara Kuala Lumpur dengan Riyadh.

Walaupun pada mulanya ada ramalan bahawa Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif ISIS, Tan Sri Noordin disebut-sebut akan menggantikan Tan Sri Abdullah, tetapi akhirnya yang dilantik untuk mengisi kekosongan itu ialah Datuk Kalimullah Hassan. Datuk Kalimullah yang sebelum itu Pengerusi Bernama, memulakan tugas barunya sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pengarang Kumpulan berkuatkuasa 1 Januari 2004. Beliau ialah seorang wartawan yang berpengalaman. Pernah berkhidmat sebagai wartawan dengan beberapa akhbar, termasuk *The Star* dan *Straits Times Singapura*. Beliau juga sudah mengukir nama sebagai seorang tokoh korporat yang berjaya. Sebelum menyertai dunia bisnes, Datuk Kalimullah pernah menjadi Setiausaha Akhbar kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba.

Menyedari sensitiviti penamatkan perkhidmatan Tan Sri Abdullah yang mungkin boleh disalahafsirkan sebagai dipengaruhi oleh politik dalaman UMNO, maka Datuk Seri Abdullah telah membawa perkara itu ke mesyuarat Pengurusan UMNO yang beliau pengerusikan pada 19 November 2004. Dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri memaklumkan bahawa tulisan itu menyebabkan Riyadh mengemukakan nota bantahan dengan ingatan tersirat jika tiada tindakan diambil, ia mungkin mengeruhkan hubungan baik

Malaysia dengan Arab Saudi. Tanda-tanda awal ke arah itu sudah pun kelihatan. Apabila Datuk Seri Abdullah mengadakan majlis berbuka puasa untuk para diplomat asing, satu sumber memberitahu Duta Besar Arab Saudi dikatakan tidak hadir. Permohonan Malaysia untuk mendapat jumlah tambahan bagi jemaah haji Malaysia bagi musim haji 2004, juga khabarnya tidak dilayan. Buat pertama kalinya, Malaysia hanya menghantar 25000 jemaah haji ke Mekah. Lazimnya bilangannya ialah 40000 orang walaupun kuota ditetapkan ialah 25000 orang saja.

Sudah tentu sebab sebenar Tan Sri Abdullah itu ditamatkan perkhidmatan akan menjadi perbahasan untuk beberapa waktu. Datuk Seri Abdullah sudah pun menjelaskan bahawa keputusan itu tiada kaitan dengan pendirian dan tulisan Tan Sri Abdullah yang memang tidak begitu disenangi di kalangan sesetengah pemimpin UMNO. Ini termasuk tulisan-tulisan beliau yang seolah-olah menyukarkan usaha UMNO Kelantan untuk menawan semula negeri itu dan tulisan-tulisan beliau yang terus-menerus melobi pelantikan Datuk Seri Mohd Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri, walaupun Datuk Seri Abdullah meminta soal pelantikan TPM tidak lagi dibincangkan secara terbuka oleh media. Tan Sri Abdullah tidak menghiraukan permintaan itu sebaliknya terus berhujah mengapa jawatan itu perlu diberi kepada Datuk Seri Najib. Malah pada satu analisis beliau yang menyokong pelantikan Datuk Seri Najib memberi peringatan bahawa jika Datuk Seri Najib tidak dilantik sebagai timbalan, Pahang akan jatuh ke tangan Pas.


Penamatkan perkhidmatan Tan Sri Abdullah itu bagaimanapun menggembirakan beberapa pihak. UMNO Kelantan, terutama Ketua Perhubungannya, Datuk Mustapha Mohamed yang memang tidak senang dengan tulisan-tulisan beliau yang mengatakan BN tidak akan berjaya menawan semula negeri Cik Siti Wan Kembang itu, berasa lega. Datuk Mustapha beberapa kali mengadu kepada Tun Dr. Mahathir sebelum ini tentang tulisan Tan Sri Abdullah yang dianggap mengkhianati dan menyukarkan tugas UMNO Kelantan, tetapi tidak diendahkan. Majalah *Far Eastern Economic Review* pula berpendapat, keputusan Datuk Seri Abdullah menamatkan perkhidmatan Tan Sri Abdullah merupakan peringatan kepada orang lain bahawa sebagai Perdana Menteri beliau tidak akan bertoleransi dengan orang bawahan yang ingkar.

## PENGERUSI BARU BERNAMA


Pelantikan Datuk Kalimullah Hassan sebagai Ketua Pengarang Kumpulan NSTP telah memberi ruang untuk Menteri Penerangan dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan persetujuan Perdana Menteri tentunya mengisi kekosongan jawatan Pengerusi Bernama. Pengisian itu diumumkan pada 16 Februari 2004. Pengarah Eksekutif Kumpulan Berjaya, Datuk Mohamad Anuar Zaini yang pernah berkhidmat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam sebagai setiausaha sulit, telah dilantik ke jawatan itu berkuatkuasa 1 Februari untuk tempoh dua tahun. Datuk Anuar Zaini ialah seorang yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam. Lulusan ijazah pertama dalam bidang ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ini pernah berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi Perak, di Kementerian Pertahanan serta di Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia. Beliau pernah menjadi Pengurus Besar Yayasan Perak dan juga pernah berkhidmat dengan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada satu waktu. Selain itu juga, beliau mempunyai ijazah sarjana dalam bidang undang-undang dan diplomasi dari Tufts University di Amerika Syarikat. Selain menjadi Pengarah Eksekutif Kumpulan Berjaya, Datuk Mohamad Anuar juga merupakan Pengerusi Intan Utilities Sdn Bhd, anggota Lembaga Pengarah Projek Penyelenggaraan Lebuh Raya Berhad, Linkedua Malaysia Berhad dan Ekpress Lingkaran Tengah Berhad.

## RUMUSAN

Ternyata beberapa ketika sebelum menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah telah memikirkan perubahan-perubahan yang hendak beliau lakukan di kalangan pasukan pembantu beliau, termasuk dalam pasukan media. Sebuah unit komunikasi ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri, diketuai oleh seorang pegawai khas, Kamal Khalid, lulusan undang-undang. Beliau juga melantik setiausaha akhbar dan penolong setiausaha akhbar yang baru. Kecenderungan beliau adalah untuk membawa masuk generasi muda di tempat-tempat yang strategik mengelilingi beliau sebagai pembantu dan penasihat. Mereka pula terdiri daripada kalangan yang mempunyai latar belakang pendidikan terbaik daripada universiti-universiti ternama di luar negara.



# AGENDA KERJA



## BAB 6

---

### KESINAMBUNGAN —JANJI DI PARLIMEN

Apabila dinamakan sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir pada 22 Jun 2002 sehinggalah beliau benar-benar mengambil alih jawatan itu pada 31 Oktober 2003. Datuk Seri Abdullah beberapa kali ditanya tentang perubahan yang bakal diperkenalkan apabila mengambil alih pimpinan negara. Setiap kali pertanyaan itu diajukan oleh para wartawan, beliau secara tegas memberitahu "saya akan meneruskan dasar-dasar yang telah diinstitusikan oleh Perdana Menteri sedia ada." Beliau juga membayangkan tidak akan berlaku perubahan radikal dalam hala tuju kerajaan kerana yang berlaku apabila beliau menjadi Perdana Menteri, bukan satu perubahan rejim tetapi apa yang beliau andaikan sebagai perubahan pemandu kereta. Jika sebelum 31 Oktober 2003, kereta bernama Malaysia dipandu oleh Tun Dr. Mahathir selama 22 tahun, 3 bulan dan 15 hari, tetapi selepas tarikh itu pemandunya ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Destinasi yang hendak dituju tetap sama iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri seperti yang digariskan oleh Wawasan 2020. Perakuan untuk meneruskan apa juga yang telah dirintis oleh Tun Dr. Mahathir ini dinyatakan secara rasmi oleh Datuk Seri Abdullah pada ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri di Parlimen pada 3 November 2003. Dalam ucapan itu, beliau bukan saja merakamkan terima kasih kepada Tun Dr. Mahathir kerana telah mewariskan kepada beliau sebuah negara yang berjaya. Beliau turut menggariskan keutamaan-keutamaan agenda

beliau dalam membangunkan negara yang diasaskan pada kesinambungan itu. Janji beliau di Parlimen itu tentulah bermakna kerana dalam demokrasi berparlimen, badan legislatif itu bukan sekadar menggubal undang-undang, tetapi merupakan tempat wakil rakyat yang dipilih setiap lima tahun sekali, berhimpun.

## WAWASAN 2020 KEKAL

Selain menyatakan penghargaan terhadap Tun Dr. Mahathir, Datuk Seri Abdullah juga memberi jaminan bahawa Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir “akan terus menjadi inspirasi dalam memacu kita melakukan pembangunan secara komprehensif untuk mencapai taraf negara maju.” Memandangkan Wawasan 2020 ini kekal sebagai tonggak pembangunan di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah, elok jika intipati wawasan yang mempunyai sembilan cabaran strategis diuraikan secara ringkas di sini.

Antara cabaran itu ialah:

1. Membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berdasarkan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.
2. Melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri, bangga dengan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya serta cukup tangkas untuk menghadapi segala rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.
3. Membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan suatu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berdasarkan muafakat dan musyawarah serta dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun lain.

4. Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral etiknya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.
5. Membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleran, dengan setiap warga bangsa Malaysia tanpa mengira keturunan maupun kepercayaannya, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing tanpa berasa terpisah daripada bangsa tersebut.
6. Membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan saja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.
7. Membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebijakan rakyat tidak diasaskan pada negara maupun individu, tetapi pada satu sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.
8. Menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya. Masyarakat itu akan menjamin pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, dengan kamajuan ekonominya dinikmati oleh setiap rakyatnya. Masyarakat yang sedemikian tidak akan terbentuk selagi terdapat penentuan fungsi ekonomi berdasarkan kaum dan pemusatan kemunduran ekonomi kepada kelompok-kelompok kaum tertentu.
9. Membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan.

Pada ucapan di Parlimen itu, Datuk Seri Abdullah juga berikrar untuk menjadikan Dasar Wawasan Negara yang diperkenalkan bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru sebagai rangka strategik kepada dasar ekonomi negara. Tegas beliau, "Semangat Dasar Ekonomi Baru yang dapat membina perpaduan nasional dan agenda membasmi kemiskinan tidak harus sama sekali diabaikan. Semangat perkongsian kuasa yang menjadi kekuatan kita berkerajaan dan bernegara akan diperkuatkan. Amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen didukung dengan menghormati piagam pembahagi-

an kuasa antara kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman, nyata terbukti memberikan satu bentuk semak dan timbang yang amat berkesan untuk menyekat sebarang salah guna kuasa daripada berlaku." Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa, "hari ini saya mewarisi tanggungjawab kepimpinan bagi sebuah negara yang telah mencapai kejayaan. Tugas dan tanggungjawab berat ini tidak mungkin dapat dilakukan secara berseorang."

## **IKRAR-IKRAR LAIN DI PARLIMEN**

Selain berikrar untuk meneruskan dasar-dasar Tun Dr. Mahathir, dalam ucapan sulungnya di Dewan Rakyat pada 3 November 2003, Datuk Seri Abdullah buat pertama kalinya turut memberi bayangan tentang agenda yang akan diperjuangkan, keutamaan-keutamaan yang akan beliau berikan dalam pembangunan dan pendirian beliau selaku Perdana Menteri tentang isu-isu besar negara. Antara lain beliau bercakap tentang komitmen terhadap demokrasi, kepimpinan politik, menghadapi ancaman ekstremisme, keganasan dan militan, pembangunan manusia yang diasaskan kepada kreativiti dan inovasi, pembentukan budaya dan pemikiran dunia pertama, melahirkan pekerja berpengetahuan, meneroka pertumbuhan ekonomi negara, pembangunan luar bandar bagi meningkatkan sumber kekayaan penduduk desa serta melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Beliau turut menyentuh peranan baru sektor swasta sebagai pencipta peluang-peluang baru ekonomi. Peranan sektor awam bukan sekadar sebagai pengawal selia dan penguatkuasa, tetapi sebagai pemudah cara sektor swasta, membanteras rasuah, mengukuhkan keutuhan negara melalui penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan telus, penyertaan tenaga muda dan wanita dalam pembangunan, cabaran globalisasi serta peranan negara di pentas dunia.

Bagi kepimpinan politik, Datuk Seri Abdullah berkata, "Kepimpinan politik perlu memperlihatkan sebaik-baik contoh. Kepimpinan politik akan berkesan jika dapat dihormati. Kepimpinan politik perlu memperlihatkan sifat-sifat kejujuran, kerajinan, ketekunan dan kesungguhan, menjadi penggerak dan peneraju kepada kepimpinan-kepimpinan lain. Kepimpinan politik perlu memperlihatkan sikap terbuka, bersedia menerima teguran untuk

menyuburkan budaya demokrasi. Kepimpinan politik perlu mencerminkan imej bersih, bebas daripada tohmahan dan amalan rasuah serta mengamalkan hidup sederhana."

Menyentuh tentang demokrasi, Datuk Seri Abdullah menghuraikan baha-wa, "amalan demokrasi subur jika semangat demokrasi dapat dipamerkan secara penuh tanggungjawab oleh pelbagai pihak. Perlu diingatkan bahawa demokrasi tidak bererti kebebasan mutlak. Isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama, kaum, budaya dan bahasa, jangan sama sekali disensasikan, sementara isu-isu yang boleh menjelaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam perlu ditangani secara tegas."

Berkenaan pelampau, Datuk Seri Abdullah menegaskan, "Kita perlu tegas dalam menghadapi ancaman ekstremisme, keganasan dan militan. Ketegasan kerajaan dalam menangani ancaman sedemikian perlu diberi sokongan padu, demi menjamin keselamatan negara terkawal dan ketenteraman awam tidak terjejas. Warga Malaysia perlu didewasakan menjadi warga bertanggung-jawab berpandukan prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu membina masyarakat yang diasaskan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan.

Datuk Seri Abdullah, pada ucapannya di Dewan Rakyat itu, turut memberi penekanan terhadap pembangunan manusia. Kata beliau, "Kejayaan yang diwarisi hari ini tidak mungkin kekal jika kreativiti dan inovasi tidak dijadikan sebahagian daripada budaya masyarakat Malaysia. Kemudahan fizikal bertaraf dunia pertama, perlu diperlengkap dengan warga negara yang berfikiran dan berbudaya dunia pertama. Pembangunan sumber manusia perlu ditingkatkan supaya warga negara yang diimbangkan pembangunan dari segi fizikal, mental dan spirituul. Manusia merupakan input terpenting dalam ekonomi berlandaskan pengetahuan. Oleh itu, negara perlu memastikan bahawa pendidikan berkualiti disediakan untuk memberi seluas-luas peluang kepada setiap warga negara memperoleh tahap pendidikan setinggi yang boleh. Di samping usaha ke arah membekalkan ilmu dan meningkatkan kemahiran, pengisian dalaman amatlah penting dalam membangunkan barisan warga yang memiliki jati diri dan daya tahan untuk menghadapi persaingan dunia sejagat. Sistem nilai yang betul perlu dipupuk demi melindung warga negara daripada terlalu dilanda budaya materialistik hingga sanggup

melakukan apa saja kerana kepentingan kebendaan atau kepentingan sempit kumpulan dan peribadi."

Berkenaan penerokaan sumber baru ekonomi negara, Perdana Menteri ke-5 ini berpendapat, "pendekatan baru menguruskan kegiatan ekonomi sedia ada perlu dirintis demi menjamin daya saing dan daya tahan negara dapat dipertingkatkan. Pembahagian peluang ekonomi perlu memperlihatkan kesaksamaan yang dinikmati oleh seramai mungkin rakyat."

Pembangunan luar bandar juga mendapat keutamaan daripada Datuk Seri Abdullah. Azam beliau merangkaikan pembangunan desa dalam "arus perdana ekonomi melalui program yang dapat meningkatkan sumber kekayaan penduduk desa. Masyarakat Malaysia hendaklah berani menghadapi dan melakukan perubahan. Bidang-bidang teknologi komunikasi dan maklumat, bioteknologi, sains dan teknologi serta pertanian moden masih belum cukup diterokai dan untuk itu amat perlu dipertingkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan."

Melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian serta Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera terus diberi penekanan. Kata beliau agenda pembangunan masyarakat bumiputera hendaklah mencerminkan kesaksamanan pembahagian dan diasaskan kepada meritokrasi di kalangan masyarakat bumiputera supaya mereka akan benar-benar dihormati keupayaannya; supaya keadilan dapat benar-benar diamalkan di kalangan sesama bumiputera.

Berkenaan peranan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi, Datuk Seri Abdullah menghuraikan bahawa sektor swasta diharap memainkan peranan lebih penting dan aktif terutama mencipta peluang-peluang baru ekonomi sekali gus menyediakan pekerjaan.

Seiring dengan itu, beliau menegaskan "sektor awam hendaklah secara lebih radikal mengubah daripada hanya peranan kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang, kepada peranan pemudah cara, membantu secara berkesan menjayakan usaha dan peranan sektor swasta dengan kadar lebih cekap, lebih cepat serta lebih telus. Sektor awam berperanan penting memastikan dasar-dasar negara dilaksanakan secara berkesan—secara telus, mencerminkan imej perkhidmatan yang bersih dan bebas daripada rasuah."

Bagi kakitangan awam, pesanan pertama Datuk Seri Abdullah, "mereka hendaklah menghayati sedalam-dalamnya slogan Bersih, Cekap dan Amanah sehingga dapat dijelmakan dalam budaya kerja dan dapat mempamerkan

corak kepimpinan melalui teladan. Layanan mesra dan saksama kepada rakyat terutama kepada kumpulan bawahan, di kalangan warga miskin, di kalangan rakyat biasa, di kalangan yang tidak berpangkat dan tidak berkedudukan, di kalangan yang tidak memiliki nama besar dan tidak mempunyai gelaran, amat perlu diutamakan.

Untuk itu, Datuk Seri Abdullah meminta mereka menjauhi rasuah yang dianggap amalan jijik itu. Pendekatan lebih berkesan tentang rasuah hendaklah diterokai. Pendekatan pencegahan sama penting dengan pendekatan punitif.

Peningkatan kadar jenayah turut mendapat perhatian Datuk Seri Abdullah pada ucapan sulungnya di Parlimen itu. Beliau mengaitkan fenomena itu dengan keutuhan negara. Kata beliau, "keutuhan negara bertambah jika undang-undang dikuatkuasakan secara tegas dan telus. Keberkesanan pencegahan jenayah perlu ditingkatkan. Jenayah yang mempengaruhi nilai moral perlu dibanteras. Kumpulan-kumpulan yang menjalankan rangkaian gelap perlu diperangi dan mereka yang bersubahat dengan kumpulan tersebut perlu didedahkan. Keselamatan harta benda dan diri terutama bagi wanita, kanak-kanak dan pengunjung ke negara ini perlu dijamin melalui komitmen dan kesungguhan pihak-pihak bertanggungjawab yang menjalankan tugas.

Penyertaan golongan muda dan wanita dalam pembangunan mendapat perhatian khusus Datuk Seri Abdullah. Kata beliau, "negara kita bukan saja muda dari segi usia, tetapi memiliki komposisi rakyat yang majoritinya muda. Malaysia perlu menjadi bumi tempat bertapak dan langit tempat memberi naungan memenuhi harapan generasi muda. Oleh itu, penyertaan warga muda hendaklah digalakkan. Tenaga, fikiran, dan idealisme warga muda perlu dibawa dalam arus perdana pembangunan negara dengan menggalakkan perkembangan minda dan intelek, mencambahkan idea, inovasi, ciptaan dan kreativiti.

Berkenaan wanita, Datuk Seri Abdullah berkata, "mereka merupakan 50 peratus daripada komposisi rakyat, layanan seimbang tanpa prejudis dan diskriminasi terhadap wanita perlu diperlihatkan baik di peringkat penggalan dasar, di peringkat pelaksanaan dan di peringkat penyertaan. Peranan mereka perlu diiktiraf kepentingannya.

Mengenai Malaysia dan dunia, Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa "globalisasi serta teknologi komunikasi dan maklumat telah menjadikan

dunia hari ini semakin berangkai. Negara tidak lagi dan tidak boleh hidup secara isolasi. Kita perlu bertekad membangunkan negara menjadi satu wadi di rantau ini, menarik pelaburan asing, meningkatkan perdagangan antarabangsa serta menjayakan pertemuan budaya. Dalam menghadapi cabaran permainan politik kuasa besar, kerajaan tidak akan mengorbankan kepentingan negara dan sama sekali tidak berkompromi dalam mempertahankan kedaulatan negara bangsa. Malaysia kekal dan tetap tegas dengan pendirian menuntut keadilan sejagat. Kita akan melakukan pelbagai ikhtiar bagi memastikan ekonomi dunia lebih saksama dan aturan politik dunia dilandaskan kepada undang-undang antarabangsa. Prinsip ini akan kita jadikan pegangan dalam memenuhi peranan sebagai Pengurus NAM dan OIC.”

## RUMUSAN

Ucapan sulung Datuk Seri Abdullah di Dewan Rakyat, selaku Perdana Menteri, jelas menggambarkan bahawa program pembangunan yang ingin dilaksanakan setelah menerajui kerajaan tidak diasaskan pada kekosongan sosial. Sebaliknya bertunjangkan kepada pendekatan yang realistik. Perubahan akan dilakukan, tetapi didasari pada kesinambungan dengan matlamat untuk memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan dasar serta program pembangunan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, apa juga pembaharuan yang hendak dilakukan, Wawasan 2020 yang berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuannya yang tersendiri kekal sebagai *guiding principle* pembangunan negara di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah.

## BAB 7

---

### SAYA HAMBA, BUKAN TUAN

Mereka yang tidak begitu mengenali Datuk Seri Abdullah secara dekat, ada yang tertanya-tanya apakah pembawaan beliau sebagai seorang ketua kerajaan? Apakah tanggapan beliau terhadap kedudukan Perdana Menteri? Apakah beliau akan menjadi seorang yang sombong dan riak? Pertanyaan ini dibangkitkan oleh sesetengah pihak kerana dalam bahasa Inggeris terdapat pepatah yang mengatakan, *where you stand depends on where you sit* (di mana pendirian anda bergantung pada di mana kedudukan anda). Pepatah ini membayangkan bahawa yang akan menentukan pembawaan seseorang itu ialah kedudukan beliau dalam masyarakat. Pandangan ini berpendapat bahawa kedudukan seseorang sama ada rendah atau tinggi akan menentukan gelagat dan pembawaannya.

Dalam kata-kata lain, manusia boleh berubah dengan kedudukan yang diperoleh. Dalam banyak hal, lagi tinggi kedudukan yang disandang, lagi hebatlah lagaknya sehingga ada yang lupa daratan seperti yang dialami oleh si Tanggang. Setelah berkahwin dengan seorang puteri dan menjadi nakhoda kepercayaan raja, dia memandang hina terhadap ibunya sendiri yang telah melahirkannya semata-mata kerana mahu menjaga status barunya. Apabila ibunya datang menemui beliau membawa bersama-samanya makanan kegemaran beliau semasa belum menjadi terkenal, si Tanggang pura-pura tidak mengenali perempuan itu dan meminta orang bawahannya menghalau wanita yang selama sembilan bulan sepuluh hari mengandungkannya dan kemudian membesarinya.

Memanglah tidak ada yang menjangka Datuk Seri Abdullah akan menjadi seperti si Tanggang. Akan tetapi, yang ingin mereka tahu, apakah kedudukan

tinggi sebagai Perdana Menteri akan mengubah karakter beliau yang memang terkenal dengan sikap lemah lembut dan merendah diri itu?

## REAKSI AWAL APABILA DINAMAKAN SEBAGAI PM

Tiga Perdana Menteri sebelum Datuk Seri Abdullah tidak diberi notis yang lama untuk memegang jawatan itu. Tun Razak hanya benar-benar tahu akan menjadi Perdana Menteri apabila Tunku Abdul Rahman membuat keputusan untuk bersara apabila anak saudaranya dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong pada akhir tahun 1970. Tun Hussein secara mendadak menjadi Perdana Menteri berikutan kematian Tun Razak pada tahun 1976. Tun Dr. Mahathir juga tidak diberi masa yang lama untuk mengetahui dirinya akan mengambil alih pimpinan negara apabila secara tiba-tiba Tun Hussein membuat keputusan untuk bersara atas sebab-sebab kesihatan pada tahun 1981. Walau bagaimanapun, Datuk Seri Abdullah melalui proses yang sama sekali berbeza. Beliau dinamakan sebagai pengganti Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri melalui notis yang panjang iaitu 16 bulan daripada tarikh Tun Dr. Mahathir benar-benar bersara pada 31 Oktober 2003. Ini bermakna tidak seperti Tun Razak, Tun Hussein dan Tun Dr. Mahathir sendiri, Datuk Seri Abdullah mempunyai masa yang lama untuk mempersiapkan dirinya sebagai Perdana Menteri. Malah kalau beliau mahu, sebaik saja Tun Dr. Mahathir menetapkan bahawa beliau akan bersara pada penghujung Oktober 2003, beliau boleh mula berlagak sebagai Perdana Menteri. Beliau boleh menjadikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri yang tempang atau *lame duck Prime Minister*.

Namun, keadaan serupa itu tidak berlaku. Datuk Seri Abdullah meneruskan tugasnya sebagai seorang timbalan yang setia, melaksanakan arahan dan tugas ketua. Ulasan beliau waktu itu ialah "Datuk Seri Dr. Mahathir masih Perdana Menteri. Saya timbalannya." Beliau juga berterima kasih kepada Tun Dr. Mahathir di atas kepercayaan yang diberikan untuk beliau mengambil alih kepimpinan negara. Beliau juga tidak lupa menyatakan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana telah mengamanahkan beliau penghormatan yang begitu besar kepada dirinya di dunia. Pada ucapan penggulungannya di

Perhimpunan Agung UMNO 2003, beliau berjanji untuk mengambil pendekatan yang tegas, adil dan saksama apabila menjadi Perdana Menteri. Akan tetapi, sehingga waktu beliau benar-benar mengambil alih itu tiba, dasar dan agenda negara masih ditentukan oleh Tun Dr. Mahathir. Malah Datuk Sharir Samad pernah memberitahu di kalangan para penyokong Datuk Seri Abdullah ada yang kecewa dengan sikap beliau itu. "Ada penyokong rapat Datuk Seri Abdullah berjumpa saya, menceritakan kekecewaan mereka dengan Datuk Seri Abdullah kerana beliau menolak cadangan mereka supaya Abdullah membuat strategi tertentu sebagai persiapan untuk mengambil alih kerajaan. Datuk Seri Abdullah bukan saja menolak, tetapi meminta mereka bekerja seperti biasa. Rancangan dan strategi ini lupakan."

Lantaran itu, ada yang beranggapan bahawa Datuk Seri Abdullah tidak begitu berkeinginan untuk menjadi Perdana Menteri—satu tanggapan yang jelas tidak betul. Ini dijelaskan oleh beliau dalam satu temu ramah dengan empat wartawan ASEAN dalam program *In Conversation* yang disiarkan oleh TV3, RCTI Indonesia, iTV Thailand dan ABS-CBN di Filipina.

Malah beliau selalu menekankan bahawa setelah menjadi Perdana Menteri, beliau tidak akan menyimpang daripada dasar-dasar yang diasaskan oleh Tun Dr. Mahathir dan tiga orang Perdana Menteri lain sebelum itu. Beliau menegaskan bahawa apa yang berlaku pada 31 Oktober 2003 bukanlah satu perubahan rejim tetapi pertukaran kepimpinan sebuah kerajaan yang sama. Seperti yang beliau pernah terangkan dalam satu temu ramah eksklusif dengan akhbar *The Star*, "Saya akan buat benda yang sama; saya anggota parti yang sama. Saya selalu katakan tidak berlaku pertukaran rejim. Ia satu perubahan kepimpinan kerajaan yang sama dan saya telah berada dalam Kabinet untuk banyak tahun. Kita bekerja atas dasar tanggungjawab bersama. Jadi, tanggungjawab bersama kekal serupa. Saya telah bertanggungjawab terhadap banyak keputusan secara kolektif, selaku anggota Kabinet dan Timbalan Perdana Menteri. Jadi, keputusan-keputusan itu samalah seperti dasar-dasar saya. Ini termasuk Wawasan 2020 yang mesti saya jayakan."

## BUKAN SI TANGGANG

Tidak seperti si Tanggang, Datuk Seri Abdullah ialah seorang anak yang taat kepada orang tua. Beliau juga anak yang menghargai pengorbanan yang dila-

kukan oleh bapa dan ibunya dalam mendidik, mengasuh dan membesarakan beliau sehingga menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. *Guiding principle* dan *road map* yang telah diberikan oleh kedua-dua ibu bapanya tidak pernah dipinggirkan oleh beliau, baik sewaktu berkhidmat sebagai pegawai kerajaan mahupun setelah menyertai politik. Ketika bapanya masih ada, apa juga kegembiraan dan kejayaan hidupnya turut dikongsi bersamanya. Selepas bapanya meninggal dunia pada Mei 1977, ibu tersa yang pula yang merupakan tempat beliau berkongsi apa juga suka duka.

Malah nasihat terbuka yang diberikan oleh bonda beliau pada hari pelantikan sebagai Perdana Menteri, menjadi pegangan beliau sampai bila-bila. Nasihat Datuk Khailan kepada anak sulungnya itu dinyatakan dalam satu temu ramah dengan wartawan TV3, Yusanani Yushak menerusi siaran langsung pada petang 31 Oktober 2003. Yusanani bertanya, "oleh kerana sekarang Datuk Seri Abdullah sudah menjadi Perdana Menteri, apakah pesanan kepada anaknya itu?" Dalam bahasa yang mudah, Datuk Khailan yang jelas bersyukur dengan pencapaian anaknya itu berkata, "Senantiasa ingat Tuhan, buat kerja baik-baik, jangan bangga diri, ingat orang bawah dan jangan gaduh-gaduh." Ditanya lebih lanjut apakah beliau akan merindui anaknya yang akan sibuk dengan urusan negara? Datuk Khailan tidak menyembunyikan perasaannya. "Rindu tetap rindu. Emak mana yang tidak rindu dengan anak. Tetapi jika negara lebih memerlukan anak saya, negara ambillah. Saya reda." Betapa mulianya hati seorang ibu yang sanggup melepaskan anaknya demi bangsa, agama dan negara.

Dalam temu ramah dengan Datuk Seri Abdullah sempena seratus hari menjadi Perdana Menteri pada awal Februari 2004, Eksekutif Editor TV3, Fuad Abdul Rahman membangkitkan semula nasihat Datuk Khailan (waktu itu sudah pulang ke rahmatullah) seperti yang ditanya pada sesi temu ramah dengan Yusanani Yushak itu. Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa nasihat bondanya itu meresap dalam ke dalam dirinya dan senantiasa menjadi prinsip yang memandu beliau sebagai Perdana Menteri. Kata beliau, "Sebenarnya banyak nasihat ibu saya mempengaruhi cara saya dan hubungan saya dengan orang lain. Walaupun ibu saya sudah tidak ada lagi, nasihat dan ingatannya masih saya simpan dalam ingatan saya. Saya cukup menghargai nasihatnya."

Sudah menjadi tabiat semula jadi Datuk Seri Abdullah, setiap kali beliau diberi jawatan lebih tinggi setelah menyertai politik, beliau akan pulang ke

kampung halamannya di Kepala Batas untuk mengucup tangan ibunya dan memohon restu dalam kerjaya barunya. Ini dilakukan selepas beliau terpilih sebagai ahli Parlimen Kepala Batas pada tahun 1978, selepas beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen pada tahun yang sama; Timbalan Menteri setahun kemudian; menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1981; Menteri Pelajaran pada 1982 dan Menteri Pertahanan pada tahun 1986. Apabila beliau kembali ke dalam Kabinet selaku Menteri Luar pada tahun 1990 dan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999, beliau juga melakukan tindakan yang sama.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila beliau berjaya memanjang kemuncak pendakianya dalam kerjaya politik sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah tetap teringatkan ibunya. Sehari selepas mengangkat sumpah, beliau pulang sebagai Perdana Menteri, bertemu bonda tercinta dan segera mencium kedua-dua tangannya. Seluruh dunia menyaksikan perbuatan mulia Datuk Seri Abdullah itu sebagai tanda kesyukuran dengan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Kedudukan yang tinggi tidak mengubah beliau. Kaki beliau kekal bertapak teguh di bumi.

## **MOHON PETUNJUK DAN HIDAYAH ALLAH S.W.T**

Datuk Seri Abdullah ialah seorang yang tahu bersyukur dan berterima kasih. Sebaik saja rasmi menjadi Perdana Menteri pada petang 31 Oktober 2003, beliau menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana telah mentakdirkan beliau dengan satu kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran Malaysia. Beliau tidak menampakkan sebarang riak atau mahu bermegah-megah dengan kedudukannya sebagai Perdana Menteri yang memang menjadi idaman siapa juga yang menceburji politik dengan cita-cita besar. Beliau sebaliknya menanggap jawatan Perdana Menteri sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang cukup berat dan dengan kerja yang cukup banyak.

Kesedaran beliau ini terbayang dalam doa pada akhir ucapannya sewaktu membentangkan usul terima kasih terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir di Dewan Rakyat pada 3 November 2003 iaitu empat hari selepas beliau menjadi Perdana Menteri. Dengan nada penuh keinsafan beliau menyatakan, "Saya amat insaf betapa tanggungjawab ini menuntut saya

melaksanakan secara amanah, secara jujur, secara cekap, secara adil. Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh ahli-ahli yang berhormat, oleh rakyat keseluruhannya dan lebih daripada itu oleh Allah S.W.T. Kepada-Mu Ya Allah, hamba-Mu ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan."

## TUAN ATAU HAMBA

Pentadbiran sesebuah negara tidak boleh diuruskan oleh satu kelompok manusia. Orang politik melalui parti-parti politik akan mengambil alih kuasa menerusi pilihan raya umum yang diadakan dari semasa ke semasa, biasanya untuk tempoh tidak melebihi lima tahun. Setelah berjaya mendapatkan kuasa, parti berkenaan (secara sendiri atau gabungan) akan mendirikan kerajaan. Ketuanya akan bergelar Perdana Menteri atau Presiden atau Canselor di Jerman dan Austria. Mereka membentuk Kabinet untuk memerintah mengikut konsep jabatan atau kementerian. Mereka yang bergelar menteri atau setiausaha (di Britain dan Amerika) menjadi penentu dasar untuk negara masing-masing. Akan tetapi, untuk menjayakan dasar, mereka perlu mempunyai jentera pelaksana yang terdiri daripada kakitangan awam. Mereka bukan terdiri daripada orang politik dan biasanya berkhidmat secara tetap dengan skim perkhidmatan khusus. Untuk membezakan antara kakitangan awam dengan orang politik yang berkuasa itu, saintis politik telah mencipta istilah *political masters* atau tuan politik untuk merujuk kepada mereka yang menjadi Perdana Menteri dan menteri.

Di negara ini, istilah tuan politik untuk orang politik yang berkuasa dan kakitangan awam untuk pegawai-pegawai awam yang menjawat jawatan kerajaan juga digunakan. Akan tetapi, perkara itu tidaklah diberi penekanan di kalangan rakyat biasa. Dalam perkhidmatan kerajaan, kedudukan itu memang dimaklumi. Pegawai-pegawai kerajaan akan menganggap orang politik yang ada kedudukan sebagai tuan dan akur dengan segala agenda serta dasar yang ditetapkan.

Namun, yang menariknya darjah tuan politik itu tidaklah digembar-gemburkan sehingga berlaku perbalahan antara mantan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Nazri Aziz dengan Timbalan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada awal Disember 2003. Datuk Nazri yang marah dengan

tindakan lembap BPR menyelesaikan kes siasatan dakwaan kementeriannya meluluskan 6000 permit teksi kepada seorang individu, mengarahkan BPR supaya segera menyelesaikan siasatan itu. Bagi Datuk Nazri, kelewatan menyelesaikan kes itu seolah-olah memberi gambaran beliau selaku menteri telah melakukan salah guna kuasa dan tanggapan itu tidak baik untuk imejnya.

Manakala timbalan Ketua Pengarah BPR, Datuk Nordin Ismail bertindak balas dengan mengeluarkan kenyataan bahawa Datuk Nazri tidak ada kuasa untuk mengarahkan BPR menyegearkan siasatan kerana BPR hanya menerima arahan daripada Perdana Menteri. Beliau juga memberitahu bahawa Datuk Nazri akan dipanggil untuk memberi keterangan tentang kes itu dan jika gagal hadir, saman tangkap akan dikeluarkan kepada beliau.

Datuk Nazri yang tersinggung dengan kenyataan itu, pada 8 Disember 2004 mengeluarkan kenyataan marah bahawa Datuk Nordin, selaku pegawai awam tidak ada hak untuk mengancam menteri dengan tangkapan. Beliau mengingatkan Datuk Nordin bahawa, "awak hanya seorang kakitangan awam dan tiada mandat untuk menangkap saya." Sambil menyifatkan dakwaan Datuk Nordin bahawa beliau hanya bertanggungjawab kepada Perdana Menteri kerana BPR terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri berkata, "Saya perlu mengajar beliau bahawa orang politik tidak digelar tuan politik dan beliau hamba kerajaan tanpa sebab." Lebih jauh lagi, Datuk Nazri merumuskan bahawa antara beliau sebagai menteri dan Perdana Menteri tidak ada bezanya kerana mereka bertanggungjawab secara kolektif kepada Kabinet. Atas premis itu Datuk Nazri berkata, menteri lain juga boleh mengur BPR. Kata beliau, "Apa yang dikatakan oleh Nordin itu adalah karut dan saya fikir dia tidak faham dengan rangka Kabinet. Kita semua, termasuk Perdana Menteri, mempunyai tanggungjawab bersama untuk semua perkara dan Nordin patut faham ini. Jadi, jangan cuba kata BPR penting sangat. Nordin ialah seorang pegawai kerajaan dan dia bukan seorang ahli politik dan kami sebagai orang politik telah dipilih oleh rakyat dan kami bukan ham-ba kerajaan."

Kenyataan Datuk Nazri bahawa orang politik yang bertaraf menteri merupakan tuan politik serta Perdana Menteri dan menteri bertanggungjawab secara kolektif kepada Jemaah Menteri tidak diragui. Akan tetapi rumusan

yang mengatakan beliau dan Perdana Menteri seolah-olah setaraf boleh dipertikaikan. Dalam amalan, mengikut perlembagaan negara, Perdana Menteri adalah kedudukan yang tinggi kerana beliau berkuasa melantik dan memecat menteri.

Jika selaku Menteri Perusahaan Awam, Datuk Nazri menganggap dirinya sebagai *political master*, apa pula agaknya tanggapan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Apakah beliau akan menganggap dirinya sebagai *super political master*? Logiknya tentulah begitu. Hal ini kerana kedudukan Perdana Menteri tentulah lebih tinggi daripada menteri. Hanya Perdana Menteri yang berkuasa melantik dan memecat menteri, sedangkan menteri tidak ada kuasa melantik atau memecat Perdana Menteri.

Secara kebetulan, Datuk Seri Abdullah menyatakan pendiriannya sama ada sebagai Perdana Menteri beliau merupakan tuan atau hamba, keesokan harinya iaitu 9 Disember 2003. Dalam pertemuan dengan sekumpulan wartawan Jepun, beliau tidak menganggap dirinya sebagai tuan politik, tetapi sebaliknya sebagai hamba. Perdana Menteri berkata, "Saya ialah hamba nombor satu untuk berkhidmat kepada bangsa dan akan memastikan bahawa semua perkara dilaksanakan secara baik dan cekap supaya negara dan rakyat mendapat faedahnya." Beliau juga memberitahu apa juga keputusan yang diambil, ia dibuat demi kepentingan negara. Menurut Datuk Seri Abdullah, apabila berada di puncak, "saya dapat melihat ufuk yang lebih luas, yang orang di bawah saya tidak nampak. Saya nampak banyak perkara yang sebelum ini tidak kelihatan."

Seolah-olah ingin memberitahu orang lain supaya mengambil sikap yang lebih rasional dan realistik, Datuk Seri Abdullah memberitahu wartawan Jepun itu bahawa "satu orang pada kedudukan yang berbeza perlu menguruskan begitu banyak isu, yang sebelum ini saya tidak perlu kendalikan secara langsung kerana saya mempunyai bos untuk menguruskannya. Anda tahu sekarang saya tidak ada bos yang saya boleh rujuk."

Di samping itu, dalam pertemuan dengan media Jepun di Putrajaya pada 9 Disember 2003 itu juga, Datuk Seri Abdullah menyatakan buat pertama kalinya bahawa beliau akan melakukan perubahan dasar kerajaan jika diperlukan. Sebelum ini beliau berulang kali menegaskan bahawa tidak ada perubahan dasar yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir. Kepada wartawan Jepun itu, Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa beliau bersedia

melakukan perubahan dasar di negara ini jika terdapat keperluan, tetapi ini dilakukan bukan untuk sanjungan peribadi. Menurut beliau, sebuah kerajaan yang gagal untuk berubah mengikut keadaan, tuntutan dan aspirasi rakyat, akan hanya mengundang malapetaka.

Tegas beliau, "Jika kerajaan tidak bertindak balas terhadap perubahan, kerajaan itu tidak boleh wujud dan rakyat akan menumbangkan kerajaan itu. Kita perlu dinamik, tidak ada benda yang terpahat pada batu dan tidak boleh diubah. Jika keadaan memerlukan perubahan dan jika saya tidak buat perubahan, maka orang berkata dia mungkin bodoh. Tetapi jika tidak perlu ditukar, tetapi saya ingin menukarinya kerana saya ingin menempah nama, maka orang akan berkata dia juga bodoh. Mengapa awak buat ini semata-mata untuk nama?" Bagi Datuk Seri Abdullah, apa juga yang beliau buat ia bukanlah untuk sanjungan peribadi, tetapi sama ada keputusan itu tepat untuk negara atau sebaliknya.

Menteri-menteri Kabinet yang lain atau mereka yang bercita-cita untuk dilantik sebagai menteri, sila ambil perhatian kenyataan Datuk Seri Abdullah ini.

## **PERDANA MENTERI: MATLAMAT ATAU ALAT**

Sebagai manusia, sesuatu kedudukan boleh menjadi matlamat atau alat. Sekiranya objektif mendapatkan sesuatu tempat itu ialah matlamat atau *an end*, maka orang itu akan berasa puas dengan pencapaiannya. Tidak ada apa yang hendak dilakukan lagi selepas itu kecuali mempertahankan kedudukan yang sama daripada diambil oleh orang lain. Akan tetapi, sekiranya kedudukan yang dicari mahu dijadikan alat, maka banyak yang akan dibuat untuk mencapai matlamat-matlamat besar yang lain.

Bagi siapa juga yang mengikuti perjalanan hidup Datuk Seri Abdullah, baik sebagai pemimpin siswa, pegawai kerajaan atau setelah menjadi ahli Parlimen, timbalan menteri dan menteri, mereka akan merumuskan bahawa kedudukan bagi beliau hanya sekadar alat untuk menjayakan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara. Sebagai Presiden GPMS sewaktu di Universiti Malaya, beliau menggembangkan semangat sukarelawan di kalangan anak-anak muda Melayu yang kaya dengan idealisme untuk memajukan

pelajar-pelajar Melayu dalam bidang pendidikan. Sebagai Pengarah Belia, kemudian Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, beliau bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan golongan muda yang resah dengan kerajaan dan dasar-dasarnya. Sebagai menteri yang menerajui lima buah kementerian, beliau juga mempelopori program-program tertentu untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara selari dengan dasar-dasar utama yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri ketika itu. Beliau tidak pernah menggunakan kedudukan yang ada untuk kepentingan diri atau membina empayar sendiri seperti yang dilakukan oleh orang lain yang mempunyai jaringan yang hebat dalam parti pada segenap peringkat.

Setelah menjadi Perdana Menteri, beliau juga melakukan hal yang sama. Beliau menegaskan apa juga keputusan yang dibuat adalah untuk kepentingan negara bagi memastikan rakyat mendapat faedah daripadanya. Matlamat-matlamat ini sudah pun beliau gariskan. Ini termasuklah memperbaiki sistem penyampaian khidmat-khidmat kerajaan dengan meniadakan kerena birokrasi, memulihkan imej polis, menyediakan baucer tuisyen untuk murid-murid miskin di sekolah rendah, menyelesaikan kes tertunggak tanah, membanteras rasuah secara habis-habisan, mengenakan hukuman lebih berat terhadap penjenayah serta meningkatkan ketulusan dan urus tadbir sektor awam. Semua matlamat beliau itu akan diperincikan satu per satu dalam bab yang lain.

## RUMUSAN

Kedudukan Perdana Menteri nyata tidak mengubah Datuk Seri Abdullah sebagai seorang pemimpin yang ingin menghambakan diri untuk berbakti kepada rakyat. Kaki beliau tetap berpijak di bumi nyata. Malah, tatkala ada di antara menterinya sendiri menganggap dirinya sebagai tuan politik, beliau berasa bangga mengisyiharkan dirinya sebagai "hamba nombor satu rakyat". Pendirian ini menggambarkan sifat perhambaan yang wujud secara semula jadi dalam diri beliau dan Datuk Seri Abdullah mahu menggunakan kesempatan yang diperolehnya untuk menerajui kerajaan bagi melaksanakan sesuatu yang terbaik untuk kepentingan rakyat yang tidak berdaya dan berupaya.

## BAB 8

---

### AGENDA KERJA: PENGISIAN PENTING

Datuk Seri Abdullah memulakan langkahnya sebagai Ketua Eksekutif Malaysia Incorporated dengan cara yang tersendiri. Beliau tidak berusaha untuk menjadi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang beliau ganti sebagai Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah tetap Datuk Seri Abdullah, iaitu seorang tokoh yang lemah lembut, mudah mesra, bercakap tidak meninggi suara, seorang yang bersopan santun, mudah tersenyum dan bertawaduk. Namun kedudukannya sebagai seorang yang berkuasa, yang diperoleh mengikut istilah ahli sosiologi Max Waber secara legal rasional, atas sifat beliau sebagai ketua parti yang menguasai Parlimen, mula memberi aura baru terhadap diri beliau. Saintis politik Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr. Ahmad Atory Hussein mengamati bahawa jawatan Perdana Menteri membantu Datuk Seri Abdullah untuk menampilkan dirinya sebagai seorang yang berkarismatik. Mereka yang sudah biasa dengan gaya Tun Dr. Mahathir segera menerima hakikat bahawa Perdana Menteri ke-5 ini memang berbeza dari segi pembawaan dan pendekatan. Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri, dalam satu temu ramah dengan *Far Eastern Economic Review* menganggap apa juga yang Datuk Seri Abdullah buat sebagai *un-Mahathir* (bukan Mahathir). Beliau menilai perkembangan itu sebagai satu perubahan yang sihat.

## PENDEKATAN YANG BERBEZA

Hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah mempunyai sifat-sifat yang berlawanan dengan mentornya, Tun Dr. Mahathir memang sudah nyata sejak awal lagi. Keadaan ini boleh dijelaskan daripada beberapa perspektif. Ahli-ahli psikologi barangkali menilai mereka berdasarkan dua personaliti yang berbeza. Tun Dr. Mahathir, walaupun jauh lebih tua daripada Datuk Seri Abdullah, tetapi dia merupakan anak bongsu, manakala Datuk Seri Abdullah pula ialah abang sulung. Persekutaran berbeza mereka dibesarkan juga tentu mempunyai peranan. Kedua-dua besar dalam keluarga yang menekankan kecemerlangan dan mempunyai bapa yang kuat berpegang kepada disiplin dan menekankan ilmu. Latar belakang pendidikan turut mempengaruhi lensa mereka melihat dunia. Tun Dr. Mahathir seorang doktor, manakala Datuk Seri Abdullah mempunyai lulusan agama. Dalam keadaan itu, tidaklah hairan jika kedua-dua pemimpin mempunyai cara yang tersendiri dalam mentadbir negara.

Apa yang jelas ialah Datuk Seri Abdullah bukan seorang yang *antagonistic*. Beliau tidak mengambil sikap yang *adversarial* dan berkonfrontasi. Beliau juga tidak dikenali sebagai seorang yang bercakap lantang atau membuat kenyataan-kenyataan yang boleh membuat orang marah atau menyakitkan hati. Malah beliau tidak tergolong sebagai orang yang suka bercakap banyak. Beliau hanya bercakap apabila perlu sahaja. Itu pun menggunakan bahasa yang tidak bombastik. Barangkali dipengaruhi oleh statusnya sebagai abang sulung dalam keluarga, beliau mengambil sikap yang lebih berhati-hati. Dari segi pendekatan, beliau percaya pada kaedah bermusyawarah atau permuafakatan dalam membuat keputusan-keputusan utama negara seperti yang terbukti dalam soal mengatasi kemalangan jalan raya yang semakin meningkat.

Lantaran itu, seruan beliau untuk rakyat bekerjasama dengan beliau, bukan bekerja untuk beliau yang dibuat pada hari pertama menjadi Perdana Menteri memukau imaginasi ramai dan memberi kesan yang positif. Beliau seolah-olah melihat antara rakyat dengan pemimpin tidak patut ada dikotomi. Tidak cukup dengan gagasan kerja bersama-sama saya, beliau berhasil pula untuk menghakupayakan rakyat dengan membawa balik kerajaan ke pangkuhan mereka dengan peluang, hak dan tanggungjawab. Tindakan beliau

untuk memberi tumpuan kepada persoalan-persoalan yang membabitkan *the weak many* (orang lemah yang ramai) yang selama ini tidak begitu mendapat perhatian dan bukannya *the strong few* (orang kuat yang beberapa kerat), memberi gambaran bahawa beliau merupakan pembela nasib rakyat terbanyak. Apa juga dasar-dasar baru yang diumumkan, sasarnanya ialah rakyat biasa (mereka yang lemah dan tidak berupaya) bukannya segelintir golongan elit.

Oleh itu, pernyataan hasrat yang dizahirkan dalam tempoh seratus hari pertama sebagai Perdana Menteri, bermula dengan ungkapan "bekerja bersama-sama saya," dan diikuti dengan pelbagai program lain selepas itu, meninggalkan impak yang tinggi. Pelbagai pihak yang pada mulanya mempunyai pandangan yang rendah terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mula menukar pendirian. Perdana Menteri ini mula dikagumi. Mereka mengakui setelah Malaysia dibangunkan dengan pesat dari segi infrastruktur selama 22 tahun di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir, kini tiba waktunya untuk negara memberi penekanan terhadap pembangunan dalaman manusinya supaya mereka juga mempunyai minda dan mentaliti dunia kelas pertama sama seperti prasarana yang mengelilingi mereka. Dengan kata lain, barulah pembangunan ini memberi makna.

## AGENDA KERJA: BEBERAPA PENGISIAN PENTING

Memanglah selama enam bulan pertama menerajui Malaysia, Datuk Seri Abdullah telah menyediakan senarai panjang sebagai agenda kerjanya untuk tahun-tahun mendatang. Ini termasuklah mewujudkan pentadbiran awam yang lebih cekap; menghapuskan rasuah dan pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa yang dilakukan bukan saja oleh "ikan bilis", tetapi "jerung" yang selama ini terlepas daripada jaring tangkapan Badan Pencegah Rasuah (BPR); mengurangkan kerenah birokrasi; menyediakan perkhidmatan kaunter yang lebih baik; memperkuuhkan institusi seperti polis dengan penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja; memperbaiki sistem penyampaian sektor kerajaan di peringkat daerah melalui perekasayaan (*re engineering*) pejabat tanah, pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah itu sendiri; mewujudkan

pengurusan ekonomi yang telus, berhemah dan memastikan terdapat pertumbuhan yang diiringi oleh pengagihan yang adil saksama untuk semua serta mewujudkan sumber pendapatan dan pertumbuhan baru bagi kawasan luar bandar melalui sektor pertanian yang ingin dimodenkan.

Selain itu, termasuklah memastikan keadilan dalam sistem kehakiman dengan jaminan tidak berlaku kelewatan dalam membuat penghakiman kerana bagi beliau *justice delayed, justice denied*; mewujudkan persekitaran yang selamat untuk didiami baik dari segi jenayah, kemalangan jalan raya, ancaman penganas dan kelompok militan; pemupukan mentaliti kelas pertama di kalangan warganya; mengembalikan nilai murni institusi keluarga; serta mencemerlangkan dunia pendidikan dalam melahirkan insan yang berilmu, berpengetahuan, berketrampilan, berkemahiran tinggi, berhemah dan berproduktiviti tinggi. Secara lebih khusus, agenda kerja Datuk Seri Abdullah juga akan melibatkan penyertaan lebih bermakna generasi muda (yang dianggap sebagai masa depan kita) dan golongan wanita. Generasi muda merupakan 60 peratus daripada penduduk negara, manakala wanita pula merupakan separuh daripada warganegara ini. Beliau sendiri menunjukkan teladan dengan melantik pembantu dan penasihat muda mengelilingi beliau.

Dalam melaksanakan agenda kerja kerajaan yang dipimpin dan parti yang beliau ketuai, Datuk Seri Abdullah memperlihatkan beliau bukanlah seorang yang cakap lain buat lain. Misalnya dalam membanteras rasuah, beliau memperlihatkan sikap yang cukup tegas. Beliau memberi kebebasan kepada BPR untuk melakukan siasatan dan mendakwa mereka yang didapati terlibat dengan rasuah serta penyalahgunaan kuasa sepenuhnya. Mereka yang selama ini menyembunyikan tulang rangka di dalam almari masing-masing, tentunya tidak dapat duduk diam. Hasilnya kini telah terbukti. Kes Tan Sri Eric Chia yang didakwa melakukan penyelewengan sewaktu beliau menjadi Pengarah Urusan Perwaja Steel dengan menggelapkan wang berjuta-juta ringgit, akhirnya dibawa ke muka pengadilan pada 10 Februari 2004. Anggota Kabinet juga tidak terlepas daripada dakwaan (jika benar) terlibat dengan rasuah. Pada 13 Februari 2004, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur atas tuduhan rasuah sewaktu beliau menjadi Pengurus Lembaga Tanah Sabah pada tahun 1996.

Pendakwaan-pendakwaan terhadap orang besar ini jelas telah mengamba-

likan keyakinan umum terhadap kesungguhan kerajaan untuk membanteras rasuah yang selama ini dianggap sebagai sambil lewa sahaja. Hal ini kerana selama ini, hanya ikan bilis dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan saja yang berkemungkinan untuk didakwa menyalahgunakan kuasa. Orang politik yang mempunyai kedudukan tinggi, seolah-olah dilindungi. Walaupun mengakui menghadapi tekanan, Datuk Seri Abdullah memberi jaminan beliau akan terus bertindak tegas terhadap perasuah, tanpa mengira status mereka-sama ada ikan bilis atau ikan jerung, pegawai rendah atau pegawai tinggi. Jika menteri pun kata beliau, dia tidak akan terlepas. Tokoh-tokoh korporat di sektor swasta juga sedang diperhatikan.

Inisiatif membanteras rasuah Datuk Seri Abdullah ini tidak mengenal batasan. Ia melibatkan suapan dan salah guna kuasa di sektor awam dan swasta. Malah tindakan tegas itu diambil bukannya rasuah sudah menjadi budaya atau menghampiri menjadi budaya, tetapi kerana ia masih pada peringkat yang belum kronik. Oleh itu, tindakan tegas untuk membendung gejala rasuah daripada menjadi parah perlu diambil sejak mulai sekarang. Sebagaimana yang kerap beliau jelaskan, "pelbagai bentuk rasuah bukan saja perbuatan yang tidak bermoral, ia juga mempunyai dimensi ekonomi dalam meningkatkan kos urus niaga. Keadaan ini boleh menjadikan Malaysia tidak kompetitif dalam persaingan untuk menarik pelabur ke negara ini. Rasuah di sektor awam pula akan menjelaskan kelancaran sistem penyampaian khidmat kepada rakyat."

Selain itu, agenda kerja itu pula terdapat pelbagai bentuk. Ada yang berbentuk slogan, ada yang dianggap *populist* untuk meraih undi, ada antara program itu hasilnya boleh dilihat dalam jangka waktu yang pendek, manakala yang lain mengambil waktu yang lebih lama serta ada antara agenda kerjanya itu realistik, idealistik dan mungkin terbengkalai selepas separuh jalan seperti yang terjadi pada kempen-kempen awal pentadbiran Tun Dr. Mahathir, atau dilaksanakan sekadar tokenism atau penghias jendela. Dari sudut mana pun agenda kerja itu dinilai, apa yang pasti scandainya semua dilaksanakan menepati hasrat yang diidamkan, maka "negara berkat yang dibebaskan oleh Tunku Abdul Rahman, dipelihara oleh Tun Razak, disatukan oleh Tun Hussein dan dipermodenkan oleh Tun Dr. Mahathir akan kekal aman, makmur dan bersaing. Malaysia akan menjadi lebih cemerlang, lebih gemilang, lebih terbilang." Manakala matlamat akhirnya seperti yang dijanji-

kan oleh Datuk Seri Abdullah bukan untuk kebanggaan diri, tetapi "dilaksanakan untuk membawa balik kerajaan kepada pangkuan rakyat," akan menjadi satu kenyataan.

## KERANGKA AGENDA KERJA

Sebaik saja mengambil alih kepimpinan kerajaan, Datuk Seri Abdullah menetapkan parameter agenda kerja beliau. Beliau ialah nakhoda baru bahtera yang bernama Malaysia ini. Komponen-komponen lain dalam pentadbiran bahtera itu seperti rakan-rakan Kabinet, kakitangan awam, pemimpin politik lain perlu bekerja bersama beliau bagi mencapai matlamat yang telah ditentukan. Hal ini kerana "agenda yang telah saya tetapkan itu besar, ia memerlukan kebijaksanaan secara kolektif dan usaha bersama daripada pentadbiran saya." Secara bersama, "kerajaan yang saya pimpin dan parti yang saya ketuai akan bekerja untuk rakyat, bukan untuk mendapat undi tetapi untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara kekal aman, makmur dan bersaing." Bahtera Malaysia yang beliau pimpin itu ingin dibawa ke era yang lebih gemilang, lebih cemerlang dan lebih terbilang dengan mengambil pendekatan yang adil, tegas dan saksama.

Untuk tujuan itu, Datuk Seri Abdullah mengeluarkan isyarat tersirat yang jelas bahawa beliau tidak mahu fenomena satu bahtera dua nakhoda seperti yang berlaku pada zaman awal pentadbiran Tun Dr. Mahathir pada awal 1980-an, berulang. Ketika itu, gambaran yang diberikan seolah-olah Tun Dr. Mahathir berkongsi kuasa dengan timbalannya, Tan Sri Musa Hitam. Pentadbiran 2M yang merujuk kepada Mahathir dan Musa telah digunakan secara popular oleh pihak media. Apa yang menyusul berikutnya kemunculan fenomena itu sudah menjadi pengetahuan umum sehingga politik UMNO dan negara menjadi porak-peranda. Sebilangan pemimpin pula hilang haluan. Yang diberi tumpuan bukan kepada kerja yang diamanahkan, tetapi cita-cita politik yang bersifat peribadi iaitu memenuhi cita-cita diri untuk menjadi Perdana Menteri. Lalu berlaku perebutan kuasa yang hebat dan dahsyat yang akhirnya membawa kepada kelemahan orang Melayu itu sendiri.

Memanglah secara tersurat Datuk Seri Abdullah yang merupakan salah seorang anggota pentadbiran 2M itu, tidak mengeluarkan sebarang kenyataan mengingatkan sejarah hitam politik negara akan tetapi hakikat yang beliau mengambil sedikit masa untuk melantik timbalannya merupakan bayangan bahawa beliau ingin orang ramai menerima di Malaysia pada satu-satu waktu hanya terdapat seorang Perdana Menteri dan Perdana Menteri itu tidak berkongsi kuasa dengan sesiapa, termasuk timbalannya. Pandangan ini diperkuuhkan pula oleh kenyataan beliau selepas mempengerusikan sidang Kabinet pertamanya pada 5 November 2004. Antara lain, beliau dipetik sebagai berkata, "Sudah tentu saya akan melantik seorang timbalan. Saya akan memilih seorang timbalan yang boleh membantu saya dan berupaya memberi kepimpinan yang baik kerana saya mempunyai kerja yang banyak sebagai penggerusi OIC dan NAM, di samping pergi ke merata tempat untuk menghadiri mesyuarat. Pada waktu ini, Perdana Menteri mengurus sendiri banyak hubungan luar, tidak seperti sebelum ini."

Kenyataan-kenyataan beliau yang lain juga memberi gambaran tersirat yang sama bahawa dalam mana-mana pentadbiran hanya terdapat seorang ketua. Bermula dengan ucapan sulung di Parlimen pada 3 November 2003, membawalah ucapan kepada ahli-ahli Yayasan Cambridge Malaysia di Kuala Lumpur, dua hari selepas genap 100 hari menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah secara disedari atau tidak, secara sengaja atau tidak, menyatakan sesuatu yang barangkali sudah jelas pada kaca mata umum. Beliau bercakap tentang bekerja bersama-sama saya, janji saya, agenda saya, pernyataan hasrat saya, pentadbiran saya, Kabinet saya, kerajaan yang saya pimpin, dan parti yang saya ketuai.

Walaupun ganti nama saya diberi penekanan, tetapi segala yang dibuat bukanlah untuk kegemilangan diri. Paksi kepada semua agenda kerja Datuk Seri Abdullah ialah rakyat. Tumpuan beliau ialah kepada *the weak many* bukannya *the strong few*. Sebagai Perdana Menteri, beliau menjadi peneraju pentadbirannya untuk melaksanakan janji-janji yang telah diumumkan itu. Akan tetapi, dalam merealisasikan pelbagai janji yang telah dibuat dalam tempoh seratus hari beliau menjadi Perdana Menteri dan juga janji-janji lain selepas itu, beliau memerlukan kerjasama semua (terutama anggota pentadbirannya) untuk bergerak sebagai satu pasukan. Arah tuju agenda kerja yang ingin beliau laksanakan sudah jelas. Jika bersendirian, tidak mungkin beliau

berupaya melaksanakannya. Datuk Seri Abdullah memerlukan sokongan rakan-rakan Kabinetnya, kakitangan pelbagai sektor perkhidmatan awam dan pemimpin-pemimpin politik yang lain. Malah alat-alat negara lain yang mungkin secara langsung tidak berada di bawah kawalannya sebagai ketua cabang eksekutif, juga perlu bergerak sederap. Jika tidak, agenda kerja yang sudah digariskan dengan halus dan terperinci sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri, tidak akan membawa bahtera bernama Malaysia ini ke mana-mana.

## RUMUSAN

Melalui agenda kerja yang diumumkan, Datuk Seri Abdullah sudah pun menggariskan pengisian penting yang menjadi keutamaan beliau sebagai Perdana Menteri. Tumpuan beliau selaku Perdana Menteri ialah terhadap rakyat lemah yang ramai, bukannya orang kuat yang beberapa kerat. Beliau juga ingin mengubah stail bekerja. Beliau mempelawa pelbagai pihak supaya bekerja "bersama saya, bukan untuk saya." Beliau turut menekankan budaya pencapaian tinggi, baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Beliau juga bertindak berani menangguhkan projek yang menelan belanja besar.

## BAB 9

---

### MEMPERKASAKAN KUBU, MENANGKIS SERANGAN

Selain memperkemas jentera kerajaan, satu lagi tugas dan tanggungjawab penting Datuk Seri Abdullah ialah memastikan jentera parti yang beliau ketuai iaitu UMNO dan Barisan Nasional (BN) berada pada kedudukan yang kukuh setelah beliau menjadi Perdana Menteri, Pemangku Presiden UMNO dan Pengerusi BN. Malah ada yang mengatakan memastikan UMNO dan BN berada pada kedudukan yang cukup baik adalah lebih penting memandangkan 2004 ialah tahun pilihan raya umum. Menewaskan pembangkang dalam pertarungan mendapatkan mandat rakyat akan membolehkan beliau terus berkuasa. Dalam hal ini, beliau tiada pilihan kecuali untuk menang besar dan cemerlang. Pertarungan dalam pilihan raya umum adalah *zero sum game*. Kemenangan di pihak lawan, bermakna kekalahan bagi BN. Oleh itu, Datuk Seri Abdullah tentu tidak mahu melihat tragedi serupa itu terjadi. Lantaran itu, beliau tidak boleh berkompromi dengan usaha mencari kemenangan pada pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac 2004.

### REALITI POLITIK 2004

Bagi Datuk Seri Abdullah, pilihan raya umum 2004 pada 21 Mac itu merupakan yang pertama beliau turun ke gelanggang sebagai Perdana Menteri dan ketua parti memerintah untuk mendapatkan mandat daripada rakyat bagi

melaksanakan segala agenda kerja yang telah dizahirkan kepada umum sepanjang tempoh 100 harinya. Pemerhati politik sekata bahawa beliau bukan saji perlu memenangi pilihan raya umum ini bagi meneruskan kesinambungan perjuangan UMNO dan Barisan Nasional untuk bangsa, agama dan negara, tetapi mesti menang dengan rekod yang lebih baik jika ingin berasa selesa dari segi kedudukan politik. Jika tidak, kepimpinannya dalam UMNO mungkin dicabar apabila tiba pemilihan parti selepas pilihan raya umum selesai diadakan.

Sewaktu menghadapi pilihan raya umum 1999 dulu, BN atau lebih tepat lagi UMNO, berada pada kedudukan yang agak goyang berikutan krisis dalaman yang tidak dapat diatasi ketika pilihan raya itu diadakan. Keupayaan Tun Dr. Mahathir mengeluarkan negara daripada krisis kewangan pada tahun 1997/1998 telah memberi keuntungan kepada prestasi BN. Namun, keputusannya memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada awal September 1998 telah menyebabkan parti itu sedikit tempang ketika melangkah menghadapi rakyat. Sebahagian penyokong setia dan taksub terhadap Datuk Seri Anwar turut meninggalkan UMNO untuk menyertai gerakan reformasi yang beliau pelopori. Sebahagian yang lain kekal bersama UMNO, tetapi mengambil sikap "endah tak endah" untuk membantu kemenangan parti semasa pilihan raya terutama setelah mereka digugurkan sebagai calon.

Malah, ada dakwaan menyatakan mereka melakukan pengkhianatan dari dalam. Mereka berlagak seperti, "musang berbulu ayam". Orang Melayu di luar UMNO, terutama kelas menengah dan pegawai-pegawai kerajaan yang "berdiri di atas pagar", yang pada pilihan raya umum lalu senantiasa menyokong UMNO, turut mengambil pendirian berbeza. Marah dengan cara pemecatan dan pendakwaan Datuk Seri Anwar dikendalikan, mereka menyatakan undi protes. Mereka mengundi pembangkang bukan kerana mereka percaya pembangkang lebih baik daripada BN, tetapi sekadar untuk merakamkan rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan negara. Menjelang pilihan raya umum pada akhir tahun 1999 itu, para penyokong Datuk Seri Anwar sudah pun membentuk parti politik mereka sendiri dan dikenali sebagai Parti Keadilan Nasional, yang dipimpin oleh Datin Seri Wan Azizah sebagai presidennya. Para pembantu rapat Datuk Seri Anwar turut serta dalam parti itu. Parti Keadilan kemudian bekerjasama dengan Parti Islam se-

Malaysia (PAS), Parti Rakyat Malaya dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dalam satu pakatan yang diberi nama sebagai Barisan Alternatif (BA) untuk mencabar dominasi BN.

Secara keseluruhannya, BN dapat mempertahankan majoriti dua pertiga di Parlimen setelah memenangi 148 daripada 193 kerusi Dewan Rakyat yang ditandingi. Namun, undi popular yang diterimanya merosot dan apa yang merisaukan ialah prestasi UMNO sebagai sebuah pertubuhan siasah yang sejak merdeka mewakili orang Melayu. UMNO yang sebelum itu tidak berdepan dengan masalah untuk mendapatkan undi Melayu, tetapi pada pilihan raya umum tahun 1999, telah diberi tamparan. Jika dibandingkan dengan calon parti-parti komponen BN yang lain, UMNO mendapat undi popularnya di kalangan orang Melayu merosot daripada 36.5 peratus pada pilihan raya umum tahun 1995 kepada 29.5 peratus pada pilihan raya tahun 1999. Bilangan kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi juga merosot iaitu daripada 94 kerusi pada tahun 1995 kepada 72 kerusi pada tahun 1999. UMNO kalah bukan kepada Keadilan, tetapi kepada Pas. UMNO bukan saja gagal merampas Kelantan daripada Pas, tetapi turut kehilangan Terengganu, juga kepada Pas. BN juga gagal mendapat majoriti dua per tiga di Dewan Undangan Negeri Kedah. Pas yang jelas mendapat faedah daripada gelombang Datuk Seri Anwar juga mendapat kejayaan memberangsangkan di Pahang, Perak dan Selangor. Di Semenanjung, hanya Johor sahaja yang bersih daripada pengaruh Pas. Jika tidak kerana sokongan pengundi bukan Melayu yang nyata kukuh bersama BN, prestasi UMNO mungkin lebih buruk lagi menurut sesetengah pemerhati politik.

Akan tetapi, setelah lebih empat tahun berlalu, pemerhati politik sepandapat bahawa senario politik pada pilihan raya umum tahun 1999 itu sudah jauh berubah. UMNO dan BN kini kembali kuat. Sokongan di kalangan bukan Melayu untuk parti itu tetap utuh. Berdasarkan beberapa siri pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum memperlihatkan sokongan orang Melayu sudah kembali kuat kepada UMNO. Kepercayaan mereka terhadap perjuangan *moderate* UMNO didakap kembali. Tindak-tanduk Pas yang mahu menebakkan negara Islam ala-Pas, dengan hukum hudud dan menggolongkan bukan Islam sebagai warga kelas kedua, membuatkan pengundi bukan Melayu terus setia dengan BN dan UMNO. Orang Melayu pun tidak tertarik dengan doktrin Pas yang jumud, memecah belah dan antipembangunan. Inilah

yang menyebabkan PAS tidak mendapat sokongan popular pada pilihan raya umum 2004. Selain itu, masalah dalaman UMNO itu sendiri juga telah berjaya diatasi sepenuhnya. Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lagi menjadi isu yang menghambat UMNO. Tembelang sebenarnya beliau menyertai politik UMNO sudah terdedah. UMNO dengan keahlian lebih tiga juta orang sudah kembali kepada kekuatan asalnya. Kepimpinan Datuk Seri Abdullah yang memukau imaginasi ramai itu turut memperkuatkuhan lagi UMNO dan BN.

Parti Keadilan pimpinan Datin Seri Wan Azizah Ismail pula berdepan dengan masalah dalaman mereka sendiri. Selepas gagal pada pilihan raya umum tahun 1999, seorang demi seorang pemimpin besar mereka meninggalkan parti. Juga berlaku percakaran sesama mereka setelah melihat bahawa Keadilan hanya berjuang untuk menobatkan Datuk Seri Anwar sebagai Perdana Menteri. Sebilangan mereka yang jelik dengan politiking dalam Keadilan itu sendiri, sudah lama meninggalkan parti. Sebilangan pemimpin besar yang pada mulanya aktif, turut menyeipi. Menjelang pilihan raya umum tahun 2004, sekumpulan pemimpin kanan Keadilan yang diketuai oleh orang kuat Datuk Anwar pada satu ketika, iaitu Ruslan Kassim bersama dengan 14 orang yang lain keluar daripada Keadilan dan menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Penyertaan semula mereka dan rakan-rakan lain ke dalam UMNO amat dialu-alukan.

Berlatarbelakangkan senario politik itu, satu-satunya parti Melayu yang menjadi ancaman utama kepada cita-cita UMNO hanyalah Pas. Akan tetapi, dengan Datuk Seri Abdullah sebagai ketua UMNO, Pas sendiri berdepan dengan kesukaran untuk mencari kecacatan UMNO. Agenda kerja Datuk Seri Abdullah yang memberi perhatian kepada rakyat biasa yang lemah menyebabkan perjuangan Pas tidak lagi relevan. Selain itu, dengan berakhirnya gelombang simpati yang memihak kepada Datuk Seri Anwar pada pilihan raya umum tahun 1999, yang telah digunakan sepenuhnya oleh Pas untuk mendapat keuntungan politik, parti pimpinan Datuk Seri Hadi Awang itu kehilangan momentumnya. UMNO yakin untuk mendapatkan semula majoriti dua pertiga di Kedah dan melalui gelombang birunya, ia optimistik untuk menawan Terengganu. Di Kelantan pula, kempen selamat tinggal Pas yang UMNO lancarkan mungkin berupaya menembusi kubu-kubu kuat Pas. Jelas bahawa dari sudut kunci kira-kira politik, realiti politik tahun 2004 tidak sama dengan realiti politik tahun 1999.

## **KEDUDUKAN PEMBANGKANG—PANDANGAN ABDULLAH**

Hakikat bahawa pembangkang tidak lagi sekutu semasa pilihan raya umum pada November 1999 nampaknya turut dikongsi oleh Datuk Seri Abdullah sendiri dalam ceramah berjudul "Perubahan Landskap Politik di Malaysia" kepada ahli Yayasan Cambridge (Malaysia) di Kuala Lumpur pada 10 Februari 2004. Beliau mengakui ketika pilihan raya umum tahun 1999 itu diadakan, ada yang berkata Barisan Alternatif (BA) akan muncul sebagai saingan serius kepada BN dalam sistem politik dua parti seperti di Amerika Syarikat atau di Britain. Namun selepas empat tahun berlalu, andaian itu bukan saja tidak menjadi kenyataan, tetapi "pembangkang yang dibentuk secara tergesa-gesa sebelum pilihan raya itu, berpecah sebaik saja selepas pilihan raya, dengan DAP menarik diri disebabkan ideologi yang bertentangan dengan Pas (parti utama BA)."

Menurut beliau, kini keadaan tegang kelihatan antara Parti Keadilan Nasional dengan Pas, yang mengiktiraf cuma dirinya sebagai saingan serius kepada BN dan melayan rakan lain sebagai kumpulan terpinggir." Lalu beliau merumuskan, "... barisan alternatif ternyata gagal. Ia gagal dalam matlamatnya untuk menawarkan kepada pengundi satu pilihan yang berwibawa kepada Barisan Nasional. Ia tidak berjaya kerana gagal melihat inti kepada perikatan politik BN iaitu berkongsi kuasa. BA bersatu hanya kerana mereka berhadapan dengan musuh yang sama dan bukan kerana semangat dan matlamat yang sama. Dalam BN kita berkongsi semangat perpaduan dan kita memperjuangkan matlamat bersama demi keamanan dan kemajuan. Kita juga tahu apa yang kita mahu. BA hanya tahu apa yang mereka tidak mahu." Menurut Datuk Seri Abdullah, perkara itu tidak begitu diterima oleh rakyat Malaysia kerana mereka menuntut perwakilan politik lebih semata-mata undi protes.

## **KEKUATAN BN — PENILAIAN ABDULLAH**

Dalam ceramahnya, Datuk Seri Abdullah juga bercakap tentang kekuatan BN apabila dibandingkan dengan BA. Secara lebih spesifik, beliau menam-

pilihan tiga sebab utama kekuatan BN sehingga ia diterima oleh pengundi. Pertama kerana BN mengamalkan perkongsian kuasa yang sudah diuji, kedua, BN menawarkan agenda pembangunan yang memenuhi aspirasi rakyat dan ketiga, BN sentiasa memperkuatkannya dirinya sebagai satu entiti politik.

Berkenaan perkongsian kuasa, beliau memberitahu, "Barisan Nasional mewakili formula yang boleh dipercayai dan utuh. Kita mencuba dan sudah diuji. Kita berkongsi kuasa, bertanggungjawab secara kolektif dan bertolak ansur sesama sendiri, semuanya atas nama perpaduan nasional. Kita adunca ideologi sesama kita bagi membolehkan kesepakatan bersama diperluaskan. Perbezaan kami membawa kami lebih rapat dan bukannya memisahkan kami. Perkongsian kuasa membolehkan usaha merangka dasar yang memenuhi aspirasi semua masyarakat sama ada dalam pendidikan, pengurusan, ekonomi atau pembangunan sosial. Perkongsian kuasa telah mengajar kita supaya lebih sensitif dan bertolak ansur. Berkongsi kuasa juga bermakna berkongsi masa depan. Dalam BN, kita amat jelas bahawa masa depan adalah untuk semua warga dan kita mempunyai pengalaman serta perancangan untuk menjadikannya satu kenyataan."

Tidak cukup dengan perkongsian kuasa yang sudah teruji, BN juga menyediakan agenda kerja yang memenuhi aspirasi rakyat. Kata Datuk Seri Abdullah, "Kredibiliti BN diperkuatkannya lagi oleh hakikat bahawa tanpa mengubah komitmen kita daripada formula berkongsi kuasa, kita secara konsisten mengubah serta memenuhi aspirasi rakyat. Pengalaman luas yang kita miliki dalam mewujudkan sebuah kerajaan yang berjaya, mengajar kita bahawa yang tiada kesudahan hanya perubahan dan kita perlu senantiasa berada di depan. Dasar BN sentiasa diperbaharui, membawa idea dan dasar baru dengan generasi yang berterusan." Menurut beliau lagi, "BN tidak pernah berpuas hati dengan sekadar bergantung kepada rekod cemerlang. Sebaliknya ia sering mencari jalan untuk memperbaharui dan memperbaiki. Bagi BN, setiap pusingan politik mewakili peluang untuk pembaharuan dan perubahan."

Malah dalam usaha untuk memperbaharui peluang ini, menurut Datuk Seri Abdullah, "kita sudah bergerak ke arah memperkuatkannya BN sebagai satu entiti politik. Kita sudah mempertingkatkan kerjasama di kalangan ahli kita serta kita sudah memperkuatkannya organisasi BN supaya lebih banyak

program politik dapat dilaksanakan di bawah lambang BN dan bukan semata-mata atas lambang parti komponen masing-masing. Ini menimbulkan semangat penyertaan bersama dalam gabungan itu." Beliau juga menganggap pengwujudan secara rasmi sayap Pemuda dan Wanita BN sebagai satu lagi langkah ke arah menjadikan BN lebih padu dan sebagai pertubuhan politik yang bersatu padu.

## MENANGKIS SERANGAN PAS

Dalam analisis kedudukan UMNO dalam senario politik negara pascapilihan raya umum tahun 1999, Datuk Seri Abdullah tidak mengambil sikap yang defensif atau menafikan hakikat sebenar yang dihadapi oleh UMNO. Sebaliknya beliau mengakui dalam menghadapi pilihan raya umum tahun 1999, berlaku kelemahan dalam UMNO. Akan tetapi selepas itu, UMNO telah bekerja keras untuk memperbaiki diri dan sekarang, "Kami telah berjaya menyatukan kembali ahli menerusi penjelasan yang lebih berkesan tentang dasar dan usaha kerajaan. Kegiatan parti kami, terutama di Kelantan dan Terengganu semakin berjaya menarik ramai orang yang mahukan kepimpinan yang berwibawa. Kami telah menyuntik semangat baru di beberapa negeri yang perlu untuk menunjukkan kami tidak takut dengan pembaharuan. Pemuda dan Puteri terus menarik ahli baru dalam barisan mereka yang kebanyakannya merupakan ahli profesional yang terpelajar, manakala jentera parti kami telah dipertingkatkan banyak kali dan kerumitan telah berjaya diatasi."

Dalam menangkis serangan terhadap UMNO, Datuk Seri Abdullah pastinya akan mengambil sikap lebih proaktif dalam menghadapi Pas di kawasan Melayu. UMNO tidak akan membiarkan perbincangan agama dibolot oleh Pas sahaja. Beliau percaya wawasan Islam UMNO iaitu untuk melahirkan ummah yang terpelajar, progresif dan makmur akan diterima oleh pengundi berbanding dengan ajaran Pas yang jumud, memecah belah dan menentang pembangunan. Beliau juga yakin kekalahan UMNO di Terengganu dan Kedah boleh ditebus kerana pada pilihan raya umum tahun 1999, Pas menang menggunakan isu yang tiada kaitan langung dengan sentimen yang ada di kedua-dua negeri itu. Sekalipun tidak disebut apa sentimen itu, beliau sebenarnya merujuk kepada faktor pemecatan Datuk Seri Anwar yang telah

membantu Pas mencapai kemenangan di kedua-dua negeri itu. Keadilan cuba menghidupkan isu ini, tetapi tidak disahut oleh Pas. Lantaran itu, beliau melihat kemenangan yang bersifat sementara kerana sentimen pilihan raya umum 1999 sudah tidak lagi berkesan. Lagipun kemenangan Pas di Kedah dan Terengganu adalah dengan majoriti yang tipis. Di Terengganu, 60 peratus kerusi negeri Pas dimenangi dengan majoriti kurang 2000 undi, manakala di Kedah pula mereka menang dengan majoriti kurang 10 peratus. Beliau berpendapat, dengan meletakkan calon-calon berwibawa, UMNO tiada masalah untuk merampas semula kerusi negeri dan Parlimen yang ia hilang kepada Pas pada pilihan raya umum tahun 1999. Tanggapan ini terbukti tepat seperti yang dapat disaksikan pada pilihan raya umum pada 21 Mac 2004.

## RUMUSAN

Menyedari *vis a vis* pembangkang, politik boleh diibaratkan sebagai *zero sum game*. Datuk Seri Abdullah dari mula menyatakan pendirian bahawa beliau akan mengambil langkah untuk memperkuatku kubu politiknya—UMNO dan BN. Ini dibuat untuk memastikan parti politik yang beliau pimpini boleh mencapai kemenangan apabila berhadapan dengan musuh politik pada pilihan raya umum. Kemenangan ini penting kerana memberi "legitimasi" untuk beliau berkuasa dengan majoriti yang selesa. Akan tetapi, kuasa bukanlah menjadi satu matlamat yang berakhir di situ sahaja. Dengan kuasa yang beliau peroleh nanti, beliau boleh berbakti kepada rakyat sebaik mungkin. Selain memperkuatkan kubu sendiri, beliau juga menggariskan langkah-langkah untuk menangkis serangan musuh. Apa yang menarik ialah beliau tidak menyerang musuh secara peribadi tetapi berdasarkan prinsip perjuangan. Ini dilakukan dengan menghebahkan kebaikan kubu politik berbanding parti-parti politik lawan.

# SERATUS HARI PERTAMA



## BAB 10

---

### SERATUS HARI PERTAMA—SUATU PENILAIAN

Bagi mana-mana pemimpin yang mengambil alih jawatan tertinggi eksekutif, baik sebagai Perdana Menteri atau Presiden, seratus hari pertama dianggap sebagai *crucial*. Dalam tempoh itulah mereka akan menggariskan agenda kerja mereka untuk tahun-tahun mendatang sama ada kepercayaan yang diberikan telah digunakan untuk membangunkan agama, bangsa dan negara seperti yang telah dijanjikan. Ia merupakan tempoh penyataan hasrat bagi mengetengahkan dasar-dasar dan hala tuju baru negara jika ada. Segala gerak-geri pemimpin berkenaan akan diamati, dinilai dan segala pengumuman serta kenyataan akan diteropong sama ada sekadar janji manis untuk memancing undi atau idea-idea konkret yang membawa faedah kepada majoriti rakyat. Penilaian juga dibuat sama ada segala yang dihamburkan dalam masa seratus hari itu realistik dan boleh dijadikan kenyataan atau terlalu idealistik sehingga ia tinggal impian atau angan-angan kosong semata-mata. Penilaian juga dilakukan sama ada program kerja itu boleh dihasilkan dalam waktu yang singkat atau memerlukan masa yang terlalu lama untuk direalisasikan.

### KEPIMPINAN—SATU PERSPEKTIF UMUM

Tempoh seratus hari juga memberi peluang kepada pemimpin yang dilantik mempamerkan kualiti kepimpinan mereka yang boleh ditinjau daripada pel-

bagai sudut dan perspektif. Dari sudut sosiologi, seseorang pemimpin boleh ditakrifkan dengan menggunakan kayu ukur Max Weber sebagai seorang pemimpin yang tradisional, karismatik atau legal-rasional. Atau mereka tergolong seperti yang diamati oleh banyak pakar pengurusan sebagai pemimpin yang proaktif, status quo atau reaktif. Atau sekadar pimpinan yang bertindak mengikut keadaan atau apa yang dipanggil sebagai *situational leadership* yang kepimpinannya merupakan lambang dan fungsi masyarakat yang diwakili pada satu-satu ketika dan keadaan.

Pemimpin proaktif ialah jenis pemimpin yang terbaik. Mereka biasanya mempunyai ciri-ciri seorang inivator, seorang yang dinamik, berfikiran terbuka, asli bukan salinan karbon, berdaya maju tinggi, menjadi inspirasi kepada orang lain, mempunyai pendekatan, pandangan dan perspektif jarak jauh, melihat masalah dari sudut dan ufuk yang lebih luas, sanggup mencabar status quo, berani membuat pembaharuan dan melawan kebiasaan. Pemimpin status quo pula mempunyai sifat yang berlawanan dengan pemimpin proaktif. Mereka hanya mengikut arus, hanya mentadbirkan apa yang ada, mempunyai pendekatan jangka pendek dan tidak berperspektif luas. Manakala pemimpin reaktif pula merupakan yang paling teruk. Mereka selalunya tidak mengambil sebarang inisiatif dan hanya bertindak balas terhadap situasi. Penyelesaian kepada masalah hanya dikemukakan setelah masalah itu muncul. Mereka ibarat "ahli bomba yang akan hanya memadamkan kebakaran setelah kebakaran itu berlaku" manakala pemimpin yang proaktif akan mengambil langkah-langkah mencegah kebakaran daripada berlaku. Atau dari sudut ideologi, mereka pemimpin yang demokratik, autokratik, berkuku besi atau berpegang kepada musyawarah dalam membuat keputusan-keputusan penting yang melibatkan rakyat.

## MEMENUHI FUNGSI KEPIMPINAN POLITIK

Tempoh seratus hari itu juga boleh digunakan untuk menilai mereka dalam konteks mengurus dan mentadbirkan negara secara efektif. Dari segi ini, penilaian boleh dibuat sekurang-kurangnya dalam dua sudut. Pertama, mewujudkan satu pemerintahan yang baik bagi mewujudkan kestabilan, ekonomi dan sosial serta menjadi pelindung daripada ancaman musuh di luar. Ini

bermakna menjadi tanggungjawab pemimpin berkenaan mengadakan satu keadaan dalaman yang aman damai, selamat, tenteram, tidak menindas yang membenarkan pelbagai bentuk kebebasan—tentunya dalam bentuk yang relatif, bukan mutlak; mempertahankan rakyat dan negara daripada ancaman musuh-musuh yang mahu mengganggu kebebasan politik, kedaulatan negara dan keluhuran wilayah. Hal ini kerana negara sebagai satu unit politik dalam hubungan antarabangsa yang diasaskan pada sistem *nation-state* sebenarnya senantiasa terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman sama ada yang nyata dan tidak nyata. Dalam ketiadaan satu autoriti yang lebih tinggi selain negara itu sendiri dalam pentas dunia, sistem antarabangsa sebenarnya adalah bersifat anarki. Kuasa yang kuat dan besar akan membuli yang lemah dan tidak berdaya, baik atas nama hak asasi manusia, demokrasi, ketelusan, kegnasan antarabangsa, militan Islam, perdagangan bebas dan lain-lain. Saksikan kebiadaban Amerika Syarikat yang menceroboh Iraq menggunakan alasan kononnya negara itu mempunyai senjata pemusnah yang sampai sekarang tidak ditemui. Lantaran itu, menjadi tugas kepimpinan kerajaan untuk menghadapi secara berkesan ancaman dan ugutan kuasa besar itu dalam apa juga keadaan menerusi dasar luar dan dasar pertahanannya.

Fungsi kedua kepimpinan politik yang tidak kurang pentingnya berbanding dengan fungsi pertama ialah membawa kejayaan pembangunan dari sudut ekonomi dan bukan ekonomi. Kemajuan ekonomi termasuklah meningkatkan pendapatan rakyat, menyediakan pekerjaan, membawa pelaburan asing, meningkatkan keluaran kasar negara, meningkatkan produktiviti, mengawal inflasi, menambah perdagangan, mengagih-agihkankekayaan negara secara sama rata, membasmikan kemiskinan, mewujudkan sumber kekayaan baru dan lain-lain yang berkaitan. Kemakmuran ekonomi pula mesti diiringi dengan kemajuan bukan ekonomi, termasuk dalam bidang pendidikan, kesihatan, alam sekitar, membentuk masyarakat penyayang, berfikiran terbuka dan sebagainya.

Bagi Perdana Menteri atau Presiden baru, sebaik saja mengambil alih kuasa, mereka sebenarnya berdepan dengan dua pilihan. Pertama, berpuas hati dengan kepimpinan yang diwarisi dan menyandang jawatan itu sekadar untuk memanaskan kerusi. Jika inilah pilihannya, mereka akan mendapat bahawa kejayaan yang ada tidak akan dapat dipertahankan. Ia merupakan kejayaan yang sekejap atau sejenak. Pilihan kedua ialah membina kejayaan

berasaskan kejayaan yang diwarisi supaya dengan itu kejayaan itu selamat untuk diserahkan pula kepada pemimpin akan datang.

Selain itu, keupayaan mereka untuk menghuraikan agenda kerja bergantung kepada keadaan negara sewaktu mengambil alih pemerintahan. Peralihan kuasa boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu sewaktu negara berada dalam krisis dan huru-hara sama ada dilanda perperangan, kerosakan atau masalah-masalah lain atau ketika negara dalam keadaan aman damai dan berjaya, berdaya maju, dinamik dan progresif. Setiap satu keadaan ini (krisis atau tidak) pemimpin berkenaan berdepan dengan cabaran-cabaran yang tersendiri. Mengurus sebuah negara yang huru-hara tentulah lebih sukar. Akan tetapi, mengurus sebuah negara yang berjaya, juga bukan mudah. Malah ada kalanya membina kejayaan adalah lebih mudah daripada mengurus kejayaan, terutama dalam dunia yang berubah dengan pantas dan berdepan dengan saingan global yang sengit yang mengajukan dua pilihan iaitu bersaing atau mati.

## **SERATUS HARI PERTAMA: PANDANGAN UMUM**

Selama tiga bulan pertama menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah membuktikan bahawa tanggapan rendah pelbagai pihak terhadap kemampuan dan keupayaan beliau dalam memberi kepimpinan adalah tidak tepat dan tidak berasas. Selepas seratus hari menyandang jawatan utama cabang eksekutif, pelbagai pihak mula mengagumi kewibawaan beliau. Ramai yang sebelum ini berasa curiga dan ragu sepandapat bahawa beliau memang layak menjadi Perdana Menteri. Agenda kerja yang beliau gariskan selama seratus hari itu (yang diperincikan secara mendalam dalam bab lain buku ini) mendapat sokongan. Beliau akhirnya diterima sebagai pemimpin yang memang layak untuk menggantikan Tun Dr. Mahathir yang sudah dianggap sebagai legenda negara itu.

Kepimpinan beliau yang sebelum menjadi Perdana Menteri dianggap kusam oleh sesetengah kalangan, kini terserlah. Penekanan yang beliau berikan dalam program pembangunan kepada golongan yang diistilahkan sebagai *the weak many* oleh Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), meninggalkan impak yang besar. Bagi Profesor Shamsul, penekanan yang diberikan oleh Datuk Seri Abdullah kepada

keperluan rakyat bawahan ini tidak begitu diberi perhatian pada zaman Dr. Mahathir. Menurut beliau, sebagai Timbalan Perdana Menteri selama lima tahun dan sebagai menteri di lima kementerian sebelum itu, Datuk Seri Abdullah mengamati kecenderungan Dr. Mahathir untuk memberi banyak perhatian kepada *the strong few*. Lantas, sebaik saja menjadi Perdana Menteri, strategi Datuk Seri Abdullah adalah untuk mendekati rakyat yang terbiar itu. Dengan itu, kesan terhadap kepimpinan beliau adalah cukup mendalam. Profesor Shamsul bersetuju bahawa dalam waktu yang singkat, Datuk Seri Abdullah telah berupaya untuk keluar daripada bayang-bayang Tun Dr. Mahathir.

Menurut Profesor Shamsul, perubahan yang dibawa oleh Datuk Seri Abdullah juga bukan saja dari segi gaya, tetapi juga dari segi *substance*. Hasrat beliau ialah memperbaiki negara yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir. Kata Profesor Shamsul, "Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa dari segi fizikal, Malaysia sudah menjadi sebuah negara maju di kalangan dunia membangun dan mahu dijadikan model oleh mereka. Akan tetapi, beliau ingin mengukuhkan pembangunan manusianya. Jadi, berdasarkan kenyataan-kenyataan yang beliau umumkan, beliau bukan menentang projek Dr. Mahathir, tetapi sekadar mahu meneruskannya sama ada dengan mengembangkannya atau mengubahsuai hala tujunya sejarar dengan keadaan yang berubah." Dari beberapa segi, Datuk Seri Abdullah juga memperkenalkan cara dan pendekatan yang berbeza, terutamanya dari segi gaya yang sesuai dengan caranya tersendiri. Ini termasuklah cara beliau berkomunikasi dengan rakyat seperti yang beliau lakukan pada ucapan sulung sempena Hari Raya Aidilfitri sebagai Perdana Menteri. Ucapan beliau bukan saja pendek, tetapi memberi peluang kepada isterinya untuk menyampaikan ucapannya sekali. Menurut Profesor Shamsul, ini menggambarkan bahawa Datuk Seri Abdullah memprojek dirinya sebagai seorang yang mementingkan keluarga (sesuatu yang juga diterima baik di peringkat akar umbi).

Ramai yang tidak percaya dengan apa yang mereka saksikan. Datuk Seri Abdullah yang mereka anggap akan meraba-raba dalam kegelapan untuk mencari momentum pembangunan negara dan terpinga-pinga untuk mencari rentak bagi meneruskan kerancakan pembangunan Malaysia, rupanya seorang pemimpin yang berkebolehan. Ramalan bahawa kapal bernama Malaysia yang beliau nakhodai akan terumbang-ambil mengharungi lautan

yang bergelora, tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya, Datuk Seri Abdullah dengan berlatarbelakangkan pendidikan Islam dan berpengalaman luas menerajui lima buah kementerian, dilihat sebagai tokoh yang layak untuk melengkapkan pembangunan Tun Dr. Mahathir yang tidak seimbang dari segi pembinaan minda dan watak itu. Seperti yang dinyatakan oleh Profesor Mustapha Ishak, Datuk Seri Abdullah memberi tumpuan kepada pembinaan karakter rakyat Malaysia kerana mahu membetulkan kepincangan-kepincangan manusia dalam politik dan kerajaan. Lantaran itu, penekanan utama beliau ialah kepada soal rasuah, integriti dan moral. Apa yang beliau buat ini telah diterima baik oleh rakyat.

Tidak dinafikan bahawa selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berjaya membangunkan Malaysia dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur dunia kelas pertama dengan tahap kejayaan yang amat membanggakan. Seolah-olah pembangunan Malaysia sudah berada pada paras yang lengkap. Siapa juga yang menggantikan beliau tidak perlu berburu apa-apa kecuali mewarisi serta menguruskan kejayaan itu. Namun, mentali penghuninya kekal pada tahap kelas ketiga. Sekiranya dibiarkan berterusan, pembangunan yang tidak seimbang itu akan membawa negara kepada kehancuran. Oleh itu, Datuk Seri Abdurrahman berjanji untuk membetulkan keadaan itu dalam usaha untuk menjadikan Malaysia lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang.

Dengan agenda kerja yang sudah diumumkan sebagai Perdana Menteri, beliau dijangka mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk merealisasikan hasrat itu. Sesungguhnya, tiga bulan pertama telah mula mengubah persepsi pelbagai pihak terhadap Datuk Seri Abdullah. Sekiranya sebagai Perdana Menteri, Tun Razak popular dengan *bush jacket*nya, manakala Datuk Seri Abdullah pula tampil dengan baju batiknya.

Malah media asing turut mengakui ketrampilan beliau sebagai Perdana Menteri. Ada antara mereka yang selama ini memandang negatif terhadap beliau terpaksa menelan air ludah sendiri dan mula memberi penilaian yang positif terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah. Akan tetapi, ada juga yang liat untuk menukar fikiran dan sebaliknya mencari apa yang tidak kena dengan seratus hari pentadbiran Datuk Seri Abdullah seperti yang cuba dilakukan oleh *The Economist* (31 Januari - 6 Februari 2004) dalam tulisannya yang berjudul: *Not yet out of Mahathir's shadow* (Belum keluar lagi dari

bayang-bayang Mahathir). Namun, ramai mengakui tanggapan itu semakin mengecil dan tergolong sebagai minoriti.

## PENILAIAN DATUK SERI ABDULLAH

Sebagai pengakuan bahawa dalam sekelip mata apa juga boleh berlaku dalam dunia politik, bekas Perdana Menteri United Kingdom, Sir Harold Wilson pernah berkata, satu minggu dalam siasah merupakan satu tempoh yang cukup lama. Jika tujuh hari sudah dianggap lama, seratus hari apalah lagi. Bagi Datuk Seri Abdullah, beliau amat arif tentang keadaan ini sebaik saja beliau mengambil alih kepimpinan kerajaan pada 31 Oktober 2003. Hari-hari pertama beliau sebagai Perdana Menteri akan mencuri tumpuan ramai. Para pengkritik akan mencari kelemahan, kepincangan dan peluang untuk berkata, "aku dah kata dia memang tidak layak menggantikan Tun Dr. Mahathir." Namun, ramai pula yang ingin tahu warna sebenar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri. Yang lebih penting bagi mereka, apakah agenda yang akan dibawa oleh beliau sebagai Ketua Eksekutif Malaysia yang diperbadankan. Meskipun benar janji telah dibuat tidak berlaku perubahan besar dalam dasar dan matlamat yang hendak dituju, tetapi sekali air bah, macam-macam boleh berubah. Pemimpin yang hendak mendapat kuasa boleh cakap lain. Setelah berkuasa boleh bercakap lain pula. Bukankah politik sering digambarkan sebagai seni yang memungkinkan segala yang mustahil?

Datuk Seri Abdullah sendiri sedar akan pandangan rendah pelbagai pihak terhadap kepimpinan dan kemampuan beliau. Bagi beliau, menjadi anggota Kabinet dan Timbalan Perdana Menteri sebelum itu bukannya kedudukan untuk menunjuk-nunjuk. Beliau akur bahawa beliau mempunyai bos yang lebih tinggi kedudukannya. Dalam sebuah kapal, beliau sering diberitahu, tidak boleh wujud dua nakhoda. Akan tetapi setelah menjadi Perdana Menteri, dengan tiada bos untuk dirujuk lagi. Datuk Seri Abdullah tentulah berazam untuk membetulkan pandangan serong pelbagai pihak terhadap beliau selama ini. Dari satu segi, keadaan yang dianggap sebagai kelemahan ini, boleh ditukar menjadi kekuatan. Baguslah sekiranya orang tidak mempunyai gambaran yang hebat tentang diri beliau. Jika beliau bermula sebagai se-

orang yang hebat, maka orang mengharapkan sesuatu yang tinggi terhadap beliau dan jika harapan itu tidak dapat dipenuhi, mereka tentunya akan berasa kecewa.

Datuk Seri Abdullah juga sedar bahawa beliau menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Dr. Mahathir yang sudah teruji ketangkasannya menangani pelbagai krisis seperti politik, ekonomi dan kewangan. Tun Dr. Mahathir juga sudah berjaya membina imej di kalangan setengah pihak bahawa pimpinan beliau seolah-olah *indispensible*, tidak boleh ditukar ganti. Beliau bijak mengawal kuasa-kuasa Sultan yang sudah lupa diri, beliau pintar menangkis serangan musuh dalam dan luar negara dan beliau juga bergeliga mematahkan serangan penyangak mata wang antarabangsa yang mahu memufliskan negara. Oleh sebab itu, apabila beliau ingin bersara dan jika Tun Dr. Mahathir tidak lagi memimpin negara, ada yang risau bahtera yang bernama Malaysia ini akan terumbang-ambing. Tidak syak lagi Datuk Seri Abdullah perlu meyakinkan kemampuan menerajui negara dan membawa rakyat dan negara dalam genggaman yang selamat serta merintis jalannya sendiri.

## RAKYAT SOKONG SAYA

Penilaian pertama penerimaan rakyat terhadap kepimpinannya dibuat sendiri oleh Datuk Seri Abdullah, seminggu selepas beliau menjadi Perdana Menteri. Dalam satu temu ramah dengan RTM, beliau telah ditanya tentang tanggapan beliau sebagai Perdana Menteri. Beliau menjawab berdasarkan maklum balas yang beliau peroleh, "saya lulus ujian." Antara tempoh tujuh hari hingga tiga bulan menjadi Perdana Menteri, lebih banyak agenda kerjanya diumumkan dan beliau mengesan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan beliau adalah besar. Oleh itu, dalam satu majlis dialog dengan ketua-ketua editor media nasional di Kementerian Kewangan setelah genap tiga bulan beliau menggantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah telah diminta untuk membuat kad laporannya sendiri. Beliau secara terus terang memberikan jawapan berikut: "Jika anda bercakap tentang pencapaian, saya fikir saya telah berjaya membawa keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan sedang melakukan sesuatu untuk memperbaiki perkhidmat-

an. Dan mereka boleh harapkan perkhidmatan yang lebih baik. Kita telah wujudkan perasaan selesa—*feel good*. Ia wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk pelantikan Timbalan Perdana Menteri, rombakan kecil Kabinet, pengumuman tentang apa yang hendak kita lakukan dan banyak lagi.”

Beliau mengakui bahawa, “memang harapan yang diletakkan kepada kita amat tinggi. Saya tahu itu, tetapi pada masa yang sama mereka telah menunjukkan kesediaan untuk menyokong dan mengalau-alukan perubahan yang diperkenalkan. Saya berjaya mendapat maklum balas positif daripada majoriti rakyat tentang apa yang hendak dilakukan serta pengumuman yang dibuat. Ini secara dasarnya apa yang telah saya capai dan saya mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan. Ini akan saya lakukan kerana ia bukan isu, bukan sekadar orang kata pendekatan popular untuk meraih undi. Ia perkara yang sebenarnya. Inilah agenda yang hendak saya capai.”

Menyedari bahawa ada pihak yang menuduh bahawa segala agenda kerja yang diumumkan merupakan satu janji politik, beliau beberapa kali menyatakan kepada ketua-ketua editor itu bahawa itu bukan hakikatnya. Kata beliau, “Saya perlu katakan bahawa semua kenyataan yang saya buat (selama tiga bulan pertama) bukan untuk meraih undi, tetapi mewakili agenda kerja saya yang sebahagiannya memerlukan masa. Sebagai contoh, apabila saya bercakap tentang integriti nasional, yang kita telah ada pelan dan kita juga sudah mengenal pasti pusat di mana institut itu akan dilancarkan. Saya juga pernah memberitahu anda tentang perekayasaan pejabat daerah dan ini juga hampir siap. Begitu juga tentang perkhidmatan kaunter. Saya telah minta menteri-menteri turun padang. Saya beritahu mereka, saya sudah tunjuk jalan dan anda perlu lakukannya. Menteri kini mempengerusikan jawatankuasa membaiki prosedur kerja bagi mengurangkan kerentan birokrasi dan *red tape*. Ini semua sudah bermula, bukan kenyataan semata-mata.”

## **BERSERAH KEPADA PENCIPTA**

Berdasarkan agenda kerja yang diumumkan selama seratus hari sebagai Perdana Menteri, banyak program yang ingin dijayakan oleh Datuk Seri

Abdullah. Dalam tempoh itu juga, beliau kehilangan bonda yang tersayang yang selama ini banyak memberi nasihat bernas kepada beliau dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Datuk Khailan Hassan pulang ke rahmatullah pada 2 Februari 2004, enam hari sebelum Datuk Seri Abdullah tiba ke garisan 100 hari memegang jawatan itu. Akan tetapi, sekurang-kurangnya Allahyarham tahu anak sulungnya berjaya menjadi Perdana Menteri, satu kedudukan yang memang diidamkan oleh banyak orang politik yang bercita-cita tinggi. Pada waktu yang sama, isteri beliau, Datin Seri Endon Mahmood pula menerima rawatan di luar negara kerana penyakit barah payu dara yang beliau alami. Keadaan ini bagaimanapun tidak memberi tekanan kepada beliau dalam meneruskan tugas untuk negara. Bagi Datuk Seri Abdullah seratus hari pertama yang saya lalui adalah "100 yang menarik dan sangat mencabar bagi saya. Banyak masalah timbul yang saya hadapi dan perlu membuat keputusan tetapi orientasi saya ialah bagaimana hendak berusaha ke arah mengubah minda dan sikap rakyat."

Bagi beliau, seratus hari pertama berlalu begitu pantas sehingga beliau sendiri tidak menyedari sudah 100 hari menjadi Perdana Menteri. Kebimbangan beliau sekarang ialah tidak cukup masa. "Saya bekerja keras, jarang tidur awal dari pukul 12 malam; kadang-kadang sampai pukul satu dan dua pagi. Yang lain (tekanan membuat keputusan) saya tidak bimbang, saya bukan begitu orangnya dan saya tidak mahu menghabiskan masa memikirkan semua ini. Saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Pencipta. Jika saya sudah ditakdirkan melakukan tugas ini, Dia akan membantu saya. Ini kepercayaan saya."

## BUKAN JANJI PILIHAN RAYA

Sewaktu memberi ceramah berjudul *Perubahan Landskap Politik di Malaysia* anjuran Yayasan Cambridge Malaysia di Kuala Lumpur, dua hari selepas genap seratus hari memegang jawatan itu, Datuk Seri Abdullah juga menggunakan kesempatan itu untuk berkongsi penilaian seratus hari beliau sebagai Perdana Menteri dengan hadiran yang ikut serta. Beliau memulakan ceramahnya dengan pengakuan "Malaysia yang diamanahkan kepada saya ialah sebuah negara yang penuh berkeyakinan, berdaya maju, dinamik dan

progresif." Beliau tidak menyembunyikan kesukaran yang beliau hadapi untuk menguruskan kejayaan itu kerana menurut beliau, "dalam dunia yang berubah dengan pantas dan saingen yang sengit, Malaysia perlu bekerja keras untuk terus hidup dan kekal di hadapan. Tiada jalan mudah untuk kita. Mantera global ialah bersaing atau mati dan kita mestii bangkit untuk menghadapi cabaran ini."

Beliau kemudian memaklumkan untuk bangkit menghadapi cabaran itu, "saya telah menghabiskan masa selama tiga bulan dalam tugas saya untuk menggariskan agenda bagi kerajaan saya. Saya gembira kerana hampir semua agenda ini diterima oleh mereka yang memberikan pendapat dan maklum balas mereka. Orang ramai menyambut baik sesetengah idea saya dan saya akan menggunakan pandangan mereka untuk memperbaiki lagi agenda saya, terutama dari segi pelaksanaan." Secara tegas beliau menyatakan, "agenda saya bukan sekadar janji manis atau janji pilihan raya. Kerajaan yang saya pimpin dan parti yang saya ketuai selama ini sudah membuktikan bahawa kami bekerja untuk rakyat dan bukan untuk mendapat undi. Agenda yang saya tetapkan merupakan sesuatu yang saya mahu lihat dilaksanakan dan bukan sesuatu yang hanya sedap didengar dalam ucapan untuk mendapat tepukan.... Seratus hari yang pertama ialah penyataan hasrat saya. Sekarang kita perlu bekerja dan menggerakkan apa yang dikatakan. Saya sedar sekarang, ada pengharapan yang tinggi daripada pentadbiran saya. Ini berbeza daripada harapan yang sangat rendah sebelum saya mengambil alih."

## KERAJAAN KEPANGKUAN RAKYAT

Dalam penilaian tentang seratus harinya, beliau turut menjelaskan bahawa, "kerajaan yang saya pimpin dan parti yang saya ketuai" bukan untuk kebanggaan diri, tetapi untuk rakyat semata-mata. Tegas beliau, "Apa yang telah saya tetapkan untuk dilaksanakan ialah bagi membawa balik kerajaan ke pangkuhan rakyat. Kerajaan berkhidmat untuk rakyat dan dasarnya mesti memberi kuasa kepada rakyat dengan peluang, hak dan tanggungjawab. Kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat memberi lebih kuasa kepada rakyat. Asas pertumbuhan ekonomi yang meluas dengan sumber baru di sektor luar bandar memberi kuasa kepada rakyat. Membasmi rasuah dan memastikan

orang awam tidak menjadi mangsa kepada orang yang berkuasa tetapi sengaja melengah-lengahkannya.”

Datuk Seri Abdullah mengakhiri penilaian seratus hari beliau sebagai Perdana Menteri kepada Yayasan Cambridge Malaysia dengan pesanan “Mesaj saya adalah mudah. Beri kuasa kepada kerajaan ini untuk memberi kuasa kepada anda. Percayalah kepada kepimpinan ini yang yakin kepada anda. Bekerjalah bersama saya, untuk berkhidmat kepada anda.”

## RUMUSAN

Seratus hari pertama telah digunakan sebaik mungkin oleh Datuk Seri Abdullah untuk menampilkan imej beliau sebagai seorang pemimpin yang mempunyai wawasan tersendiri bagi memajukan bangsa, agama dan negara. Daripada seorang pemimpin yang diragui kebolehan dan kualiti serta dianggap lembik oleh sesetengah pemerhati, beliau muncul sebagai seorang pemimpin yang dinamik dan bertenaga, sekurang-kurang dari segi imej. Malah apa yang lebih menarik, dalam tempoh seratus hari itu juga, beliau berjaya keluar daripada bayang-bayang bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Selepas seratus hari itu, Datuk Seri Abdullah muncul sebagai seorang pemimpin yang bukan saja dikagumi, malah memukau imaginasi.

## **BAB 11**

---

### **SERATUS HARI PERTAMA— KEGIATAN DAN PENGUMUMAN**

**31 OKTOBER 2003**

Tepat jam 3.10 petang, Datuk Seri Abdullah menerima suratcara pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 daripada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur. Ini diikuti dengan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia kerajaan. Kira-kira sejam kemudian, berlangsung pula penyerahan kuasa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Abdullah mengadakan majlis berbuka puasa untuk sanak saudara dan sahabat handai yang rapat dengannya.

**1 NOVEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah pulang ke kampung halamannya di Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau disambut oleh kira-kira 30 ribu orang penyokongnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan 10 ribu orang di Kepala Batas, desa beliau dibesarkan. Sebagai anak yang warak, beliau mencium tangan ibunya, Datuk Khailan Hassan, memohon restu dalam jawatan barunya itu. Datuk Seri Abdullah juga mengunjungi pusara Allahyarham bapa-

nya, Datuk Ahmad Badawi dan datuknya, Syeikh Abdullah Fahim di pekarangan Masjid Jamiul Badawi.

Pada ucapan sulung kepada orang ramai di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Datuk Seri Abdullah melahirkan rasa syukur kerana mewarisi kerajaan dan negara yang berjaya daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau meminta rakyat memberi sokongan yang berterusan untuk membawa Malaysia ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, apa yang menarik dalam ucapannya, beliau mengajak rakyat, "bukan bekerja untuk saya, tetapi bekerja bersama-sama saya memajukan bangsa, agama dan negara." Kenyataan ini memperlihatkan gaya pentadbiran yang akan dibawa oleh Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri dengan menganggap rakyat sebagai rakan kongsi menjayakan cita-cita negara.

## 2 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah menyampaikan bantuan kepada pesawah dan penternak di Seberang Perai Utara dan daerah Baling, Kedah yang kerugian berjuta-juta ringgit akibat banjir. Beliau meluluskan peruntukan segera bernilai RM32 juta.

Ucapan menarik beliau pada majlis itu ialah tentang semangat kerja berpasukan yang patut ada di kalangan pegawai kerajaan. Mengibaratkan jentera kerajaan sebagai sebuah pasukan bola sepak, beliau meminta setiap pemain memainkan peranan masing-masing; beliau meminta mereka agar tidak berbuat sesuatu yang boleh mengancam pasukan seperti menyumbat bola ke gol sendiri atau membentes kaki lawan.

## 3 NOVEMBER 2003

Hari pertama memasuki pejabat Perdana Menteri di Putrajaya setelah dilantik ke jawatan itu, jam 8 pagi. Mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai pejabatnya. Dalam ucapan kepada 1000 orang pegawai dan petugas Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah mengulangi pesanan keramat-

nya yang mahu semua pihak bekerja bersama-sama beliau, bukan untuk beliau.

Pada jam 11 pagi, Datuk Seri Abdullah mengemukakan usul terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur. Selain menghargai segala jasa, bakti dan sumbangan Tun Dr. Mahathir sepanjang berkhidmat sebagai Perdana Menteri, beliau juga berikrar untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh amanah, jujur, cekap dan adil.

Dalam ucapan sulungnya itu, beliau juga menegaskan bahawa segala dasar yang dipelopori oleh Tun Dr. Mahathir akan diteruskan. Wawasan 2020 akan terus menjadi inspirasi memacu pembangunan secara komprehensif bagi mencapai tahap negara maju. Menurut beliau lagi, semangat Dasar Ekonomi Baru untuk memastikan penyusunan semula masyarakat yang dapat membina perpaduan nasional dan agenda membasmi kemiskinan, akan terus diberi keutamaan. Emansipasi dan pengukuhan dalam segala aspek pembangunan manusia dari segi sosial, moral, etika dan politik akan terus dijadikan rangka strategik kepada dasar ekonomi negara.

Pada sesi Dewan Rakyat yang sama, ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional meluluskan usul taat setia kepada Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5. Manakala Ahli Parlimen Pembangkang mengambil sikap berkecuali. Pada sebelah malamnya, beliau meraikan ahli Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) pada satu majlis berbuka puasa, diikuti sembahyang maghrib, isyak dan tarawih. Datuk Seri Abdullah mengimamkan sendiri solat-solat itu.

Pejabat Perdana Menteri juga mengumumkan selain menerajui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah juga mengambil alih tugas Menteri Kewangan yang sebelum ini disandang oleh Tun Dr. Mahathir. Pada hari yang sama, Kementerian Dalam Negeri yang beliau menjadi menterinya turut mengumumkan perlantikan Ketua Polis Negara yang baru. Datuk Seri Mohd Bakri Omar dilantik menggantikan Tan Sri Norian Mai selaku KPN Malaysia ke-7.

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri bersama-sama dengan menteri-menteri Kabinet menghadiri majlis berbuka puasa yang dihoskan oleh Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara, Kuala Lumpur.

## 4 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Keselamatan Negara (MKN) atas sifatnya sebagai Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. MKN diwujudkan pada tahun 1971 untuk mengantikan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang memerintah Malaysia ketika negara ini ditadbir dalam keadaan darurat selama 21 bulan. Datuk Seri Abdullah pernah berkhidmat dengan MAGERAN sebagai Ketua Penolong Setiausaha MKN. Datuk Jaafar Ismail memberitahu sidang media bahawa pada pertemuan itu, Datuk Seri Abdullah menyatakan rasa puas hati dengan tahap keselamatan negara.

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri meraikan menteri-menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parliment dalam majlis berbuka puasa di kediaman rasminya di Putrajaya.

## 5 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat pertama Jemaah Menteri di Putrajaya. Selepas itu, dalam satu sidang media beliau memberitahu tiada pelantikan baru anggota Kabinet atau rombakan Kabinet dibuat masa ini. Yang di-Pertuan Agong sudah dimaklumkan tentang hal ini. Beliau juga mengesahkan mengambil alih tugas Menteri Kewangan yang sebelum ini dipegang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kedudukan Timbalan Perdana Menteri dibiarkan kosong buat sementara waktu. Beliau memberitahu, "sudah tentu saya akan melantik seorang timbalan. Saya akan memilih seorang yang boleh membantu saya dan berupaya memberi kepimpinan yang baik kerana saya mempunyai kerja yang banyak sebagai pengurus OIC dan NAM, di samping pergi ke merata tempat untuk menghadiri mesyuarat. Pada waktu ini, Perdana Menteri mengurus sendiri banyak hubungan luar, tidak seperti sebelum ini."

Beliau juga mengarahkan jabatan-jabatan kerajaan untuk mengurangkan kerentak birokrasi dan memperkuatkan perkhidmatan awam dalam usaha memerangi rasuah serta menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat. Setiap kementerian diarah untuk menubuhkan pasukan petugas khas

untuk mengurangkan kerendah birokrasi di semua jabatan kerana ketidakcepatan boleh membawa kepada rasuah. Beliau juga turut mengarahkan operasi pejabat-pejabat daerah, majlis tempatan diperbaharui semula untuk membebaskan mereka daripada kaedah-kaedah birokratik yang sukar hendak digerakkan/dikawal yang membuat orang terdorong memberi rasuah. Pasukan petugas ini akan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samuddin Osman.

Datuk Seri Abdullah menegaskan, "memperbaiki sistem penyampaian khidmat awam adalah terlalu penting. Langkah-langkah tertentu mesti diperkenalkan supaya rakyat mendapat khidmat yang pantas dan berkualiti. Saya sudah memaklumkan Kabinet bahawa saya akan memberi perhatian kepada jabatan-jabatan kerajaan yang secara langsung berurusan dengan rakyat melalui perkhidmatan kaunter. Saya mahu khidmat-khidmat itu diperbaiki supaya rakyat mendapat khidmat yang pantas dan boleh dipercayai."

Beliau juga mengumumkan penubuhan Institut Etika Awam dan Rancangan Kewibawaan Nasional untuk meningkatkan urus tadbir sektor awam dan swasta.

Beliau juga menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan pembangkang terutama dalam dua bidang iaitu pertama, pembangkang jangan mempolitikkan isu-isu tertentu sehingga boleh menjelaskan hubungan kaum dan kedua, tentang isu-isu dasar luar seperti Palestin dan Iraq di mana kerajaan dan pembangkang boleh mengambil pendirian yang sama.

## 6 NOVEMBER 2003

Pada sebelah pagi, Datuk Seri Abdullah menerima kunjungan Ketua Polis Negara yang baru dilantik, Datuk Seri Mohamed Bakri Omar di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Ini diikuti pertemuan dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri. Menteri Besar dua negeri yang diperintah oleh pembangkang (Pas)—Kelantan dan Terengganu, bagaimanapun tidak diundang untuk mesyuarat tersebut. Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri mengarahkan mereka supaya menubuhkan pasukan petugas khas bagi mengurangkan kerendah birokrat-

si. Beliau juga mahu kerajaan negeri meningkatkan kecekapan pejabat-pejabat daerah, pejabat tanah, kerajaan tempatan dan jabatan-jabatan negeri.

Pada sebelah petang, Datuk Seri Abdullah, selaku Pemangku Presiden UMNO mengadakan mesyuarat pertama Majlis Tertinggi (MT). Sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum, beliau mengarahkan Ketua-ketua Perhubungan Negeri supaya memperkemaskan jentera parti. Beliau juga meminta para pemimpin dan ahli UMNO supaya mengelak politiking dan meningkatkan kerjasama untuk mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum nanti. Beliau mengulangi seruan beliau supaya para pemimpin UMNO "bekerja untuk rakyat bukan untuk saya."

Selepas mesyuarat itu, Datuk Seri Abdullah menyertai ahli-ahli MT dalam satu majlis berbuka puasa. Beliau sendiri mengimamkan solat magrib pada majlis itu.

## 7 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah secara rasmi dilantik sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN). 13 daripada 14 anggota parti-parti komponen BN, yang diwakili oleh ketua masing-masing sebulat suara memilih Datuk Seri Abdullah ke jawatan itu bagi menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) yang sedang menghadapi krisis kepimpinan tidak hadir. Kedudukan Timbalan Pengerusi yang disandang oleh Datuk Seri Abdullah dibiarkan kosong. Selepas perlantikannya, Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat pertama Dewan Tertinggi BN. Bercakap kepada media selepas itu, Datuk Seri Abdullah berkata, "BN sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa."

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri meraikan anggota-anggota kanan badan kehakiman berbuka puasa di kediaman rasminya di Putrajaya. Turut hadir ialah Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Syeikh Abdul Halim dan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Mohd Haidar Mohd Nor.

## 8 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang. Beliau ialah ketua UMNO Pulau Pinang. Pada sebelah malamnya, beliau menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Negeri.

## 9 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah merasmikan Konvensyen Kebangsaan Pilihan Raya Umum MIC di Shah Alam, Selangor. Dalam ucapannya, beliau memberitahu para pemimpin Barisan Nasional supaya menyatakan yang benar tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat kepada beliau. "Saya tidak mahu dihayutkan oleh kisah-kisah hebat kerana ia membuat anda alpa, seperti mimpi. Saya khuatir mimpi-mimpi itu mungkin bertukar menjadi igauan kemudian nanti," kata beliau berterus terang. Beliau menambah, "saya tahu ada antara anda kesian dengan saya dan risau saya mungkin menangis atau tak dapat tidur apabila diberitahu yang benar, tetapi saya bersedia untuk menghadapinya." Datuk Seri Abdullah menegaskan, seorang pemimpin akan gagal menunaikan tanggungjawabnya jika dia tidak berani menghadapi kebenaran. "Kita mesti mempunyai keberanian dan kekuatan untuk berdepan dengan kebenaran, walaupun ia melukakan. Oleh itu, beritahu saya yang benar," kata beliau.

Konvensyen Kebangsaan MIC itu turut meluluskan usul menyokong kepimpinan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri ke-5.

Pada sebelah petangnya, Datuk Seri Abdullah melancarkan Hari Kitar Semula Kebangsaan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, beliau meminta semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menyediakan tong-tong kitar semula di tempat masing-masing dan mengambil langkah untuk mengurangkan pembaziran.

## 10 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah memulakan tugas rasminya dengan mengadakan pertemuan dengan semua Ketua Setiausaha kementerian. Pada majlis itu, beliau menganjurkan pegawai-pegawai atasan kerajaan itu supaya apabila menganjurkan majlis dan majlis pelancaran projek-projek kerajaan pada masa depan, ia hendaklah diadakan secara sederhana dan mudah. Menurut beliau, ada antara majlis pelancaran projek kerajaan diadakan secara besar-besaran yang menelan belanja besar dan memerlukan banyak masa untuk menganjurkannya. "Saya mahu melihat majlis-majlis kerajaan diadakan secara sederhana. Apa yang lebih penting ialah bagaimana sesuatu projek itu dilaksanakan," tegas Datuk Seri Abdullah. Beliau juga menganjurkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan tidak payah menyediakan cenderamata yang mahal-mahal bagi tetamu dalam majlis-majlis yang diadakan.

Selepas pertemuan dengan pegawai-pegawai kanan, yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, Datuk Seri Abdullah selaku Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2004 di Dewan Negara.

Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Abdullah menjadi tetamu program Bersama Perdana Menteri di TV1, RTM. Dua ahli panel program itu ialah Pengarang Berita RTM, Monshi Abdullah dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Hishamudin Aun. Mereka bertanyakan beliau tentang tempoh seminggu menjadi Perdana Menteri. Menurut Datuk Seri Abdullah, berdasarkan laporan positif media tempatan dan asing tentang apa yang dibuat dan diumumkan oleh beliau selama tujuh hari memegang jawatan itu, beliau merasakan diri beliau lulus ujian minggu pertama. Beliau juga memberitahu, beliau memerlukan kawan-kawan yang jujur untuk memberitahu yang benar kepada beliau dalam politik. Beliau tidak perlu pengampu.

## 11 NOVEMBER 2003

Selaku Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah mendengar taklimat yang diberikan oleh ketua-ketua jabatan di bawah kementerian itu. Bercakap kepada media, beliau memberitahu bahawa sistem tambatan RM pada kadar

RM3.80 bagi setiap satu dolar Amerika, dikekalkan. Beliau juga mengarahkan Kementerian Kewangan menyelesaikan semua bayaran tertungggak kepada pembekal dan kontraktor kerajaan sebelum hujung tahun. Beliau juga memberitahu bahawa berkuatkuasa serta-merta, bayaran kepada pembekal dan kontraktor kerajaan akan dijelaskan segera, atau paling lewat dalam masa 30 hari jika proses dokumentasinya agak rumit. "Kerajaan kena jadi pembayar hutang yang baik. Apabila sesuatu perkhidmatan atau barang telah diberikan, kontraktor perlu dibayar," tegas beliau.

Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di surau Nurul Iman, Permatang Manggis, Kepala Batas, Pulau Pinang. Berucap pada majlis itu, beliau menyeru umat Islam mengukuhkan permuafakatan untuk mencapai kemajuan. Beliau juga mengingatkan bahawa negara yang rakyatnya tidak berilmu akan mengalami kemunduran walaupun memiliki banyak sumber alam yang boleh dimanfaatkan.

## 12 NOVEMBER 2003

TIADA

## 13 NOVEMBER 2003

Selaku Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah menghadiri perhimpunan bulanan kementerian di Putrajaya pada sebelah pagi. Pada majlis itu, beliau melafazkan sumpah bahawa sebagai orang Islam "saya berjanji tidak terlibat dengan rasuah dan saya juga tidak akan bertolak ansur dengan mereka yang rasuah." Beliau berikrar untuk meningkatkan kecekapan kerajaan dan memudahkan urusan dengan rakyat.

Sejam kemudian, beliau membuat pemeriksaan mengejut ke perkhidmatan kaunter Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Pusat Bandar Damansara di Kuala Lumpur. Waktu itu, ribuan rakyat sedang berurus dengan jabatan itu. Beliau bertanyakan mereka tentang perkhidmatan yang diberikan. Beliau

juga bertanyakan pegawai-pegawai imigresen tentang khidmat yang disediakan.

Selepas lawatan mengejut itu, Datuk Seri Abdullah mengarahkan jabatan-jabatan kerajaan yang memberi khidmat kaunter supaya memperkenalkan satu borang penilaian untuk membolehkan pelanggan menilai perkhidmatan masing-masing.

Atas sifatnya sebagai Pemangku Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah turut mengulas tentang Dokumen Negara Islam Pas yang dilancarkan oleh Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada 12 November. Menurut beliau, dokumen itu sudah ketinggalan kerana apa yang dinyatakan dalam dokumen itu sudah pun dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional.

## 14 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah menghabiskan sehari suntuk di kawasan Parlimennya di Kepala Batas bagi menyampaikan bantuan kepada fakir miskin peringkat Dewan Undangan Bertam dan Pinang Tunggal. Dalam ucapannya pada kedua-dua majlis itu, Datuk Seri Abdullah meminta rakyat menyegarkan semangat kasih sayang sesama mereka. Beliau mahu semangat menderma dan memperbanyakkan amal jariah kepada golongan fakir miskin diperkuuhkan sepanjang masa tanpa terhad pada musim-musim tertentu.

Beliau kemudian menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Pulau Mertajam, di mana 50 orang pemimpin Islam dari selatan Thailand mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri. Rombongan yang diketuai oleh Ketua Majlis Pentadbiran Wilayah Yala, turut disertai oleh tokoh-tokoh agama selatan Siam.

## 15 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah meneruskan lawatan kerja ke kawasan Parlimennya di Kepala Batas dengan menghulurkan bantuan kepada fakir miskin. Selain meminta mereka yang berkemampuan menyemarakkan amalan-amalan bersedekah pada musim-musim perayaan, Datuk Seri Abdullah juga mengingat-

kan rakyat agar tidak terpedaya dengan Dokumen Negara Islam Pas. Bagi beliau, dokumen itu tidak lebih daripada satu usaha tersebut parti yang kononnya memperjuangkan Islam itu untuk memancing undi menjelang pilihan raya umum yang mungkin diadakan pada bila-bila masa sebelum akhir 2004. Ada ramalan bahawa pilihan raya umum itu mungkin diadakan seawal Disember 2003. Ada juga ramalan yang mengatakan ia akan diadakan pada Mac atau paling lewat April 2004.

## 16 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri Terengganu mengadakan lawatan sehari ke negeri itu. Selain menghadap Sultan Terengganu dan mengagih-agihkan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada fakir miskin, beliau juga mempengaruhi mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Terengganu. Beliau juga menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat. Pada ucapan kepada 5000 orang yang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Kuala Terengganu, Datuk Seri Abdullah menegaskan kerajaan akan mempertahankan hak istimewa orang Melayu dan hak bukan Melayu seperti yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Beliau menyatakan ini sebagai mengulas ura-ura Pas untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu seperti yang dimuatkan dalam dokumen Negara Islam Pas yang dikeluarkan pada 12 November 2003.

## 17 NOVEMBER 2003

Pada sebelah pagi, Datuk Seri Abdullah membentangkan usul Kajian Penggal Rancangan Malaysia ke-8 di Dewan Negara. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan kaum Cina yang membentuk 27 peratus penduduk Malaysia menguasai modal saham berjumlah RM159.8 bilion, sekali ganda lebih besar daripada penguasaan modal kaum bumiputera yang bernilai RM73.2 bilion. Menurut beliau, sepanjang tempoh RMK8 itu juga, peratus ekuiti saham bumiputera yang membentuk kira-kira 58 peratus penduduk negara juga telah berkurangan sedikit daripada 18.9 peratus kepada 18.7 peratus. Hak

milik kaum Cina pula meningkat dengan kadar 11.2 peratus setahun berbanding 7.8 peratus yang dicatat oleh kaum bumiputera sepanjang tempoh yang sama.

Pada sebelah tengah hari, beliau mengadakan lawatan kerja ke Sabah. Selain menyampaikan amanat kepada rakyat dan penyokong Barisan Nasional di Kota Kinabalu, Datuk Seri Abdullah juga berbuka puasa dengan para pemimpin negeri itu. Beliau juga mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan UMNO dan BN Sabah. Beliau diberi taklimat tentang pilihan raya negeri yang boleh diadakan pada bila-bila masa sebelum April 2004, yang berkemungkinan diadakan serentak dengan pilihan raya umum nasional. Beliau juga mendengar pandangan tentang hasrat majoriti pendapat umum di negeri itu yang mahukan sistem penggiliran Ketua Menteri ditamatkan dan parti yang memiliki kerusi terbanyak di Dewan Undangan Negeri (dalam kes ini ialah UMNO) menerajui kerajaan negeri. Di bawah sistem penggiliran sedia ada, tiga kaum utama Sabah iaitu Melayu/Islam, Kadazan dan Cina, secara bergilir-gilir menjadi Ketua Menteri untuk tempoh dua tahun tanpa mengira kerusi yang mereka miliki di Dewan Negeri. Ia diperkenalkan sebagai satu mekanisme politik untuk membolehkan kaum utama yang mendukung BN memimpin negeri itu. Setelah dua pilihan raya ia dilaksanakan, sistem penggiliran didapati tidak memberi kesinambungan dalam membangunkan negeri itu. Hal ini kerana setiap ketua menteri baru mempunyai agenda pembangunan yang tersendiri.

## 18 NOVEMBER 2003

Bimbang dengan angka nahas kemalangan jalan raya menjelang musim perayaan yang saban tahun meningkat (dalam kes ini Hari Raya Aidilfitri) Datuk Seri Abdullah mengadakan mesyuarat khas di Balai Polis Trafik Jalan Bandar, Kuala Lumpur. Turut hadir pada mesyuarat itu, selain PDRM ialah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Perusahaan Awam dan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Pada pertemuan itu, beliau mengarahkan lori muatan berat dilarang bergerak pada musim orang ramai berpusu-pusu balik ke kampung untuk beraya. Beliau yang jelas kecewa dengan bilangan kematian yang bertambah setiap tahun

berkata, "kalau boleh kita tidak mahu langsung, ada kemalangan, tetapi mungkin kita tidak dapat mencapai matlamat itu." Lantaran azam Perdana Menteri hanyalah sekadar untuk mengurangkan bilangan kematian. Ini memerlukan kerjasama orang ramai terutama pengguna jalan raya yang mempunyai peranan penting bagi mengelakkan kemalangan.

Pada sebelah malamnya, Datuk Seri berbuka puasa dengan badan-badan perhubungan UMNO negeri Perak, Perlis, Kelantan, Pahang, Melaka, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

## 19 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet bagi kali ketiga sejak menjadi Perdana Menteri di Putrajaya. Antara keputusan penting yang dibuat oleh Kabinet hari itu ialah Perdana Menteri disarankan berjuma dengan Majlis Raja-Raja bagi mencadangkan supaya pingat dan darjah kebesaran diberikan kepada mereka yang benar-benar layak dan berjasa sahaja. Isu pemberian darjah kebesaran, terutamanya yang membawa kepada gelaran "Datuk" diperkatakan umum berikutan keghairahan sesetengah negeri menganugerahkan gelaran itu tanpa garis panduan yang jelas, kecuali tiga negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Penganugerahan gelaran "Dato" di negeri-negeri lain dikatakan dipengaruhi oleh unsur-unsur pembelian oleh orang yang inginkan gelaran itu. Pahang dan Melaka secara khusus disebut sebagai negeri yang paling banyak memberi gelaran "Dato" tanpa garis panduan yang nyata.

Pada sebelah petangnya, Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO. Fokus utama mesyuarat itu ialah memperakarkan senarai ketua-ketua penaja Bahagian UMNO untuk dibentangkan dan diluluskan kepada mesyuarat Majlis Tertinggi parti. Mesyuarat itu juga memutuskan untuk memecat Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Tan Sri Abdullah Ahmad kerana tulisan beliau berjudul *Freeing the Prophet's land* telah menimbulkan bantahan daripada kerajaan Arab Saudi dan berkenaan menimbulkan masalah dalam hubungan antara Kuala Lumpur dengan Riyadh. Pemecatan beliau berkuat kuasa serta-merta. Dakwaan baha-

wa beliau dipecat kerana berkempen untuk menjadikan Datuk Seri Najib sebagai timbalan perdana menteri menggunakan akhbar-akhbar Kumpulan NSTP dinafikan. Datuk Seri Abdullah memberitahu media bahawa penyingiran Tan Sri Abdullah tidak ada kena mengena dengan politik dalaman UMNO.

## **20 NOVEMBER 2003**

TIADA

## **21 NOVEMBER 2003**

TIADA

## **22 NOVEMBER 2003**

Pada sebelah pagi, selaku Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah mempergerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Kementerian Kewangan, Putrajaya. Bercakap kepada media kemudian, beliau memaklumkan untuk membuktikan bahawa kerajaan ingin menjadi pembayar hutang yang baik. Bayaran tertunggak bernilai RM3.6 bilion telah dijelaskan kepada kontraktor yang telah menyiapkan kerja-kerja untuk kerajaan menjelang Aidilfitri. Tunggakan kira-kira dua bilion akan dilunaskan sebelum akhir tahun 2003.

Pada sebelah petang, selaku Pemangku Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah mempengaruhi mesyuarat khas Majlis Tertinggi parti yang memutuskan ketua-ketua penaja bagi 191 bahagian UMNO di seluruh negara. Pemilihan ketua-ketua penaja ini dilakukan sejajar dengan pesempadan semula kawasan pilihan raya di peringkat parlimen. Di bawah pesempadan semula itu, 26 kawasan baru Parlimen diwujudkan dan menjadikan jumlahnya daripada 165 sekarang kepada 191 pada pilihan raya umum 2004. Oleh sebab bahagian-bahagian UMNO diasaskan pada kawasan

Parlimen, maka parti itu juga menyaksikan pertambahan bahagian.

Di bawah senarai ketua penaja baru itu, yang pelantikannya berkuat kuasa serta-merta, pimpinan parti menggugurkan lima orang ketua bahagian yang sedia ada iaitu empat di Kelantan dan seorang di Pulau Pinang. Mereka yang digugurkan ialah Ketua Bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali dan tempat beliau diambil alih oleh Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman; Ketua Bahagian Bacok, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor pula digantikan dengan Datuk Awang Adek Hussein; Bekas Setiausaha Politik Datuk Seri Abdullah, Datuk Romzi Abdul Rahman pula menggantikan Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah; manakala di Kubang Kerian, kedudukan ketua bertukar tangan daripada Tuan Hashim Tuan Yaakob kepada Datuk Ahmad Rosli Ibrahim. Di Pulau Pinang, Ketua UMNO Permatang Pauh, kawasan parlimen yang diwakili oleh Datin Seri Wan Azizah Ismail, Presiden Parti Keadilan, Datuk Ahmad Saad digantikan dengan Datuk Abdul Jalil Abdul Majid.

Walau bagaimanapun, tidak semua yang digugurkan sebagai ketua akur dengan keputusan pucuk pimpinan itu. Datuk Ibrahim Ali dan Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor menganggap pengguguran mereka sebagai tidak adil. Mereka kecewa kerana tidak dirundingi terlebih dahulu tentang kedudukan mereka. Mereka berpendapat, setelah sekian lama berbakti kepada parti, tindakan yang diambil terhadap mereka tiga hari menjelang hari raya Aidilfitri cukup menghiris perasaan mereka. Datuk Ahmad Saad menganggap keputusan itu sebagai budi bicara pucuk pimpinan dan beliau tidak mahu mempersoalkannya, jika itu kehendak orang atas.

Dua tokoh veteran, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Mohamad Rahmat melepaskan jawatan ketua bahagian masing-masing secara sukarela. Tempat Tun Dr. Mahathir di Kubang Pasu diambil alih oleh timbalannya, Tan Sri Osman Aroff, manakala Tan Sri Mohamad digantikan dengan anaknya sendiri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, di Pulai.

**23 NOVEMBER 2003**

TIADA

## 24 NOVEMBER 2003

Selaku Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah mengumumkan pembebasan 15 orang anggota Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah Malaysia (Al-Maunah) yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 2001. Al-Maunah ialah sebuah pertubuhan agama militan yang terbabit dengan rampasan senjata di Kem Tentera Wataniah, di Grik Perak. Pimpinannya merancang untuk menjatuhkan kerajaan secara tidak demokratik dan menyerang sasaran yang dianggap maksiat dan mungkar (seperti Genting Highlands serta kilang membuat arak dan minuman keras di Malaysia). Walau bagaimana pun, pembebasan mereka adalah bersyarat. Mereka dikenakan sekatan di tempat tinggal masing-masing. "Tindakan ini bagi membolehkan pihak berkuasa mengawasi mereka agar tidak kembali terbabit dalam kegiatan bersifat militan atau kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara," kata Datuk Seri Abdullah dalam satu kenyataan.

Beliau juga mengumumkan empat daripada 13 pelajar Malaysia yang ditahan mengikut akta yang sama kerana terlibat dengan kegiatan militan di Pakistan turut dibebaskan.

Sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 25 November, Datuk Seri Abdullah muncul di kaca televisyen untuk menyampaikan ucapan Aidilfitri. Menjadi satu tradisi bagi Perdana Menteri untuk menyampaikan ucapan itu, selain ucapan menyambut tahun baru dan ucapan Hari Kemerdekaan. Dalam ucapan itu, beliau meminta rakyat menjadikan Malaysia sebuah negara bahagia bukan kerana kemakmuran yang dinikmatinya, tetapi kerana kehidupan saling menghormati antara rakyat pelbagai kaum dan fahaman agama. "Hubungan kaum yang baik itulah sebenarnya yang memberikan kebahagiaan sehingga menjadikan rakyat Malaysia hidup bergembira dengan kemajuan, keamanan dan keselamatan," kata beliau. Sekiranya Perdana Menteri sebelum ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan berdiri dan membaca teks, tetapi Datuk Seri Abdullah duduk. Beliau kelihatan seolah-olah bercakap tanpa teks dengan cara yang tidak formal.

## 25 NOVEMBER 2003

Selepas menuaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri bersama Yang di-Pertuan Agong dan rakyat di Masjid Negara, Kuala Lumpur, Datuk Seri Abdullah mengadakan rumah terbuka beliau yang pertama sebagai Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Ia diadakan di PWTC kerana beliau masih belum secara rasmi berpindah ke kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya. Lagipun, semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah memang mengadakan rumah terbuka di PWTC. Kira-kira 100 000 orang mengunjungi rumah terbuka beliau. Bilangan ini adalah 30 000 lebih tinggi, berbanding anggaran awal yang menyebut majlis itu mungkin dikunjungi oleh 70 000 orang sahaja. Untuk menampung jumlah yang besar itu, pengurusan PWTC menyediakan lima buah dewan, berbanding dengan tiga buah dewan pada tahun 2002.

Bercakap pada satu sidang media, beliau menzahirkan rasa syukur kerana begitu ramai orang berbaris dan menunggu lama semata-mata untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri sambil bersalam-salam memohon kemaafan daripada beliau. Beliau menganggap bilangan itu sebagai undi percaya rakyat biasa terhadap kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri, yang genap sebulan pada akhir November 2003.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa pengguruan lima orang ketua bahagian UMNO dalam senarai ketua penaja, dibuat untuk kepentingan parti. Perubahan itu dibuat untuk meyakinkan rakyat bahawa UMNO terutama di Kelantan, kini mempunyai pemimpin yang berwibawa, boleh bekerjasama sebagai satu pasukan dan tidak mementingkan diri sendiri. Beliau menyeru mereka yang digugurkan supaya memberikan kerjasama kepada pemimpin baru bahagian untuk memenangi pilihan raya umum akan datang. Beliau juga gembira kerana rakyat berbilang kaum terus menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan semangat perpaduan di kalangan pelbagai penganut agama.

## 26 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mengadakan satu lagi rumah terbuka di Hotel Mutiara, Kuala Lumpur khusus untuk tetamu kenamaan, kawan-kawan rapat dan sanak saudara terdekat. Tetamu kenamaan terdiri daripada menteri-menteri kabinet, menteri besar dan ketua menteri, tokoh-tokoh korporat dan para diplomat asing. Pada rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri kedua ini, Datuk Seri Abdullah juga diraikan oleh keluarga terdekat sempena hari lahirnya yang ke-64 tahun.

## 27 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka anjuran Badan Perhubungan UMNO Perak di Bagan Serai. Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali antara 35 ribu orang dianggarkan menghadiri majlis yang diadakan khusus untuk zon utara UMNO Perak. Bercakap kepada media kemudian, Datuk Seri Abdullah mengulangi kekecewaannya terhadap bilangan nahas jalan raya yang meningkat pada musim perayaan kali ini. Beliau mengarahkan pihak polis memperincikan sebab-sebab berlakunya nahas jalan raya. Berasaskan sebab-sebab itu, langkah-langkah mengelakkan kemalangan berlaku boleh dikemukakan.

Datuk Seri Abdullah jelas bosan dengan sikap pengguna jalan raya yang tidak menghiraukan nasihat beliau supaya mereka memandu secara berhati-hati dan tidak mengikut perasaan semasa berada di belakang stereng untuk beraya di kampung halaman masing-masing. Untuk menangani masalah pengguna yang menyebabkan kemalangan berlaku, pada mulanya Datuk Seri Abdullah membayangkan kemungkinan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pemandu yang menyebabkan kemalangan itu terjadi. Pemandu cuai yang mengakibatkan kemalangan jalan raya, lesen mereka mungkin digantung lima bulan, manakala pemandu cuai yang menyebabkan kemalangan maut pula digantung lesen selama lima tahun. Tinjauan *Berita Harian* mendapati bahawa orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan mengalau-alukan cadangan Datuk Seri Abdullah itu. Mereka mahu syor itu dilaksanakan segera.

Datuk Seri Abdullah juga mengarahkan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) supaya sentiasa memantau cerun-cerun yang berkemungkinan runtuh di sepanjang lebuh raya bagi menghindari kejadian yang tidak diingini menimpa para pengguna. Arahan ini dikeluarkan berikutan kejadian bongkah batu sebesar rumah jatuh di kilometer 21.8 di Bukit Lanjan, berhampiran Kuala Lumpur runtuh pada pagi 26 November 2003, yang menyebabkan lebuh raya itu ditutup buat sementara bagi kerja-kerja membersihkan bongkah batu itu. Walau bagaimanapun, dalam kejadian itu, tiada kemalangan jiwa yang berlaku.

## 28 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah dan keluarga menyaksikan pertunjukkan amal *Beauty and the Beast* di Stadium Bukit Jalil, pada sebelah malam. Acara yang dianjurkan oleh Majlis Olimpik Malaysia itu mengutip sumbangan sebanyak RM600,000. Tujuh ribu orang yang menyaksikan persembahan itu turut mendendangkan lagu Selamat Hari Jadi ke- 64 kepada Datuk Seri Abdullah.

## 29 NOVEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mengadakan rumah terbuka kawasan parliment Kepala Batas. Tahun ini, buat pertama kalinya ia diadakan di Dewan Millenium, Kepala Batas dan pada hari raya ke-5. Sebelum ini, beliau mengadakan rumah terbuka kawasan pilihan rayanya di rumah bonda beliau pada hari raya kedua dan ketiga. Namun, memandangkan beliau kini menjadi Perdana Menteri, beliau perlu mengadakan rumah terbuka di ibu negara terlebih dahulu. Lokasi baru dipilih untuk menampung jumlah tetamu rumah terbuka Datuk Seri Abdullah yang meningkat tahun demi tahun. Kali ini, 100 000 orang mengunjungi rumah terbuka beliau, yang pertama selaku Perdana Menteri.

Pada sidang media selepas itu, Datuk Seri Abdullah menzahirkan kesyukuran dengan bilangan mereka yang mengunjungi beliau. Sebahagian besar tetamu pula menyatakan, mereka berduyun-duyun datang ke Dewan Millenium bukan hendak sangat menjamu selera, tetapi untuk bertemu wajah anak

watan Kepala Batas yang dilantik sebagai Perdana Menteri. Mereka bangga dan tidak dapat menyembunyikan rasa kegembiraan mereka dengan hakikat bahawa anak Kepala Batas kini menerajui kepimpinan negara.

Pada sidang media itu juga, Datuk Seri Abdullah mengumumkan satu perbincangan umum akan diadakan untuk mengenal pasti sebab dan punca na-has jalan raya yang meningkat pada musim perayaan. Menurut beliau, semua pihak boleh ikut serta perbincangan terbuka itu. Berdasarkan perbincangan itu nanti, perakuan-perakuan untuk menangani kemalangan jalan raya akan diperkenalkan. Datuk Seri Abdullah membuat keputusan mengadakan perbincangan umum ini kerana tertarik dengan pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak yang dinyatakan oleh mereka dalam media tempatan.

## 30 NOVEMBER

Sempena dengan Hari Perpaduan Antarabangsa dengan rakyat Palestin, Datuk Seri Abdullah mengeluarkan kenyataan menzahirkan sokongan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) untuk memastikan penyelesaian yang adil dan berkekalan dalam krisis Palestin. Beliau yang juga Pengurus NAM untuk tiga tahun akan datang berkata, "pergerakan itu menyokong hak rakyat Palestin untuk mencapai kemerdekaan dan menegakkan kedaulatan di negara mereka dalam lingkungan sempadan yang selamat serta diberi pengiktirafan antarabangsa dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya." Dalam kenyataan itu, Datuk Seri Abdullah menegaskan, "Amat dikehalkan objektif ini tidak dipenuhi kerana halangan dalam pelaksanaan pelan damai ke arah pembentukan dua negara, Palestin dan Israel, wujud sebelah-menyebelah secara aman dan dengan jiran mereka."

## 1 DISEMBER 2003

Sedih dengan na-has jalan raya melibatkan dua bas bertembung di kilometer 63 Jalan Kuala Lipis, Merapoh, pada Ahad, yang menyebabkan 14 orang pe-

numpang maut, Datuk Seri Abdullah mengumumkan langkah-langkah untuk mengetarkan lagi garis panduan bagi pemandu bas jarak jauh. Antara langkah itu termasuklah menyediakan pemandu pengganti dan melarang pemandu membawa bas melebihi lapan jam. Tindakan ini diambil untuk memastikan setiap pemandu bas jarak jauh tidak mengalami keletihan sehingga menganggu tugas mereka sewaktu berada di jalan raya. Beliau mengenal pasti bahawa punca berlaku begitu banyak kemalangan jalan raya ialah faktor manusia iaitu pemandu itu sendiri, bukannya kerana jalan raya atau masalah kenderaan. Cadangan ini dumumkan oleh beliau selepas menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Ia juga sebagai reaksi beliau terhadap nahas jalan raya yang melibatkan dua bas berlanggar di Kuala Lipis (satu tragedi yang jelas membuat beliau kecewa dan sedih). Nasihat beliau supaya pemandu kenderaan berhati-hari di jalan raya pada musim perayaan, untuk menghindari nahas maut di jalan raya, jelas tidak dihiraukan. Para pengguna masih memandu mengikut nafsu sewaktu berada di jalan raya.

## 2 DISEMBER 2003

Selaku Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah mengadakan lawatan ke Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau diberi taklimat tentang perjalanan dan operasi bank itu selama tiga jam. Selepas taklimat itu, beliau menyatakan rasa puas hati dengan prestasi ekonomi negara. Beliau mengumumkan tambatan ringgit dengan nilai RM3.80 berbanding dolar Amerika kekal; kadar faedah pinjaman pada paras sekarang juga dikekalkan. Beliau juga menafikan bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada bulan Disember. "Pilihan raya umum tidak akan diadakan pada waktu terdekat ini," kata beliau kepada media. Ini sebagai menjawab desas-desus yang mengatakan Parlimen akan dibubarkan pada 2 Disember, penamaan calon pada 11 Disember dan mengundi pada 20 Disember 2003. Desas-desus ini disebarluaskan secara meluas oleh kalangan tertentu, termasuk menggunakan sistem pesanan ringkas atau SMS.

Sebelum itu, Datuk Seri Abdullah merasmikan pameran perdagangan dan forum bisnes *Incredible India 2003* di tempat yang sama. Dalam ucapannya, Datuk Seri Abdullah mengalau-alukan kedatangan pelabur India ke Malaysia. Beliau juga mengumumkan, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di benua kecil itu akan membuka tiga lagi pejabat untuk mengeluarkan visa kepada warga India yang ingin meneroka peluang pelaburan dan menanam modal di Malaysia.

Pada sebelah petangnya pula, Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam ucapannya beliau berkata, kerajaan mahu sektor swasta terus menjadi agen pertumbuhan ekonomi". Beliau juga memberitahu kerajaan juga akan terus mesra bisnes dan dasar-dasar pelaburan sedia ada tidak akan diubah. Beliau juga memuji peranan baik yang telah dimainkan oleh sektor swasta selama ini dalam menjana ekonomi negara. Datuk Seri Abdullah turut memberitahu, selain mesra bisnes, kerajaan hanya akan memainkan peranannya sebagai jentera pertumbuhan ekonomi jika berlaku krisis ekonomi dalam upaya untuk menolong sektor swasta menjalani pemulihran ekonomi.

### 3 DISEMBER 2003

Selain mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Putrajaya, Datuk Seri Abdullah merasmikan Persidangan Antirasuah Serantau Asia Pasifik di Kuala Lumpur. Membanteras rasuah sekali lagi menjadi mauduk ucap utama beliau. Beliau mengumumkan bahawa Malaysia akan menandatangani Konvensyen Antirasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai bukti komitmen padu negara dalam memerangi gejala rasuah, terutama pada peringkat antarabangsa. Bidang umum yang diliputi oleh konvensyen itu termasuklah perlakuan jenayah rasuah, usaha pencegahannya dan pemupukan integriti. Kerjasama antarabangsa yang diliputi oleh Konvensyen itu pula termasuk rampasan aset, ekstradisi dan kerjasama dalam melaksanakan konvensyen berkenaan. Kata Datuk Seri Abdullah, "Dengan kemajuan-kemajuan teknologi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pergerakan idea, orang dan kewangan merentasi sempadan yang lebih besar.

sempadan negara menjadi tidak terbatas, dan rasuah juga menjadi lebih antarabangsa sifatnya.” Datuk Seri Abdullah juga mengumumkan Malaysia akan menubuhkan Akademi Antirasuah dengan peruntukan RM17 juta. Beliau berkata, penubuhan akademi itu sejahtera dengan keperluan meningkatkan kepakaran dan kemahiran dalam bidang penyiasatan bagi membendung peningkatan kos rasuah. “Malaysia menawarkan akademi berkenaan dijadikan pusat serantau bagi meningkatkan keupayaan membanteras rasuah melalui penggunaan amalan-amalan terbaik dalam bidang penyiasatan, pemantauan dan penguatkuasaan,” tegas beliau.

Pada sebelah petang, selaku Pemangku Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah mempengerusikan Jawatankuasa Pengurusan parti. Jawatankuasa itu memutuskan bahawa senarai barisan penaja 191 Bahagian UMNO yang diumumkan pada 22 November adalah muktamad dan mereka boleh mula bergerak mulai 17 Disember 2003. Sebarang rayuan daripada mereka yang digugurkan, tidak akan dilayan. Beliau juga menjelaskan, tidak ada konspirasi untuk menjatuhkan sesiapa di kalangan mereka yang digugurkan. Keputusan menggugurkan lima orang Ketua Bahagian dibuat secara kolektif oleh Majlis Tertinggi dan dibuat demi kepentingan parti.

## **4 DISEMBER 2003**

TIADA

## **5 DISEMBER 2003**

TIADA

## **6 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman di Putrajaya pada sebelah petang. Pada sebelah malam pula menghadiri Jamuan Perdana Aidilfitri

bersama Perdana Menteri, anjuran kerajaan Negeri Melaka di Melaka. Seramai 100 000 orang dilaporkan turut serta dalam jamuan itu.

## 7 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan (BBC) di Hotel Shangrila, Putrajaya. Kelab ini dianggotai oleh ahli-ahli Parlimen yang tidak mempunyai sebarang jawatan dalam kerajaan. Bercakap kepada media pada majlis itu, Datuk Seri Abdullah menyentuh dua isu iaitu kemalangan maut pada musim perayaan dan masa depan salah satu anggota Barisan Nasional, Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana perbalahan pimpinannya. Menurut beliau, PBDS boleh mengemukakan rayuan dalam masa sebulan berhubung pembatalannya itu. Beliau juga tidak menghalang mana-mana pemimpin parti itu yang ingin menubuhkan parti baru bagi mewakili kaum Dayak Sarawak. Berkenaan kemalangan yang melibatkan kenderaan melanggar lori berat yang berhenti di lebuh raya, Perdana Menteri menyerahkan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan.

Pada sebelah malamnya, beliau menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin di Shah Alam, Selangor.

## 8 DISEMBER 2003

Pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah menghadiri Jamuan Aidilfitri Waraga Selangor bersama Perdana Menteri anjuran kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan di Stadium Shah Alam. Seramai 100 000 orang turut serta dalam jamuan itu. Pada ucapannya, beliau gembira kerana Selangor Darul Ehsan telah mencapai banyak kemajuan dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut beliau, di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Selangor semakin maju dan beliau percaya lebih banyak kemajuan akan terus dicapai selepas ini. Datuk Seri Abdullah juga

meminta rakyat mempertahankan nilai kerjasama, muafakat dan perpaduan walaupun sibuk mengejar kemajuan dan kekayaan. Bagi beliau, kerjasama dan perpaduan yang dicapai sekarang adalah kejayaan cemerlang negara, tetapi pada masa yang sama menurut beliau Malaysia tidak seharusnya menjadi negara maju dengan masyarakat yang individualistik.

## 9 DISEMBER 2003

Dalam temu ramah dengan sekumpulan wartawan Jepun menjelang pemerginya ke Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun di Tokyo, Datuk Seri Abdullah telah ditanya tentang hala tuju Malaysia di bawah kepimpinan beliau. Beliau juga ditanya berkenaan perubahan-perubahan dasar yang akan dilakukan. Dalam jawapannya, beliau memberitahu, perubahan dasar hanya akan dilakukan jika perlu dan perubahan itu bukan dibuat dengan tujuan untuk kebanggaan diri. Menurut beliau, mana-mana negara yang gagal akur kepada perubahan keadaan, desakan dan kehendak rakyat, akan hanya mengundang masalah. "Jika kerajaan tidak dapat menyahut tuntutan rakyat, kerajaan itu akan gagal. Kita harus dinamik, tiada apa yang terpahat sehingga tidak dapat diubah. Jika keadaan perlukan perubahan dan jika saya tidak membuat perubahan, maka orang akan berkata "dia ini mungkin bodoh". Sebaliknya jika perubahan tidak perlu, tetapi saya nak buat perubahan kerana saya mahu melakukannya untuk mendapat nama, orang juga akan berkata, itu bodoh," tegasnya.

Beliau juga memberitahu selaku Perdana Menteri, "Saya hamba nombor satu yang berkhidmat untuk negara ini dan menentukan bahawa segala-galanya dilaksanakan dengan baik dan cekap supaya ia dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara."

Ketika diminta mengulas apa yang dapat dilihat dari atas, Abdullah berka-ta, beliau nampak ufuk yang luas dan yang lebih jauh lagi. "Saya lihat banyak benda yang tidak dapat dilihat sebelum ini. Seseorang yang memegang jawatan berbeza perlu menyelesaikan begitu banyak isu yang sebelum ini saya tidak perlu tangani secara langsung kerana ada seorang ketua yang menguruskannya. Sekarang saya tidak ada ketua untuk merujuk," kata beliau.

## 10 DISEMBER 2003

Selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, Datuk Seri Abdullah menghadiri Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri. Seramai 500 orang pegawai dan kakitangan JPM menghadiri majlis itu. Pada ucapannya, beliau mengingatkan kakitangan awam supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan keluhuran atau integriti mereka dipersoalkan. Beliau mahu mereka bekerja sebagai satu pasukan dan tidak menuding jari kepada sesiapa jika timbul masalah. Beliau mahu mereka menerima tanggungjawab, bangga dengan kerja mereka serta sumbangan yang diberikan. Pada sebelah petang, Datuk Seri Abdullah berlepas ke Tokyo bagi lawatan pertamanya ke luar negara sejak menjadi Perdana Menteri.

## 11 & 12 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah melakukan lawatan rasminya yang pertama ke luar negara selaku Perdana Menteri dengan menghadiri Sidang Kemuncak Ulang Tahun ke-30 Hubungan Asean-Jepun di Tokyo. Pada sidang itu, beliau menggunakan kesempatan untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan sebilangan pemimpin Asean yang lain. Pada sidang kemuncak itu, Datuk Seri Abdullah menandatangani Deklarasi Tokyo Pelan Tindakan Asean-Jepun yang mengandungi pelbagai langkah dan inisiatif bagi mengukuhkan perkongsian dinamik pada abad ke-21 antara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara dengan negara matahari terbit itu. Datuk Seri Abdullah juga mempelawa Jepun dan negara-negara Asean menyertai Akademi Serantau Bagi Antirasuah dan Pusat Serantau Bagi Memerangi Keganasan yang akan ditubuhkan di Kuala Lumpur. Beliau juga berharap Jepun dapat memainkan peranan aktif dalam Akademi Serantau bagi Antirasuah, terutama dalam menghulurkan bantuan kewangan.

Dalam satu sidang media dengan wartawan Malaysia pada hari pertama lawatan ke Tokyo, Datuk Seri Abdullah mengesahkan bahawa, projek landasan kereta api berkembar bernilai RM14.5 bilion telah ditangguhkan oleh Kabinet. Beliau menerangkan projek yang telah diberi kepada Malay-

sian Mining Corporation (MMC) dan Gamuda sewaktu Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri ditangguhkan kerana kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek-projek pembangunan sosio-ekonomi lain yang lebih mendesak demi kesejahteraan rakyat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Ia juga ditangguhkan sebagai langkah untuk mengurangkan defisit nasional sekarang dan bagi mencapai belanjawan berimbang. Beliau membezitahu bahawa projek-projek sosioekonomi terutama khidmat kesihatan, pendidikan dan pertanian akan diberi keutamaan.

Dalam sidang media, sebaik saja tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang, Datuk Seri Abdullah menzahirkan kegembiraannya kerana Sidang Kemuncak Asean-Jepun itu memberi faedah kepada negara.

### 13 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah berada di Kuching, Sarawak bagi menghadiri perayaan Hari Raya Aidilfitri peringkat nasional. Ini ialah kali pertama beliau menjajakan kaki ke Bumi Kenyalang setelah menjadi Perdana Menteri. Tetamu kehormat perayaan itu ialah Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Brunei. Kira-kira 100 000 orang termasuk sembilan menteri kabinet pusat, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, ikut serta. Pada ucapannya di majlis itu, Datuk Seri Abdullah memberitahu Sarawak dan Sabah berpotensi berkembang pesat di bawah Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei, Indonesia dan Malaysia (BIMP-EAGA). Memajukan BIMP-EAGA ini merupakan satu keputusan penting Sidang Kemuncak Asean-Jepun di Tokyo dua hari sebelum itu. Di bawah rancangan itu, Jepun bersetuju untuk memberi tumpuan bagi pembangunan kawasan itu dengan program-program yang bertujuan untuk membasi kemiskinan, meningkatkan pembangunan tenaga manusia dan latihan serta penyediaan prasarana. "Kita harap rakyat Sarawak dan Sabah akan dapat menikmati pembangunan menerusi keupayaan memajukan kawasan mereka dan meraih peluang-peluang ekonomi," kata Datuk Seri Abdullah.

Bercakap kepada media sebelum berlepas ke Brunei, Datuk Seri Abdullah meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus membenarkan pencarum kumpulan itu mengeluarkan wang caruman mereka sekali gus

ketika mencapai usia 55 tahun. "Itu ialah wang simpanan mereka, berapa jumlah yang mereka mahu keluarkan, terpulang kepada mereka," kata beliau. Datuk Seri Abdullah memberikan pandangan itu, sebagai mengulas bantahan orang ramai terhadap KWSP yang mereka dakwa bercadang untuk membentarkan caruman wang pekerja secara berperingkat-peringkat ketika tiba usia persaraan pada 55 tahun. KWSP menjelaskan bahawa pihaknya tiada hasrat berbuat demikian sebaliknya melontarkan idea itu sekadar meninjau pendapat orang ramai. Ada antara pencarum yang mengesyorkan supaya caruman KWSP dikeluarkan secara berperingkat-peringkat untuk membolehkan pesara mempunyai wang yang mencukupi selepas tidak lagi bekerja. Cadangan ini dibuat memandangkan ada antara mereka tidak tahu mengurus wang caruman yang dikeluarkan sekali gus menyebabkan ia habis dibelanjakan dalam sekelip mata. Cadangan itu bagaimanapun belum muktamad dan KWSP akan menyerahkan kepada kerajaan untuk membuat keputusan muktamad.

## 14 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mengadakan lawatan pertama ke Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri. Lawatan ini adalah untuk memenuhi undangan Sultan Brunei kepada beliau sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Dengan mengadakan lawatan itu, ia bermakna, Brunei ialah negara Asean yang pertama dikunjungi oleh Datuk Seri Abdullah setelah menggantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Selain mengadakan pertemuan dengan Sultan Brunei, dengan diiringi oleh sembilan orang Menteri Kabinet Malaysia, Datuk Seri Abdullah turut mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia di negara pengeluar minyak terbesar itu. Terdapat 35 ribu warga Malaysia yang bekerja dalam pelbagai bidang di Brunei. Pada ucapan di majlis berkenaan, Datuk Seri Abdullah mengarahkan Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Brunei memainkan peranan yang lebih besar untuk mengeratkan hubungan Malaysia dengan Brunei hingga ke peringkat rakyat demi manfaat dan kepentingan bersama. Beliau juga mahu rakyat Malaysia di negara itu tidak hanya membataskan interaksi mereka sesama mereka saja, sebaliknya memperluaskannya kepada rakyat Brunei.

Bercakap pada sidang media tentang pertemuan empat mata beliau dengan Sultan Brunei sebelum berlepas pulang ke tanah air, Datuk Seri Abdullah berkata, mereka bersetuju untuk menguruskan hubungan kedua-dua negara berdasarkan prinsip menang-menang atau *win win situation* yang boleh memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Kata Datuk Seri Abdullah, "kami mengambil keputusan untuk bekerjasama dalam beberapa perkara termasuk keperluan mendapatkan khidmat kepakaran yang ada di kedua-dua negara. Jika Brunei memerlukan kepakaran tertentu dan ia ada di pihak Malaysia, Brunei boleh mendapat dan menggunakan."

## 15 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mengeluarkan kenyataan menyatakan pendirian Malaysia tentang kejayaan tentera Amerika di Iraq menangkap bekas Presiden negara Arab itu, Saddam Hussein, yang sejak lapan bulan lalu menyembunyikan diri setelah pasukan penceroboh yang diketuai oleh Washington menumbangkan rejim beliau. Menurut Perdana Menteri, rakyat Iraq hendaklah diberi hak untuk menentukan cara dan kaedah membawa bekas presiden itu ke muka pengadilan. Kata beliau, Saddam mesti diberikan keadilan yang saksama sejajar dengan undang-undang antarabangsa. Beliau percaya penangkapan mantan presiden Iraq itu adalah satu perkembangan yang signifikan dan akan memberi impak terhadap suasana di negara itu. Beliau juga berharap langkah-langkah akan diambil untuk membawa kestabilan dan keadaan biasa di kalangan rakyat Iraq. Beliau meminta semua pihak di Iraq supaya menggunakan peluang itu untuk membangunkan semula Iraq secara sungguh-sungguh.

## 16 DISEMBER 2003

Perdana Menteri mengumumkan kesediaan kerajaan menawarkan insentif baru untuk tenaga pakar Malaysia yang berkhidmat dalam pelbagai bidang di

luar negara, pulang bekerja di negara ini. Di bawah program yang beliau panggil *brain-gain* itu, insentif yang diberikan sekarang ini akan disemak semula untuk ahli-ahli sains Malaysia yang berkhidmat di negara asing agar bekerja di negara sendiri. Ini penting bagi memastikan negara ini memiliki bakat-bakat asli dalam bidang sains dan teknologi. Berucap pada majlis Perundingan Kumpulan Kerajaan-Industri Malaysia bagi Teknologi Tinggi di Kuala Lumpur, Datuk Seri Abdullah berkata, gaji tidak patut menjadi isu penghalang kerana negara tidak tamak dan bersedia untuk membayar bagi sumber-sumber yang bernilai tinggi. Tidak ada had ditetapkan untuk gaji bagi mereka, kata beliau. Beliau gembira kerana banyak pelajar yang menuntut di luar negara pulang ke tanah air. Pada waktu yang sama, beliau juga menyebut tentang ramai yang lain tinggal di negara di mana mereka belajar untuk melakukan penyelidikan.

Bercakap kepada media, Perdana Menteri mengingatkan wakil rakyat BN supaya terus memberi khidmat di kawasan Parlimen lama mereka berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya. Perhatian hendaklah diberi kepada kawasan Parlimen baru dan lama, kata beliau. Beliau memberitahu, menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk terus memberi khidmat masing-masing, walaupun ada antara rakyat di tempat mereka bukan lagi pengundi mereka.

Pada sebelah tengah harinya, Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Kementerian Hal-Ehwal Pengguna dan Perdagangan Dalam Negeri di Kompleks Daya Bumi, Kuala Lumpur. Majlis ini dihoskan oleh Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

## 17 DISEMBER 2003

Selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Putrajaya, Datuk Seri Abdullah mengeluarkan kenyataan mengesahkan bahawa Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan projek rel berkembar elektrik bernilai RM14.5 bilion, sejajar dengan dasar perbelanjaan berhemat dan bagi mengutamakan projek pembangunan negara yang lain. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira aspek pembiayaan, keupayaan kewangan negara dan keperluan masa untuk projek infrastruktur rel berkem-

bar elektrik sepanjang 620 kilometer itu. Kerajaan pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memberi projek rel berkembar itu kepada konsortium kejuruteraan tempatan, iaitu Malaysian Mining Corporation Berhad (MMC)-Gamuda JV. MMC ialah syarikat milik Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary. Para pengulas ekonomi sewaktu mengalu-alukan keputusan Kabinet itu menyatakan, penangguhan itu dijangka dapat membantu kerajaan mencapai langkah bajet seimbang. Selain itu, mereka berpendapat, peruntukan kerajaan yang sedia ada dengan itu boleh disalurkan untuk menjayakan projek-projek lain yang boleh memberi manfaat langsung kepada rakyat terbanyak.

Selepas mesyuarat Kabinet, Datuk Seri Abdullah menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri serta rumah terbuka Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri di Putrajaya.

## 18 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kuala Lumpur. Selepas itu, beliau mengumumkan penubuhan pasukan-pasukan khas kementerian itu bagi membantu pejabat tanah menyelesaikan kes-kes tanah tertunggak. Ini termasuk kes pindah hak milik, status permohonan tanah dan lain-lain. Menurut beliau, pejabat tanah sebagai *delivery system* kerajaan perlu lebih cekap kerana jika tidak, ia akan menjelaskan pembangunan nasional. "Banyak projek pembangunan, termasuk projek kerajaan sendiri, bergantung pada pejabat tanah dan daerah. Kes tertunggak pejabat tanah kini sudah sampai ke tahap yang membimbangkan. Majlis Peguam Johor mendedahkan terdapat 180 000 pindah hak milik yang belum diselesaikan di negeri itu sahaja. Di seluruh negara, bilangan ini dikatakan beberapa juta. Sebanyak 30 pasukan petugas khas telah ditubuhkan dan mereka akan bergerak dari satu pejabat tanah ke satu pejabat tanah yang lain membantu menyelesaikan masalah."

Pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Anugerah IT. Pada ucapannya, beliau meminta semua kementerian dan kerajaan negeri supaya mengemukakan laporan tentang pasukan petugas khas untuk mengurangkan *red tape* di jabatan-jabatan

di bawah kementerian masing-masing pada akhir Januari 2004. Pasukan itu ditubuhkan dengan tujuan untuk memperbaiki aliran kerja jabatan-jabatan kerajaan. Beliau ingin tahu apakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha untuk mengurangkan kerentak birokrasi dalam berurusan dengan rakyat.

## 19 DISEMBER 2003

Pada sebelah siang, Datuk Seri Abdullah merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) 2003 di PWTC. Pada majlis NAFAS, beliau meminta Kumpulan Kerajaan-Industri berkenaan Teknologi Tinggi (MIGHT) mengenal pasti pendekatan sains dan teknologi bagi mengimbangi kemajuan sektor industri di bandar serta pertanian di luar bandar. Menurut beliau, kerajaan tidak mahu hasil sains dan teknologi digunakan hanya untuk memajukan kawasan bandar hingga menyebabkan kawasan luar bandar ketinggalan apabila Malaysia mencapai negara maju pada tahun 2020. "Oleh itu, kita juga perlu manfaatkan sains dan teknologi untuk memacu pertumbuhan sektor pertanian di luar bandar khusus bagi meningkatkan lagi nilai tambah dan mutu hasil pertanian negara," tegasnya.

Pada majlis MPEI pula, Datuk Seri Abdullah mengingatkan umat Islam supaya menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang bagi mengembalikan era kegemilangan Islam yang pernah dicapai pada suatu masa dulu. Untuk mencapai matlamat itu, umat Islam perlu menghentikan perbuatan yang boleh merugikan umat Islam sendiri seperti hanya membincangkan soal ibadat, akidah dan berpolitik pada tempat yang tidak sepatutnya.

Pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis makan malam tahunan anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) yang diadakan khusus untuk meraikan persaraan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada ucapannya, Datuk Seri Abdullah menganggap Tun Dr. Mahathir sebagai negarawan ulung yang berjaya memberi nilai tinggi terhadap Malaysia, terutama di persada dunia. Beliau berkata, jasa bekas Perdana Menteri itu bukan sahaja terhadap pembangunan prasarana fizikal tetapi juga kestabilan politik, kekuatan ekonomi, perpaduan kaum dan menghidupkan semangat gigih di kalangan rakyat bagi membangunkan negara.

Pada hari yang sama, Perdana Menteri juga membuat kenyataan mempersoalkan laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah daripada sembilan negara yang tidak mengamalkan kebebasan beragama. Beliau berkata, dakwaan itu adalah tidak benar kerana Malaysia membenarkan pengikut pelbagai agama mengamalkan kepercayaan masing-masing. Rumah ibadat untuk mereka juga dibenarkan penubuhannya.

## **20 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah merasmikan pembukaan Galeri Sri Perdana di Kuala Lumpur. Bertempat di bekas kediaman Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, galeri itu menjadi dewan pameran barang-barang milik bekas Perdana Menteri itu. Ia diwujudkan untuk mengenang jasa beliau kepada pembangunan negara.

Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis makan malam bagi meraikan beliau sebagai Perdana Menteri di Stadium Bukit Jalil. Majlis itu dianjurkan oleh parti-parti politik yang mewakili kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) dan juga dewan-dewan perniagaan Cina di negara ini. Pada majlis itu, mereka berikrar untuk terus menyokong kepimpinan Datuk Seri Abdullah. Datuk Seri Abdullah pula memberi jaminan tidak akan meminggirkan kepentingan mana-mana kaum dalam pembangunan negara.

## **21 DISEMBER 2003**

Pada sebelah pagi, Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis yang menghim-punkan sanak-saudara beliau di sebelah ibunya, Datuk Khailan Hassan di Pulau Pinang. Kira-kira 600 orang kaum keluarga dan sanak-saudara menghadiri majlis itu. Mereka termasuk dua orang sepupu Datuk Seri Abdullah sebelah datuk beliau yang menetap di China. Datuk kepada Datuk Seri Abdullah pada sebelah ibu, Hassan Salleh atau Hah Su Chiang ialah seorang Cina Islam yang berhijrah ke Tanah Melayu dari kampung asalnya di Hainan pada pertengahan abad ke-19. Beliau tinggal di Bayan Lepas. Tiga lagi adik

beradik Hassan, dikenali sebagai Alibaba Hah Su Siang, Amin Hah Fu Kong dan Husin Ha Hun San, kekal menetap di Cina. Hassan semasa hayatnya mengahwini tiga gadis Melayu iaitu Salbiah Abas, Siti Rahmah Abdul Rahman dan Kamariah Abdul Razak. Datuk Khailan yang berkahwin dengan Datuk Ahmad Badawi, ialah salah seorang anak Hassan dengan isteri kedua beliau, Siti Rahmah. Pertemuan keluarga itu juga diadakan sempena dengan ulang tahun ke-78 Datuk Khailan.

Pada sebelah petang pula, Datuk Seri Abdullah menyertai 150 ribu orang rakyat Johor pada majlis Mesraria Aidilfitri, anjuran kerajaan negeri Johor di Pantai Lido, Johor Bharu. Pada ucapannya di majlis itu, beliau berkata, kepelbagaian budaya, adunan etnik dan kepercayaan di negara ini merupakan satu sumber kekuatan Malaysia. Beliau mahu kekuatan itu dipertahankan dan diperkuuhkan.

Pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah menyertai pembesar-pembesar negara bagi meraikan persaraan Tun Dr. Mahathir. Majlis anjuran kerajaan Malaysia itu turut dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam ucapan pada majlis itu, Datuk Seri Abdullah mengisyitiharkan Tun Dr. Mahathir sebagai Bapa Pemodenan Malaysia. Menurut beliau, cabaran yang dihadapi oleh para pengganti Tun Dr. Mahathir, bermula dengannya ialah menyatukan kejayaan dan lonjakan besar yang dicapai oleh Malaysia di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir.

## 22 DISEMBER 2003

Perdana Menteri merasmikan Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) di kawasan Perusahaan Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah. Pada ucapannya, beliau meminta masyarakat mengikis tanggapan negatif terhadap kursus teknikal yang menganggap bahawa kursus itu hanya untuk mereka yang kurang berjaya dalam bidang akademik. Menurut beliau, penguasaan teknikal perlu dipertingkatkan kerana ia berpotensi tinggi untuk berkembang dan menawarkan banyak peluang pekerjaan bermutu kepada belia Malaysia. Dalam acara berasingan di Kuala Lumpur, Datuk Seri Abdullah menutup majlis Mutaqa Ahlul Dikri 2003.

Sementara di Putrajaya selepas itu Perdana Menteri mengumumkan bahawa Unit Penyelaras, Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri akan

memulakan balik tugasnya sebagai Sekretariat kepada Majlis Tindakan Negara (MTN) mulai tahun 2004. Mesyuarat MTN akan dipengerusikan sendiri oleh Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri dan akan bertindak sebagai pusat serenti bagi mencari penyelesaian kepada segala masalah berhubung penyelarasan dan pelaksanaan. Menteri yang relevan dengan masalah berkenaan akan dijemput untuk memberikan sebarang komen bagi menyelesaikan segala masalah yang timbul. Sebagai sebuah sekretariat, ICU boleh memanggil jabatan-jabatan tertentu memberi penjelasan berhubung pelaksanaan satu-satu projek pembangunan negara. Selain menjadi sekretariat kepada Majlis Tindakan Negara, ICU akan meneruskan fungsinya sebagai urusetia kepada Majlis Pembangunan Negara, Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara. ICU akan berperanan untuk menyelaras, mengurus, memantau, menilai dasar dan pelaksanaan projek pembangunan, termasuk projek khas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang.

## 23 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah mengumumkan bahawa Jawatankuasa Kabinet berkenaan Keselamatan Jalan Raya, yang ditubuhkan 13 tahun lalu, akan diaktifkan semula dalam usaha untuk menangani nahas jalan raya yang semakin meningkat sejak waktu kebelakangan ini. Datuk Seri Abdullah sendiri akan mempengaruhi jawatankuasa itu yang akan digerakkan untuk menyusun semula dasar-dasar keselamatan jalan raya yang baru. Pengumuman ini dibuat oleh beliau sewaktu merasmikan Forum Awam Kebangsaan bagi Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya dan Mencegah Kemalangan di Petaling Jaya. Pada forum itu, Datuk Seri Abdullah membayangkan kesediaan untuk menambah menaikkan umur mendapatkan lesen daripada 18 tahun sekarang kepada 20 tahun, jika syor itu boleh membantu mengurangkan kemalangan jalan raya.

Sewaktu merasmikan kilang pemasangan Naza Bikes Sdn Bhd di Shah Alam, Datuk Seri Abdullah menggesa pengusaha automatif tempatan menca-

ri rakan kongsi asing yang bersedia memindahkan teknologi industri dan kecekapan kepada rakyat tempatan. Hal ini kerana melalui pemindahan teknologi ini, tenaga kerja tempatan dapat memperoleh ilmu dalam bidang automatif. Beliau juga menggesa pengeluar motosikal tempatan tidak bertolak ansur dalam memastikan bahawa enjin kenderaan berkenaan adalah yang paling selamat bagi membantu usaha kerajaan mengurangkan kes kemalangan membabitkan para penunggang motosikal.

Pada sebelah petangnya pula, Perdana Menteri bersama-sama dengan sebilangan menteri Kabinet yang lain, menghadiri rumah terbuka Aidilfitri anjuran Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Halim dan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Haidar Mohd Noor, di Istana Keadilan Putrajaya.

## **24 DISEMBER 2003**

TIADA

## **25 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah menyertai ribuan rakyat Malaysia lain, mengunjungi jamuan teh sempena perayaan Krismas di Gereja Lutheran Evangelical, Brickfields, Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kerajaan menjamin kebebasan dan kehidupan pelbagai agama dan budaya akan terus diamalkan kerana ia merupakan sumber kekuatan kepada negara ini. Menurut beliau, pengiktirafan terhadap kepelbagaiannya agama bukan suatu bentuk kompromi tetapi sebaliknya merupakan tuntutan agama sebenar yang membolehkan seseorang itu menjadi pengikut agama yang lebih baik. "Kerajaan memberikan penekanan dan akan mengingatkan kepada rakyat bahawa Malaysia adalah unik kerana ia menjadi tempat tinggal yang aman untuk masyarakat pelbagai etnik dan kepercayaan agama. Masyarakat kita bukan setakat mempunyai kepercayaan tertentu malah boleh hidup bersama, sama ada sebagai masyarakat Muslim, Kristian, Buddha, Tao, Hindu atau

Sikh," tegas Datuk Seri Abdullah.

## **26 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis Kongsi Raya Rumah Terbuka Malaysia iaitu Hari Krismas 2003 di Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Likas, Sabah. Pada ucapannya, beliau menzahirkan kegembiraannya kerana penduduk Sabah tanpa mengira kepercayaan yang dianut membanjiri majlis itu. Menurut beliau, keamanan yang kita nikmati membolehkan rakyat menjalankan kegiatan harian serta mencari rezeki untuk keluarga dengan selamat. Beliau juga turut mengumumkan bantuan RM1.9 juta bagi membantu mangsa gempa bumi di bandar bersejarah Bam, di Iran. Beliau juga memberitahu kerajaan turut memutuskan untuk menghantar Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) ke Bam bagi membantu kerja-kerja mencari mangsa yang masih hidup dalam timbusan gempa bumi yang menyebabkan puluhan ribu penduduk BAM maut.

## **27 DISEMBER 2003**

Perdana Menteri merasmikan Simposium dan Ekspos Felda 2003 (Simex 1) dan pelancaran Projek Satu Wilayah Satu Industri (Sawari) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Pada ucapannya, Datuk Seri Abdullah memberitahu kerajaan akan melibatkan para lulusan institusi pengajian tinggi yang menganggur dalam program khas Tunas Mekar untuk membantu memajukan industri kecil dan sederhana (IKS) di luar bandar. Menurut beliau, sebagai projek perintis, kerajaan akan mengambil lulusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di seluruh negara untuk menjayakan program itu. Beliau berkata, pemilihan akan tertumpu kepada lulusan dalam bidang keusahawanan, pentadbiran dan pengurusan perniagaan untuk terlibat secara langsung dalam memajukan IKS di luar bandar dan di kawasan Felda.

"Dengan adanya program khas itu, kita dapat mengatasi masalah lulusan universiti yang menganggur dan memberi mereka asas serta pengalaman dalam bidang perniagaan, pengurusan dan kewangan, khususnya menerusi

IKS," kata beliau.

Bercakap pada sidang media, Datuk Seri Abdullah mengarahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan kajian terperinci bagi mengenal pasti punca kenderaan tidak dapat dikawal sehingga mengakibatkan kemalangan sama ada disebabkan oleh kerosakan mekanikal, sabotaj atau sikap pemandu. Menurut Perdana Menteri, selain faktor kenderaan, keadaan pemandu juga perlu dimasukkan dalam kajian itu untuk mengetahui sama ada mereka mengambil minuman keras atau dadah sebelum memandu.

## **28 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah dan isteri, Datin Seri Endon mengunjungi gerai menjual batik di pusat beli belah, Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Perdana Menteri yang mewajibkan kakitangan awam memakai baju batik setiap Sabtu, kelihatan membeli beberapa helai baju batik untuk diri dan isterinya.

## **29 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah mengumumkan penubuhan sebuah Suruhanjaya di-Raja untuk memodenkan, mengembalikan kepercayaan orang ramai dan membersihkan imej Polis di-Raja Malaysia (PDRM). Menurut Perdana Menteri, suruhanjaya itu akan menyemak semula proses kerja pasukan polis dan mencadangkan cara-cara untuk menjadikan PDRM satu institusi yang diperayai oleh masyarakat dan berkeupayaan untuk menunaikan tanggungjawabnya. "Polis Malaysia kini berhadapan dengan krisis imej akibat rasuah dan ketidakcekapan proses kerja. Kita mesti berusaha untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap polis ini dan mendapatkan semula keyakinan mereka," tegas Datuk Seri Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri sewaktu merasmikan persidangan Pesuruhjaya/Ketua Polis/ Komander Briged Gerak Am dan Komandan PDRM di Putrajaya.

Pada persidangan itu, Perdana Menteri juga mengarahkan semua balai polis daerah menubuhkan unit khas terlatih bagi mengendalikan kes-kes jenayah seksual dan keganasan rumah tangga seperti penderaan. Beliau juga

mahu anggota polis dilatih melalui kursus *gender sensitization* supaya mereka berkemahiran mengendalikan aduan mangsa wanita yang mengalami penderaan dan jenayah seksual. Katanya, ada kala kekerasan juga ditunjukkan kepada mangsa, termasuk wanita yang mengalami trauma akibat jenayah yang ganas dan perkara seperti itu tidak harus berlaku. "Dalam keghairahan menangkap dan menghukum penjenayah, jangan sampai mangsa pun dihukum sama. Sebaliknya, kita harus cuba memahami keadaan dan perasaan mereka yang teraniaya dan memerlukan pertolongan. Saya yakin, jika kita dapat memahami perasaan mangsa, maka dengan sendirinya cara kita berinteraksi dan melayan mereka akan turut berubah ke arah yang lebih positif juga," kata Datuk Seri Abdullah. Sebagai langkah awal untuk menghapuskan iklim kurangnya empati dan pemahaman terhadap mangsa jenayah ganas khususnya mangsa jenayah pencabulan wanita, beliau meminta supaya balai polis daerah menggunakan cermin satu hala supaya mangsa wanita tidak perlu mendekati tertuduh untuk mengenal pastinya.

### **30 DISEMBER 2003**

Datuk Seri Abdullah mengadakan lawatan ke Kementerian Pendidikan di Bandar Damansara, Kuala Lumpur. Selepas pertemuan tertutup dengan pegawai-pegawai kanan kementerian itu, beliau mengumumkan beberapa pendekatan baru bagi memupuk pelajar cemerlang serta melahirkan pekerja berilmu pengetahuan. Beliau mahu melihat perubahan dasar dilakukan dalam kurikulum sistem pendidikan kebangsaan dengan mengambil kira dunia pekerjaan yang selari dengan kehendak pasaran. Menurut beliau, sekarang ini banyak kilang yang berintensifkan teknologi tinggi dan dengan itu pelajar perlu memahami keperluan teknologi baru yang digunakan dalam alam pekerjaan supaya dapat menyesuaikan diri dengan cepat. Tegas beliau, "kita tidak boleh dan mana-mana sistem pendidikan tidak boleh membuat penyesuaian yang berterusan untuk memastikan anak kita mendapat pelajaran memepati seratus peratus keperluan alam pekerjaan. Akan tetapi, yang perlu ialah pendidikan yang diberikan mesti berupa sekurang-kurangnya kelulusan asas yang dimiliki pelajar. Selepas itu, dengan penyesuaian yang dibuat, maka dia akan menjadi pekerja yang baik."

Datuk Seri Abdullah juga mengumumkan Skim Baucar Tuisyen (SBT) untuk 500 000 orang kanak-kanak miskin mulai tahun 2004. Di bawah skim itu, murid-murid yang datang daripada keluarga miskin yang berada pada tahun empat, lima dan enam serta lemah dalam empat mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, akan diberi kelas-kelas tambahan dengan yurannya dibayar oleh kerajaan. Kelas tambahan dan bimbingan itu akan diadakan di sekolah-sekolah, di luar waktu persekolahan. Setiap guru yang menjayakan skim itu akan dibayar RM10 bagi setiap subjek. Bilangan pelajar dalam sebuah kelas pula akan dihadkan kepada tidak lebih 25 orang.

Melalui skim yang memakan belanja RM200 juta setahun ini, anak-anak orang miskin, tanpa mengira keturunan dan sekolah, diharap dapat meningkatkan penguasaan mereka terhadap empat mata pelajaran itu. Pada waktu yang sama, guru-guru sekolah yang secara sukarela menjayakan skim itu akan memperoleh pendapatan tambahan. Pengumuman skim ini mengingatkan kita kepada kelas-kelas bimbingan yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Abdullah sewaktu beliau menerajui GPMS pada tahun 1962-1964 sehingga beliau digelar Bapa Kelas Bimbingan oleh pertubuhan pelajar itu.

Dalam pertemuan dengan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan itu, Datuk Seri Abdullah juga mendarahkan supaya dalam membina sekolah-sekolah baru, perhatian hendaklah diberikan bukan pada cantik tidaknya fizikal sekolah berkenaan. Apa yang perlu diutamakan ialah kesederhanaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah itu. Dengan pendekatan serupa itu, beliau berpendapat lebih banyak bangunan sekolah dapat dibina di seluruh negara. Manakala kos pembinaan juga dapat dikawal.

## 31 DISEMBER 2003

Datuk Seri Abdullah menghabiskan hari terakhir 2003 dengan menghadiri pelbagai majlis. Antaranya termasuklah mengunjungi Kedutaan Iran bagi menyampaikan ucapan takziah kepada rakyat dan negara itu yang terlibat dalam tragedi gempa bumi di Bam, sebuah Bandar bersejarah di Iran. Seramai 40 ribu orang dilaporkan terkorban dalam kejadian itu dan seluruh bandar itu turut musnah.

Pada sebelah malamnya, beliau menghadiri Malam Mes PDRM di Pusat

Konvensyen Putrajaya sempena persaraan 71 orang pegawai kanan polis. Pada ucapannya, Datuk Seri Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri menjelaskan bahawa penubuhan Suruhanjaya Di-Raja untuk memodenkan PDRM itu tidak bermakna perkhidmatan pasukan polis berada dalam keadaan teruk dan tidak berwibawa. Menurut beliau, penubuhan Suruhanjaya itu bertujuan untuk meningkatkan taraf profesion kepolisian menjadi lebih dinamik dan untuk menjamin perkhidmatan yang lebih cemerlang untuk negara. Tegas beliau, kalaularah polis tidak dapat menjalankan tugas atau teruk sangat, tentulah negara ini tidak selamat dan penguasaan undang-undang tidak berlaku, tetapi atas kecekapan polis, negara kita aman, damai dan selamat. Beliau mengakui bahawa PDRM ialah institusi kerajaan yang terpenting dalam menjaga keamanan.

Datuk Seri Abdullah juga mengunjungi sambutan kedatangan tahun 2004 di Taman KLCC, Kuala Lumpur. Beberapa detik sebelum tahun 2004 menjengukkan wajahnya, Perdana Menteri berada pula di Dataran Merdeka untuk menyertai 100 000 rakyat menyambut kedatangan tahun baru.

Dalam satu kenyataan berasingan, Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan mengumumkan berkuatkuasa 1 Januari 2004, kerajaan melaksanakan struktur baru duti dan eksais kenderaan bermotor yang dijangka mengurangkan sedikit harga kereta-kereta yang dipasang di Malaysia (CKD) dan yang dipasang di luar yang dibawa masuk (CBU) dari negara-negara ASEAN. Mengikut kadar baru itu, duti dan eksais diturunkan antara 70 hingga 190 peratus mengikut kapasiti enjin.

Dalam perutusan menyambut kedatangan tahun baru 2004 ke seluruh negara menerusi RTM, Datuk Seri Abdullah mengingatkan rakyat supaya tidak mencipta bencana yang boleh merosakkan negara dengan menjadikan kekacauan dan kehancuran angkara manusia di banyak negara sebagai iktibar. Menurut beliau, bencana yang timbul angkara manusia, umpamanya amalan ekstremisme, aktiviti militan, peperangan dan jenayah telah memporak-perandakan banyak negara serta menghancurkan rakyat.

## 1-3 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah dan keluarga bercuti di Pulau Pangkor, Perak. Kali

terakhir beliau bercuti bersama keluarga ialah ketika melawat isterinya (Datin Seri Endon Mahmud) yang menjalani rawatan barah payu dara di Amerika Syarikat pada Februari 2003.

#### **4 JANUARI 2004**

Sebagai seorang pemimpin yang prihatin dengan nasib rakyat bawahan, Datuk Seri Abdullah memendekkan cuti bersama keluarga di Pulau Pangkor, Perak untuk melawat mangsa kebakaran di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Pada kejadian itu, 24 buah rumah dan 12 buah kedai musnah. Beliau kemudian memberitahu media bahawa kawasan kebakaran di Jalan Raja Muda itu akan dibangunkan menerusi fasa pertama pelan pembangunan Kampung Baru dan diharap menjadi perintis kepada pelaksanaan keseluruhan pelan induk itu apabila semua pihak terbabit melihat manfaatnya. Projek yang membabitkan pembinaan Kompleks Budaya dan Makanan Antarabangsa ini akan memberi peluang ekonomi dan perniagaan baru yang menguntungkan penduduk kawasan terbabit kerana kawasan itu amat strategik dan berharga. Kata beliau, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh melaksanakan projek itu secepat mungkin selepas siasatan kebakaran selesai kerana tanah itu milik kerajaan dan bukan milik individu yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan pelan induk itu selama ini.

#### **5 JANUARI 2004**

TIADA

#### **6 JANUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah mengetuai Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri melafazkan ikrar bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat pada perhimpunan bulanan jabatan itu. Beliau mengulangi bahawa kerajaan akan memberi keutamaan meningkatkan lagi sistem penyampaian awam untuk memberi perkhidmatan lebih

baik kepada rakyat. Pada pertemuan dengan ahli-ahli Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang mengunjungi beliau di Jabatan Perdana Menteri kemudian, Datuk Seri Abdullah mahu UMNO negeri itu tidak menimbulkan masalah yang boleh menghalang usaha merampas semula Kelantan daripada Pas, pada pilihan raya umum ke-11. Pada sebelah malamnya pula, Datuk Seri Abdullah mengetuai Jemaah Menteri pada satu majlis perpisahan untuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

## **7 JANUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah mengumumkan pelantikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri. Datuk Seri Najib juga kekal menerajui Kementerian Pertahanan. Beliau juga mengumumkan rombakkan kecil Kabinet yang melibatkan tiga orang menteri dan pelantikan seorang menteri baru. Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dilantik sebagai Menteri Kewangan ke-2 bagi menggantikan Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis yang dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sebelum itu menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, dilantik sebagai Menteri Pertanian yang baru mengambil alih tempat yang dikosongkan oleh Datuk Effendi Norwawi yang dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri. Anggota Jemaah Menteri yang lain kekal dengan porfolio masing-masing.

## **8 JANUARI 2004**

Pada sebelah siangnya, Datuk Seri Abdullah melakukan lawatan sulung ke Indonesia. Di Jakarta, beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Megawati Sukarnoputri, selain bertemu dengan masyarakat Malaysia di Indonesia di kedutaan besar Malaysia. Bercakap kepada media kemudian, beliau memberitahu bahawa Malaysia dan Indonesia akan menandatangani memorandum persefahaman tentang pengambilan tenaga kerja Indonesia tidak lama lagi. Pada pertemuan dengan masyarakat Malaysia, beliau menzahirkan

kegembiraan tentang sambutan positif pelbagai pihak, termasuk pasaran saham serta terhadap pelantikan Datuk Seri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sekembalinya ke Putrajaya pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah di-raqian oleh Badan Kehakiman sempena pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5. Pada ucapannya, Datuk Seri Abdullah mengakui peranan bebas tiga cabang kuasa dalam pemerintahan negara—legislatif, eksekutif dan badan kehakiman. Akan tetapi beliau mengingatkan ketiga-tiga cabang kuasa itu mestilah bekerjasama ke arah pembinaan sebuah negara progresif yang diiktiraf oleh dunia. "Selagi kita menghormati peranan kita yang berbeza itu, kita akan bergerak pada landasan yang betul," tegas beliau. Menurut beliau, walaupun ketiga-tiga cabang kuasa itu memainkan peranan yang berlainan dalam pentadbiran negara, tetapi mereka masih menyediakan khidmat untuk negara dan bangsa.

Tegas beliau, "Kita juga dipandu oleh prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan perintah Allah S.W.T supaya berlaku adil dan saksama. Kita juga mesti menunaikan tanggungjawab kita dengan saksama. Jika kita tidak berpegang pada prinsip kesaksamaan ini, kita pasti kehilangan kepercayaan rakyat. Kita memegang kepercayaan, kita mesti dipercayai." Menurut Datuk Seri Abdullah, keadilan yang ditangguhkan ialah keadilan yang dinafikan. Datuk Seri Abdullah gembira kerana Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz telah mengarahkan badan kehakiman supaya semua kes-kes jenayah didengar dan diselesaikan segera. Kata beliau apabila kes-kes jenayah segera dibicara dan diselesaikan, ia boleh menjadi pencegah kerana semua orang tahu bahawa hukuman akan dijatuhkan segera.

## 9 JANUARI 2004

Pada sebelah pagi, Datuk Seri Abdullah menyampaikan amanat pada Majlis Perdana ke-5 Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Majlis itu dihadiri oleh kesemua anggota Kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Pada ucapannya, Perdana Menteri menggariskan lima initiatif tambahan bagi menjadikan perkhidmatan awam negara bertaraf dunia serta mampu menghadapi cabaran global.

Beliau berkata, lima inisiatif itu yang perlu dijalankan secara berterusan ialah perubahan minda dan sikap; etika yang luhur; pembangunan tenaga manusia; budaya kerja berasaskan prestasi dan daya kepimpinan yang kukuh. Menurut beliau inisiatif tambahan itu akan memastikan matlamat untuk menjadikan perkhidmatan awam bertaraf dunia tercapai. Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan, ia hanya boleh dicapai sekiranya kakitangan awam mempunyai keinginan untuk melihat ia menjadi satu realiti. "Pegawai dan kakitangan awam di setiap peringkat harus berikrar bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dan bertanya bagaimana mereka boleh memperbaiki lagi prestasi diri dan jabatan masing-masing," tegas Datuk Seri Abdullah.

Pada pertemuan itu Perdana Menteri juga menyampaikan mesaj yang tegas kepada orang politik yang mempunyai kedudukan dalam pentadbiran beliau. "Mereka yang cakap tak serupa bikin tidak ada tempat di bawah pentadbiran saya," katanya. Datuk Seri Abdullah mahu pemimpin politik menunjukkan teladan yang baik dalam menjalankan tugas sebagai sebahagian azam tahun baru mereka. Katanya, "saya sedar bahawa kepimpinan politik juga harus menunjukkan teladan yang baik. Tidak ada gunanya pegawai-pegawai kanan yang saya arahkan untuk menunjukkan teladan yang baik sebaliknya para pemimpin politik sendiri tidak melaksanakan cirri-ciri etika kerja yang baik."

Pada sebelah malam, Datuk Seri Abdullah, selaku Pemangku Presiden UMNO, mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi. Bercakap pada sidang media kemudian, beliau mengumumkan bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak akan menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden UMNO. Beliau juga dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pengurusan UMNO. Seorang lagi Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dilantik untuk mewakili UMNO ke Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN). Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa BN akan memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya umum ke-11 berdasarkan perkembangan terkini dalam UMNO. Beliau menegaskan semua persiapan menghadapi pilihan raya di peringkat negeri berjalan lancar dan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

## 10 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menyertai 70 000 peneroka Felda untuk sambutan Hari

Peneroka Peringkat Kebangsaan di Felda Mempaga Dua, Bentong, Pahang. Timbalan Perdana Menteri yang baru dilantik, Datuk Seri Mohd Najib hadir sama. Pada ucapannya, Perdana Menteri berkata, tanah rancangan Felda akan dimajukan sebagai kawasan pembangunan ekonomi raksasa bagi menyeimbangkan pertumbuhan antara kawasan bandar dan luar bandar. Menurut beliau dengan jumlah penduduk yang ramai serta kawasan yang luas, Felda mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baru negara terutama yang berasaskan pertanian. "Kerajaan akan memberi perhatian kepada kawasan luar bandar dengan mencari sumber-sumber kekayaan baru yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar. Kita tidak mahu satu kawasan maju dan satu kawasan lagi ketinggalan. Kita mahu sama-sama naik," tegas beliau.

Pada sebelah petangnya di Putrajaya, Datuk Seri Abdullah menghadiri majlis ramah mesra dengan pengusaha batik Malaysia. Pada ucapannya beliau mahu industri batik tempatan menitikberatkan soal penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan batik Malaysia mampu diketengahkan di peringkat antarabangsa.

## 11 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menghadiri Pertandingan Rekaan Fesyen Batik anjuran Yayasan Budi Penyayang, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang diterajui oleh isteri beliau, Datin Seri Endon di Kuala Lumpur.

## 12 JANUARI 2004

Setelah mengadakan lawatan kunjungan hormat ke Brunei dan Jakarta, Perdana Menteri berkunjung pula ke Republik Singapura bagi mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perdana Menteri negara jiran itu, Goh Chok Tong. Beliau juga mengunjungi Presiden Singapura dan Menteri Kanan, Lee Kuan Yew semasa berada di republik itu. Berecap kepada media, Datuk Seri Abdullah berkata, Malaysia dan Singapura akan kembali ke meja rundingan bagi menyelesaikan isu tertangguh kecuali pertikaian yang sudah dirujuk ke timbang tara antarabangsa. Beliau dan Goh juga sepa-

kat terhadap pendekatan yang perlu diambil untuk mengakrabkan lagi hubungan antara kedua-dua negara. Mereka akan kerap mengunjungi antara satu sama lain, termasuk melalui lawatan sosial, selain senantiasa berhubung melalui telefon sekalipun hanya untuk berbual-bual. "Itulah langkah ke hadapan yang telah kami persetujui bukan saja untuk isu-isu tertangguh pada masa lampau, malah bagi masalah-masalah yang berbangkit antara kedua-dua negara selepas ini," ujar beliau dalam satu sidang akhbar yang dihadiri oleh 40 orang wartawan.

Sebelum berlepas ke Singapura, Datuk Seri Abdullah, selaku Menteri Kewangan, menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan. Pada perhimpunan itu, beliau memperkenalkan Menteri Kewangan Kedua yang baru, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan menyatakan penghargaan kepada bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis. Dalam ucappannya, beliau berkata, pengurusan ekonomi memerlukan pemantauan berte-rusan supaya negara tidak terperangkap apabila berlaku sebarang perubahan di peringkat dunia. Menurut beliau, dengan mengetahui segala perkembangan di seluruh dunia dan negara maju seperti Amerika dan Jepun serta kedudukan mata wang yen, dolar dan euro, kerajaan boleh mengambil langkah perlu bagi meminimumkan kesan negatif ke atas negara.

## 13 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah mengadakan dialog dengan tokoh-tokoh korporat, para profesional dan ahli akademik anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Putrajaya. Pada pertemuan itu beliau berkata, sudah tiba masanya bagi sektor swasta memainkan peranan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi. Menurut beliau, dalam satu ekonomi global di mana pemenang ditentukan oleh inovasi, penjenamaan, rangkaian dan kecemerlangan operasi, kita tidak boleh bergantung kepada kerajaan untuk mendorong pertumbuhan. Kata beliau, ekonomi negara sudah berada pada landasan yang betul dan kerajaan akan kembali kepada disiplin kewangan yang bijaksana. Belanja-wan defisit yang diambil sebagai langkah sementara untuk mengeluarkan ekonomi daripada keadaan buruk, tidak boleh menjadi sebahagian daripada hidup. Keutamaan sekarang adalah untuk mengimbangkan belanjawan,

selain meningkatkan kecekapan sektor awam dengan memperbaiki penyaluran khidmat-khidmatnya. Tindakan ini, akan membantu mengurangkan kos menjalankan bisnes di Malaysia. Beliau juga mengumumkan, sistem tender terbuka akan menjadi amalan meluas di sektor awam. Beliau turut mengumumkan penubuhan Majlis Perusahaan Kecil Sederhana Kebangsaan yang beliau sendiri penguruskan dalam usaha untuk memajukan perusahaan kecil dan sederhana. Berkennaan tambatan ringgit terhadap dolar, Datuk Seri Abdullah berkata, ia akan dikekalkan sehingga keadaan beranggapan sebaliknya. Menurut beliau, tambatan itu telah memberi kestabilan ekonomi dan melenyapkan ketidaktentuan. Pada sebelah malamnya, Datuk Seri Abdullah meraikan bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaluddin Jarjis dan Menteri Kewangan Kedua yang baru, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

## 14 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah mengetuai 3000 orang pemimpin BN pada satu majlis makan malam menghargai jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di PWTC, Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, beliau memuji Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang banyak berjasa kepada negara dan gabungan 14 buah parti politik yang memerintah Malaysia. Beliau berjanji untuk meneruskan dasar dan perjuangan Dr. Mahathir sehingga wawasan bekas Perdana Menteri untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan acuan sendiri seperti yang digariskan oleh Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan.

## 15 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah selaku Pengurus BN, mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang antara lain membincangkan persiapan pilihan raya umum ke-11. Agihan kerusi di kalangan 14 buah parti komponen bagaimanapun tidak dibahaskan.

Bercakap kepada media selepas mesyuarat itu, beliau mengumumkan pelantikan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaacob sebagai Setia-

usaha Agung BN yang baru. Beliau menggantikan Tan Sri Mohamed Rahmat yang secara sukarela membuat keputusan untuk bersara daripada kehidupan aktif politik selepas 35 tahun berkecimpung dalam politik. Beliau juga mengumumkan pelantikan Datuk Seri Mohd Najib sebagai Timbalan Pengerusi BN dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan BN. Dewan Tertinggi BN juga menerima penyertaan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai ahli Dewan Tertinggi BN. Datuk Seri Abdullah juga memberitahu, BN akan melantik seorang pengerusi bagi setiap kawasan Parlimen yang akan bertindak sebagai supremo parti pada peringkat itu.

## **16 JANUARI 2004**

Perdana Menteri meneruskan lawatan ke negara-negara ASEAN, kali ini dengan mengadakan lawatan ke Bangkok, Thailand. Selain mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perdana Menteri Thai, Thaksin Shinawatra, beliau turut menghadap Raja Thai. Bercakap kepada media selepas bertemu Thaksin, Datuk Seri Abdullah berkata, Malaysia dan Thailand bersetuju untuk menubuhkan badan khas bagi merumuskan pendekatan strategik membangunkan sempadan kedua-dua negara secara besar-besaran supaya taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan dan sekali gus menjauhkan mereka daripada kegiatan berunsur keganasan. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh menteri luar kedua-dua buah negara itu akan memantau program pembangunan di sepanjang sempadan secara bersama, terutama di negeri utara Semenanjung Malaysia dan wilayah selatan Thai. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk menangani keganasan secara bersama.

## **17 JANUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah mempengerusikan mesyuarat UMNO Bahagian Kepala Batas dan Parlimen Barisan Nasional di Penang Golf Resort. Bercakap kepada media kemudian, beliau meminta semua pemimpin UMNO bahagian mengetepikan soal kepentingan individu kerana "kita akan menghadapi pilihan raya." Secara khusus, beliau mengarahkan pemimpin bahagian di

Kelantan dan Permatang Pauh, Pulau Pinang supaya tidak lagi mempersoalkan pelantikan ketua-ketua penaja bahagian di kawasan mereka yang telah dipersetujui oleh pucuk pimpinan. Arahan ini dibuat kerana di Permatang Pauh dan di Kelantan, masih ada suara-suara sumbang yang mempertikaikan pelantikan ketua penaja baru dengan menyebarkan pelbagai fitnah, termasuk kononnya, ketua penaja itu tidak mendapat sokongan ahli parti di peringkat bahagian. Secara tegas beliau berkata, "Nasihat saya, tak usahlah bergaduh sebab keputusan telah dibuat di peringkat kepimpinan. Kita akan menghadapi pilihan raya, janganlah fikir perkara yang berkaitan dengan individu. Yang penting sekarang perkuat dan perkukuhkan parti, jangan bergaduh."

## 18 JANUARI 2004

TIADA

## 19 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah mengadakan lawatan suai kenal sehari ke Laos di mana beliau mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Bounhang Vorachith. Beliau turut membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Laos, Khamtay Siphandone, selain mengadakan pertemuan dengan 70 orang rakyat Malaysia yang berada di negara itu. Beliau juga menyaksikan upacara menandatangani satu perjanjian antara Exxim Bank of Malaysia dengan Sun Holding Co. Limited bagi pinjaman AS14 juta untuk membina projek hotel dan kompleks pelancongan Don Chan Palace. Laos mempunyai 5 juta orang penduduk dan Malaysia merupakan pelabur keempat terbesar di negara itu dengan nilai RM1.02 bilion.

Pada sidang media, Datuk Seri Abdullah menyatakan, kerajaan Laos menaruh harapan tinggi bahawa Malaysia akan menambah pelaburan di negara itu terutama dalam bidang pembangunan infrastruktur dan teknologi maklumat serta komunikasi. Beliau turut mengulas pembunuhan kejam seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun di Tanjung Kupang, Johor

oleh tiga lelaki termasuk seorang yang bekerja sebagai pengawal keselamatan. Beliau yang jelas berang dengan perbuatan terkutuk itu, menganggapnya sebagai perbuatan yang amat kejam, macam binatang buas. Beliau meminta kes itu segera di bawa ke muka pengadilan dan mereka yang merogol kemudian membunuh budak bernama Nurul Huda Ghani dikenakan hukuman berat, setimpal dengan perbuatan yang dianggap keji dan sangat kejam itu.

Pada sebelah petangnya, Datuk Seri Abdullah berlepas ke Manila, Filipina untuk melakukan lawatan suai kenal ke negara itu.

## 20 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah meneruskan lawatan suai kenal sebagai Perdana Menteri baru ke Manila. Beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Republik Filipina, Gloria Macapagal Arroyo di Istana Malacanang. Bercakap pada sidang media bersama dengan Arroyo, Datuk Seri Abdullah memaklumkan bahawa Petronas akan melabur RM64 juta untuk meneroka minyak dan gas di Mindoro, selatan Luzon. Beliau juga memberitahu, Arroyo setuju untuk syarikat Penerbangan Malaysia mengadakan penerbangan langsung dari Kota Kinabalu ke Davao di selatan negara itu. Malaysia dengan restu Manila juga akan mengadakan rundingan dengan puak-puak yang berbalah di selatan Filipina bagi mencari penyelesaian damai di wilayah yang bergolak itu. Perdana Menteri juga memberitahu bahawa Malaysia bersama dengan Filipina, Indonesia dan Brunei akan memberi tumpuan khusus untuk membangunkan Kawasan Pertumbuhan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA). Sebagai menghargai usaha Datuk Seri Abdullah meningkatkan hubungan Malaysia dengan Filipina, kerajaan negara itu menganugerahkan darjah tertinggi negara itu the *Philippines Congressional Award* kepada Perdana Menteri.

## 21 JANUARI

TIADA

## 22 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah bersama-sama dengan barisan Jemaah Menteri yang lain, menghadiri rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina yang dianjurkan bersama oleh MCA dan Gerakan di ibu negara. Ini merupakan kali pertama kedua-dua parti itu mengadakan rumah terbuka bersama sejak pucuk pimpinan mereka mengumumkan hasrat untuk menggabungkan MCA dan Gerakan menjadi sebuah parti yang mewakili kaum Cina. Turut serta pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada sidang media kemudian, Datuk Seri Abdullah, selaku Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengkaji kemungkinan mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap anggota polis yang terlibat dengan kegiatan jenayah. Cadangan ini dibuat selepas empat orang anggota polis di Johor dikenal pasti terlibat dalam kes merogol seorang wanita Indonesia secara beramai-ramai. Di Johor juga, seorang pegawai polis berpangkat cif inspektor turut dikenal pasti sebagai perompak yang ditembak ketika menyamun sebuah bank. Perkembangan ini membimbangkan masyarakat tentang adanya anggota polis yang bagi musang berbulu ayam dan beliau menggesa pihak berkuasa supaya tidak melindungi mereka.

## 23 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menghadiri sambutan Tahun Baru Cina, anjuran bersama Gerakan-MCA Pulau Pinang di Georgetown. Beliau mensyifatkan usaha itu sebagai hadiah tahun baru yang memperkuuhkan BN Pulau Pinang. Pada ucapannya, beliau memberitahu hadirin bahawa perkembangan politik, ekonomi dalaman dan luaran pada waktu ini memihak kepada kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, beliau menasihatkan rakyat supaya jangan leka dengan perkembangan yang memberangsangkan itu. Bercakap kepada media, beliau memberitahu bahawa Suruhanjaya Diraja bagi menge-nal pasti langkah-langkah untuk menjadikan PDRM sebagai agensi penguat-

kuasa yang berwibawa akan ditubuhkan minggu depan. Pada waktu yang sama, beliau meminta pelbagai pihak memperhebatkan usaha menangani masalah penagihan dadah sehingga ke akar umbi bagi memastikan ia tidak menimbulkan ancaman kepada masyarakat di negara ini. Kenyataan dibuat sebagai mengulas kecenderungan para penagih dadah terlibat dengan jenayah, termasuk merogol kanak-kanak seperti yang berlaku di Johor dan Sabah.

## **24 JANUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah menghadiri Majlis Kongsi Raya Tahun Baru Cina peringkat nasional di Johor Bahru. Turut sama pada majlis ini ialah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan sebilangan anggota Kabinetnya yang menghadiri majlis itu sebagai tetamu Datuk Seri Abdullah. Perkembangan itu dilihat sebagai langkah positif untuk mengakrabkan lagi hubungan Malaysia dengan Singapura, yang sebelum ini ada kalanya suram dan tegang. Seramai 300 000 orang, termasuk 50 000 orang warga Singapura menyertai majlis itu. Yang di-Pertuan Agong menjadi tetamu khas majlis berkenaan.

## **25 JANUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib serta 10 anggota Jemaah Menteri menjadi tetamu majlis makan tengah hari sempena Tahun Baru Cina anjuran Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong di republik itu. Majlis itu sebagai membalas jemputan Datuk Seri Abdullah bagi pemimpin Singapura itu menghadiri Majlis Kongsi Tahun Baru Cina yang diadakan oleh kerajaan Malaysia di Johor pada malam sebelum ini.

## 26 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah mengadakan lawatan suai kenal sehari ke Vietnam dan Kemboja selepas menjadi Perdana Menteri.

## 27 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah melancarkan buku karya Timbalan Menteri Penetrangan, Datuk Zainuddin Maidin, berjudul *Wira Tak Didendang* di Memorial Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, beliau berkata, negara tidak seharusnya melupakan lelaki dan wanita yang menyabung nyawa bagi memastikan Malaysia aman dan makmur seperti sekarang. Menurut beliau, mereka termasuklah tentera, polis, konstabel khas Pasukan Kawalan Kampung. Katanya lagi, ribuan pejuang terabit terkorban dan keluarga mereka dibunuh dengan kejam ketika mempertahankan negara ini daripada musuh. Beliau mengingatkan rakyat, terutama generasi muda, supaya menghayati sejarah negara.

Pada sidang media, Perdana Menteri mengulas hukuman segera mahkamah ke atas lelaki yang telah merogol dan membunuh dengan kejamnya seorang murid 10 tahun, Nurul Huda Gani di Gelang Patah pada 17 Januari. Dalam kes itu, lelaki berkenaan mengaku bersalah di Mahkamah Seksyen Johor Bahru. Hakim menjatuhkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan 24 sebatan. Datuk Seri Abdullah berkata, hukuman ke atas pengawal keselamatan, Abbas Danus Baksan itu adalah adil dan dibuat oleh mahkamah secara bebas. Beliau yakin rakyat menerima keputusan itu. Beliau berharap hukuman berat serupa itu akan menjadi pengajaran kepada orang lain.

## 28 JANUARI 2004

Empat orang setiausaha politik baru mengangkat sumpah jawatan di hadapan Datuk Seri Abdullah. Mereka ialah Dr. Vincent Lim Kian Tick, Setiausaha

Politik Perdana Menteri; Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh, Setiausaha Politik Menteri Dalam Negeri; Wong Kung Foo, Setiausaha Politik Menteri Pengangkutan; dan Dr. Abdul Razak Omar, Setiausaha Politik Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga.

## 29 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah melancarkan Dasar Koperasi Negara dan Rancangan Bertindak 2002-2010 Koperasi di Kuala Lumpur. Ucapan beliau disampaikan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gad-dam. Dalam ucapannya, Datuk Seri Abdullah mencadangkan gerakan koperasi yang dianggotai oleh lima juta anggota menjadikan diri mereka sebagai tenaga ketiga dalam ekonomi negara selepas sektor awam dan sektor swasta. Hal ini kerana gerakan koperasi di negara ini memiliki aset bernilai RM21 bilion dan ia boleh digerakkan menjadi satu tenaga ekonomi dan sosial yang kuat untuk negara ini. Beliau muhu koperasi menceburkan diri dalam perniagaan, tetapi pada waktu yang sama mengukuhkan peranannya sebagai pelindung kebajikan ahli-ahli koperasi. Beliau mengesyorkan koperasi tidak terlalu bergantung pada simpanan tetap untuk mencari pendapatan; sebaliknya mempelbagaikan kegiatan perniagaan untuk mencari keuntungan.

## 30 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah melancarkan seminar sehari Islam Hadhari (Pengurusan Negara Islam) peringkat kebangsaan di Shah Alam Selangor. Pada majlis itu, beliau memberitahu bahawa Malaysia akan menjadi huru-hara jika kerajaan memperkenalkan dua sistem pentadbiran iaitu satu untuk masyarakat Islam dan satu lagi untuk bukan Islam. Sebaliknya, beliau menegaskan sebagai sebuah negara majmuk dengan rakyatnya pelbagai kaum, kerajaan akan meneruskan sistem pentadbiran sedia ada demi kepentingan semua bagi menjamin pembangunan berjalan lancar. "Inilah realiti kedudukan negara kita pada hari ini dan untuk menjayakan apa juga program bagi pembangunan, kita

perlu menggunakan kebijaksanaan. Tanpa ada kebijaksanaan, kita tidak akan dapat melaksanakan program kita dengan baik. Kita tidak boleh adakan di negara kita ini satu situasi yang memerlukan dua sistem, pembangunan untuk orang Melayu, orang Islam dan pembangunan untuk bukan Melayu, bukan Islam. Pembangunan Malaysia adalah untuk semua," tegas beliau. Menurut Perdana Menteri lagi, "Saya hari ini menjadi Perdana Menteri, keturunan Melayu beragama Islam, adalah pemimpin untuk rakyat Malaysia yang terdiri daripada semua kaum, menganuti agama yang berlainan. Kerajaan yang wujud kini ialah kerajaan berkongsi kuasa antara kaum, perlu mengambil kira sensitiviti perasaan serta harapan masing-masing. Ini penting."

### 31 JANUARI 2004

Datuk Seri Abdullah genap tiga bulan menjadi Perdana Menteri. Sempena itu, beliau mengadakan dialog dengan pengarang akhbar tempatan di Kementerian Kewangan, yang turut dihadiri oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob. Selain menyatakan penghargaan kepada media tempatan kerana membantu menghebahkan "agenda kerja saya" sebagai Perdana Menteri dalam tempoh 90 hari, beliau juga memberi kesempatan kepada peneraju media untuk bertanyakan pelbagai persoalan tentang prestasi beliau sepanjang menjadi Perdana Menteri. Dalam majlis dialog itu, Datuk Seri Abdullah dipetik sebagai berkata, bahawa pencapaian paling bermakna sepanjang tiga bulan pertamanya sebagai Perdana Menteri ialah rakyat pada keseluruhaninya terus meyakini kerajaan dan jentera pentadbirannya. Menurut beliau, dasar dan pelantikan baru, rombakan kecil Kabinet dan ketegasan memerangi rasuah, berjaya meningkatkan lagi sokongan rakyat kepada apa yang mahu dilaksanakannya. "Orang ramai menyambut baik perubahan yang saya umumkan. Saya mendapat maklum balas positif terhadap apa yang saya mahu lakukan. Ini bukan pendekatan *populist*. Saya bertanggungjawab melaksanakan apa yang saya janjikan. Ini ialah agenda kerja saya dan saya mahu mencapainya," tegas beliau.

## 1 FEBRUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menghabiskan Hari Raya Aidiladha di kawasan Parlimennya di Kepala Batas. Beliau menyumbangkan sebanyak 37 ekor lembu untuk majlis korban di kawasan pilihan rayanya itu. Beliau juga menghadiri majlis sambutan Aidiladha di Ekor Kucing, Pinang Tunggal, bertemu penduduk di majlis Permatang Kuang di Bertam dan Permatang Tok Brain di Penga, selain menghadiri rumah terbuka imam Masjid Al-Jamiul Badawi, Datuk Abu Bakar Rahim.

Bercakap kepada media beliau berkata, pertukaran kerap antara jabatan di kalangan kakitangan kerajaan, terutamanya pegawai penguatkuasa boleh membantu mengatasi rasuah di kalangan kakitangan kerajaan. Menurut beliau, pegawai penguatkuasa yang terlalu lama memegang sesuatu jawatan di jabatan yang sama, boleh tergoda untuk melakukan rasuah. Kata beliau, pertukaran kerja di kalangan sektor awam merupakan satu proses yang bertenusan dan sesuatu yang baik untuk mereka. Mereka boleh menambah pengalaman dalam bidang lain jika dipindahkan ke jabatan lain, dan mereka juga boleh mendapat faedah dari segi kerjaya kerana mereka mempunyai peluang yang lebih baik untuk naik pangkat. Beliau berazam untuk memerangi rasuah di sektor awam dan sektor swasta serta masyarakat umum patut membantu kerajaan dengan melaporkan kes-kes rasuah kepada pihak berkuasa. "Kita tidak mahu pegawai kerajaan yang rasuah, orang politik yang rasuah dan ahli peniaga yang rasuah," tegas beliau.

## 2 FEBRUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menerima berita sedih kematian bonda tersayang, Datuk Khailan Hassan Allahyarham, yang tidak berapa sihat sejak tiga hari lalu, meninggal dunia jam 5.10 petang. Datuk Seri Abdullah tiba di rumah bondanya, di pekan Kepala Batas, jam 8.45 malam untuk menziarahi Allahyarham bersama dua orang anaknya, Kamaludin dan Nory.

## 3 FEBRUARI 2004

Datuk Seri Abdullah menyertai ribuan orang kenamaan, termasuk Yang di-Pertuan Agong, menteri-menteri Kabinet dan rakyat jelata bagi upacara pengebumian bonda tersayang, Allahyarham Datuk Khailan Hassan. Allahyarham disemadikan di tanah perkuburan Islam di Masjid Al-Jamiul Badawi di Kepala Batas. Beliau turut mengadakan kenduri tahlil selama tiga hari berturut-turut.

## 4 FEBRUARI 2004

Menerusi satu kenyataan, Datuk Seri Abdullah mengumumkan anggota Suruhanjaya Khas Penambahbaikan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia bagi menjadikan PDRM penjaga keamanan dan penguatkuasa undang-undang yang berwibawa dalam abad ke-21. Suruhanjaya 16 anggota itu dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar dilantik sebagai Timbalan Pengerusi. Anggota lain termasuklah seorang pemimpin pembangkang, Tun Salleh Abas yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu dan beberapa orang pemimpin badan bukan kerajaan. Mereka termasuklah aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye; Presiden Majlis Peguam Malaysia, Khutubul Zaman Bukhari; Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita, Ivy Josiah; Presiden Majlis Perundingan Wanita Islam Malaysia, Datuk Kamilia Ibrahim; Pengarah Eksekutif Yayasan Strategik Sosial, Denison Jayasooria; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia, ASLI, Datuk Dr. Michael Yeoh dan Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Tan Sri Zaki Tun Azmi. Anggota lain ialah Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Azizul; Presiden Jawatankuasa Pengurusan Transparency International Malaysia, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim; bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Paduka Zaleha Zahari, Bekas Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancang Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Dr.

Muhammad Rais Abdul Karim; dan Ketua Pengarang, Berita Publishing, Datuk A Kadir Jasin. Suruhanjaya itu diberi tempoh 12 bulan untuk menyerahkan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong.

## **5 FEBRUARI 2004**

Selepas menghadiri perhimpunan bulanan di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah melakukan lawatan sehari suntuk ke Pahang Darul Makmur. Selain menghadap Sultan Pahang, beliau menghadiri beberapa pertemuan dengan kakitangan awam dan rakyat. Di Kuantan, beliau menghadiri majlis perjumpaan Perdana Menteri dengan Kakitangan Sokongan Perkhidmatan Awam di Dewan Jubilee Perak. Pada ucapannya, beliau mengingatkan anggota perkhidmatan awam agar tidak lepas tangan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat kerana ia bukan saja merosakkan dan menjasakan imej dan maruah sesebuah jabatan tetapi mengikis kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Pada pertemuan dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Tanah Rancangan (JKKR), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB) dan badan bukan kerajaan seluruh Pahang, beliau meminta Menteri Besar dan Ketua Menteri mengetuai sendiri memantau kemajuan sektor pertanian di negeri masing-masing. Dalam pertemuan tertutup dengan semua ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian di Pahang, Pemangku Presiden UMNO itu meminta ahli-ahli parti supaya bekerja keras untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11.

## **6 FEBRUARI 2004**

TIADA

## **7 FEBRUARI 2004**

Datuk Seri Abdullah melancarkan perayaan Hari Wilayah Persekutuan di

Putrajaya. Dalam ucapannya, beliau meminta kakitangan awam dan penduduk Pusat Pentadbiran Persekutuan itu supaya lebih bersungguh-sungguh untuk menjadikan Putrajaya sebagai kota raya bertaraf dunia.

## 8 FEBRUARI 2004

Genap 100 hari Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Tiada perayaan khusus diadakan. Menurut Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang Kumpulan NSTP yang memang diketahui rapat dengan Datuk Seri Abdullah, bagi Perdana Menteri, hari ke-100 hanyalah hari kerja biasa. Pada hari ini, antara lain beliau menghadiri majlis jamuan sambutan perayaan Tahun Baru Cina di Federal Hotel Kuala Lumpur, anjuran Pertubuhan Belia Cina Malaysia (EMCO). Pada ucapannya, beliau meminta pemimpin muda supaya memahami matlamat dan arah tuju negara serta mempunyai misi dan visi bagi memupuk perpaduan antara kaum agar negara terus aman dan makmur. Pada sebelah petang beliau menyertai 350 orang anak Terengganu yang menetap di Lembah Kelang untuk satu perbincangan tertutup Wacana Terengganu Bestari di Hotel Marriot, Putrajaya. Datuk Seri Abdullah ialah Ketua Perhubungan UMNO Terengganu.

Bercakap kepada media tentang 100 hari sebagai Perdana Menteri, beliau berkata, tempoh yang telah dilalui adalah mencabar yang memerlukannya memberi perhatian kepada setiap perkara yang diusahakan. Menurut Datuk Seri Abdullah, "Ia 100 hari yang menarik dan sangat mencabar bagi saya ... banyak masalah timbul yang saya hadapi dan perlu membuat keputusan. Di samping saya perlu merancang apa yang perlu saya laksanakan, 100 hari ini saya kehilangan ibu dan isteri saya pula menerima rawatan di luar negara kerana sakit barah. Sebenarnya, ia 100 hari yang banyak peristiwa dan banyak perkara yang perlu saya beri perhatian dan buat keputusan. Akan tetapi, orientasi saya adalah lebih kepada bagaimana hendak berusaha ke arah mengubah minda dan sikap rakyat."

## RUMUSAN

Sepanjang seratus hari pertama sebagai Perdana Menteri, melalui kegiatan dan pengumuman yang tidak henti-henti itu, Datuk Seri Abdullah telah berjaya menggariskan falsafah kepimpinan politik beliau serta keutamaan program pembangunan beliau. Selain bertekad untuk mengemaskinikan jentera pentadbiran dengan matlamat untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, beliau juga berazam untuk membersihkan birokrasi daripada gejala rasuah dan pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa. Kegiatan dan pengumuman beliau juga membayangkan kesediaan beliau untuk bertindak tegas tanpa mengira darjat dan kedudukan beliau. Malah secara serius, beliau memberi kuasa sepenuhnya kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat kes-kes rasuah dan mengambil tindakan sekiranya terdapat bukti yang mencukupi. Dalam tempoh seratus hari itu, seorang anggota Jemaah Menteri turut didakwa di bawah tuduhan rasuah—sesuatu yang tidak berlaku sebelum ini.



**BERKUASA  
DENGAN  
MANDAT SENDIRI**



## BAB 12

---

### MANDAT RAKYAT 2004

Selama 125 hari sehingga Parlimen dibubarkan pada 4 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri dengan mandat rakyat yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Mandat politik selama lima tahun untuk BN berkuasa dengan majoriti dua per tiga itu diperoleh menerusi pilihan raya umum ke-10 pada 29 November 1999. Mandat itu sepatutnya berakhir pada akhir 2004. Jika mahu, Datuk Seri Abdullah boleh menunggu hingga tempoh itu untuk mendapatkan mandat beliau sendiri daripada rakyat. Akan tetapi, jelas sejak mula lagi selepas menjadi Perdana Menteri, beliau tidak bercadang untuk berbuat demikian. Beliau memang berhasrat untuk mengadakan pilihan raya umum ke-11 seberapa segera yang boleh kerana beliau tidak mahu berkuasa dengan mandat yang dipinjam daripada orang lain.

Suasana politik juga sesuai untuk mengadakan pilihan raya. Beliau mewarisi negara dan kerajaan yang baik daripada Tun Dr. Mahathir. Kepimpinan beliau sebagai pengganti juga diterima baik. Persoalannya, cuma bila. Selain itu, beliau juga memerlukan sedikit masa untuk meyakinkan rakyat bahawa beliau ialah seorang insan yang layak memimpin mereka. Beliau juga memerlukan sedikit masa untuk menerangkan agenda kerjanya sebagai Perdana Menteri dan mengapa mereka perlu memberi mandat besar kepada beliau pada pilihan raya umum yang bakal beliau adakan itu. Datuk Seri Abdullah tidak mahu rakyat memilih beliau semata-mata kerana mereka mahu menge-nang jasa Tun Dr. Mahathir. Lantaran itu, hanya setelah beliau benar-benar yakin bahawa pernyataan hasratnya selepas tiga bulan pertama sebagai Perdana Menteri diterima oleh rakyat, barulah beliau secara serius memikir-

kan untuk membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan.

Selain itu, beliau juga ingin memastikan pilihan raya umum itu diadakan ketika ekonomi berada dalam keadaan yang baik. Setelah beliau berpuas hati bahawa semua keadaan menguntungkan BN, barulah beliau membuat keputusan untuk mengadakan pilihan raya. Hal ini kerana tidak seperti di Amerika Syarikat, di mana tarikh-tarikh pilihan raya empat tahun sekali bagi presiden ditetapkan setiap 2 November. Akan tetapi, di Malaysia keadaannya tidak begitu. Kuasa mutlak untuk membubarkan Parlimen di tangan Perdana Menteri, setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini bermakna manapun Perdana Menteri akan hanya mengadakan pilihan raya setelah segala iklim menguntungkan partinya.

Memang bodohlah mereka sekiranya tidak berbuat demikian kerana ada yang berhujah bahawa pilihan raya umum di negara ini merupakan pertarungan berat sebelah yang menguntungkan parti memerintah. Akan tetapi, jawapan kepada dakwaan itu ialah parti-parti pembangkang itu sendiri kerap kali gagal untuk mempersiapkan diri secara kolektif untuk bertanding dengan BN. Jadi, jika BN tidak mempunyai pencabar politik yang setanding seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak, keadaan itu bukan salah BN, tetapi salah parti-parti pembangkang itu sendiri kerana gagal untuk membentuk satu barisan yang berwibawa sama seperti BN.

Pada mulanya, ramalan dibuat bahawa Datuk Seri Abdullah akan mengadakan pilihan raya pada Disember 2003, tidak lama selepas Hari Raya Aidilfitri. Ternyata ramalan itu meleset. Kemudian ramalan dibuat lagi bahawa beliau dijangka memilih Februari, selepas tahun baru Cina untuk mengadakan pilihan raya umum. Namun, ramalan itu juga salah. Selepas itu, Mac diandaikan oleh pelbagai pihak. Malah ada media yang kini berani meramalkan bahawa Datuk Seri Abdullah akan membubarkan Parlimen pada 5 Mac 2004. Inilah tarikh yang diramalkan oleh *Utusan Malaysia*. Malah ada yang berpendapat, tarikh 5 Mac menjadi pilihan Perdana Menteri kerana angka 5 mempunyai signifikan tersendiri kepada Datuk Seri Abdullah.

Menurut kalangan ini, Datuk Seri Abdullah ialah Perdana Menteri Malaysia yang ke-5; sewaktu beliau mengangkat sumpah pada 31 Oktober 2003, hari itu adalah hari ke-5 bulan Ramadan; pejabat Perdana Menteri di bangunan Putra Perdana di Putrajaya juga terletak di tingkat 5. Manakala 5 Mac juga

dipilih untuk melambangkan rukun Islam mempunyai 5 perkara dan bahawa umat Islam juga diwajibkan bersembahyang 5 kali sehari. Lebih daripada itu, ada yang membayangkan mungkin 5 Mac dipilih kerana ia merupakan tarikh yang dilihat oleh Datuk Seri Abdullah dalam sembahyang istiqarahnya. Terbukti dalam menentukan tarikh pembubaran Parlimen, Datuk Seri Abdullah mempunyai pertimbangan dan rasional yang tersendiri yang tidak dinyatakan oleh beliau. Tarikh yang dipilih untuk membubarkan Parlimen ialah pada 4 Mac 2004, sehari lebih awal daripada yang diramalkan oleh media arus perdana. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kemudian menetapkan 13 Mac sebagai Hari Pencalonan dan 21 Mac sebagai hari mengundi.

## RAKYAT BERSAMA SAYA

Seperti yang dijangka, Datuk Seri Abdullah melepas ujian paling besar dalam kehidupan politiknya dengan cemerlang. Pada jam 12.50 pagi pada 22 Mac 2004, BN diisyiharkan memenangi 110 kerusi Parlimen bagi menuhunkan kerajaan dengan majoriti mudah. Pada jam 1.45 pagi pula, kerusi yang dimenangi meningkat kepada 146 bagi membolehkan BN membentuk kerajaan dengan majoriti dua per tiga. Selepas semua undi dikira pada 22 Mac 2004, BN memenangi 198 daripada 219 kerusi yang ditandingi pada peringkat Parlimen. Pada 23 Jun 2004, jumlah itu menjadi 199 apabila mahkamah Tinggi Kota Bharu membatalkan kemenangan calon PAS dan mengisyiharkan calon BN sebagai pemenang kerusi Parlimen Pasir Putih. Baki 20 lagi kerusi dimenangi oleh parti-parti pembangkang. Sebanyak 12 kerusi dimenangi oleh DAP; 6 oleh Pas; Keadilan, satu kerusi dan satu kerusi bebas. Di peringkat Parlimen, BN menyapu bersih kerusi Parlimen di Perlis (3), Selangor (22), Terengganu (8), Pahang (14), Negeri Sembilan (8), Melaka (5) dan Johor (26). Kerusi BN yang lain ialah Kedah 14 (daripada 15), Kelantan 9 (daripada 14), Pulau Pinang 8 (daripada 13), Wilayah Persekutuan 7 (daripada 11), di Sabah 24 (daripada 25), 27 daripada 28 di Sarawak. Di kalangan pengundi Melayu pula, UMNO memenangi 109 daripada 117 kerusi yang ditandinginya pada peringkat Parlimen. Manakala bagi kerusi DUN, UMNO menang 300 daripada 337 kerusi. Dibandingkan dengan PAS, UMNO mengembalikan kedudukannya sebagai parti yang mewakili orang

Melayu. PAS cuma memenangi 6 daripada 84 kerusi parlimen yang ditan-  
dingi, manakala di peringkat DUN pula PAS menang 36 daripada 265 kerusi.  
Jelas bahawa dengan 109 kerusi itu, UMNO boleh membentuk kerajaan  
sendirian dengan majoriti mudah, jika mahu.

Pada peringkat negeri pula, BN kini memiliki 452 orang Ahli Dewan  
Undangan Negeri. Ia juga berjaya menawan semula Terengganu dengan me-  
menangi 28 daripada 32 kerusi DUN dan menyapu kesemua lapan kerusi  
Parlimen. BN hampir-hampir membentuk kerajaan di Kelantan. BN mem-  
enangi 21 kerusi, manakala PAS sekadar cukup makan untuk membentuk  
kerajaan majoriti mudah dengan memenangi 24 kerusi. Di Perlis, BN mem-  
enangi 14 daripada 15 kerusi negeri yang ditandingi. Di Kedah, BN turut  
menebus maruahnya dengan mendapat 31 daripada 36 kerusi. Di Pulau  
Pinang, BN menguasai 37 daripada 40 kerusi negeri. Di Perak, BN mem-  
enangi 52 kerusi negeri daripada 59 yang ditandingi. Begitu juga di Pahang,  
BN menang 41 daripada 42 kerusi yang ditandingi. Di Selangor pula, pem-  
bangkang tinggal dua kerusi saja; selebihnya 54 kerusi berada dalam  
genggaman erat BN. Melaka juga mencatat kemenangan hampir mutlak  
apabila BN memperoleh 26 daripada 28 kerusi negeri. Dua lagi dimenangi  
oleh DAP. Di Johor, kecuali satu kerusi negeri yang dimiliki oleh PAS tanpa  
bertanding akibat kesilapan calon BN mengisi borang, supremasi UMNO  
tidak dapat ditandingi oleh pembangkang. Di Sabah juga, BN menang besar  
kecuali satu kerusi Dewan Negeri yang dimiliki oleh calon bebas, yang juga  
bekas seorang pemimpin UMNO, John Ghani. Parti Keadilan yang bersama  
PAS membentuk Barisan Alternatif (BA) juga kalah teruk di seluruh negara.  
Lebih daripada itu, tokoh-tokoh utama PAS, termasuk presidennya, Datuk  
Hadi Awang bukan saja kehilangan jawatan Menteri Besar Terengganu tetapi  
kehilangan kerusi Parlimen menyebabkan beliau tidak lagi menjadi Ketua  
Pembangkang. Timbalan Presiden PAS, Hassan Shukri juga kalah. Tiga naib  
presidennya, Datuk Hassan Ali, Datuk Mustapha Ali turut kecundang.  
Malah Ketua Penerangan PAS yang dianggap berkarakteristik iaitu, Datuk  
Harun Din gagal dalam cubaan untuk merampas kerusi Parlimen Arau  
dan kerusi Dewan Undangan Negeri Tambung Tulang. Manakala Setiausaha  
Agung PAS, Nasharuddin Mat Isa yang bertanding di Besut, juga turut kalah.

Tidak syak lagi pelbagai faktor boleh diketengahkan untuk menerangkan  
kejayaan besar BN di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah ini. Di kalang-

an sesetengah pemerhati, faktor Datuk Seri Abdullah itu sendiri atau apa yang secara popular dipanggil Faktor Badawi atau Faktor Pak Lah memainkan peranan yang instrumental dalam memacu kemenangan luar biasa BN. Ini termasuk pelbagai pembaharuan yang ingin beliau perkenalkan dalam sektor awam; pemilihan calon dan manifesto serta pendekatan dan strategi berbeza Datuk Seri Abdullah sewaktu berkempen.

Faktor Pak Lah ini dikaitkan dengan hakikat bahawa dalam tempoh yang singkat menggantikan Tun Dr. Mahathir, beliau terbukti berjaya membina imej dan merintis jalannya sendiri sebagai ketua kerajaan. Keperibadian dan kepimpinannya yang tidak begitu menonjol sebelum mengambil alih jawatan itu pada 31 Oktober 2003, bertukar sebaliknya. Ramai yang tidak percaya, Datuk Seri Abdullah dalam tempoh yang amat pendek berupaya membina imej yang memukau imaginasi. Kehadirannya sebagai Perdana Menteri disambut popular. Ramalan beliau akan teraba-raba mencari haluan untuk menerajui Malaysia, tidak menjadi kenyataan. Malah bagi BN, keperibadian dan kepimpinan Datuk Seri Abdullah pada pilihan raya umum ke-11 ini menjadi satu *selling point* yang dijual dengan baik kepada pengundi, walaupun setelah memang Datuk Seri Abdullah sendiri menganggap kemenangan itu bukan kejayaan beliau berseorangan. Berucap kepada 650 orang Yang Berhormat (YB) BN pada satu majlis makan malam pada 4 April beliau bertanya, "Siapalah Pak Lah kalau dia berseorangan? Beliau menganggap kemenangan itu ialah kemenangan bersama semua YB BN. Kata beliau, "tanpa anda, saya tiada apa-apa. Kita bersama-sama memberi khidmat yang cemerlang kepada rakyat. Sebab itu mereka memberi kita mandat ini."

Walau apa pun pandangan Datuk Seri Abdullah, tetapi semasa kempen pilihan raya berlangsung di sana sini, iklan-iklan tentang diri beliau dan falsafah yang beliau anuti digunakan secara meluas. Dalam akhbar-akhbar, falsafah dan perjuangan beliau digunakan secara meluas untuk memancing pengundi. Iklan-iklan itu menggambarkan beliau sebagai seorang pemimpin yang budiman, berakhhlak mulia, bersahsiah tinggi, sentiasa mencari hidayah daripada Penciptanya, Allah S.W.T, dekat dengan rakyat, sedia menabur bakti dan khidmat kepada rakyat, seorang pemimpin yang warak, pemimpin yang boleh dipertanggungjawabkan untuk masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, pemimpin yang senantiasa prihatin dan mengambil berat tentang massa. Seruan beliau supaya rakyat "bekerja bersama beliau"

dihebahkan secara berkesan. Projek Islam hadharinya diterima. Janji beliau untuk berkongsi kuasa dan berkongsi kemakmuran dijadikan slogan. Ketegasan beliau memerangi rasuah dan keazamannya untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, juga diketengahkan. Beliau telah memberi harapan baru kepada rakyat negara ini.

Tidak syak lagi rasa senang rakyat terhadap pembawaan Perdana Menteri ke-5 ini, turut membantu pengundi memberi kemenangan besar kepada BN. Malah, strategi beliau berkempen yang menumpukan kepada kejayaan dasar-dasar kerajaan sejak merdeka dan menerangkan program-program yang ingin dilaksanakan selepas ini, menyedarkan suhu berkempen. Keengganan beliau mengikut rentak pemimpin pembangkang menyerang peribadi para pemimpin BN sewaktu berkempen, mendapat sanjungan pengundi. Pembangkang sendiri ada kala kehilangan haluan berkempen. Ini menjadikan keseluruhan suasana kempen tidak sepanas seperti pilihan raya umum sebelum ini. Sepanjang kempen lapan hari ini, kemuliaan peribadinya terserlah sebagai sesuatu yang bukan dibuat-buat. Keputusan di tempat lain juga menggambarkan trend yang sama. Selain dipengaruhi oleh isu tempatan, yang ada kaitan dengan pembangunan, perkhidmatan dan keakraban calon-calon BN dengan rakyat, faktor Datuk Seri Abdullah dikatakan telah mewujudkan satu suasana yang menyenangkan politik peringkat akar umbi pada pilihan raya kali ini.

Malah, bagi Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaacob kemenangan besar BN kali ini disebabkan oleh 99.9 peratus faktor Pak Lah. Tulisan-tulisan oleh beberapa orang wartawan juga menggambarkan pandangan yang sama. Ketua Pengarang Kumpulan NST, Datuk Kalimullah Hassan dalam analisis awalnya yang disiarkan dalam *New Straits Times* sehari selepas pengiraan undi selesai berpendapat, pada perhitungan terakhir pilihan raya umum 2004 memberi kesempatan kepada pengundi untuk memilih antara Datuk Seri Abdullah atau Datuk Seri Hadi bagi menerajui Malaysia. Menurut beliau, "Hadi menggambarkan apa yang boleh ditawarkan oleh pembangkang. Beliau memulakan kempen dengan menyerang peribadi Datuk Seri Abdullah. Beliau dan konco-konconya juga menghentam Datuk Seri Abdullah dan keluarganya. Mereka menjanjikan syurga kepada mereka yang mengundi mereka. Selain itu, mereka dengan marah membela siapa juga yang tidak menyokong mereka, melabelkan mereka korup, kroni dan kafir."

Menurut Datuk Kalimullah lagi, Datuk Seri Abdullah pula "seorang yang lembut tutur bahasanya, merendah diri walaupun dia orang yang paling berkuasa di negara ini, berkempen bagi kesederhanaan, mendakap semua rakyat tanpa mengira kaum atau agama dan tidak pernah bersikap peribadi. Akhirnya, pengundi mengundi untuk Malaysia. *Mr Nice Guy* kini diberi peluang untuk menunaikan janji-janjinya. Beliau meminta mandat yang besar dan rakyat memberikannya." Bagi Datuk Kalimullah, sifat-sifat yang mulia dan ikhlas Datuk Seri Abdullah itulah yang telah memberi kemenangan besar kepada BN.

Penganalisis politik akhbar *The Star*, Joceline Tan turut mengemukakan pandangan yang sama. Dalam tulisan berjudul *Barisan Rides High on the Pak Lah Phenomenon*, beliau menyatakan, gaya Perdana Menteri yang tidak berkonfrontasi, pendekatan beliau terhadap agama dan kebaikan hatinya yang semula jadi terhadap orang biasa, telah membawa hasil. Tidak dapat disangkal bahawa beliau adalah ikhlas dalam inisiatif yang diambil tentang rasuah, urus tadbir yang baik, akauntabiliti dan berkhidmat untuk rakyat. Beliau juga telah berjaya di kawasan-kawasan Melayu yang hilang pengaruhnya pada tahun 1999 dan kemenangan Terengganu merupakan satu petanda penting bahawa orang Melayu khususnya, menerima gaya dan politik serta pentadbirannya. Inilah fenomena Pak Lah. Tidak ada cara lain yang menggambarkannya." (*The Star*, 22 Mac 2004, halaman 6).

Penulis Suhami Aznam, dalam tulisannya berjudul *A Clear Backing for Pak Lah's Style* berpendapat, pada pilihan raya kali ini, Datuk Seri Abdullah adalah *selling point* sebenar BN. Tulisan beliau tentang keputusan pilihan raya ini ialah "pengesahan terhadap urus tadbir sederhana Datuk Seri Abdullah. Ini adalah pilihan raya beliau yang pertama sebagai Perdana Menteri setelah empat bulan 21 hari menyandang jawatan, dalam mana beliau kena membuktikan berupaya untuk mendapatkan mandat. Kerana itu, calon-calon tidak penting kali ini. *Selling point* BN ialah Abdullah. Sesungguhnya Abdullah sudah membuktikan bahawa perang beliau terhadap rasuah, akauntabiliti sektor awam dan peralihan daripada projek-projek mega kepada projek berasaskan pertanian di luar bandar, telah diterima baik oleh setiap masyarakat pengundi Malaysia dan sokongan itu telah diterjemahkan dalam bentuk undi." (*The Star*, 22 Mac 2004, halaman 7).

Malek Munip, seorang intelektual Melayu dan sejarawan tersohor, dalam

tulisannya berjudul *Kepimpinan beradab faktor kemenangan BN* berkata, kejayaan besar UMNO itu ialah undi percaya rakyat terhadap usaha UMNO yang dipelopori oleh Datuk Seri Abdullah untuk memperbaiki masalah kredibiliti parti dari segi adab dan moral. Malek menanggap dalam pembangunan moral, *track record* UMNO tidaklah secemerlang rekod pembangunannya yang menjadi sumber kebanggaan semua pihak. Menurut beliau, "Hanya dalam aspek adab dan moral UMNO mempunyai sedikit masalah kredibiliti. Selagi tiada berlakunya krisis, orang Melayu sanggup tutup sebelah mata kepada kepincangan itu. Malangnya krisis ekonomi dan politik yang melanda negara pada 1997-1999 telah memberi fokus baru kepada kelemahan itu. Secara kebetulan, kempen media antarabangsa ketika itu telah meletakkan isu moral iaitu rasuah, kronisme dan nepotisme sebagai punca kegawatan ekonomi dan ini telah menyemarakkan lagi kesangsian orang Melayu terhadap UMNO. Kredibiliti UMNO pula semakin parah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil kesempatan untuk menyambut tuduhan asing itu dan melancarkan reformasinya. Orang Melayu tidak lagi dapat membezakan kekurangan peribadi sesetengah ahli UMNO dengan perjuangan keramat parti itu." Menurut beliau lagi, pembangkang telah berjaya mempamerkan kepincangan moral sesetengah ahli UMNO sebagai kelemahan keseluruhan perjuangan UMNO. Ini telah membuatkan segala keresahan orang Melayu yang sudah lama terpendam meletup. Cara paling efektif untuk mereka salurkan kemarahan itu adalah dengan mengundi Pas pada Pilihan Raya Umum 1999.

Walau bagaimanapun, kekalahan itu telah menyebabkan UMNO menilai dirinya. Kehadiran Datuk Seri Abdullah pula, kata Malek, telah memperlihatkan "kesungguhan UMNO untuk membanteras masalah politik wang yang telah ditangani dengan penubuhan Lembaga Disiplin UMNO yang bertanggungjawab untuk menyiasat segala aduan tentang rasuah dalam UMNO dan menghukum mereka yang bersalah. Ketegasan Datuk Seri Abdullah dalam menjalankan tugas ini telah terbukti pada pilihan raya peringkat bahagian UMNO pada tahun 2001. Semua ini memainkan peranan untuk memulihkan sokongan terhadap UMNO. Akan tetapi, faktor paling penting yang membuatkan orang Melayu kembali kepada UMNO ialah kenaikan pangkat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO." Malek, yang pernah menjadi pensyarah seja-

rah di Universiti Malaya sebelum menjadi Ahli Parlimen Muar dan Ketua UMNO Bahagian Muar di Johor, berpendapat Datuk Seri Abdullah ialah satu-satunya pemimpin UMNO yang mempunyai kredibiliti menangani masalah apa yang beliau panggil sebagai kedaifan moral di kalangan orang Melayu yang terpancar dalam peningkatan kes bunuh, rogol dan haruan makan anak. Kata beliau: "Oleh itu, kenaikan Pak Lah dengan latar belakang agamanya memang tepat pada waktunya. Kredibiliti moral dan integriti Pak Lah tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa dan disokong pula oleh *track record* beliau. Sejak menjadi ahli Parlimen pada tahun 1978 sehingga sekarang, beliau tidak pernah berkompromi dengan prinsip dan integritinya, walaupun terpaksa mengalami kekalahan dalam mempertahankan jawatan Naib Presiden pada 1993. Prestij moral dan agama Pak Lah yang sebegini rupa sehingga ia memberi kesan positif kepada UMNO secara keseluruhannya. Tambahan pula, penekanan beliau tentang betapa pentingnya integriti, moral dan sifat amanah telah diterjemahkan oleh dasar dan institusi yang beliau perkenalkan." Malek Munip lalu membuat rumusan berikut, "Dalam kehidupan nasional Pak Lah telah memperkenalkan satu revolusi etika, terutamanya dari segi pertanggungjawaban dalam memegang amanah rakyat. Penekanan beliau terhadap golongan yang tersisih dalam aspek ekonomi, politik dan sosial serta pemilihan wakil rakyat daripada segenap lapisan masyarakat bermakna pembangunan negara akan menjadi lebih komprehensif, adil dan saksama. Pak Lah telah menjemput semua golongan untuk turut terbabit dalam ibadat besar ini. Sekali gus, Pak Lah telah meleraikan kesangsian orang Melayu terhadap kredibiliti moral UMNO dan meredakan kemarahan mereka. Hakikat ini telah dicerminkan oleh keputusan pilihan raya 2004."

Datuk Nakhiae Ahmad, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pula mengaitkan kemenangan besar BN pada pilihan raya umum 2004 sebagai kegagalan Islam politik yang ditunjangi oleh PAS dan kebangkitan Islam Hadhari yang dipelopori oleh Datuk Seri Abdullah. Menurut beliau, "Dengan pendekatan perjuangan Islam Hadhari, perjuangan menegakkan kembali Islam dilakukan secara lebih bijaksana dan Islam itu sendiri dilihat daripada perspektif ketamadunan. Islam tidak lagi dilihat hanya dari aspek ritual, hukum dan akidah semata-mata. Islam ialah sistem kehidupan yang menyeluruh untuk kesejahteraan manusia di dunia dan

akhirat. Islam tidak hanya dilihat sebagai agama untuk orang Islam sahaja. Ia dilihat sebagai sistem yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Ia turut membawa rahmat kepada orang bukan Islam. Pendekatan Islam Hadhari yang didukung oleh pemerintah, dilihat lebih sesuai dengan masyarakat majmuk di Malaysia dan turut disokong oleh semua parti komponen BN, apabila program pembangunan Islam Hadhari itu diterima sebagai sebahagian daripada manifesto dalam pilihan raya lalu."

Sesetengah pemerhati politik berpendapat, selain sentuhan Datuk Seri Abdullah, terdapat beberapa faktor lain yang membantu kemenangan besar itu. Ini termasuklah perubahan landskap politik dalam tempoh lima tahun sejak pilihan raya umum 1999. Tidak kurang juga yang mengaitkannya dengan rekod dan prestasi BN yang memerintah negara ini sejak merdeka tanpa henti. Ada juga yang beranggapan kegagalan pembangkang menganyam satu barisan yang benar-benar berwibawa untuk menandingi BN sebagai punca BN menang mudah dan besar. Selain itu, persempadanan semula kawasan pilihan raya, sokongan media arus perdana dan pemilihan waktu pilihan raya itu diadakan turut memberi kelebihan kepada BN.

## 1999-2004: PERUBAHAN LANDSKAP POLITIK

Antara pilihan raya umum tahun 1999 sehingga berlangsungnya pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac 2004, landskap politik negara boleh dikatakan mengalami perubahan 360 darjah. Pada akhir tahun 1999, kemarahan kelas pertengahan terhadap BN amnya dan Tun Dr. Mahathir Mohamad masih memuncak. Sekalipun ketangkasan beliau menyelamatkan ekonomi negara daripada muflis akibat serangan penyangak mata wang antarabangsa melalui kawalan modal dan tambatan ringgit mendapat sanjungan meluas, tetapi cara beliau menangani isu pemecatan timbalannya, Datuk Seri Anwar tidak disenangi. Di kalangan orang Melayu, bekas Perdana Menteri didendam oleh sesetengah pihak, terutama penyokong Datuk Seri Anwar. Mereka mendakwa tindakan Tun Dr. Mahathir memecat Datuk Seri Anwar, atas kesalahan rasuah dan homoseksual, didorong oleh kebimbangan Tun Dr. Mahathir terhadap cabaran politik bekas timbalannya itu. Bagi mereka, yang sepatutnya dipecat daripada parti dan kerajaan bukannya Datuk Seri Anwar

tetapi Tun Dr. Mahathir. Mereka mahu menggunakan pilihan raya umum 1999 itu untuk menjatuhkan Tun Dr. Mahathir. Jika BN perlu dikalahkan, itulah tindakan yang perlu diambil.

Dalam senario itu, BN mengharungi pilihan raya umum tahun 1999 dalam keadaan yang tempang. Kemarahan terhadap Tun Dr. Mahathir dan simpati yang meluap-luap terhadap nasib yang dialami oleh Datuk Seri Anwar, terutama selepas mata beliau lebam ditumbuk oleh Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Nor sewaktu dalam tanahan polis di Bukit Aman, menjadi isu yang emosional pada pilihan raya tahun 1999 itu. Walaupun pengundi bukan Melayu teguh di belakang BN sebagai tanda terima kasih kerana mengambil langkah yang drastik untuk memulihkan ekonomi negara, namun pengundi Melayu berpecah sokongan terhadap parti yang memerintah. Keputusan pilihan raya itu sudah pun dimaklumi umum. BN menang dengan majoriti dua pertiga, tetapi UMNO mengalami kemerosotan undi popular yang dramatik di kawasan yang majoriti pengundinya terdiri daripada orang Melayu. Terengganu pula jatuh ke tangan PAS. Selepas empat tahun dua bulan berlalu, isu Datuk Seri Anwar boleh dikatakan hampir terpadam. Tun Dr. Mahathir sendiri tidak lagi memimpin negara. Malah, ketiadaan beliau telah mendorong penyertaan semula sebilangan pemimpin dan ahli Keadilan ke dalam UMNO menjelang pilihan raya ke-11 itu, yang secara bijak digunakan oleh BN untuk menggambarkan seterus politiknya kini hampir lumpuh.

Namun di kalangan sesetengah ahli akademik, dengan meneliti keputusan pilihan raya umum tahun 1999, mereka membangkitkan satu persoalan yang tiada kaitan dengan dendam pengundi terhadap Tun Dr. Mahathir atau rasa simpati membuka pengundi terhadap Datuk Seri Anwar. Bagi mereka, di sebalik angka-angka keputusan pilihan raya itu, terdapat satu persoalan iaitu apakah fenomena pelarian pengundi itu kekal terpaht dalam budaya politik Malaysia atau sekadar satu keadaan sementara semata-mata. Berdasarkan keputusan pilihan raya ke-10 itu, telah muncul politik baru di Malaysia seperti yang dibayangkan oleh buku *New Politics in Malaysia* terbitan ISEAS Singapura yang disunting bersama oleh Francis Lok Kok Wah dan Johan Sawavanamuthu. Maksud politik baru itu ialah pada pilihan raya umum tahun 1999, muncul pengundi kelas menengah yang agak besar saiznya dan sokongan mereka tidak boleh dianggap sudah pasti menyokong

*establishement* seperti pada masa silam. Pengundi kelas menengah ini lebih bebas minda mereka. Mereka tidak bergantung kepada kerajaan untuk kehidupan. Lebih daripada itu, mereka berpegang kepada nilai-nilai yang lebih sejagat. Mereka berbicara tentang ketelusan, hak asasi manusia, urus tadbir korporat yang baik dan kebertanggungjawaban. Mereka lebih terdidik dan mempunyai rezeki yang tidak bergantung pada kerajaan iaitu hasil dasar-dasar kerajaan itu sendiri. Akan tetapi, mereka tidak berasa terhutang budi dengan apa yang telah dibuat oleh kerajaan kerana bagi mereka apa yang mereka terima itu memang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakannya.

Berikut itu, andaian bahawa BN boleh terus memenangi sokongan mereka hanya dengan seruan supaya rakyat negara ini bersyukur dan berterima kasih dengan keamanan, kemakmuran dan kestabilan yang mereka nikmati, sudah tidak memadai untuk menjamin kemenangan seperti pada masa-masa silam. Lalu, rumusan dibuat oleh para pengkaji akademik bahawa pascapilihan raya umum tahun 1999, BN amnya, UMNO khususnya, tidak lagi boleh mengharapkan kemenangan dengan sekadar menggembarkan kegemilangan masa silam. BN dan UMNO mesti menampilkan dirinya sebagai parti yang berwibawa untuk hari ini dan esok—satu hal yang nam-paknya jelas difahami oleh Datuk Seri Abdullah dalam menghadapi pilihan raya ke-11 yang lalu. Pengundi bukan Melayu pula tidak boleh ditakut-takutkan dengan hasrat PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam yang menjadikan bukan Islam sebagai warga kelas dua Malaysia. Lantaran itu, beliau memulakan langkah untuk membina konsensus baru di kalangan pengundi Melayu, yang diasaskan bukan sekadar kepada mengulang-ulang kejayaan silam, tetapi kepada masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Apa yang ingin dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah itu jelas terbayang dalam manifesto, pemilihan calon dan pendekatan berkempen sepanjang lapan hari menjelang hari pengundian pada 21 Mac 2004.

## PEMILIHAN CALON

Selaku pengurus BN, tiga tugas utama Datuk Seri Abdullah sebelum mengadakan pilihan raya umum pada 21 Mac 2004 ialah pertama, menyelesaikan

pengagihan kerusi di kalangan 14 buah parti komponen BN; kedua, memutuskan calon-calon yang bertanding dan ketiga, menyediakan manifesto parti. Pengagihan kerusi menjadi isu kerana pada pilihan raya ke-10 itu, berlaku persempadanan kawasan pilihan raya. Proses persempadanan itu mewujudkan 26 kerusi baru Parlimen yang menjadikan jumlah kepada 219 berbanding 193 pada pilihan raya umum tahun 1999. Kerusi Dewan Undangan Negeri pula bertambah menjadi 505 (tidak termasuk DUN Sarawak). Lazimnya, pengagihan kerusi ini merupakan perkara sensitif dan kerana itu ia tidak dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN. Sebaliknya, para pemimpin komponen menyerahkannya kepada Datuk Seri Abdullah untuk membuat keputusan muktamad dan mereka akan akur dengan keputusan beliau. Pengagihan kerusi ini bagaimanapun berjaya diselesaikan dengan baik dan memuaskan setiap pihak.

Tugas kedua yang lebih rumit ialah pemilihan calon yang bertanding, baik kerusi Parlimen atau Dewan Negeri. Objektif Datuk Seri Abdullah di sini ialah menyediakan satu barisan yang boleh diterima oleh para pengundi dan menepati agenda kerja yang telah beliau gariskan selama empat bulan sebagai Perdana Menteri. Beliau sendiri telah menyenaraikan beberapa kriteria dalam menentukan calon yang hendak berdepan dengan 10.4 juta pemilih itu. Menyedari bahawa faktor calon memainkan peranan penting untuk mempengaruhi pengundi, Datuk Seri Abdullah mengarahkan parti-parti komponen dan pengurus-pengurus BN negeri memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus muka baru diperkenalkan dalam senarai mereka.

Calon-calon itu hendaklah terdiri daripada mereka yang bersih dalam erti kata mereka tidak mempunyai rekod rasuah, jenayah dan skandal peribadi. Menurut beliau, kriteria lain seperti personaliti, penerimaan dan kerajinan calon akan dijadikan faktor kedua. Selain itu, Datuk Seri Abdullah juga meminta parti-parti komponen berusaha keras untuk memberi tempat kepada sebanyak mungkin calon yang berusia sekitar 30-an dan 40-an untuk mencerminkan peranan lebih besar generasi muda dalam hal ehwal negara. Beliau juga memberitahu, seboleh-bolehnya penyandang jawatan, baik di peringkat Parlimen atau Negeri, yang sudah tiga penggal menjadi Yang Berhormat, tidak lagi dicalonkan kali ini. Mereka yang tewas pada pilihan raya lalu juga tidak wajar dipertimbangkan. Datuk Seri Abdullah juga mahu mereka yang mempunyai masalah hutang, kemungkinan diisyiharkan muflis atau tidak

menjelaskan cukai pendapatan diketepikan daripada dipertimbangkan menjadi calon. Kata beliau di Kepala Batas pada 29 Februari 2004, "Kita akan teliti masalah yang boleh timbul kemudian atau menyebabkan calon dibatalkan pencalonan mereka daripada bertanding seperti yang muflis, gagal membayar hutang dan sebagainya."

Lantaran itu, proses menyediakan senarai akhir memakan masa yang agak lama untuk dimuktamadkan. Ia dimulakan dengan meminta ketua-ketua parti komponen BN dan pengurus-pengurus BN negeri iaitu para menteri besar dan ketua menteri, mengemukakan senarai calon masing-masing mulai awal Mac 2004. Seorang demi seorang menteri besar, ketua menteri, ketua-ketua parti komponen dipanggil ke pejabat Perdana Menteri untuk urusan ini. Dalam menyediakan senarai itu, pelbagai spekulasi dibuat oleh pelbagai pihak tentang siapa muka baru yang akan diperkenalkan, siapa anggota veteran yang secara sukarela minta digugurkan, siapa yang masih ingin bertanding tetapi digugurkan dan siapa orang lama yang akan mendapat tempat semula. Melainkan Johor dan Pahang, senarai muktamad diumumkan secara berperingkat-peringkat mulai 8 Mac 2004. Parti-parti komponen nampaknya lebih mudah menyelesaikan masalah calon ini. UMNO mengambil masa yang agak lama. Johor dan Pahang merupakan dua negeri terakhir yang mengumumkan barisan mereka pada 11 Mac 2004. Malah, senarai Johor berlaku perubahan pada saat-saat akhir. Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman yang sudah ditetapkan bertanding di kerusi Parlimen pada saat-saat akhir bertanding di kerusi negeri; manakala Datuk Khaled Nordin yang disebut-sebut sebagai pengganti Datuk Abdul Ghani Othman, bertanding di Parlimen. Perubahan ini dibuat katanya atas campur tangan Sultan Johor sendiri yang mahukan Datuk Abdul Ghani Othman kekal sebagai Menteri Besar selepas pilihan raya itu.

Di Kelantan pula, para penyokong Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu Datuk Zaid Ibrahim yang disenaraikan bertanding di kerusi negeri, meminta beliau bertanding di kerusi Parlimen Kota Bharu. Permintaan itu juga diperintuh oleh Datuk Seri Abdullah pada saat-saat akhir kerana gambaran diberikan bahawa akar umbi UMNO bahagian itu tidak dapat menerima Datuk Razak Nordin, bekas Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai calon Parlimen Kota Bharu. Para penyokong Datuk Zaid dikatakan membantah keputusan meletakkan beliau di kerusi negeri. Datuk

Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis yang juga ditetapkan berpindah ke kerusi Parlimen, bertanding di kerusi negeri. Di kalangan menteri besar, hanya Tan Sri Isa Samad yang akhirnya benar-benar bertanding di Parlimen. Datuk Abdul Ghani, Datuk Seri Shahidan dan Datuk Seri Mohd Khir Toyo, Menteri Besar Selangor, yang turut diramalkan oleh *Utusan Malaysia*, bertanding di Parlimen, kekal mempertahankan kerusi negeri masing-masing.

Bercakap di Perlis pada 10 Mac, tiga hari sebelum hari penamaan calon, Datuk Seri Abdullah mengakui bahawa memuktamadkan senarai calon yang betul adalah tugas yang paling rumit bagi beliau menjelang pilihan raya ke-11 ini. Beliau turut berasa tertekan. Kata beliau, "Tidak mudah untuk memilih calon. Yang ini tidak betul, yang itu pula tidak sesuai. Apabila saya ingin berbuat sesuatu, ada pula berkata, itu tak betul. Nampaknya tidak ada apa yang betul." Malah, setelah senarai akhir calon diputuskan, ada antara mereka yang digugurkan, datang berjumpa beliau merayu dimasukkan semula. Rayuan-rayuan itu bagaimanapun tidak dilayan. Dalam banyak kerumitan Datuk Seri Abdullah ialah memuktamadkan calon-calon UMNO. Senarai parti-parti komponen BN diserahkan sepenuhnya kepada ketua-ketua parti berkenaan. Sekiranya calon yang dicadangkan tidak ada masalah, Datuk Seri Abdullah memberikan persetujuannya. Malah cadangan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu untuk menggugurkan timbalannya, Datuk S. Subramaniam sebagai calon Parlimen Segamat, dipersetujui oleh Datuk Seri Abdullah.

Walau bagaimanapun, apabila calon-calon BN yang pergi ke pusat-pusat penamaan calon pada 13 Mac, semua setuju bahawa mereka memperlihatkan kesungguhan Datuk Seri Abdullah memperbaharui UMNO. Di kalangan calon BN, secara keseluruhannya 40 peratus terdiri daripada muka-muka baru. Jika diteliti mengikut negeri, ada negeri yang memperkenalkan sehingga 60 peratus calon baru seperti yang dibuat oleh Terengganu. Johor pula, 50 peratus calonnya terdiri daripada muka baru. Sebahagian besar muka baru itu pula terdiri daripada orang muda mewakili pelbagai latar belakang seperti profesional, ahli akademik, pegawai kanan kerajaan dan ulama.

Malah UMNO turut memberi ruang kepada tokoh pelbagai bidang yang sudah menggilap nama masing-masing untuk mewakili parti itu. Bekas imam besar Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail, pendakwah wanita terkenal, Dr.

Mashitah Ibrahim; ilmuan agama ternama, Datuk Hamid Zainal Abidin dan Profesor Dr. Amran Kasimin, diperkenalkan untuk memperbaharui UMNO. Dr. Mashitah bertanding di Parlimen Baling, Datuk Hamid di Parlimen Parit Buntar manakala Dr. Amran Kasimin pula di DUN Bangi. Malah mereka yang sudah berusia juga turut dicalonkan bertanding seperti Datuk Zainuddin Maidin, 65 tahun, bekas Timbalan Menteri Penerangan, manakala Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Shamsudin Aziz pula bertanding di kerusi Parlimen Shah Alam, di Selangor. Di Kedah pula, tokoh-tokoh UMNO yang dicantas oleh Datuk Seri Sanusi Junid daripada menjadi calon pada pilihan raya umum tahun 1999, tetapi diyakini oleh Datuk Seri Abdullah boleh membantu kemenangan UMNO pada pilihan raya umum ke-11, diletakkan menjadi calon. Mereka termasuklah Datuk Abdul Rahman Ibrahim yang bertanding dan menang bagi kerusi Parlimen Pokok Sena; Datuk Dr. Affifudin Omar di DUN Kuala Nerang. Datuk Abdul Rahman ialah antara 22 orang ADUN yang membantah cadangan untuk melantik Datuk Seri Sanusi Junid menjadi Menteri Besar Kedah. Akibatnya mereka bukan saja tidak diberi tempat bertanding pada pilihan raya umum tahun 1999, tetapi kedudukan mereka dalam UMNO pada peringkat bahagian juga turut digugurkan. Pada pilihan raya umum ke-11 ini juga, Datuk Seri Abdullah memberinya dua kesempatan kepada beberapa orang anggota *Team B* yang terencat kerjaya politik mereka sebagai Yang Berhormat kerana digugurkan oleh Tun Dr. Mahathir pada pilihan raya umum tahun 1990. Datuk Sharir Samad, yang dipecat oleh Tun Dr. Mahathir bersama-sama dengan Datuk Seri Abdullah selepas pemilihan UMNO tahun 1987, kembali bertanding kerusi Parlimen di Johor Bharu. Datuk Radzi Sheikh Ahmad pula bertanding di Kangar. Secara keseluruhannya, calon-calon BN di seluruh negara, seperti yang diamati oleh Pengurus Akademi Belia Negara, Datuk Saifuddin Abdullah, menepati selepas pengundian kelas menengah yang semakin bertambah. Datuk Seri Abdullah telah menempatkan barisan yang tepat. Ia turut menggandangkan golongan veteran, generasi muda, golongan profesional, dan golongan ulama. Hasilnya, barisan beliau diberi sokongan cemerlang oleh pengundi.

## MANIFESTO—LAMBANG AGENDA KERJA

Manifesto BN untuk pilihan raya umum ke-11 diumumkan oleh Datuk Seri Abdullah, sehari selepas penamaan calon pada 14 Mac 2004, jam 2.30 petang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pengumuman itu disiarkan secara langsung oleh TV1 dan TV3. Tema manifesto setebal 19 muka surat itu ialah BN Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Kata-kata Cemerlang, Gemilang dan Terbilang itu memang sering bermain di bibir Datuk Seri Abdullah sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Pertama kali ia dilafazkan ialah di Dewan Rakyat pada 3 November 2003, sewaktu beliau membentangkan usul terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada ucapannya itu, beliau antara lain merakamkan penghargaan terhadap Tun Dr. Mahathir kerana telah mewariskan kepadanya sebuah Malaysia yang berjaya, maju, aman dan makmur. Beliau berazam untuk mengurus kejayaan itu dan menjadikan Malaysia lebih cemerlang, gemilang dan terbilang—satu ungkapan yang kemudian beliau ulang dalam ucapan-ucapan utama beliau. Para pemimpin lain kemudian turut sama menyebut ungkapan itu sebagai perjuangan mereka.

Kandungan manifesto itu pula merupakan lambang agenda kerja dan pernyataan hasrat empat bulan pertama Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri. Manifesto BN itu dimulakan dengan mukadimah bahawa BN ialah sebuah parti untuk semua dan BN menyokong rakyat. Manifesto juga menyatakan bahawa BN komited terhadap demokrasi berparlimen yang memberi peluang kepada setiap warganegara bersuara dalam pentadbiran negara ini; dan BN melindungi kepentingan semua warganegara Malaysia. Selepas itu, ia menggariskan agenda-agenda utama BN sekiranya diberi peluang oleh rakyat untuk meneruskan pemerintahan negara ini. Agenda-agenda itu meliputi ekonomi, pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai etika, undang-undang dan keselamatan, perkhidmatan awam serta dasar luar. Di bawah setiap satu tajuk itu, manifesto itu menggariskan rekod yang dicapai oleh BN sejak memerintah negara, diikuti dengan rancangannya untuk meneruskan pembangunan negara dalam pelbagai bidang itu. Manifesto itu disudahi dengan ikrar BN kepada warganegara Malaysia untuk menjadikan negara ini lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dari segi ekonomi, manifesto itu menyenaraikan petunjuk-petunjuk kejayaan ekonomi di bawah BN. Antaranya, kadar pertumbuhan ekonomi 5.2 peratus bagi 2003 melebihi jangkaan dengan kadar inflasi yang rendah; keyakinan sektor korporat dan pengguna yang tinggi seperti yang ditunjukkan peningkatan pelaburan dan permintaan tempatan; peningkatan yang ketara dalam pendapatan bulanan isi rumah daripada RM1,167 pada tahun 1990 kepada RM3,011 pada tahun 2002; peningkatan rizab antarabangsa yang kini mencapai RM184 bilion; prasarana yang moden dan tenaga kerja yang lebih berkemahiran tinggi. Untuk pembangunan ekonomi masa depan, manifesto itu menjanjikan tekad BN untuk terus "menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk mencapai Wawasan 2020 dan meningkatkan daya saing serta daya tahan ekonomi negara." Selain itu, BN juga bertekad untuk mewujudkan suasana mesra perniagaan serta mempelopori sumber kekayaan dan pendapatan baru dalam bidang pertanian, bioteknologi dan perkhidmatan kewangan Islam.

Dalam manifesto itu, BN juga berikrar untuk meneruskan pembangunan seimbang yang telah dipelopori dalam membangunkan Malaysia. Mengakui bahawa BN memahami kerumitan membangunkan Malaysia kerana kesukaran-kesukaran sejarahnya, tetapi di bawah pemerintahannya, negara telah mencapai kemajuan-kemajuan seperti berjaya mengurangkan kemiskinan daripada 17 peratus kepada lima peratus pada tahun 1990; membina lebih banyak rumah kos rendah dan menyediakan pinjaman perumahan serta perumahan percuma kepada yang memerlukan; mempertingkatkan peruntukan perbelanjaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan asas di kawasan luar bandar. Dalam usaha untuk memastikan pembangunan sosio ekonomi yang seimbang masih berterusan, BN bertekad untuk membasmi kemiskinan sepenuhnya dan merapatkan jurang pendapatan; memastikan pembangunan wilayah yang seimbang di negeri-negeri di seluruh Malaysia; mempertingkatkan jumlah dan kualiti rumah kos rendah dan perkhidmatan kesihatannya; mempertingkatkan program sosial untuk menolong kumpulan yang tercincir seperti orang Asli, golongan kurang upaya dan warga tua; memperbaiki suasana kerja untuk meningkatkan pembabitan wanita dalam ekonomi dan meningkatkan langkah-langkah untuk melindungi warisan, budaya dan alam sekitar.

Dari segi pendidikan, manifesto BN mengakui bahawa "kejayaan masa depan bergantung pada pengetahuan dan kemampuan generasi muda kita"

dan "untuk menjadi sebuah masyarakat berilmu, kita perlu memberi tumpuan kepada membaiki kualiti pendidikan." Manifesto itu juga menyenaraikan kejayaan yang telah dicapai. Antaranya, pembiayaan untuk sektor pendidikan terus menjadi komponen terbesar dalam perbelanjaan negara; kini terdapat 7 515 sekolah rendah, 1902 sekolah menengah, 18 buah universiti dan kolej, serta 16 buah politeknik; bantuan kewangan diberi kepada pelajar miskin bagi setiap peringkat pendidikan; terdapat peningkatan besar bagi pelajar Tingkatan 5 menamatkan pengajian mereka, daripada 65 peratus pada tahun 1988 kepada 80 peratus pada tahun 2000; kadar pendaftaran bagi prasekolah dan universiti juga bertambah dua kali ganda sejak 1990. Dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan meningkatkan kualiti pendidikan pada masa depan pula, BN bertekad untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang di semua peringkat prasekolah dan pengajian; meningkatkan mutu pengajaran bagi kemahiran komunikasi termasuk bahasa Inggeris, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir secara kritis; menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama melalui peningkatan kualiti, termasuk pengajaran bahasa ibunda yang lebih baik di samping memelihara kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sedia ada; mengukuhkan integrasi pelajar bagi menyuburkan lagi perpaduan negara; memperbaiki suasana kerja bagi tenaga pengajar dan meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi untuk melahirkan graduan yang berkualiber.

Dalam bidang agama, BN mengiktiraf bahawa "kebebasan dan toleransi beragama adalah asas perpaduan rakyat Malaysia. Biarpun Islam ialah agama rasmi negara ini, rakyat bebas mengamalkan dan mempercayai agama lain sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM300 juta setahun bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan Islam dengan membangunkan beberapa institusi Islam seperti Bank Islam, Lembaga Tabung Haji serta Universiti Islam Antarabangsa. Justeru, BN akan meningkatkan lagi pemahaman dan amalan agama Islam. BN bertekad untuk membina Islam Hadhari yang progresif dan moden; memperbaiki pelaksanaan undang-undang syariah dalam negara dan memastikan wanita Islam dapat menikmati sistem perundungan yang adil dan saksama; meningkatkan pendidikan Islam dengan memperbaiki sukanan pelajaran pendidikan Islam di semua peringkat, termasuk mensyaratkan pelajar beragama Islam mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dan khatam

al- Quran semasa di sekolah rendah; menggalakkan perkhidmatan kewangan Islam yang berdaya saing di persada antarabangsa; meningkatkan kebajikan imam dan pegawai agama; memastikan urusan jemaah haji dilakukan dengan cekap serta memastikan kos mengerjakan haji dikawal pada paras yang munasabah.

Menerusi manifesto pilihan raya umum ke-11 itu, BN menzahirkan keazaman yang tinggi terhadap pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai etika. Katanya, di bawah pemerintahan kerajaan BN, rakyat menikmati hasil pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat dan terancang, rakyat juga menikmati infrastruktur kelas pertama yang setaraf dengan negara lain. Dalam usaha untuk meningkatkan pemikiran kelas pertama di kalangan rakyat, BN bertekad untuk meneruskan usaha untuk membudayakan semangat menolak rasuah; memperkenalkan satu kod etika dan integriti untuk sektor awam dan swasta, parti-parti politik serta masyarakat umum; serta memupuk nilai-nilai akhlak yang tinggi, berkeyakinan diri serta keberanian untuk menghadapi cabaran di kalangan belia dan remaja melalui Latihan Khidmat Negara, Rakan Muda dan program khidmat masyarakat yang lain; memperbaiki sikap pemandu untuk mengurangkan kemalangan dan kamatian di jalan raya; menyemai semangat untuk menghargai dan memelihara alam sekitar serta memupuk masyarakat yang lebih terbuka dan aktif dalam pembangunan negara.

Berkaitan undang-undang dan keselamatan awam pula, manifesto BN menyatakan "Malaysia diiktiraf sebagai negara yang aman dan damai. Barisan Nasional akan terus mentadbir mengikut sistem demokrasi berdasarkan undang-undang. Untuk itu, tekad BN ialah memelihara keluhuran undang-undang untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan; menjamin kebebasan badan kehakiman dan menyediakan prasarana moden untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran keadilan; mempertahankan sempadan negara daripada sebarang ancaman atau pencerobohan; meningkatkan tahap keselamatan peribadi dan setiap individu; meningkatkan kecekapan dan kewibawaan pasukan polis melalui penubuhan Suruhanjaya Khas tentang pasukan polis; meningkatkan kepekaan jantina pasukan polis dan menjaga kebajikan setiap anggota pasukan keselamatan.

Perkhidmatan Awam merupakan satu lagi tajuk yang disentuh oleh Manifesto BN. Ia mengakui "Perkhidmatan Awam Malaysia melakar pelbagai

kejayaan dan terus berusaha untuk meningkatkan kecekapan. Pengkomputeran telah mengurangkan tempoh menunggu bagi banyak proses. Beberapa kaedah bersama telah diperbaiki seperti pembayaran bil, dan memperbaharui lesen di pejabat-pejabat pos, di samping permohonan pasport dan kad pengenalan. Barisan Nasional akan meneruskan usaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam menerusi perkongsian bijak untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat. Tindakan-tindakan berikut dijanjikan iaitu meningkatkan kecekapan dan tahap kemudahan di semua agensi barisan hadapan; menyusun semula pejabat-pejabat tanah, daerah dan kerajaan tempatan; memperbaiki keprihatinan terhadap teguran dan saranan yang disuarakan oleh masyarakat; melaksanakan sistem e-kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan kegunaan teknologi maklumat; meningkatkan tahap kesejahteraan dan prestasi kakitangan awam dengan memperbaiki suasana pekerjaan, peluang kerjaya dan pembangunan sumber manusia.

Dalam bidang dasar luar negara, Manifesto BN turut mengakui bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang disegani masyarakat antarabangsa sebagai peneraju dunia membangun. BN berazam memastikan Malaysia tetap berperanan dalam isu-isu antarabangsa dengan ikrar untuk mengekalkan hubungan damai dengan semua negara tanpa mengira taraf ekonomi, ideologi atau sistem politik; mengambil pendekatan yang bebas, berkecuali dan berprinsip dalam hal-hal diplomatik serantau serta antarabangsa; membentuk hubungan dan kerjasama ekonomi yang erat dengan semua negara terutama rakan Asean dan serantau; memajukan keamanan dan kestabilan serantau menerusi program pembangunan keupayaan dan langkah penyelesaian konflik; memainkan peranan berpengaruh selaku Pengerusi Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); terbabit secara aktif dan bermakna dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama dalam usaha menamatkan ketidakadilan, kezaliman dan mendaulatkan undang-undang antarabangsa serta mengutarakan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang bertolak ansur dan progresif.

Manifesto BN itu diakhiri dengan kenyataan, "Kami dalam Barisan Nasional ingin merakamkan kesyukuran dan penghargaan kepada semua warga negara di atas sokongan dan mandat yang diberi kepada kami untuk memimpin negara yang kita cintai. Atas kesedaran dan keinsafan ini, kami dalam Barisan Nasional berikrar dan berjanji bahawa sesungguhnya kami: Berazam

mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara, menjunjung prinsip-prinsip Rukun Negara, demi menjamin kestabilan negara dan keutuhan perpaduan rakyat, untuk terus hidup dalam suasana harmoni, aman dan damai; berazam untuk terus membangunkan negara, menerusi perancangan, strategi dan pelaksanaan dasar-dasar yang boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat di semua peringkat, sesuai dengan matlamat Wawasan 2020; berazam untuk memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman, ekstremisme serta sebarang bentuk keganasan demi menjamin kesejahteraan masa depan agama, bangsa dan negara; berazam untuk meningkatkan martabat bangsa dan negara agar dihormati dan dicontohi di pentas dunia menerusi pencapaian kemajuan serta kemampuan menghadapi setiap cabaran di era globalisasi. Berlandaskan keazaman ini, kami akan meyakinkan rakyat melalui teladan dan bukti nyata agar rakyat terus bersama kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai hasrat dan aspirasi murni negara.”

Pengundi menerima baik manifesto BN itu. Mereka memberi mandat besar kepada BN di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah untuk terus menerajui negara bagi tempoh lima tahun akan datang. Sekarang terserahlah kepada BN untuk melaksanakan segala apa yang telah dijanjikan. Lima tahun lagi, ia akan kembali menyerahkan kuasa kepada rakyat untuk membuat penghakiman mereka pula. Tidak dapat dinafikan bahawa Manifesto BN yang disifatkan oleh Profesor Khoo Kay Kim sebagai “hampir sempurna” (dalam temu bual dengan *Edisi 7*, NTV7 pada 14 Mac 2004) apabila dibandingkan dengan manifesto yang dikemukakan oleh parti-parti pembangkang, membantu BN untuk mendapat kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum ke-11, pada 21 Mac 2004 itu.

## PENDEKATAN DAN STRATEGI KEMPEN

Sebaik saja membubarkan Parlimen pada 4 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah dalam lawatan ke negeri-negeri untuk melancarkan jentera-jentera BN, beberapa kali menyatakan keyakinan bahawa kerajaan pimpinannya akan kembali berkuasa pada malam 21 Mac atau paling lewat pada pagi 22 Mac dengan mandat yang lebih besar berbanding yang diperoleh pada tahun 1999. Keyakinan yang dizahirkan ini tentulah berasas. Sebagai Menteri Hal-Ehwal

Dalam Negeri, beliau tentulah mempunyai maklumat risikan tentang populariti kerajaan pimpinannya yang berusia 4 bulan sewaktu Parlimen dibubarkan. Ini dipersetujui oleh para pemerhati politik. Hakikat bahawa BN akan kembali berkuasa dengan majoriti dua pertiga pada 22 Mac tidak pernah dipertikaikan. Persoalannya, cuma bolehkah Datuk Seri Abdullah memperbaiki rekod politik yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir. Ini bermakna, menumbangkan PAS di Kelantan dan Terengganu; mengekalkan majoriti dua per tiga di Dewan Undangan Negeri Kedah; serta menawan semula kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri yang ditawan oleh PAS dan Keadilan pada pilihan raya tahun 1999 di Pahang, Perak dan Selangor.

Menyedari harapan itu, Datuk Seri Abdullah telah bekerja keras mengunjungi negeri-negeri itu untuk meyakinkan pengundi supaya mereka memangkah BN. Selain mengadakan ceramah, bertemu dengan pekerja-pekerja parti di beberapa negeri, beliau turut mengambil beberapa pendekatan yang belum pernah digunakan oleh BN sebelum ini. Kalau strategi itu pernah digunakan, ia diperbaiki lagi supaya tidak nampak seperti propaganda murahan sehingga menimbulkan kebencian pengundi. Ini termasuklah menulis surat peribadi kepada pemilih merayu mereka keluar mengundi pada 21 Mac 2004 dan menerangkan kepada mereka mengapa mereka mesti memilih BN. Laporan *New Straits Times* mengatakan, 500 ribu surat rayuan peribadi itu telah dihantar dengan pos terus ke rumah-rumah pengundi yang berada di luar kawasan mereka mengundi. Dalam surat yang bertarikh 13 Mac 2004, menggunakan alamat kediaman rasminya di Putrajaya iaitu No 2, Lebuh Perdana Selatan, Presint 16, 62502 Putrajaya, Datuk Seri Abdullah, menulis:

"Dengan sokongan padu rakyat Malaysia, saya berjanji melaksanakan tanggungjawab secara amanah, jujur, cekap dan adil. Saya amat insaf bahawa tanggungjawab seseorang pemimpin bukan saja dinilai oleh rakyat tetapi lebih daripada itu, oleh Allah S.W.T. Jika gagal memenuhi tanggungjawab tersebut, maka ia akan menjadi tanggungan yang amat berat buat saya di akhirat kelak."

Dengan kesedaran itulah, saya berazam memastikan kerajaan terus melipatgandakan usaha secara bersungguh bukan sekadar mempertahankan rekod cemerlang yang telah dicipta oleh kerajaan Barisan Nasional, malahan untuk terus membawa warga dan negara ini ke tahap

pencapaian lebih gemilang. Keharmonian hidup rakyat serta kestabilan dan kemakmuran negara akan terus dicapai melalui amalan perkongsi-an kuasa, kesungguhan meningkatkan ketelusan dan kecekapan per-khidmatan awam serta usaha-usaha pembangunan tanpa mengetepikan mana-mana pihak.

Pada 21 Mac ini, bersamalah kita menunaikan tanggungjawab untuk menentukan masa depan warga dan negara. Hak mengundi merupakan satu keistimewaan yang hanya diberikan oleh kerajaan yang menjunjung prinsip demokrasi dan menghargai suara rakyat. Gunakanlah hak tersebut secara bijaksana. Keluarlah mengundi kerana setiap undi adalah satu suara warganegara Malaysia. Semakin ramai yang mengundi, semakin bergemilah suara rakyat dan semakin kedengaran tuntutan dan denyutan nadi rakyat.

Saya difahamkan saudara berdaftar sebagai pengundi di luar kawasan kediaman. Dalam melaksanakan tanggungjawab seorang pengundi, saudara mungkin perlu melakukan perjalanan lebih jauh yang akan melibatkan perbelanjaan yang lebih. Namun percayalah, masa yang digunakan dan wang yang dibelanjakan merupakan pelaburan penting—adalah suatu pengorbanan untuk memenuhi satu tanggungjawab sosial dan menjawab satu tuntutan fardu kifayah terhadap bumi dan negara merdeka.

Pesan saya, berhati-hatilah dalam perjalanan. Saya berdoa agar saudara selamat sampai ke kawasan mengundi dan selamat kembali ke rumah masing-masing.

“Saya menghargai undi saudara. Saya menghormati apa juga pilihan yang dilakukan.

Bersama kita membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang, insya-Allah.”

Selamat mengundi.

Salam hormat.

Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau turut berkempen menerusi radio, yang jarang diberi perhatian sebelum ini. Tiga stesen radio ASTRO yang popular iaitu stesen radio berbahasa Melayu, Era; stesen radio berbahasa Inggeris, MixFM dan stesen radio

berbahasa Cina, MY.FM. Beliau muncul setengah jam setiap siaran pada 15 Mac 2004, mulai jam 7.45 pagi. Pemilihan stesen-stesen ini membayangkan bahawa Datuk Seri Abdullah ingin sampai ke sasaran audiens yang tidak ditembusi oleh stesen radio kerajaan yang diuruskan oleh Kementerian Penetrangan. Sasaran audiens itu ialah generasi muda, kelas menengah, dan golongan profesional yang ramai mendengar stesen-stesen radio swasta itu.

Selain radio, Datuk Seri Abdullah turut muncul dalam media elektronik seperti TV3 dan ntv7 boleh dikatakan setiap malam, ada antaranya secara eksklusif. Semua temu ramah itu kemudian dimuatkan secara meluas oleh akhbar-akhbar arus perdana pada keesokannya. Dari segi menembusi audiens, tidak dapat dinafikan bahawa kelebihan Datuk Seri Abdullah, selaku Perdana Menteri, mempunyai akses yang tidak terbatas. Malah di stesen radio dan televisyen kerajaan, akses beliau adalah mutlak. Para pemimpin pembangkang tidak mempunyai akses itu, meskipun ada, lebih berupaya liputan yang menggambarkan mereka dalam bentuk yang negatif. Datuk Seri Abdullah menggunakan kelebihan-kelebihan ini dengan bijaksana untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan, dan agenda kerja beliau sebagai Perdana Menteri. Malah beliau bersedia menerima panggilan telefon sewaktu di temu ramah oleh stesen-stesen radio. Antara lain beliau turut melayan soalan berbentuk peribadi yang menggambarkan keterbukaan dan ketulusan diri beliau. Tanpa segan silu, beliau memberitahu beliau berasa malu memotong orang lain di jalan raya dengan bantuan polis pengiringnya tetapi terpaksa berbuat demikian kerana tugasnya memerlukan beliau bergerak pantas dari satu tempat ke satu tempat. Beliau juga memberitahu penonton, minuman kegemarannya ialah kopi kampung.

## **IKLAN KEPERIBADIAN DAN KEPIMPINAN ABDULLAH**

Strategi kempen Datuk Seri Abdullah dan BN turut dilakukan melalui iklan yang dipasang pada *bill board* pada tempat-tempat strategik di sepanjang lebuh raya utara-selatan atau jalan-jalan utama di bandar-bandar besar di negara ini. Seperti pilihan raya umum 1999, iklan-iklan dalam media arus perdana diteruskan, tetapi dibuat dengan cara yang halus supaya pembaca

tidak berasa tersinggung atau menghina kebijaksanaan mereka. Iklan-iklan ini dibuat dalam empat bentuk. Ia juga bukan sekadar paparan kejayaan pembangunan kerajaan dalam bentuk sisipan yang diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan Persekutuan. Iklan-iklan itu, ada yang satu halaman atau suku halaman, turut menonjolkan ketokohan beliau sebagai seorang pemimpin dan Perdana Menteri yang mempunyai agenda kerja yang tersendiri. Iklan BN itu turut mendedahkan kepura-puraan perjuangan parti-parti pembangkang dari segi prinsip, bukan peribadi. BN juga menyiarkan iklan daripada individu dalam masyarakat yang mengaitkan BN dengan kemakmuran, keamanan, kestabilan, perpaduan, keyakinan pelabur, masa depan, kebebasan, hak wanita, hak beragama dan sebagainya. Iklan-iklan ini mula disiarkan sehari selepas penamaan calon selesai iaitu pada 14 Mac 2004.

Salah satu iklan itu menampilkan Datuk Seri Abdullah sedang mengangkat tangan kepada orang ramai yang turut mengangkat tangan balik kepada beliau. Tertulis pada iklan dalam *Berita Minggu*, halaman tiga itu ialah kata-kata, "Saya tidak bersendirian. Parti dan rakyat bersama-sama saya." Di bawah halaman itu, tertera lambang BN—Sokonglah parti yang menyokong anda ke arah Malaysia yang CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

Pada halaman lima akhbar yang sama, terdapat iklan dengan tiga gambar Datuk Seri Abdullah iaitu gambar pertama, beliau sedang mencium tangan bondanya, Allahyarham Datuk Khailan Hassan sehari selepas beliau dilantik menjadi Perdana Menteri; gambar kedua, pula Datuk Seri Abdullah tunduk mendengar wanita UMNO sedang berbicara dengannya; manakala gambar ketiga, Datuk Seri Abdullah membongkokkan diri mendengar apa yang diperkatakan oleh sebilangan orang kampung yang sedang duduk dikerusi. Ketiga-tiga gambar itu diletakkan berlatarbelakangkan sawah padi yang sudah masak. Tertulis pada iklan itu ialah "ikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi."

Dalam iklan di *Utusan Malaysia* pada 15 Mac, disiarkan pula gambar Datuk Seri Abdullah pada satu perhimpunan bulanan di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan pegawai-pegawai lain dan diiringi dengan kata-kata: "Kita yang memegang amanah rakyat mesti beramanah." Pada 20 Mac 2004, *Berita Harian* memuatkan iklan Datuk Seri Abdullah berpesan

untuk kesekian kalinya, "Bekerja bersama saya, bukan untuk saya." Akhbar yang sama pada hari yang sama turut menyiarkan iklan di muka 5 yang menyiarkan pandangan empat orang yang menggambarkan Datuk Seri Abdullah sebagai "pemimpin yang memahami keperluan rakyat." Orang pertama, seorang wanita menyatakan Perdana Menteri sebagai "pemimpin yang sentiasa berusaha menjadikan hidup orang macam kita lebih baik." Pandangan kedua oleh seorang lelaki menganggap Datuk Seri Abdullah sebagai "pemimpin yang berusaha memberikan perkhidmatan awam yang lebih baik." Pandangan ketiga dan keempat pula oleh seorang wanita dan lelaki yang masing-masing melihat Datuk Seri Abdullah sebagai "selalu menegaskan bahawa peranan kerajaan adalah untuk memenuhi kehendak rakyat" dan Perdana Menteri, "pemimpin yang turun padang." Di bawah iklan yang ditaja oleh Suara Hati Malaysia, Sahabat BN terselit pula pesanan: "Kami menyokong pemimpin yang menyokong kami. Undi kami satu lagi suara untuk pemimpin kita." Pada 20 Mac 2004 itu, turut diiklankan dalam satu muka di akhbar-akhbar arus perdana ucapan selamat mengundi oleh Datuk Seri Abdullah dengan sebuah sajak yang berjudul *Kisah Satu Undi*.

Satu undi kitalah  
yang akan memberi peluang  
kepada kita untuk merasai  
kenikmatan kemenangan.

Nasib kita di tangan kita ...  
Tiada siapa yang akan mengubahnya,  
Kecuali kita sendiri yang melaksanakannya.

Keluarlah mengundi  
Untuk menentukan arah tuju  
Masa depan kita

Selamat Mengundi

Ikhlas daripada  
Abdullah Ahmad Badawi

Pada *papan iklan* di tempat-tempat strategik di sepanjang lebuh raya dan jalan utama di bandar-bandar pula terdapat iklan-iklan gambar Datuk Seri Abdullah dalam pelbagai wajah dengan rakyat yang menyeru, Sokonglah Pemimpin Budiman; Pemimpin Ulil Amri.

## IKLAN PRESTASI DAN REKOD BN

Iklan jenis ini, baik di akhbar atau *bill board*, memaparkan kejayaan kerajaan BN membawa pembangunan di negara ini. Iklan seperti ini pertama muncul dalam media arus perdana pada 13 Mac 2004, seperti yang terdapat dalam *Berita Harian* di halaman 5. Iklan satu muka dengan tiga keping gambar sebuah keluarga bahagia, gambar rakyat sedang membeli buah dan gambar orang ramai di depan kompleks beli-belah Lot 10, di Jalan Bukit Bintang bertajuk: *Alangkah Bertuahnya Kita, Hujan Emas di Negeri Sendiri*. Iklan ini menggambarkan kejayaan ekonomi negara sejak merdeka. Di bawah tiga keping gambar itu dicatatkan, "Peningkatan 258 peratus. Ini merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah daripada RM1,670 (tahun 1990) kepada RM3,011 (tahun 2002). Dengan huruf kecil dimuatkan pula kenyataan: Kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2003 meningkat sebanyak 5.2 peratus. Kadar inflasi rendah. Peningkatan rizab antarabangsa turut meningkat kepada RM184 bilion. Kadar kemiskinan berjaya dikurangkan daripada 17 peratus kepada 5 peratus sejak tahun 1990. Pendapatan bulanan isi rumah juga telah meningkat sebanyak 258 peratus dalam tempoh 12 tahun. Malah pelbagai usaha bagi mewujudkan pertumbuhan dan pembangunan yang seimbang untuk kesejahteraan setiap lapisan masyarakat dilakukan. Segala-galanya telah tersedia. Kita dan generasi kita dapat merasai nikmat kebaikannya dan kita akan senantiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi kesejahteraan ini. UNDILAH BARISAN NASIONAL UNTUK MASA DEPAN YANG MAJU, AMAN DAN MAKMUR. KE ARAH MALAYSIA CEMERLANG, GEMILANG DAN TEBILANG." (*Berita Harian*, 13 Mac 2004, halaman 5). Di samping itu, iklan satu halaman dalam *Berita Harian*, 20 Mac 2004 pula menyamakan mengundi untuk Barisan Nasional sama seperti mengundi untuk Malaysia.

Di bawah siri iklan, *Alangkah bertuahnya kita, hujan emas di negeri sendiri*, BN turut membandingkan harga dua produk pengguna iaitu harga

petrol dan sebiji burger yang dijual di negara ini dengan empat buah negara lain. Menurut iklan itu, harga sebiji burger MacDonald di Malaysia ialah RM4.80 berbanding RM10.71 di Amerika Syarikat, RM11.13 di Australia, RM7.40 di Singapura dan RM5.41 di Thailand (*Berita Harian*, 17 Mac 2004, halaman 7). Harga satu liter petrol pula ialah RM1.35 di Malaysia berbanding RM5.34 di England, RM3.16 di Singapura, RM2.54 di Australia dan RM1.67 di Thailand (*Utusan Malaysia*, 17 Mac 2004, halaman 12). Di kedua-dua iklan itu tertulis: Kita bertuah. Tetapi adakah kita sedar bahawa kita dapat menikmati segala kemudahan asas pada harga yang berpatut berbanding dengan negara-negara lain? Kita dapat menikmati dan memiliki-nya dengan selesa kerana kos sara hidup yang rendah. Ternyata kuasa beli kita amatlah kukuh. Keadaan ini tidak terjadi begitu sahaja. Ia adalah hasil daripada perancangan, dasar dan polisi yang bijaksana yang sentiasa memastikan kos sara hidup dan kesejahteraan dapat dinikmati semua. Kita dan generasi dapat merasai nikmat kebaikannya dan kita akan senantiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi kesejahteraan ini. UNDILAH BARISON NASIONAL, UNTUK MASA DEPAN YANG MAJU, AMAN DAN MAKMUR. KE ARAH MALAYSIA CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

## IKLAN INDIVIDU MEMUJI BN

Dalam *Mingguan Malaysia* pula terdapat tiga iklan BN pada 14 Mac 2004. Salah satunya memaparkan kata-kata seorang Pengarah Kumpulan Akaun di Ulu Kelang, Selangor yang menyatakan: "Semoga BN terus menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam." Iklan kedua pula menyiarkan gambar Venkaresh Raj, seorang pakar perunding komunikasi di Alor Star, Kedah dengan pendapat: "Pelabur asing amat yakin dengan masa depan Malaysia kerana BN menjamin kestabilan dan kemajuan." Iklan ketiga menyiarkan pandangan seorang eksekutif pentadbir dari Kota Bharu Kelantan, Norazah Abdul Rashid mengapa pemilih wajar memangkah BN: "Menyokong BN seperti menyokong hak wanita." Kenyataan individu terpilih mendokong BN ini ditambah pada hari kedua berkempen. *Utusan Malaysia*, 15 Mac 2004 memaparkan pandangan seorang penterjemah profesional, Lim Koo yang

menyatakan, "BN telah menjamin keselamatan dan keamanan serta memupuk perpaduan. Satu keistimewaan yang amat bernilai dan harus dihargai." Zulkifly Honey, seorang pramugara pesawat, sambil disiarkan gambar beliau memangku anak perempuannya pula menyatakan, "Mengundi BN bermakna mengundi untuk kesejahteraan masa depan anak-anak kita." Penyelenggara stor, Ayoh Anak Habi dari Kuching Sarawak pula berpendapat, "Saya amat menghargai kesungguhan BN ke arah ketelusan dan kecekapan. Ini menunjukkan amanah dan tanggungjawab."

## IKLAN MENYERANG KERJASAMA DAP—PAS

Dalam akhbar *Sunday Star* dan akhbar-akhbar berbahasa Mandarin, BN menyiarkan iklan-iklan yang menyerang kerjasama antara DAP-PAS. Dalam *Sunday Star*, 14 Mac 2004 misalnya, BN memaparkan iklan dengan mesej khusus kepada pengundi bukan Melayu. Sasaran iklan itu ialah DAP. Iklan pertama menyamakan BN dengan keamanan iaitu dulu, sekarang dan masa depan. Satu lagi iklan, juga satu halaman pula menjadikan keengganan Pas untuk mengadakan kongsi raya di Terengganu sebagai "*Proof that Pas has no respect for Tradition. What will they say no to next?*" Iklan itu mengingatkan pengundi, "*Every vote for DAP only weakens Barisan Nasional's Ability to fight Pas. A vote for DAP is a vote for PAS.*" Memangkah BN dalam iklan itu digambarkan sama seperti "*safe guarding your future* (memelihara masa depan anda)." Satu lagi iklan, juga satu halaman mengajukan pertanyaan berikut: *Is DAP still working with PAS?* Ia menyiarkan kenyataan seorang ahli Dewan Undangan Negeri DAP berucap di satu ceramah di Terengganu di mana dia dilaporkan berkata, "*DAP is still working with PAS*" dengan karikatur Presiden Pas, Datuk Seri Hadi Awang menaiki roket DAP sebagai pemandunya dengan Hadi berkata: "*Heehee! It is nice being in the drivers seat.*" Di bawah iklan itu tertulis: "*YOU DECIDE. Every vote for DAP only weakens Barisan Nasional's ability to fight PAS. A vote for DAP is a vote for PAS.*"

Iklan ketiga BN membedil DAP dalam *Sunday Star* pula mendedahkan dakwaan DAP bahawa mereka sudah memutuskan hubungan dengan PAS pada 1999, tetapi bertanya: Mengapa baru sekarang parti itu meminta ahli

dewan negerinya memutuskan hubungan itu. Turut tersiar dalam iklan itu ialah karikatur menggambarkan DAP ialah parti yang lidah bercabang dua—pada waktu pemimpinnya berkata, “*we have cut ties with PAS*” dan dengan nafas yang sama beliau berkata, “*Ay, quit before election ah. Don't worry. After that we can join back.*”

*The Star*, 15 Mac 2004 pula memuatkan dua iklan yang mendedahkan kepura-puraan DAP berkaitan kerjasamanya dengan PAS yang kononnya sudah ditamatkan selepas pilihan raya umum 1999. Iklan di halaman 37 itu memuatkan gambar Lim Kit Siang, diiringi oleh Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa sewaktu beliau menghadiri ulang tahun ke-50 PAS di Alor Star, Kedah, pada 27 Februari 2001. Tertulis dengan huruf besar di atas iklan itu ialah “*Actions speak louder than words.*” Diikuti dengan kenyataan berikut: *DAP says they've cut ties with PAS, but why did DAP National Chairman attend PAS' 50th anniversary celebration?* Mesej jelas yang ingin disampaikan oleh BN di sini ialah: Pertama, “*Every vote for DAP only weakens Barisan Nasional's ability to fight PAS. A vote for DAP is a vote for PAS.*” Kedua, hanya BN yang memelihara masa depan anda.

Akhbar yang sama di halaman 39 pula memuatkan petikan yang membidas Karpal Singh yang pada tahun 1990 secara terbuka mengatakan, PAS hanya boleh menegakkan negara Islam dengan melangkah mayat beliau terlebih dahulu. Akan tetapi, apabila DAP mengadakan kerjasama dengan PAS pada pilihan raya umum 1999, Karpal Singh secara terbuka memohon maaf kepada PAS tentang kenyataannya itu dan seperti biasa menyalahkan media kerana menyalahlaporkan apa yang beliau katakan. Dengan menggunakan kenyataan bercanggah Karpal Singh itu, iklan itu bertanya: *Can you trust DAP?* Sekali lagi iklan itu menyatakan bahawa setiap undi untuk DAP hanya akan melemahkan keupayaan Barisan Nasional untuk memerangi PAS. Satu undi untuk DAP merupakan satu undi untuk PAS.

## TIADA PENCABAR YANG SETANDING

Memang mudah untuk pembangkang menuduh bahawa pilihan raya umum ke-11 ini, sama seperti 10 pilihan raya umum sebelum ini, iaitu pertandingan yang berat sebelah. Sekali lalu, tuduhan itu seolah-olah berasas. Sebagai

parti yang memerintah, BN memang mempunyai beberapa kelebihan berbanding pembangkang. Kelebihan ini bermula dengan tindakan mempersempadankan kawasan pilihan raya. Walaupun dari segi teori, SPR bertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja persempadanan ini, tetapi dalam amalan biasa, kerajaan yang berkuasa turut memberi input yang boleh menguntungkan mereka. Input itu biasanya jarang ditolak oleh SPR. Lantaran itu, setiap kali berlaku persempadanan kawasan pilihan raya, parti pembangkang akan mendakwa ia dibuat dengan tujuan untuk memberi kelebihan kepada parti yang berkuasa iaitu satu proses yang dipanggil *gerrymandering* dalam sains politik. Persempadanan menjelang pilihan raya umum ke-11 ini juga didakwa tidak terkecuali. Satu lagi kelebihan BN ialah dalam menentukan tarikh pilihan raya itu diadakan. Pembangkang mendakwa oleh sebab kuasa membubarkan Parlimen ialah kuasa Perdana Menteri, maka Perdana Menteri hanya akan membubarkan Parlimen pada waktu yang beliau fikir terbaik dari segi ekonomi terutamanya untuk menjamin kemenangan BN. Ini adalah benar. Pilihan raya umum ke-10 diadakan dengan latar belakang pertumbuhan ekonomi melebihi 5 peratus sepanjang tahun 2003; ketika pasaran saham sedang melonjak naik; pada waktu kadar inflasi dan pengangguran rendah; dan pada ketika simpanan antarabangsa berada pada paras yang tinggi. Akan tetapi, itulah kelebihan kerajaan yang diberi oleh Perlembagaan. Jika pembangkang inginkan kelebihan itu, mereka hendaklah menewaskan kerajaan yang sedia ada. Apabila mereka memerintah seperti BN, mereka juga akan menggunakan kelebihan-kelebihan itu untuk keuntungan politik mereka.

Selain itu, pembangkang dan para penyokongnya sering mendakwa bahawa, tidak seperti BN, mereka mempunyai akses yang terbatas dalam penggunaan media untuk menerangkan dasar dan perjuangan mereka. Bukan saja mereka tidak dapat menembusi pengundi menerusi media, liputan yang diberikan oleh media arus perdana terhadap pembangkang juga berat sebelah. Mereka mendakwa, media hanya menyiaran berita-berita negatif tentang pembangkang. Media arus perdana dituduh kerap menggambarkan pembangkang dalam konteks yang negatif, manakala berita-berita parti yang memerintah adalah positif. Akibatnya, pengundi atas pagar akan membuat kesimpulan bahawa pembangkang tidak berwibawa untuk memerintah. Akses terhadap media ini bukan saja dalam bentuk liputan, tetapi juga dalam bentuk iklan. BN kerana mempunyai wang yang lebih banyak, didakwa oleh

pembangkang tiada masalah untuk membeli ruang iklan dalam media arus perdana. Selain itu, pembangkang juga mendakwa bahawa BN dari segi sumber dan jentera juga lebih perkasa daripada pembangkang. Dalam banyak hal, BN turut didukung oleh jentera-jentera kerajaan. Pemimpin BN yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan Perdana Menteri hingga ke bawah, kata mereka secara bebas menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka atas sifat kedudukan rasmi dalam kerajaan, untuk bergerak ke sana ke sini sewaktu berkempen sedangkan pembangkang terpaksa menggunakan perbelanjaan sendiri untuk melakukan kempen mereka. Lantaran itu, parti pembangkang sering merungut bahawa seperti pilihan raya umum sebelum ini, pilihan raya ke-11 ini juga merupakan satu pertandingan yang tidak setanding antara BN dengan parti-parti pembangkang.

Namun, sebelum parti pembangkang pergi lebih jauh untuk membuat tuduhan yang bukan-bukan, para pemimpin dan penyokong mereka patut melihat diri mereka sendiri. Kelebihan yang dinikmati oleh BN itu "bukan salah ibu mengandung," tetapi salah parti-parti pembangkang itu sendiri. Sebagai sebuah pakatan, parti-parti pembangkang gagal mengajukan diri mereka sebagai barisan alternatif yang boleh diundi oleh rakyat untuk mengambil alih pemerintahan negara ini daripada BN. Mereka gagal membentuk satu pakatan pembangkang yang memahami realiti politik negara ini. Parti-parti pembangkang gagal bertapak di Sabah dan Sarawak yang mempunyai 54 kerusi Parlimen. Mereka juga gagal untuk menyiapkan diri mereka bagi mendapatkan kepercayaan pengundi berbilang kaum di Semenanjung. PAS gagal bekerjasama dengan DAP untuk mendapatkan sokongan pengundi bukan Melayu. Pengundi bukan Melayu pula tidak selesa dengan hasrat PAS untuk menegakkan negara Islam. Di kalangan PAS dan Parti Keadilan Rakyat yang kononnya mewakili kepentingan bukan Melayu, juga terdapat perbalahan.

Akibatnya, tidak seperti pilihan raya umum ke-10, parti-parti pembangkang menemui 10.3 juta pengundi pada pilihan raya umum pada 21 Mac 2004 dalam keadaan mereka bersengketa sesama sendiri. Barisan Alternatif yang ditubuhkan untuk menyatukan parti-parti pembangkang pada pilihan raya umum 1999, sudah berkubur. Tiga parti utama yang menginstitusikan BA—PAS, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia, bercerai tidak lama

selepas pilihan raya umum 1999 itu selesai. DAP meninggalkan BA kerana tidak bersetuju dengan rancangan PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam. Parti itu menyatakan ia telah memutuskan segala hubungan dengan parti yang dipimpin oleh Datuk Seri Haji Hadi Awang itu. PAS yang mendapat manfaat besar politik di bawah kerjasama BA menjadi besar kepada selepas berjaya mempertahankan kuasa di Kelantan, menumbangkan BN di Terengganu dan menafikan majoriti dua pertiga di Dewan Negeri Kedah. Parti itu bukan saji memandang rendah terhadap DAP, tetapi juga terhadap Keadilan. Keadilan pula yang sudah bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) untuk menjadi Parti Keadilan Rakyat, tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada PAS dalam pengagihan kerusi dan penempatan calon pada pilihan raya 21 Mac 2004.

Hasrat Keadilan untuk meletakkan Dr. Syed Hussein Ali sebagai calon di kerusi Parlimen Kota Bharu, Kelantan, mendapat bantahan Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat. Beliau menganggap, Dr. Syed Hussein sebagai seorang sosialis dan menyamakan sosialis sebagai adik—beradik dengan komunis dan lantaran itu, perwatakan seperti itu tidak ada tempat di Kelantan. Keadilan jelas tersinggung dengan pandangan itu. Marah dengan DAP kerana terus-menerus menentang hasrat PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam. Datuk Seri Hadi menganggap dua pemimpin kanan DAP iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh sebagai ubat yang sudah luput tempoh penggunaannya. Lantaran itu, mereka gagal mensesuaikan diri dengan politik semasa. Kenyataan Datuk Hadi itu digunakan oleh MCA untuk memberitahu para pengundi supaya menolak Lim Kit Siang dan Karpal Singh dalam pilihan raya umum kali ini. Bekas presiden MCA, Datuk Seri Ling Liang Sik secara sakarstik berkata, "ubat yang sudah luput berbahaya untuk disimpan dalam laci. Ia patut dibuang sahaja."

Dalam keadaan bersengketa itu, parti-parti pembangkang bukan saja gagal mencapai kata sepakat tentang pembahagian kerusi Parlimen dan Negeri, tetapi juga berbalah tentang pendirian bersama untuk berdepan dengan pengundi. Malah persetujuan untuk tidak menentang antara satu sama lain iaitu antara DAP dengan Keadilan hanya dicapai oleh pucuk pimpinan parti masing-masing pada tengah malam menjelang hari penamaan calon pada 13 Mac 2003. Namun begitu, persetujuan itu tidak dipatuhi sepenuhnya. Selepas penamaan calon selesai di 19 kerusi Parlimen dan negeri, DAP serta

Keadilan masing-masing meletakkan calon untuk menentang calon BN. Sebanyak 19 kerusi di mana DAP dan Keadilan berlawan antara satu sama lain. Antaranya ialah 9 di Perak, 4 di Pulau Pinang, 3 di Sabah, 2 di Kedah dan satu di Melaka. Berikutan hal itu, timbul perang mulut terbuka antara Keadilan dengan DAP. Pengarah Pilihan Raya Keadilan, Azmin Ali, mendakwa partinya menunaikan janjinya dengan menarik diri daripada bertanding di Bukit Gelugor dan Ipoh Timur untuk memberi laluan kepada DAP. Akan tetapi, DAP enggan berbuat demikian di kawasan yang sepatutnya ditandingi oleh Keadilan. Lim Kit Siang pula berkata, perlawanan sesama sendiri berlaku kerana pihaknya bingung tentang pembahagian kerusi pada saat-saat akhir. Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock pula berkata, kesepakatan antara DAP dengan Keadilan berkenaan pengagihan kerusi sebenarnya tidak ada.

Tidak seperti pilihan raya umum 1999, pembangkang tidak mempunyai satu manifesto seragam yang diterima secara bersama. Masing-masing mengemukakan manifesto yang tersendiri. Perbalahan mereka pula digunakan dengan baiknya oleh BN untuk menggambarkan ketidakupayaan pembangkang bagi mengambil alih kuasa. Malah BN memberitahu pengundi bahawa, mengundi DAP adalah membuang masa. Ia mengatakan: walaupun DAP secara terbuka sudah menamatkan hubungan dengan PAS, tetapi di belakang tabir, kedua-dua parti masih bekerjasama. Mesej BN kepada pengundi bukan Melayu adalah jelas iaitu mengundi DAP samalah seperti mengundi PAS dan mengundi DAP akan melemahkan keupayaan BN untuk melawan PAS yang ingin memperkenalkan program politik yang tidak menguntungkan pengundi bukan Melayu. Bagi BN, sekiranya keamanan silam, kini dan masa depan ingin dipertahankan, maka para pengundi bukan Melayu hendaklah memangkah BN, bukannya DAP.

Selain itu, dalam menghadapi pilihan raya umum 2004 ini, parti pembangkang sebenarnya sudah ketiadaan isu yang menguntungkan mereka secara bersama seperti pada pilihan raya umum 1999. Ketika itu, kemarahan terhadap cara Datuk Seri Dr. Mahathir memecat Datuk Seri Anwar menjadi isu yang menguntungkan mereka, khususnya PAS. Soal Datuk Seri Anwar, yang sedang menjalani hukuman penjara bagi kesalahan rasuah dan homoseksual di penjara Sungai Buloh, sudah mula dilupakan. Usaha Parti Keadilan untuk menampalkan gambar Datuk Seri Anwar yang kelihatan segak dan terse-

nyum (berbanding mata lebam pada pilihan raya umum 1999) di tempat-tempat yang strategik tiga hari menjelang hari pengundian, juga tidak berkesan. Kini, tarikan terhadap Datuk Seri Anwar sudah tidak ada lagi dan Tun Dr. Mahathir sendiri juga tidak lagi bertanding.

Dalam senario itu, pembangkang memang diduga gagal mempertahankan rekod yang dicapai pada pilihan raya umum 1999 dan jangkaan ini menjadi kenyataan. PAS yang mempunyai 26 kerusi Parlimen pada pilihan raya umum 1999, kini cuma mempunyai enam kerusi Parlimen dalam Parlimen baru ini. Parti itu gagal mempertahankan Terengganu dan hampir tewas di Kelantan. Kecuali di Kedah, Perlis dan Johor, PAS tidak mempunyai wakil di Perak, Selangor, Melaka, Pahang, Sabah dan Negeri Sembilan. Manakala DAP kekal dengan 10 kerusi Parlimen dan kerusi negeri juga berkurangan. Keadilan merekodkan prestasi yang paling teruk kecuali Presidennya, Datin Seri Wan Azizah Ismail yang menang tipis di Permatang Pauh, calon-calonnya yang lain tewas. Ada antara mereka yang hilang wang pertaruhan. Ramalan penganalisis politik berwibawa, Dr. Chandra Muzaffar, satu ketika pernah menjadi Timbalan Presiden Keadilan, bahawa parti itu akan berkubur pada pilihan raya umum 2004, nampaknya menjadi kenyataan. Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin dilupakan dalam politik Malaysia. Kekalahan parti-parti pembangkang ini juga bererti program politik yang mereka kemukakan, baik secara kolektif atau secara berasingan telah ditolak oleh pengundi. Ini termasuk cadangan untuk menghapuskan semua undang-undang yang mereka anggap sebagai opresif dan represif seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Penerbitan dan Percetakan serta Akta Rahsia Rasmi (OSA). Kempen pembangkang, termasuk DAP untuk memulihkan kebebasan badan kehakiman, memperkenalkan pilihan raya untuk memilih senator, juga ditolak. Apa yang digelar oleh Tan Sri Musa Hitam sebagai pengundi pelarian yang memangkah PAS, DAP dan Keadilan pada pilihan raya 21 Mac 2004, kembali semula ke pangkuhan BN yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri baru.

## RUMUSAN

Sebaik saja membubarkan Parlimen pada 4 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah menzahirkan keyakinan bahawa pengundi akan memberi BN yang beliau terajui mandat lebih besar pada pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac 2004. Beliau juga menyatakan bahawa dalam membawa Malaysia untuk menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang, beliau tidak berseorangan. "Rakyat bersama saya," tegas beliau berulang kali sewaktu berkempen. Apa yang beliau nyatakan itu terbukti benar. Menerusi pilihan raya umum 21 Mac 2004 itu, Datuk Seri Abdullah mendapat mandat rakyat yang luar biasa. Mandat itu sekali gus membuktikan bahawa rakyat kini bersama beliau untuk menjayakan agenda kerja beliau seperti yang terkandung dalam manifesto BN. Sehari selepas pilihan raya itu selesai, beliau buat kali kedua mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada jam 4 petang di Istana Negara, Kuala Lumpur. Kali ini beliau menjadi Perdana Menteri dengan mandatnya sendiri untuk tempoh lima tahun sehingga Mac 2009.

## BAB 13

---

### PEMBAHARUAN PASCA PILIHAN RAYA

Selama lapan belas hari selepas Parlimen dibubarkan pada 4 Mac 2004 sehingga pilihan raya umum selesai pada pagi 22 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah berkuasa sebagai Perdana Menteri *caretaker*. Selama 125 hari sebelum itu, beliau berkuasa dengan mandat rakyat yang diwarisi daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Mulai jam 4 petang 22 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah berkuasa dengan mandat yang beliau sendiri peroleh menerusi pilihan raya. Pada petang itu, setelah memaklumkan secara rasmi keputusan pilihan raya umum ke-11 yang baru saja selesai kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur, Datuk Seri Abdullah menerima surat watikah pelantikannya sebagai Perdana Menteri bagi kali kedua. Kali pertama ialah pada petang 31 Oktober 2003. Ini diikuti dengan upacara mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia, disaksikan oleh para pembesar negara yang lain. Hal ini kerana parti politik yang beliau terajui (BN) telah diberi kemenangan besar pada pilihan raya itu. Kepimpinan dan pembaharuan yang beliau bawa selepas empat bulan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr. Mahathir pada 31 Oktober 2003 telah mendapat sokongan rakyat. Selaku Penggerusi BN, beliau menguasai empat per lima jumlah kerusi di Dewan Rakyat. (Lihat Carta 1, 2 dn 3)

CARTA 1

<b>KEDUDUKAN KERUSI PARLIMEN</b>	
<b>PILIHAN RAYA UMUM 2004</b>	
Jumlah kerusi ditandingi	<b>219</b>
BN	<b>199</b>
Pas	<b>6</b>
DAP	<b>12</b>
Keadilan	<b>1</b>
Bebas	<b>1</b>

CARTA 2

**KEDUDUKAN KERUSI DUN PILIHAN RAYA UMUM 2004**

NEGERI	BN	DAP	PAS	BEBAS
1. Perlis	14		1	
2. Kedah	32		2	
3. Kelantan	21		24	
4. Terengganu	28		4	
5. Pulau Pinang	37	1	1	
6. Perak	51	5		
7. Pahang	40	1		
8. Selangor	54	2		
9. Negeri Sembilan	43	2		
10. Melaka	26	2		
11. Johor	55		1	
12. Sabah	59			1
13. Sarawak (pilihan raya negeri hanya diadakan pada 2006)				

### CARTA 3



Beliau juga berjaya memperbaiki undi popular yang diperoleh BN. Angka-angka yang dikeluarkan oleh SPR menunjukkan, BN mendapat 63.82 peratus undi popular berbanding 36.18 peratus yang diterima oleh parti-parti pembangkang. Pada pilihan raya umum 1999, undi popular yang diperoleh BN ialah 56 peratus. Undi popular terbaik pernah dicatatkan oleh BN ialah pada pilihan raya 1995 iaitu 65 peratus. Undi popular yang paling rendah pernah diterima oleh BN ialah sebanyak 52 peratus pada pilihan raya umum 1990 yang diadakan dua tahun selepas UMNO diharamkan akibat perbalahan dalaman yang sengit pada pemilihan parti pada tahun 1987. Jika dibandingkan dengan undi popular yang diterima oleh tiga Perdana Menteri

sebelum beliau apabila pertama kali mereka memimpin parti bagi menghadapi pilihan raya umum, undi popular yang diterima oleh Datuk Seri Abdullah juga merupakan satu rekod baru. Tun Abdul Razak, pada pilihan raya umum pertama sebagai Perdana Menteri pada tahun 1974, mendapat 60.7 peratus undi popular; Tun Hussein Onn pula mendapat 57.2 peratus pada pilihan raya umum 1978, manakala Tun Dr. Mahathir pada pilihan raya umum 1982 mendapat 60.5 peratus undi popular. Walau bagaimanapun, rekod undi popular paling tinggi dalam pilihan raya umum setakat ini masih dipegang oleh Tun Dr. Mahathir iaitu sebanyak 65 peratus yang diperolehi menerusi pilihan raya umum 1995.

Pada pilihan raya ke-11 pada tahun 2004 ini kecuali di Kelantan, BN juga kembali berkuasa di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah. Undi popular yang diterima di peringkat negeri juga cukup membanggakan. Di Johor, angkanya mencecah 77.65 peratus; diikuti oleh Melaka dengan 69.73 peratus, Negeri Sembilan 68.43 peratus; Pahang 65.47 peratus; Selangor 65.06 peratus; Sabah 63.75 peratus; Pulau Pinang 63.15 peratus; Perlis 62.8 peratus; Kedah 59.74 peratus; Perak 59.58 peratus; Terengganu 56.48 peratus dan Kelantan 49.58 peratus. BN juga berkuasa di Sarawak yang tidak terlibat dengan pilihan raya umum pada peringkat negeri kerana mandat di negeri itu hanya berakhir pada tahun 2006. Hal ini kerana pilihan raya negeri di Sarawak diadakan pada tahun 2002.

Kejayaan paling manis Datuk Seri Abdullah ialah membuktikan kepada para pengkritik UMNO bahawa kekalahan yang dialami oleh parti itu di tangan PAS-Keadilan di negeri-negeri Melayu pada pilihan raya umum 1999 bukanlah sesuatu yang berkekalan seperti yang mereka ramalkan. Sebaliknya, kekalahan itu bersifat sementara kerana perkembangan-perkembangan semasa pada waktu itu. Ini terbukti selepas empat tahun berlalu, penyokong UMNO itu kembali mengundi calon-calon parti itu pada pilihan raya umum ke-11. Hasilnya, daripada 117 kerusi yang dipertandingkan di peringkat Parlimen, UMNO berjaya memenangi 107 kerusi. Di negeri-negeri pula, UMNO berjaya melumpuhkan kehadiran Yang Berhormat PAS di Pahang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah. Kesemua kerusi yang diperoleh PAS pada pilihan raya umum 1999, berjaya dirampas kembali. Mahal di Kedah, bilangan Yang Berhormat PAS hanya tinggal lima sahaja.

## IKRAR SELEPAS MENANG

Sebaik saja disahkan BN mendapat majoriti dua per tiga kerusi Dewan Rakyat yang diperlukan untuk memerintah dengan selesa pada jam 1.45 pagi 22 Mac 2004, Datuk Seri Abdullah membuat ucapan ringkas di hadapan para penyokong BN di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur. Pada ucapan ringkasnya itu, yang turut disiarkan oleh stesen-stesen televisyen secara langsung, beliau merakamkan penghargaan kepada pengundi kerana telah memberi sokongan yang begitu besar kepada BN dan beliau untuk menerajui negara bagi tempoh lima tahun akan datang. Beliau juga memberi jaminan bahawa segala janji pilihan raya BN yang terkandung dalam manifestonya yang bertemakan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, akan dilaksanakan. Beliau juga memberi jaminan akan memastikan bahawa wakil rakyat BN akan memberi khidmat yang terbaik untuk rakyat. "Ini adalah komitmen saya kepada anda," tegas beliau disambut dengan sorakan gegak-gempita para penyokong BN.

Beliau juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak kerana telah memainkan peranan memastikan pilihan raya itu berjalan dalam keadaan aman. Beliau turut menyatakan penghargaan kepada para pekerja dan jentera BN yang telah bekerja keras untuk memastikan kemenangan cemerlang BN pada pilihan raya umum ke-11 itu. Bercakap pada sidang media selepas itu, Datuk Seri Abdullah menyatakan keputusan pilihan raya umum itu merupakan penolakan terhadap apa juga bentuk fahaman pelampau termasuk yang dibawa oleh Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang. Diminta mengulas kemenangan dua tokoh DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh yang dianggap oleh Datuk Seri Hadi sebagai ubat yang sudah tamat tempoh penggunaan, masing-masing di Parlimen Ipoh Barat dan Bukit Gelugor, Datuk Seri Abdullah berkata, "Kalau rakyat masih mahukan mereka saya tidak dapat berkata apa-apa."

Pada sidang media sebelum berlepas ke Istana Negara bagi majlis angkat sumpah jawatan pada sebelah petang, Datuk Seri Abdullah menegaskan bahawa wakil rakyat BN yang gagal menunjukkan prestasi cemerlang dalam membela nasib rakyat akan dipanggil dan diberi amaran. Beliau memberitahu, beliau sendiri akan memantau prestasi semua wakil rakyat BN (Parlimen dan Negeri) menerusi rekod prestasi tiga bulan sekali yang akan

mereka serahkan kepada beliau. Di dalam rekod-rekod itu, prestasi kerja wakil rakyat, termasuk indeks pencapaian utama mereka akan dinilai. Beliau juga meminta wakil rakyat baru BN itu supaya tidak terlibat dengan rasuah. "Kita mahu supaya mereka menjauhkan diri daripada rasuah dan sentiasa memelihara peribadi, sentiasa berkelakuan dan berhemah tinggi serta rajin bekerja. Mereka juga hendaklah sentiasa memberi perhatian kepada keperluan dan kehendak rakyat." Bagi Datuk Seri Abdullah, "mandat besar yang diberi oleh rakyat bermakna mereka kena bekerja keras untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan. Rakyat sekarang menuntut apa yang dijanjikan agar dilaksanakan dengan baik. Mandat yang besar juga bermakna banyak kerja yang perlu dilaksanakan untuk kepentingan rakyat. Kita mesti tunaikan tanggungjawab dan amanah cukup besar yang diberikan oleh rakyat kepada BN. Ia satu tugas besar dan berat yang mesti dilaksanakan."

Bercakap dalam satu temu ramah eksklusif dengan British Broadcasting Corporation (BBC) yang disiarkan oleh BBC World, Datuk Seri Abdullah memberitahu, keutamaan beliau selepas berkuasa semula dengan mandat yang besar ialah mengurangkan kadar kemiskinan terutama di kalangan orang miskin tegar. "Isu kemiskinan ini penting. Meskipun kita sudah mengurangkan kadar kemiskinan dengan banyaknya, saya tidak mahu melihat wujud kemiskinan tegar," tegas beliau. Menurut beliau, keutamaan kedua ialah membangunkan sistem pendidikan terutamanya aspek sumber manusia. Pada beliau, penekanan kerajaan ialah kepada meritokrasi—persaingan berasaskan kebolehan. "Orang Melayu sudah pun diberitahu tentang kepentingan meritokrasi dalam pendidikan. Akan tetapi, dalam bidang-bidang di mana orang Melayu memerlukan bantuan, mereka mesti ditolong kerana inilah strategi yang telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh semua, termasuk orang bukan Melayu dalam Barisan Nasional. Kerajaan juga telah memberi pertolongan kepada masyarakat bukan Melayu," kata Datuk Seri Abdullah. Berkenaan rasuah, beliau akan memeranginya habis-habisan tanpa mengira darjah dan kelas. Mereka yang berkedudukan dan berpengaruh juga tidak akan terlepas daripada dikenakan tindakan. Tentang Islam pula, beliau berkata, orang Islam mesti memandang ke hadapan. "Mereka yang melihat ke belakang tidak mempunyai keyakinan masa depan," tegas beliau. Ditanya oleh BBC sama ada kerajaan wajar mengampunkan dan melupakan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan membebaskan beliau kerana bekas timbalan perdana

menteri itu tidak lagi menjadi isu dalam pilihan raya umum, Datuk Seri Abdullah memberitahu, Datuk Seri Anwar telah dihukum oleh mahkamah undang-undang bagi jenayah yang dilakukan dan beliau bukan seorang bantuan politik. Bercakap tentang hal-hal peribadi, termasuk reaksi beliau terhadap isterinya yang menghidap kanser payu dara, Datuk Seri Abdullah memberitahu keadaannya memang sukar kerana beliau tidak mempunyai masa untuk berbuat apa yang patut kepada keluarganya. Beliau menyifatkan isteri beliau sebagai penyokong nombor satu beliau. "Kami amat rapat. Kami terlalu menyayangi antara satu sama lain. Dia menjaga saya dan melakukan apa yang orang lain tidak boleh lakukan kepada saya. Kami bahagia. Saya tidak dapat memberi banyak waktu, tetapi kami menghabiskan waktu berkualiti secara bersama," kata Datuk Seri Abdullah berterus terang.

## HARAPAN DAN REAKSI KEMENANGAN

Keputusan pilihan raya umum 2004 disambut baik oleh pelbagai pihak kecuali parti-parti pembangkang. Pasaran saham Kuala Lumpur turut melonjak ke paras 918 mata pada 22 Mac, walaupun beberapa hari kemudian turun kembali di bawah paras 900 mata. Para penganalisis ekonomi meramalkan pertumbuhan ekonomi yang baik bagi tahun 2004. Satu laporan muka depan *New Straits Times* pula membayangkan, jumlah pelabur asing juga akan meningkat. Ahli-ahli ekonomi meramalkan Malaysia selepas pilihan raya itu akan menjadi syurga destinasi para pelabur. Selain itu, perutusan tahniah untuk Datuk Seri Abdullah datang mencurah-curah. Ucapan tahniah ini datang bukan saja dari dalam negara, tetapi para pemimpin luar termasuk Presiden George W. Bush; Perdana Menteri Britain, Tony Blair; Presiden Perancis, Chirac; Canselor Jerman, Gehard Schroeder serta pemimpin negara jiran di Asia Tenggara dan Asia.

Ramai yang melihat kemenangan BN itu sebagai kemenangan peribadi Perdana Menteri yang telah berjanji untuk membawa pelbagai pembaharuan di negara ini. Para pemimpin Barat pula menzahirkan rasa lega dengan kemenangan yang disifatkan sebagai telah menewaskan pengaruh Islam melampaui di dunia di sebelah sini. Jika tinjauan SMS yang dibuat oleh TV3 tentang kejayaan Datuk Seri Abdullah boleh dijadikan ukuran, rakyat akar umbi

adalah yang paling berbahagia dengan kemenangan cemerlang BN.

Di kalangan parti-parti pembangkang, PAS yang kalah teruk pada pilihan raya umum 2004, enggan mengiktiraf kemenangan cemerlang Datuk Seri Abdullah dan BN. Jawatankuasa Pusat PAS yang bermesyuarat pada 24 Mac di Kuala Lumpur membuat ketetapan untuk menolak keputusan pilihan raya umum ke-11. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdul Hadi itu mendakwa kehadiran apa yang beliau panggil sebagai "pengundi hantu" merupakan faktor yang telah membawa kemenangan kepada BN. Pengundi hantu ini, terutama di Terengganu, ditakrifkan oleh beliau sebagai pengundi yang tidak dikenali yang telah dibawa untuk memangkah pada hari pengundian di negeri itu.

Beliau juga menyelar SPR kerana gagal menjalankan tanggungjawabnya menyebabkan berlaku kekecohan pada hari pengundian di banyak pusat pembuangan undi di Selangor pada 21 Mac menyebabkan ramai penyokong PAS tidak dapat menuaikan tanggungjawab mereka. Kesilapan SPR mencecah lambang pada kertas undi calon PAS di kerusi DUN Sungai Lembing, Pahang, menyebabkan proses pengundian terpaksa ditunda pada 28 Mac dianggap sebagai bukti kelalaian SPR dalam tugasnya. Sebagai bantahan, PAS membuat keputusan untuk memulakan pilihan raya di Sungai Lembing itu dan akan membuat petisyen mahkamah supaya keputusan pilihan raya umum 2004 diisyiharkan batal dan tidak sah serta satu pilihan raya umum baru diadakan. Tegas beliau, "Pencabulan prinsip-prinsip demokrasi menyebabkan PAS tidak mengiktiraf sepenuhnya keputusan pilihan raya umum ke-11 yang diadakan pada 21 Mac."

Walau bagaimanapun, pendirian PAS itu tidak dikongsi oleh parti-parti pembangkang yang lain. Datuk Seri Abdullah sendiri tidak melayan gelagat PAS yang mempertikaikan kemenangan besar beliau itu. "Pilihan raya sudah berlalu. Rakyat sudah membuat penghakiman. Sekarang waktu untuk menuaikan janji dan bekerja," tegas beliau.

Kemenangan besar Datuk Seri Abdullah pada pilihan raya 21 Mac 2004 itu turut diberi liputan meluas oleh media utama dunia. Kejayaan beliau dan kegagalan PAS dan parti pembangkang yang lain menjadi tajuk besar akhbar-akhbar, majalah, siaran radio dan televisyen. Kebanyakan media asing itu mengaitkan kemenangan beliau dengan fahaman Islam hadhari yang beliau perjuangkan, di samping keperibadian beliau yang amat disenangi

oleh rakyat. Laporan *Reuter* yang berjudul *Big win gives Malaysia's Abdullah clear mandate* dipakai oleh kebanyakan akhbar di dunia. *International Herald Tribune*, dalam laporan muka hadapan pada 22 Mac 2004 mengatakan: "Satu konstituensi penting kini berada di belakang Abdullah: masyarakat kewangan antarabangsa."

Akhbar-akhbar lain pula melihat kemenangan Datuk Seri Abdullah itu sebagai kejayaan menewaskan faham Islam radikal yang dipegang dan dianjurkan oleh PAS. Akhbar *Dallas Morning News* melaporkan tentang kejayaan Malaysia menewaskan pembangkang Islam, manakala *The New York Times* dalam salah satu laporannya berkata, PAS sudah kecundang. Akhbar Australia, *The Age* dan *Toronto Star*, Kanada melaporkan *Islamist* dimusnahkan dalam pilihan raya Malaysia. Satu laporan dalam *The New York Times* menyebut "Parti Islam Malaysia kalah dalam pilihan raya. Akhbar *the Guardian*, London membuat analisis, hasrat PAS untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam, dengan memperkenalkan hukuman seperti potongan tangan, menyebabkan ia kecundang." *Detroit Free Press* mengisyitarkan, "Malaysia kekal negara sekular." Keputusan pilihan raya itu dilihat sebagai satu sokongan terbuka dasar-dasar sekular Abdullah, seorang pemimpin yang berprofil rendah yang dikenali sebagai pembina permuaafatan. *The Asian Wall Street Journal* dan *Financial Times* turut memuatkan kejayaan Datuk Seri Abdullah di halaman pertama akhbar masing-masing. *Financial Times* menganggap kejayaan besar Datuk Seri Abdullah itu sebagai sesuatu yang menakjubkan dan kejayaan menewaskan Islam yang militan mungkin boleh dipelajari oleh negara-negara lain di dunia ini.

## PERUBAHAN DI NEGERI-NEGERI

Tidak ada perubahan besar dalam kepimpinan di setiap negeri seperti yang diramalkan oleh pihak-pihak yang ingin melihat Datuk Seri Abdullah menempatkan tenaga dan wajah baru sebagai Menteri Besar dan Ketua Menteri. Dengan mandat besar yang beliau peroleh, jika mahu, beliau boleh berbuat demikian. Malah menurut perancangannya sendiri, Datuk Seri Abdullah ingin menempatkan Menteri Besar baru di Johor, Kedah dan Perlis selain Negeri Sembilan. Di Johor, calon beliau sebagai Menteri Besar yang baru ialah

Datuk Khaled Nordin, bekas Timbalan Menteri Kerja Raya. Segala-galanya siap diatur. Datuk Khalid sepatutnya bertanding di kerusi negeri. Akan tetapi pada saat-saat akhir, beliau akur dengan kehendak Sultan Johor yang mahu Datuk Abdul Ghani Othman kekal memimpin Johor. Siapa yang mendalangi Sultan Johor mengemukakan permintaan itu masih misteri. Datuk Kalimullah Hassan dalam satu tulisan di *New Straits Times* membayangkan, ia satu perbuatan bekas orang politik Johor yang tidak mahu melihat Datuk Khaled dilantik sebagai Menteri Besar. Terdapat juga dakwaan bahawa Datuk Abdul Ghani sendiri yang meminta campur tangan Sultan kerana beliau tidak mahu berpindah ke pusat. Di Perlis pula, Datuk Seri Sahidan Kassim juga ingin digantikan. Beliau diminta bertanding kerusi Parlimen Arau. Beliau sendiri hingga saat-saat akhir melobi untuk kekal di kerusi negeri dan kekal sebagai Menteri Besar. Dua hari sebelum penamaan calon, beliau membayangkan usaha beliau untuk kekal di negeri gagal. Dengan muka yang tidak begitu ceria setelah menemui Datuk Seri Abdullah, beliau memberitahu media kesediaannya untuk berpindah ke kerusi Parlimen. Namun, lobi masih diteruskan untuk kekal di negeri. Akhirnya, beliau dapat apa yang dihajatinya. Pada saat-saat akhir, beliau diumumkan bertanding semula di kerusi negeri, walaupun beliau sendiri mengakui tiada jaminan yang beliau akan dilantik semula sebagai MB selepas pilihan raya umum selesai. Kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepada beliau diberi kepada adinda Yang di-Pertuan Agong, Datuk Seri Syed Razlan Jamalulail. Dalam senario yang berubah itu, keupayaan Datuk Seri Abdullah untuk menempatkan muka baru sebagai MB akhirnya terhad di dua negeri iaitu di Terengganu dan Negeri Sembilan. Pimpinan negeri lain yang telah menerajui kemenangan besar di negeri masing-masing, kekal sebagai Menteri Besar.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, mengangkat sumpah pada hari yang sama Datuk Seri Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri iaitu pada 22 Mac 2004. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Rustam walaupun dikatakan tidak begitu sihat, mengangkat sumpah pada 23 Mac 2004 bagi penggal kedua. Ini diikuti dengan majlis angkat sumpah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pada 24 Mac 2004, juga untuk penggal kedua. Terengganu yang berjaya dirampas semula oleh BN, menyaksikan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO-nya, Datuk Idris Jusoh dilantik sebagai Menteri Besar. Pelantikan Datuk Idris ini merupakan janji

BN Terengganu pada pilihan raya ke-11, sama seperti BN berjanji untuk melantik Datuk Mustapha Mohamad sebagai Menteri Besar Kelantan, jika BN berkuasa di negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

Di Negeri Sembilan pula, Datuk Mohamad Hassan, mantan Pengarah Urusan Cycle and Carriage, dilantik sebagai MB baru. Beliau menggantikan Tan Sri Isa Samad yang bertanding di kerusi Parlimen. Datuk Seri Sahidan Kassim pula mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar pada 25 Mac 2004 di Kangar. Pada hari yang sama, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain turut mengangkat sumpah di Istana Anak Bukit di Alor Star. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon pula mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang bagi kali keempat di Pulau Pinang. Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar pada pagi 26 Mac 2004. Ini merupakan penggal kedua Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo. Sebelum itu, beliau menjadi Menteri Besar menggantikan Datuk Abu Hassan Omar, yang melepaskan kedudukannya selepas dua tahun atas sebab-sebab peribadi. Datuk Seri Adnan Yacob mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang pada 27 Mac 2004. Datuk Abdul Ghani Othman, yang sepatutnya bertanding kerusi Parlimen, tetapi atas kehendak Sultan Johor, bertanding di kerusi negeri, adalah yang terakhir sekali mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar pada 31 Mac 2004.

## KABINET BARU PERSEKUTUAN

Kabinet baru Persekutuan, yang pertama bagi Datuk Seri Abdullah setelah berkuasa dengan mandat sendiri, diumumkan pada tengah hari 27 Mac 2004 di Putrajaya. Majlis angkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia diadakan pada 30 Mac 2004 di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, jam 3 petang. Mesyuarat pertama Kabinet baru yang lebih besar itu pula diadakan kesokan harinya di Putrajaya. Sebagai Perdana Menteri, ini merupakan Kabinet Datuk Seri Abdullah yang ketiga. Kabinet pertama beliau sewaktu mengambil alih kuasa pada 31 Oktober 2003, mengekalkan kesemua barisan menteri yang beliau warisi daripada Tun Dr. Mahathir. Rombakan kecil dibuat pada 7 Januari 2004, sewaktu beliau mengumumkan pelantikan Datuk Seri Mohd Najib sebagai Perdana Menteri. Tidak ada menteri yang digugur-

kan. Beliau sekadar membuat satu lantikan baru iaitu Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua dan pertukaran porfolio tiga orang menteri lain iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Jamaluddin Jarjis dan Datuk Seri Effendi Norwawi.

Menggunakan mandat besar yang diperoleh menerusi pilihan raya umum pada 21 Mac, Datuk Seri Abdullah membuat rombakan besar-besaran terhadap barisan Jemaah Menteri dari dua sudut iaitu dari segi keanggotaan dan juga struktur beberapa kementerian. Perubahan besar ini dibuat selari dengan janji pilihan raya BN untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat bagi menjamin masa depan yang lebih aman dan makmur. Menurut beliau, Jemaah Menteri baru itu juga merupakan "Kabinet masa depan." Lantaran itu, ada kementerian yang dimansuhkan, ada kementerian digabungkan, ada kementerian dipecahkan dan ada kementerian diberi nama baru. Penyusunan semula kementerian itu turut membabitkan pemindahan beberapa jabatan dan agensi kerajaan. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, (FELDA) dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri untuk diselia langsung oleh Timbalan Perdana Menteri. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang sejak penubuhannya dikendalikan oleh Kementerian Luar pula diletakkan di Bahagian Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri.

Dua kementerian baru diwujudkan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tiga kementerian dipecah dua iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan. Selain Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Imegresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Pendaftar Pertubuhan dan Lembaga Penapis Filem Negara, diwujudkan pula Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kementerian baru ini bertanggungjawab ke atas PDRM, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Penjara, Rela, Unit Penerbitan dan Mesin Cetak, Percetakan Nasional Berhad, Agensi Anti Dadah Nasional dan Suruhanjaya Polis. Pelancongan kini dikendalikan sebagai sebuah kementerian iaitu Kementerian Pelancongan, manakala portfolio Warisan ditambah pada Kementerian Kesenian, Kebudayaan yang menjadikannya sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kementerian Pendidikan pula dipecah menjadi Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab terhadap pendidikan menengah dan rendah; sementara satu lagi dikenali sebagai Kementerian

Pengajian Tinggi khusus bertanggungjawab terhadap pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Dua kementerian digabungkan menjadi satu iaitu Kementerian Pembangunan Sosial dan Perpaduan Negara dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kementerian itu dikenali sebagai Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pula dimansuhkan. Lima buah kementerian diberi nama baru iaitu Kementerian Perusahaan Utama kini dikenali sebagai Kementerian Industri Peladangan dan Komoditi; Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berubah menjadi Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pembangunan Usahawan kini menjadi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Kementerian Luar Bandar menjadi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Pertanian bertukar nama kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia pula dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Selari dengan usaha beliau untuk menempatkan hanya mereka yang bersih dalam pentadbirannya, Datuk Seri Abdullah mengisyiharkan mereka yang dilantik sebagai menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen sebagai kalangan yang mempunyai integriti. Beliau turut mengulangi ketegasannya bahawa mana-mana menteri yang terpalit dengan rasuah tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang. "Ini termasuk di kalangan mereka yang telah saya lantik. Sebagai menteri, mereka tidak kebal kerana mereka tidak mengatasi undang-undang," ujar beliau. Dalam Kabinet pertamanya itu, Datuk Seri Abdullah memperkenalkan 14 muka baru bagi menggantikan lima orang menteri yang tidak bertanding pada pilihan raya 2004 iaitu Tan Sri Khalil Yaacob, Datuk Effendi Norwawi, Tan Sri Musa Mohamad, Datuk Leo Moggie, Tan Sri Kasitah Gaddam dan lima yang lain yang digugurkan iaitu Datuk Hamid Zainal Abidin, Datuk Tengku Adnan (kedua-duanya bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Chua Jui Ming (bekas Menteri Kesihatan), Datuk Law Heng Ding (bekas Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar), dan Datuk Siti Zaharah Sulaiman (bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat). Keanggotaan Kabinet baru pula bertambah kepada 32 orang berbanding 29 sebelumnya. Datuk Seri Abdullah terus mengekalkan kedudukannya sebagai Menteri

Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri; manakala Datuk Seri Najib kekal Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan.

Senarai penuh Kabinet 2004 itu adalah seperti berikut:

1. Perdana Menteri/Menteri Kewangan/Menteri Keselamatan Dalam Negeri
  - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pulau Pinang/UMNO)
2. Timbalan Perdana Menteri/Menteri Pertahanan
  - Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak (Pahang/UMNO)
3. Menteri di Jabatan Perdana Menteri
  - Tan Sri Bernard Dompok (Perkhidmatan Awam) (Sabah/Upko)
  - Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz (Parlimen) (Perak/UMNO)
  - Datuk Mustapha Mohamed (Ekonomi) (Kelantan/UMNO/Baru)
  - Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad (Undang-undang) (Perlis/UMNO/Baru)
  - Datuk Dr. Abdullah Md Zain (Agama) (Terengganu/UMNO/Baru)
  - Datuk Dr. Maximus Ongkili (Integrasi Nasional) (Sabah/PBS/Baru)
4. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
  - Datuk Ong Kah Ting (Johor/MCA)
5. Menteri Kerja Raya
  - Datuk Seri S Samy Vellu (Perak/MIC)
6. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi
  - Datuk Seri Lim Kheng Yaik (Perak/Gerakan)
7. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
  - Tan Sri Muhyiddin Yassin (Johor/UMNO)
8. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
  - Datuk Seri Rafidah Aziz (Perak/UMNO)
9. Menteri Luar
  - Datuk Seri Syed Hamid Albar (Johor/UMNO)
10. Menteri Pelajaran
  - Datuk Hishamuddin Hussein (Johor/UMNO)
11. Menteri Pengangkutan
  - Datuk Seri Chan Kong Choy (Selangor/MCA)

12. Menteri Sumber Manusia  
– Datuk Dr. Fong Chan Onn (Melaka/MCA)
13. Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri  
– Datuk Azmi Khalid (Perlis/UMNO)
14. Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
– Datuk Seri Shahrizat Jalil (Wilayah Persekutuan/UMNO)
15. Menteri, Kebudayaan Kesenian dan Warisan  
– Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim (Negeri Sembilan/UMNO)
16. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi  
– Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis (Pahang/UMNO)
17. Menteri Kewangan Kedua  
– Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Pulau Pinang/Senator)
18. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
– Datuk Mohamed Khalid Nordin (Johor/UMNO/Baru)
19. Menteri Pengajaran Tinggi  
– Datuk Dr. Shafie Mohd Salleh (Selangor/UMNO/Baru)
20. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar  
– Datuk Seri Adenan Satem (Sarawak/PBB/Baru)
21. Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah  
– Datuk Aziz Shamsuddin (Selangor-Perak/UMNO/Baru)
22. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna  
– Datuk Shafie Afdal (Sabah/UMNO/Baru)
23. Menteri Industri Peladangan dan Komoditi  
– Datuk Peter Chin Fah Kui (Sarawak/SUPP/Baru)
24. Menteri Belia dan Sukan  
– Datuk Azalina Othman Said (Johor/UMNO/Baru)
25. Menteri Kesihatan  
– Datuk Dr. Chua Soi Lek (Johor/MCA/Baru)
26. Menteri Wilayah Persekutuan  
– Tan Sri Isa Samad (Negeri Sembilan/UMNO/Baru)

## 27. Menteri Pelancongan

– Datuk Leo Michael Toyad (Sarawak/PBB/Baru)

Ternyata dalam membentuk Kabinet baru, Datuk Seri Abdullah, sama seperti Perdana Menteri sebelum beliau, terikat dengan beberapa konvensyen dan realiti politik semasa. Dua yang terpenting ialah prinsip perkongsian kuasa yang dipegang oleh BN dan perwakilan negeri/wilayah. Lantaran itu, walaupun dari segi teori, melantik menteri adalah prerogatif mutlak Perdana Menteri, namun dalam amalan, kebebasan beliau melantik menteri kecuali di kalangan UMNO, dibatasi oleh dua pertimbangan itu. Di bawah konsep perkongsian kuasa, beliau tiada pilihan kecuali memberi tempat kepada ketua parti-parti utama komponen BN yang telah bekerjasama untuk mendapatkan kuasa. Presiden-presiden MCA, MIC, Gerakan secara automatik mendapat tempat dalam Kabinet. Prerogatif mutlak Perdana Menteri, jika pun ada, hanya sekadar menentukan porfolio mereka.

Selain itu, calon menteri atau timbalan menteri parti-parti komponen juga dicadangkan oleh ketua parti-parti berkenaan dan bukanlah pilihan Perdana Menteri sendiri. Hakikat ini terpancar dalam pembentukan Kabinet kali ini dan juga pemilihan calon yang bertanding pada pilihan raya. Anggota-anggota MCA dan MIC yang diberi tempat dalam pentadbiran ialah mereka yang dicalonkan oleh para presiden kedua-dua parti. Pengguguran Datuk Chua Jui Ming, yang memang diketahui lebih rapat dengan Datuk Seri Abdullah, terpaksa dibuat sebagai memenuhi permintaan Datuk Ong Kah Ting barangkali kerana Datuk Chua merupakan pemimpin *Team B* yang lantang menentang kepimpinan Datuk Dr. Ling Liang Sik sewaktu krisis kepimpinan MCA memuncak. Begitu juga dengan pengguguran Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam sebagai calon kerusi Parlimen Segamat. Ia dibuat atas permintaan Datuk Seri S. Samy Vellu.

Walaupun ada pertambahan kementerian, namun kuota di kalangan parti-parti komponen dalam Jemaah Menteri tidak ditukar. UMNO sebagai tulang belakang BN dan boleh memerintah sendirian menggunakan kaedah majoriti mudah, mempunyai perwakilan paling ramai iaitu 22 menteri, 18 timbalan menteri dan 12 setiausaha parlimen. Manakala MCA kekal dengan empat orang menteri, 8 timbalan menteri dan 4 setiausaha parlimen. Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) mempunyai dua menteri. Parti-parti komponen

yang lain iaitu MIC, UPKO, PBS dan SUPP mendapat satu jawatan kabinet. Tiga parti komponen iaitu PPP, PBDS dan SPDP, cuma diwakili di peringkat timbalan menteri.

Selain itu, Datuk Seri Abdullah juga memastikan terdapat perwakilan negeri dan wilayah dalam Kabinet pembaharuan itu. Beliau nampaknya mahu memastikan setiap negeri diwakili sekurang-kurangnya oleh seorang menteri. Johor mempunyai 7 orang menteri (5 UMNO dan 2 MCA); diikuti oleh Perak 4 orang (dua UMNO, satu Gerakan dan satu MIC); Selangor, Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai 3 orang; Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Negeri Sembilan pula masing-masing mempunyai dua orang. Kedah, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan, Melaka masing-masing mendapat satu perwakilan pada peringkat menteri dalam Kabinet kali ini. Johor mendapat peruntukan yang paling tinggi kerana dari negeri itulah datangnya pemimpin utama UMNO dan MCA. Dalam memberi tempat ke dalam Kabinet di kalangan UMNO, Datuk Seri Abdullah nampaknya menjadikan kedudukan dalam parti sebagai pertimbangannya. Lantaran itu, ada tempat untuk Tan Sri Muhyiddin Yassin, Naib Presiden UMNO; Datuk Hishamuddin mendapat tempat atas kapasiti beliau sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Begitu juga dengan Datuk Azalina Othman Said, Ketua Pergerakan Puteri UMNO.

Disebabkan adanya pertimbangan-pertimbangan realiti politik itu, keupayaan Datuk Seri Abdullah untuk melakukan rombakan keseluruhan Jemaah Menteri, seperti yang diingini oleh sesetengah kalangan, tentulah tidak dapat dilakukan. Pihak pembangkang merupakan kelompok pertama yang menzahirkan kekecewaan mereka. Turut kecewa, seperti yang dinyatakan oleh Brendan Preira, dalam komentar berjudul "*Hope, expectation but now it's action which people want*" dalam *New Straits Times* 1 April 2004 ialah masyarakat umum yang mengharapkan perubahan mutlak Jemaah Menteri. Lantaran itu kata beliau, golongan itu tidak bergembira kerana mereka ingin melihat lebih banyak muka baru pada kedudukan yang kanan, di samping lebih ramai muka lama diberhentikan. Sebagaimana pembangkang, golongan yang kecewa berpendapat, kalangan menteri yang disenaraikan oleh Datuk Seri Abdullah itu tidak menggambarkan pembaharuan-pembaharuan yang dijanjikan sewaktu berkempen pada pilihan raya. Mereka mempersoalkan kehadiran beberapa orang menteri yang kebersihan mereka dicurigai.

Kehadiran beberapa muka lama yang menurut mereka sepatutnya boleh digugurkan untuk memberi laluan kepada tokoh politik yang lebih muda, bertenaga dan dinamik, juga dibangkitkan. Dalam reaksinya, Datuk Seri Abdullah berkata, beliau tidak akan menghiraukan pandangan pembangkang itu. Sebaliknya beliau akan terus berbuat apa yang ingin dibuat mengikut "cara saya."

Selain itu, dalam membentuk Kabinet baru, Datuk Seri Abdullah juga terpaksa memikirkan kedudukannya dalam UMNO itu sendiri yang akan mengadakan pemilihan parti pada peringkat nasional sebelum akhir tahun 2004. Pemilihan itu sepatutnya diadakan pada Perhimpunan Agung UMNO 2003, tetapi ditangguhkan untuk membolehkan parti memberi tumpuan sepenuhnya bagi menghadapi pilihan raya umum. Perlembagaan UMNO membolehkan pemilihan itu ditangguhkan selama 18 bulan dan ia mestilah diadakan sebelum akhir tahun 2004. Walaupun sudah disahkan sebagai Perdana Menteri dan Pengurus BN, tetapi dalam UMNO, Datuk Seri Abdullah masih lagi seorang Pemangku Presiden. Hanya Perhimpunan Agung parti, selaku badan tertinggi UMNO, boleh mengesahkan kedudukan beliau sebagai Presiden. Dalam perjalanan ke arah itu, banyak hati yang perlu dijaga. Malah ada yang berpendapat, tindakan untuk menambah bilangan kementerian dibuat untuk meminimumkan pengguguran menteri di kalangan UMNO, dan dengan itu mengelakkan sebarang penentangan dalam, di samping memberi ruang kepada mereka yang beliau fikir layak, berkebolehan dan boleh bekerjasama dengan beliau menyertai Kabinet. Menurut kalangan ini, Kabinet sebenar yang mahu beliau bentuk mungkin hanya dapat dizahirkan selepas pemilihan UMNO selesai.

## **MELAKSANAKAN PEMBAHARUAN—KOD ETIKA WAKIL RAKYAT**

Setelah mandat besar untuk berkuasa menerusi pilihan raya umum pada 21 Mac 2004 diperoleh, Datuk Seri Abdullah tahu bahawa tempoh berbulan madu sudah berlalu. Selepas kuasa berada dalam genggaman, beliau tahu sekarang ialah waktu untuk menunaikan segala janji. Tugas ini lebih sukar daripada menabur janji dan ikrar. Langkah pertama sudah pun diambil de-

ngan membentuk satu pasukan Kabinet yang boleh membantu beliau untuk memenuhi janji-janji yang telah dibuat. Beliau tahu sekiranya pentadbiran-nya diibaratkan seekor ikan, Kabinet ialah kepala. Kalau kepala elok, maka segarlah ikan itu. Jika kepala ikan itu busuk, maka seluruh ikan itu akan menjadi busuk.

Lantaran itu, menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan anggota-anggota Jemaah Menterinya kekal berwibawa, berintegriti dan bebas daripada rasuah. Sebagai ketua Kabinet, menjadi tanggungjawab beliau juga untuk memastikan setiap menteri menjaga tingkah laku pada setiap ketika dan tidak terlibat dengan hal-hal yang boleh memalukan dan mencemarkan imej kerajaan. Beliau sudah pun mengisyiharkan mereka yang dilantik itu sebagai bersih atau sekurang-kurangnya tidak ada kes yang boleh menghalang mereka daripada dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri. Untuk itu, beliau ingin memastikan bahawa para menteri menjauhi rasuah dan sebarang salah laku. Beliau mahu setiap menteri berkelakuan baik, bekerja keras dan menuaikan manifesto BN yang akan diterjemahkan sebagai dasar-dasar kerajaan.

Datuk Seri Abdullah tidak akan berkompromi dengan kualiti kepimpinan yang beliau mahukan daripada para menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan wakil rakyat BN. Pada ucapan sulungnya di mesyuarat pertama Kabinet, pesanan itu sudah disampaikan. Sewaktu berucap selepas majlis pelantikan para setiausaha parlimen selepas mesyuarat Kabinet pada 31 Mac 2004, pesanan yang sama supaya mereka menjauhi rasuah dan bekerja keras diulangi. Kata beliau, "Jauhi rasuah dan kerja bersungguh-sungguh. Kalau anda membuat kesilapan, saya akan bersama anda. Akan tetapi, jika anda terlibat dengan rasuah dan salah laku lain yang menyebabkan integriti anda dipersoalkan, saya tidak akan melindungi anda." Mesej yang sama beliau sampaikan pada pertemuan dengan 650 orang ahli Yang Berhormat BN iaitu 198 ahli Parlimen dan 452 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada satu majlis makan malam yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur pada 4 April 2004. Beliau meminta setiap wakil rakyat mengamalkan hidup yang sederhana. Beliau mahu kecenderungan wakil rakyat mempamerkan kemewahan seperti yang pernah dilakukan sebelum ini, dihentikan. Beliau juga mahu wakil rakyat menjauhi amalan dan perbuatan yang boleh mencemarkan imej kerajaan dan parti.

Selain memperkenalkan Indeks Prestasi Kerja untuk semua wakil rakyat, Kod Etika yang sudah pun diedarkan pada mesyuarat pertama Kabinet pada

31 Mac 2004 untuk anggota pentadbiran kerajaan juga diperkenalkan. Di bawah kod etika itu, setiap wakil rakyat BN diwajibkan mengisyiharkan harta setiap dua tahun sekali berkuat kuasa mulai Mei 2004 dan mengemukakan laporan suku tahunan perkhidmatan mereka kepada kawasan parlimen/dewan negeri masing-masing. Ahli Parlimen akan menghantar laporan prestasi itu kepada Perdana Menteri, manakala ADUN kepada Menteri Besar/Ketua Menteri yang akan memanjangkannya kepada Perdana Menteri. Ahli Parlimen dan ADUN juga diminta menghormati Peraturan-peraturan tetap Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri, di samping memastikan mereka hadir setiap kali Dewan Rakyat dan Dewan Negeri bersidang; mempertahankan nama baik badan legislatif; tidak menyalahgunakan autoriti legislatif mereka; dan secara sungguh-sungguh menunaikan segala kewajipan dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat. Kod etika itu menekankan pada keluruhan, kejujuran dan keikhlasan dan penolakan sepenuhnya rasuah. Datuk Seri Abdullah mahu setiap wakil rakyat akur dan patuh dengan arahan pucuk pimpinan. Kod etika itu ialah lambang kepada kesungguhan pentadbiran Datuk Seri Abdullah untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, telus, bebas rasuah dan pelbagai bentuk salah guna kuasa serta bertanggungjawab.

## **MEWUJUDKAN MASYARAKAT BERINTEGRITI**

Melahirkan masyarakat berintegriti merupakan satu lagi pernyataan hasrat yang dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah tidak lama selepas dilantik sebagai Perdana Menteri. Untuk menunjukkan kesungguhan beliau menjayakan hasrat membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang beretika dan tahu membezakan antara yang betul dengan yang salah, beliau melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 23 April 2004 sebulan selepas beliau diberi mandat baru untuk berkuasa semula. PIN menetapkan lima sasaran bagi tempoh lima tahun pertama pelaksanaannya antara 2004 hingga 2008. Dikenali sebagai Tekad 2008, lima sasaran PIN itu bertujuan untuk mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan; meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam

dan mengatasi kerentan birokrasi; meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga; serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan. Sekiranya kesemua sasaran PIN itu berjaya mencapai matlamatnya, maka dalam tempoh lima tahun lagi, Malaysia akan mempunyai institusi keluarga yang lebih kukuh, rasuah dan pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa akan dapat dikawal, kadar jenayah akan berkurangan dengan banyaknya, ketelusan akan terpampang dalam semua urusan kerajaan dan pelbagai penyakit sosial yang membimbangkan pelbagai pihak pada masa sekarang akan dapat dikawal.

Secara lebih spesifik, PIN mensasarkan untuk melahirkan masyarakat yang memandang jijik terhadap rasuah baik di kalangan yang menerima maupun di kalangan yang memberi. Dengan itu, kos ekonomi yang meningkat berkaitan dengan amalan-amalan rasuah, akan ditiadakan. Malaysia juga akan menjadi destinasi yang menarik untuk kedatangan pelabur asing. Kewujudan masyarakat yang bebas rasuah juga akan membantu individu dalam negara mematuhi undang-undang dan peraturan. Dengan itu kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah International Transparency akan bertambah baik. Di bawah indeks itu, Malaysia kini menduduki tangga yang ke-37 daripada 133 buah negara. Pada 2008, sasaran kedudukan Malaysia ialah tangga ke-30.

Di bawah tadbir urus korporat pula, PIN berharap dalam tempoh lima tahun itu, bilangan kes-kes penipuan korporat dapat dikurangkan, manakala bilangan kontrak yang diberikan mengikut tender terbuka dapat ditingkatkan. Mengukuhkan institusi keluarga turut menjadi sasaran PIN kerana terdapat petanda-petanda jelas bahawa tatkala kita bergerak menjadi sebuah negara maju pada 2020, institusi itu turut memperlihatkan tanda-tanda keruntuhan yang yang mendadak. Sudah muncul kini apa yang dipanggil sebagai keluarga nuklear. Nilai-nilai keluarga besar atau *extended family* mulai longgar. Kadar perceraian pula meningkat. Berdasarkan angkat-angka tahun 2002, terdapat 3,793 kes perceraian di kalangan bukan Islam. Di kalangan orang Islam, jumlahnya pula ialah 1,004. Matlamat PIN adalah untuk mengurangkan kadar perceraian itu, kalaupun meniadakannya sama sekali merupakan satu hal yang mustahil. Dalam upaya untuk mengukuhkan unit keluarga ini, PIN juga ingin mengatasi masalah keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak yang semakin menukar waktu kebelakangan ini.

Selain itu, PIN juga berharap untuk memperbaiki kualiti kehidupan negara ini. Secara lebih spesifik, ia berharap untuk mengurangkan kadar jenayah, terutamanya jenayah-jenayah yang berkaitan dengan seks dan harta benda; mengurangkan pelbagai penyakit sosial seperti penagihan dada dan sumbang mahram; mengurangkan kadar kematian dan kemalangan jalan raya serta memperbaiki disiplin di kalangan para pelajar.

Bagi memastikan Pelan Integriti Nasional itu dipantau dan diselaraskan dengan baik, maka ditubuhkan pula IIM dengan empat fungsi utama iaitu menjalankan penyelidikan, pendidikan dan latihan berkaitan integriti institusi dan masyarakat; membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika; mengemukakan perakuan-perakuan dasar bagi peningkatan integriti dan etika serta memberi khidmat nasihat kepada kerajaan tentang program peningkatan integriti dan menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan pengisian pelan berkenaan terlaksana. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Othman telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah IIM. Ahli-ahli lembaga yang lain akan dilantik kemudian.

## **MEMUPUK BUDAYA PENCAPAIAN TINGGI— PENJENAMAAN SEMULA SYARIKAT KERAJAAN**

Tidak ramai yang menyedari bahawa kerajaan sebenarnya memiliki kepentingan dalam 40 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia (BM). Syarikat yang mempunyai kaitan dengan kerajaan (SBK) ini merupakan 5 peratus syarikat-syarikat yang tersenarai di BM. Secara kolektif, mereka menguasai 34 peratus modal pasaran dengan nilai RM232 bilion. Tetapi dari segi prestasi syarikat-syarikat ini, sama ada dimiliki oleh Ministry of Finance Incorporated, MoF Inc atau Khazanah Nasional Berhad dikatakan terkebelakang apabila dibandingkan dengan syarikat-syarikat lain yang turut disenaraikan di Bursa Malaysia. Jika gambaran itu benar, maka potensi sebenar 40 buah syarikat SBK gagal direalisasikan dan ini bermakna yang rugi ialah negara. Faktor utama syarikat-syarikat itu gagal mendapat pulangan pelaburan yang maksimum ada kaitan dengan cara ia diuruskan tanpa ditetapkan Indeks Prestasi Utama atau KPI (*Key Performance Index*). Selain itu, syarikat-syarikat kerajaan itu juga dianggap sebagai tempat untuk memberi

penghargaan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang pengalaman pengurusan mereka tidaklah sebaik syarikat-syarikat swasta yang lain.

Menyedari bahawa amalan merugikan itu tidak boleh diteruskan, Datuk Seri Abdullah membuat keputusan untuk melaksanakan pembaharuan dalam syarikat-syarikat itu. Pembaharuan beliau bermula pada peringkat paling tinggi. Langkah pertama ialah memindahkan kesemua pemilikan 40 buah syarikat itu kepada Khazanah Nasional Berhad. MoF Inc pula bertindak sebagai pemilik Khazanah Nasional. Serentak dengan itu, Lembaga Pengarah Khazanah yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah sendiri dirombak. Bilangan keahliannya yang mewakili sektor awam dan swasta dikurangkan kepada tidak lebih 10 orang. Selain beliau, Ahli Lembaga Pengarah Khazanah kini terdiri daripada: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapha Mohamad; Menteri Kewangan ke-2, Tan Sri Nor Mohamed Yakacob; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; Pengurus Proton, Datuk Abu Hassan Kendut; bekas Pengurus Danaharta, Datuk Mohamed Azman Yahya dan bekas pengurus KLSE, Datuk Mohamed Azlan Hashim.

Sejajar dengan hasratnya untuk menjadikan 40 SBK itu sebagai syarikat yang cemerlang, gemilang dan terbilang, Datuk Seri Abdullah memperkenalkan Budaya Pencapaian Tinggi untuk syarikat-syarikat itu yang telah dilancarkan pada 14 Mei 2004 di Putrajaya. Seorang anak Melayu yang sudah membuktikan kehebatannya sebagai pengurus korporat yang berjaya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Khazanah yang baru berkuatkuasa 1 Jun 2004. Beliau ialah Azman Mokhtar, 43 tahun yang mempunyai kelulusan daripada Universiti Cambridge, England yang sebelum itu pernah bekerja dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan sebuah syarikat multinasional. Secara berperingkat, SBK juga memberi tempat kepada golongan profesional muda dalam barisan pengurusan masing-masing. TNB dan Telekom Malaysia Berhad sudahpun memiliki Ketua Eksekutif Baru. Syarikat-syarikat kerajaan yang lain cuma menunggu masa sahaja untuk mendapat ketua eksekutif yang baru. Di bawah proses pembaharuan itu, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Kewangan Simpanan Pekerja (KWSP) juga akan mengalami proses transformasi.

Sewaktu melancarkan Seminar Budaya Pencapaian Tinggi untuk SBK di Putrajaya, Datuk Seri Abdullah memberitahu, "kerajaan mahu melihat Khazanah muncul sebagai antara badan pelaburan terbesar dan paling

dinamik di rantau ini." Beliau juga menegaskan dengan perubahan ini, "kita akan melahirkan Khazanah yang lebih kukuh, berdaya saing dan mampu mewujudkan nilai lebih tinggi kepada kerajaan, sebagai pemegang saham. Untuk memastikan SBK diurus dengan cemerlang, kerajaan akan menempatkan pengurus-pengurus yang sudah terbukti kewibawaan mereka dalam dunia korporat. Mereka akan diambil bekerja secara kontrak untuk satu tempoh yang ditetapkan, biasanya tiga tahun. Mereka juga akan dibayar gaji yang kompetatif dan kemudahan-kemudahan lain sama seperti yang ditawarkan atau malah lebih baik daripada yang disediakan oleh sektor swasta. Pampasan yang menarik, dalam bentuk bonus dan pilihan saham, juga menanti mereka yang berjaya memenuhi KPI yang ditetapkan. Mereka yang gagal pula akan menerima padahnya. Datuk Seri Abdullah berharap dengan adanya ganjaran-ganjaran yang menarik itu, "kita dapat mewujudkan satu generasi kepimpinan korporat untuk Malaysia Incorporated yang baru itu. Dengan itu, kita dapat mewujudkan pengurus-pengurus profesional baru dengan fokus yang teguh terhadap pencapaian tinggi."

## **MEMODENKAN PERJALANAN PARLIMEN**

Sewaktu menghadapi pilihan raya umum pada 21 Mac 2004, BN yang dipimpin oleh Datuk Seri Abdullah menganggap parti-parti pembangkang sebagai musuh. Perang habis-habisan untuk menewaskan mereka dilancarkan. Tidak timbul soal untuk berkompromi dengan mana-mana parti pembangkang. Keadaannya adalah laksana *zero sum game*—kemenangan pembangkang bermakna kekalahan untuk BN. Hakikat itu tidak dapat diterima. Matlamat BN dalam menghadapi pilihan raya umum tentulah untuk berkuasa semula dengan majoriti dua pertiga; menebus kekalahan yang dialami pada pilihan raya 1999 serta merampas kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang ditawan oleh pembangkang. Menyedari bahawa meniadakan pembangkang dalam politik negara ini merupakan sesuatu yang tidak mungkin dapat direalisikan, maka matlamat BN bukanlah untuk mewujudkan pembangkang sifar. Hasrat tersiratnya adalah untuk mengurangkan bilangan kerusi pembangkang pada tahap yang paling minimum.

Datuk Seri Abdullah tentulah tersenyum puas dengan kejayaannya dalam

meminggirkan pembangkang pada pilihan raya kali ini. Dalam Parlimen ke-11 ini, hanya terdapat 20 Ahli Parlimen pembangkang dengan 12 mewakili DAP, 6 Pas, satu Keadilan dan satu Bebas. Dengan 199 kerusi yang dimiliki oleh BN, beliau boleh berkuasa dengan selesa. Suara pembangkang juga boleh dikesampingkan begitu sahaja sebagai mewakili suara rakyat yang tidak relevan. Akan tetapi, Datuk Seri Abdullah tidak mengambil sikap itu. Di luar dugaan banyak pihak, beliau memutuskan untuk memberi tempat kepada ahli-ahli Parlimen pembangkang dalam beberapa institusi penting badan tertinggi perundangan negara itu. Sehari selepas sidang Parlimen ke-11 dirasmikan oleh Yang Dipertuan Agong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Parlimen), Datuk Seri Nazri Aziz mengumumkan persetujuan Perdana Menteri untuk melantik anggota Parlimen Kepong, Dr. Tan Seng Giaw sebagai Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). PAC ialah jawatankuasa Parlimen yang bertanggungjawab memantau perbelanjaan tahunan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan awam yang lain. Sehari sebelum itu, Datuk Seri Nazri mengumumkan pelantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib, bekas Timbalan Menteri Pengangkutan yang juga ahli Parlimen BN bagi kawasan Pasir Salak sebagai Pengurus PAC. Apa yang menarik ialah selain Dr. Tan, setiap parti pembangkang yang mempunyai wakil rakyat, turut dilantik menganggotai PAC. Keadilan diwakili oleh calon tunggalnya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail yang juga ahli Parlimen Permatang Pauh; PAS diwakili oleh ahli Parlimen Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar manakala DAP diwakili oleh Setiausaha Agungnya, yang juga ahli Parlimen Ipoh Barat, M. Kulasegaran. Datuk Nazri juga memberitahu, Kabinet membuat keputusan bahawa mulai sekarang semua jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen turut menyertakan seorang tokoh pembangkang sebagai timbalan pengurus, selain setiap parti diwakili sebagai ahli jawatankuasa biasa. Menurut beliau, langkah ini diambil "untuk memastikan penglibatan aktif semua anggota Dewan Rakyat tanpa mengira parti."

Penyertaan pembangkang dalam pelbagai jawatankuasa Parlimen ini bukan saja disambut baik oleh para pemimpin pembangkang, tetapi pemerhati di luar Parlimen. Ketua Pembangkang merangkap Pengurus DAP, Lim Kit Siang memuji langkah yang diambil itu sebagai tapak pertama ke arah menjadikan Parlimen Malaysia sebagai "sebuah Parlimen dunia pertama."

Beliau berharap apa yang telah dibuat itu akan disusuli dengan beberapa langkah progresif yang akhirnya nanti akan menuju terhadap perubahan dan pemodenan Parlimen. Dalam kata-kata lain, apa yang ingin dilihat oleh Lim dan mereka yang sepemikiran dengan beliau ialah kemunculan sebuah dewan perundangan yang benar-benar memenuhi peranannya sebagai salah satu cabang kuasa negara vis a vis badan eksekutif dan judisiari.

Ini bermakna sebuah badan legislatif yang bermaruah dan bertaraf dunia pertama, tidak boleh tunduk kepada kehendak eksekutif atau menjadi alat kerajaan untuk menayangkan program-program pembangunan bagi tatapan umum. Seperti badan-badan legislatif di negara-negara maju lain, yang dikenali sebagai Kongres di Amerika Syarikat, Bundestag di Jerman, Lok Sabha di India, Diet di Jepun, Parlimen Malaysia yang mempunyai tiga komponen—Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah kembali kepada peranan asalnya sebagai kuasa *check and balance* kepada eksekutif dan judisiari. Secara lebih spesifik, ia hendaklah memenuhi empat fungsi utama iaitu menggubal undang-undang dan dasar-dasar utama kerajaan; memantau perjalanan eksekutif melalui pelbagai jawatankuasa terpilih dan sesi soal jawab ahli Parlimen- Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen; mengawal perbelanjaan negara dengan meluluskan bajet tahunan dan peruntukan tambahan yang lain sebagai gelanggang tertinggi bagi rakyat menyuarakan pendapat dan pandangan menerusi wakil-wakil mereka.

Datuk Seri Abdullah yang berkuasa dengan mandat lebih besar, sudahpun memulakan langkah pertamanya ke arah itu. Selainnya terserah kepada ahli-ahli Parlimen, baik di pihak kerajaan mahu pun pembangkang untuk melaksanakan tindakan masing-masing ke arah mencapai matlamat untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai sebuah Parlimen dunia pertama yang mampu mengimbangi kuasa eksekutif dan judisiari. Pelbagai peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan sudahpun mentakrifkan peranan yang jelas untuk Parlimen Malaysia. Terserahlah kepada ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat dan Dewan Negara—untuk memainkan peranan masing-masing. Perdana Menteri sudahpun memberikan bayangan yang jelas untuk memarabatkan Parlimen dengan kesediaannya memberi tempat yang lebih aktif kepada Pembangkang dan kerajaan. Dengan itu, ahli-ahli Parlimen perlu menyahut cabaran itu.

## RUMUSAN

Sebaik sahaja mendapat mandat besar pada pilihan raya umum (21 Mac 2004), Datuk Seri Abdullah tahu masa untuk berjanji sudah berlalu. Sekarang ialah waktu bagi merealisasikan agenda kerja dan pernyataan hasrat yang telah dilahirkan selama tiga bulan pertama memegang jawatan (yang selama 22 tahun disandang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sehingga 31 Oktober 2003). Beliau tidak mengambil masa yang lama untuk melakukan perubahan dan pembaharuan yang dijanjikan. Ini bermula dengan menurunkan calon-calon yang dapat diterima oleh pelbagai pihak pada pilihan raya umum itu sendiri, diikuti dengan penubuhan Kabinet baru yang beliau anggap sebagai "Kabinet masa depan" dan perubahan di negeri-negeri.

Selain itu, untuk memastikan bahawa wakil rakyat yang baru dipilih bebas daripada sebarang rasuah dan kegiatan yang tidak bermoral, maka etika wakil rakyat segera diinstitusikan. Program khusus untuk melahirkan masyarakat yang berintegriti sudahpun diumumkan. Tentulah menarik untuk diteliti selepas ini sejauh mana semua pembaharuan ini dan pembaharuan lain yang diperkenalkan selepas ini benar-benar menjadi kenyataan. Hal ini kerana sesetengah perubahan itu mengambil masa untuk dijayakan. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah permulaan sudah dimulakan dan seluruh rakyat patut bersama beliau untuk menjayakannya.

## LAMPIRAN

---



Datuk Seri Abdullah (kanan)—sewaktu berkempen pada pilihan raya kecil kerusi DUN Indra Kayangan di Perlis.




Datuk Seri Abdullah (kiri)—pemimpin yang mewajah rakyat di mana beliau bertemu mereka.




Datuk Seri Abdullah (berbaru Melayu)—anak soleh yang mendoakan kerahmatan honda tersayang yang meninggal dunia pada 2 Februari 2004.



Datuk Seri Abdullah memerlui istri tersayang, Datin Seri Endon di pusara ibunya di tanah perkuburan Masjid Badawi di Kepala Batas, Sewaktu Datuk Khalil Hassan pulang ke rahmatullah pada 2 Februari 2004, Datin Seri Endon menjalani rawatan barah yang diberikan di Amerika Syarikat.



Datuk Seri Abdullah (kanan) dan Datuk Seri Najib merayakan kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya umum 21 Mac 2004 di ibu pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.




Datuk Seri Abdullah diapit oleh Datuk Seri Endon dan Datuk Seri Najib mengaminkan doa pada malam keputusan pilihan raya diumumkan.



Datuk Seri Abdullah mengangkat sumpah kali kedua sebagai Perdana Menteri pada petang 22 Mac 2004 di Istana Negara, Kuala Lumpur. Kali ini beliau berkuasa dengan mandat sendiri.



Datuk Seri Abdullah (kanan) menerima surat pelempatan sebagai Perdana Menteri pada 22 Mac 2004.



Datuk Seri Abdullah sewaktu mengumumkan barisan Kabinet baru di Putrajaya pada 27 Mac 2004.



## KABINET 2004

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri  
Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri  
Timbalan Perdana Menteri  
Menteri Pertahanan



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi



Datuk Seri Mohd Najib Razak  
Timbalan Perdana Menteri  
Menteri Kewangan  
Menteri Pertahanan



Datuk Azmi Khalid  
Menteri Hal Ehwal  
Dalam Negeri



Tan Sri Mohd  
Mohamed Yakcop  
Menteri Kewangan  
11



Datuk Dr Maximus  
Henry Ongkili  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Professor Datuk Dr  
Abdullah Md Zain  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Datuk Seri Mohd  
Radzi Sheikh Ahmad  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Datuk Mustapha  
Mohamed  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Datuk Seri Mohd  
Nazri Abd Aziz  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Tan Sri Bernard  
Dompok  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri



Datuk Seri Ong Ka Ting  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Datuk Dr. Lim Keng Yik  
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi



Datuk Paduka Seri Abdul Kadir Sheikh Fazlizir  
Menteri Penerangan



Datuk Sri S Samy Vellu  
Menteri Kerjaya



Tan Sri Muhyiddin Yassin  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tan



Datuk Seri Chan Kong Choy  
Menteri Pengangkutan



Datuk Dr. Chua Soi Lek  
Menteri Kesihatan



Datuk Dr. Jambuuddin Jarjis  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Datuk Seri Utama Dr. Baik Yatim  
Menteri Keseharian, Kebudayaan dan Warisan



Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin  
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Datuk Seri Sharie Apdal  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Datuk Seri Syed Hamid Albar  
Menteri Luar Negeri



Datuk Dr. Ahmad Zahid Hamidi  
Menteri Belia dan Sukan



Datuk Dr. Leo Michael Tayib  
Menteri Pelancongan



Tan Sri Mohd Ismail Samad  
Menteri Wilayah Persekutuan



Datuk Dr. Hishammuddin Hussein  
Menteri Pengangkutan



Datuk Dr. Hishammuddin Hussein  
Menteri Pendidikan



Datuk Dr. Mohd Shafie Apdal  
Menteri Pengajian Tinggi

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI		Penerangan	
	Datuk Dr Zainuddin Maidin Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr Tunku Latif Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah
	Datuk Dr Shazman Abu Manor Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi		Datuk Dr G Palaniveli Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat
	Datuk Robert Lau Hoi Chee Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan		Datuk Kong Cho Ha Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
	Datuk Dr Azizan Hj Dun Timbalan Menteri Ehsan		Datuk Dr Abdul Rahman Bakar Timbalan Menteri Pengangkutan
	Datuk Dr Zainal Abidin Zain Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri		Datuk Dr Douglas Uggah Embas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tan
	Datuk Dr Chua Wee Meng Timbalan Menteri Kewangan		Datuk Dr Tengku Azlan Sultan Abu Bakar Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tan
	Datuk Dr Ng Yen Yen Timbalan Menteri Belia dan Sukan		Datuk Dr Joseph Salang Ak Timbalan Menteri Luar Negeri
	Datuk Dr Mohd Shariff Omar Timbalan Menteri Pertanian		Datuk Dr Kerk Ting Timbalan Menteri Luar Negeri
	Datuk Dr S. Subramaniam Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar		Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Menteri Kesihatan
	Datuk Dr Hishamuddin Hussein Timbalan Menteri Kajang		Datuk Dr Ong Tee Keat Timbalan Menteri Belia dan Sukan
	Datuk Dr Donald Lim Seng Chai Timbalan Menteri Penerangan		Datuk Dr Abdil Latiff Ahmad Timbalan Menteri Kesihatan
	Datuk Dr Awang Adek Husin Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr Haji Ehsan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
	Datuk Dr Heng Chee How Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr Mahadzir Khobir Timbalan Menteri Pelajaran
	Datuk Dr Choon Kim Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr Hisham Sew Cheung Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
	Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr Zulhasniyah Yeop Timbalan Menteri Pembangunan Antarabangsa dan Industri
	Datuk Dr Hishamuddin Hussein Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah		Datuk Dr R. Rajique Timbalan Menteri Wilayah Pelancangan Persekutuan

	Prof Datuk Dr Mohd Ruddyin Abdul Ghani Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tan
	Datuk Rohani Abdul Karim Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Luar Negeri
	Sazmi Miah Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
	Datuk Yong Khoo Sang Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjayaan dan Kerajaan Tempatan
	Nonah Kasnon Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan dan Kerajaan Tempatan
	Dr S Subramaniam Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan dan Kerajaan Tempatan
	Datuk Abdul Rahman Ibrahim Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
	Datuk Wirra Abu Seman Yusop Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
	Datuk Dr Hilmii Yahaya Johari Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan
	Datuk Dr Hashimah Ibrahim Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri
	Hg Lai Yong Chang Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perdagangan dan Komoditi
	Chew Min Fun Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
	P Komala Dewi Tan Yee Kew Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi
	Dr Tan Samsu Baharun Ab Rahman Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
	Lee Kan Choon Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan
	H S Vigneswaran Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan



Datuk Seri Abdullah memperkenalkan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Gejala Sosial di Putrajaya.



Datuk Seri Abdullah, selaku Pemangku Presiden UMNO, mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi.



Datuk Seri Abdullah, lengkap dengan pakaian rasmi menyambut Hari Pahlawan di Tugu Negara, Kuala Lumpur.



Datuk Seri Abdullah bersama dengan para pemimpin dunia membangun pada majlis Dialog Antarabangsa Langkawi di Langkawi.




Datuk Seri Abdullah bersama Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo di Manila.




Datuk Seri Abdullah mengadakan kunjung hormat terhadap Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri di Jakarta.



Datuk Seri Abdullah bersama Sultan Brunei sewaktu mengadakan lawatan ke Brunei Darussalam.



Mesra: Datuk Seri Abdullah bersama Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di Bangkok.



Datuk Seri Abdullah dan bekas Perdana Menteri, Singapura, Goh Chok Tong sewaktu melawat negara jiran itu tidak lama selepas mengambil alih kuasa.



Datuk Seri Abdullah dalam lawatan ke Myanmar—sebuah negara anggota ASEAN.



Datuk Seri Abdullah bersama Perdana Menteri Republik Rakyat China di Beijing.



Datuk Seri Abdullah (kiri) mengunjungi Perdana Menteri Britain, Tony Blair di 10 Downing Street, London.



Datuk Seri Abdullah dan Perdana Menteri China, merayakan ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik Kuala Lumpur-Beijing pada Jun 2004.

JAPAN-ASEAN COMMEMORATIVE SUMMIT

TOKYO, JAPAN

11-12 DECEMBER 2003



Datuk Seri Abdullah (kanan sekali) bersama para pemimpin ASEAN dan Jepun sempena Kemuncak Kertangan-kertangan ASEAN-Jepun di Tokyo pada 11-12 Disember 2003.



Mengadakan sidang akhbar di London selepas bertemu dengan Perdana Menteri, Tony Blair.




Datuk Seri Abdullah, pemimpin yang mesra rakyat.




Keluarga bahagia: Datuk Seri Abdullah dan Datin Seri Endon bersama anak dan menantu di Putrajaya.



Golf: Sukan kegemaran Datuk Seri Abdullah.



Diiringi pengurus komunikasi korporat TV3, Yusnani Yushak, Datuk Seri Abdullah memasuki studio TV3 untuk rakaman *In Conversation*.



Terima kasih: Pengurus TV3, Datuk Seri Syed Anwar Jamalulail menyampaikan cenderamata kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Sultan Abdullah.



Datuk Seri Abdullah diwawancara oleh empat wartawan ASEAN untuk program *In Conversation* terbitan TV3 Malaysia, RCTI Indonesia, iTV Thailand dan ABS-CBN Filipina.

## BIBLIOGRAFI

---

### BUKU

- Abdul Aziz Bari, 2003. *Malaysian Constitution, A Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Andrew Harding, 1996. *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal Sdn Bhd.
- Chamil Wariya, 2004. *Abdullah Ahmad Badawi, Perjalanan Politik PM ke-5*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Francis Loh Kok Wah dan Johan Savaranamuttu, 2003. *New Politics in Malaysia*. Singapore: ISEAS.
- In-Won Hwang, 2003. *Personalized Politics, The Malaysian State Under Mahathir*. Singapore: ISEAS.
- Mavis Phutucheary dan Noraini Othman, *The Electoral System of Malaysia— A report*, Institute of Malaysian and International Study (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, Bangi.
- Noor Ismail, 2004. *Passing the Baton*. Petaling Jaya: Thinkers Library.
- Peter Hennessy, 2000. *The Prime Minister, The Office and Its Holders Since 1945*. London: Penguin.
- Yahaya Ismail, 2003. *Dilema Kepimpinan UMNO Pasca Mahathir*. Petaling Jaya: Usaha Teguh.

## ARTIKEL

A Kadir Jasin, "Penyegaran Semula UMNO," dlm. *Utusan Malaysia*.

Financial Times, *Malaysia's new PM*, 19 Januari 2004.

Brendan Preira, "Hope, expectation but now it's action which people want," dlm *New Straits Times*, 1 April 2004.

Deborah Loh dan Firdaus Abdullah, "PM: Behave, perform, deliver — No protection for the corrupt and indolent, Cabinet told," dlm. *New Straits Times*, 1 April 2004.

Firdaus Abdullah, "Deklarasi menyatukan umat Melayu," dlm. *Utusan Malaysia*.

Fuad Abdul Rahman, "Cabaran Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi," dlm. TV3, 10 Februari 2004.

Ismail Ibrahim, "Muhasabah pilihan raya umum: melihat diri dengan jujur dan ikhlas selepas menang atau kalah," dlm. *Mingguan Malaysia*, 4 April 2004.

Hardev Kaur, "BN triumph makes headlines abroad," dlm. *New Straits Times*, 23 Mac 2004.

Hashim Yaacob, "Menilai Pak Lah selepas 100 hari," dlm. *Mingguan Malaysia*, 8 Februari 2004.

Hassan Ahmad, "Pencapaian UMNO dan PAS pada pilihan raya umum lalu: Apa yang menang, apa yang kalah," dlm. *Mingguan Malaysia*, 4 April 2004.

Jocelin Tan, "From foes to friends in Kelantan," dlm. *Sunday Star*, 18 Januari 2004.

-----, "Pak Lah outlines his agenda," dlm. *Star Special*, First 100 days, His Own Man, 8 Februari 2004.

-----, "Barisan rides high on the Pak Lah phenomenon," dlm. *The Star*, 22 Mac 2004.

Kalimullah Hassan, "Tiada beza, hanya hari kerja biasa," dlm. *Berita Harian*, 8 Februari 2004.

-----, "Demanding work awaits Najib with the 'honeymoon' is over," dlm. *New Sunday Times*, 11 Januari 2004.

Khalid Mohd, Aziz Ishak dan Zaini Hassan, "Berjaya bawa keyakinan rakyat," dlm. *Mingguan Malaysia*, 1 Februari 2004.

Khalid Mohd, Hassan Mohd Noor dan Ramli Abdul Karim, "Tidak pernah cabar sesiapa," dlm. *Mingguan Malaysia*, 11 Januari 2004.

Leslie Lopez, "He's No Mahathir, And That's OK," dlm. *Far Eastern Economic Review*, 25 Disember 2003-1 Januari 2004.

Malek Munip, "Kepimpinan Beradab Faktor Kemenangan BN," dlm. *Berita Harian*, 2 April 2004.

Munir Majid, "Next Stop, the general election," dlm. *New Sunday Times*, 25 Januari 2004.

Mohd Yusof Hasan, "Wajah Seorang yang Berhormat," dlm. *Mingguan Malaysia*, 4 April 2004.

Nakhaie Ahmad, "Kegagalan Islam Politik dan Kebangkitan Islam Hadhari," dlm. *Berita Harian*, 2 April 2004.

Noor Azam Shairi, "Politik kita harus berubah, Wawancara dengan Dr. Chandra Muzaffar," dlm. *Mingguan Malaysia*, 4 April 2004.

Philip Bowring, "Not A bad start for Malaysia's new Prime Minister," *International Herald Tribune*, 12 Januari 2004.

Rohan Sullivan dan Jasbant Singh, "Can Malaysia cope without Mahathir?," dlm. *The Washington Times*, 12 September 2003.

Saifuddin Abdullah, "Pendekatan urus tadbir baru PM," dlm. *Utusan Malaysia*, 4 November 2003.

Suhaini Aznam, "A clear backing for Pak Lah's style," dlm. *The Star*, 22 Mac 2004.

S. Jayasakaran, "The New Way: Think Small," dlm. *Far Eastern Economic Review*, 8 November 2003.

*The Economist*, "Malaysia After Mahathir," dlm. 1 November 2003.

- , "Not Yet out of Mahathir's shadow," dlm. 31 Januari 2004.
- Wong Chun Wai, "Crusade against corruption," dlm. *Star Speical*, First 100 days, 8 Februari 2004.
- , "Facing up to the next test," dlm. *Star Special*, First 100 days, 8 Februari 2004.
- , "No letting up in war against corruption," dlm. *Sunday Star*, 14 Disember 2003.
- Zin Mahmud, "100 hari Perdana Menteri kelima," dlm. *Mingguan Malaysia*, 8 Februari 2004.

## WAWANCARA

Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Profesor Datuk Dr. Syed Hussein Al Atas, Felo Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Profesor Datuk Dr. Ahmad Fawzy Basri, Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia.

Profesor Madya Dr. Mustapa Ishak, Timbalan Naib Canselor, Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia.

Profesor Dr. Ahmad Atory Hussein, Sekolah Pengurusan dan Undang-undang, Universiti Utara Malaysia.

Profesor Datuk Dr. Firdaus Haji Abdullah, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya.

Datuk Saifuddin Abdullah. Pengerusi Akademi Malaysia.

## UCAPAN DATUK SERI ABDULLAH

"Mewarisi Kejayaan," Teks Ucapan Usul Terima Kasih di Dewan Rakyat pada 3 November 2003.

#### BIBLIOGRAFI

"Mengembalikan Kerajaan ke Pangkuan Rakyat," Teks ucapan kepada ahli Yayasan Cambridge Malaysia, di Kuala Lumpur, 10 Februari 2004.

#### AKHBAR

*Berita Harian*

*Berita Minggu*

*Harakah*

*Mingguan Malaysia*

*New Straits Times*

*New Sunday Times*

*The Malay Mail*

*The Star*

*The Sun*

*Utusan Malaysia*

#### MAJALAH

*Malaysian Business*

*Massa*

*Newsweek*

*The Economist*

*The Far Eastern Economic Review*

*The Time*

# INDEKS

---

## A

Abdullah Ahmad, Tan Sri, 20, 24-25, 86, 91, 92  
Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri, 19-20  
Abdul Ghani Othman, 222, 256  
Abdul Hamid Othman, 81  
Abdul Rahman, Tunku, 3-4, 20  
Abdul Razak, Tun, 4, 20, 24  
Adnan Yacob, 256  
Ahmad Atory Hussein, 115  
Ahmad Nazri Abdullah, 85, 88  
Ahmad Fawzi Basri, 22  
A Kadir Jasin, Datuk, 85, 88  
Anwar Ibrahim, Datuk Seri, 20-22

## B

Bersih, Cekap dan Amanah (BCA), 30  
British Military Administration (BMA), 7

## D

Daim Zainuddin, Tun, 87  
DAP, 31-32  
Dasar Ekonomi Baru, 99

## E

Effendi Norwawi, Datuk, 78  
*Economist, the*, 39-42

## F

*Far Eastern Economic Review*, 42-43  
*Financial Times*, 43-44

## G

Ghafar Baba, Tun, 20

## H

Hashim Makaruddin, 81  
Hussein Onn, Tun, 20, 24

## I

*International Herald Tribune*, 44

## J

Jamaluddin Jarjis, Datuk, Dr., 75  
Joceline Tan, 215  
Johan Jaaffar, 87-88

## K

Kalimullah Hassan, Datuk, 93, 215

Kamal Khalid, 83  
Kamarulzaman, Datuk, 83

Keadilan, 32-33

Khailan Hassan, 108

Khairy Jamaluddin, 81, 83  
Khaled Nordin, Datuk, 222, 255

Khalid Mohamad, Datuk, 88

Khalil Yackob, Tan Sri, 214

Kod Etika Wakil Rakyat, 263

## M

Mahathir Mohamad, Tun Dr., 1, 2, 4, 19, 21, 24

Malayan Union, 4

Malek Munip, 215-217

## BIBLIOGRAFI

- Manifesto BN, 225-230  
Mazlan Noordin, Datuk, 85, 89  
Mohamad Anuar Zaini, Datuk, 93  
Mohamad Khir Toyo, Datuk Seri Dr., 223, 255  
Mohamad Hassan, Datuk, 256  
Mohamed Jusoh, 80  
Muhyiddin Yassin, Tan Sri, 75  
Munir Majid, Datuk Dr., 29  
Musa Aman, Datuk Seri, 255  
Musa Hitam, Tan Sri, 21, 29, 30  
Mustapha Ishak, Profesor Madya Dr., 25-26
- N**  
Najib Razak, Datuk Seri, 20, 22, 24-25, 49, 58-65  
Nakhai Ahmad, Datuk, 217-218  
NAM, 2  
Nazri Aziz, Datuk, 110-112  
Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 7  
Negeri-negeri Selat, 7  
Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu, 7  
Noordin Sopiee, 87  
Nor Mohamed Yakcop, 70-71, 76-78
- P**  
Parlimen, 269-271  
PAS, 33-36  
Pelan Integriti Nasional (PIN), 265-267  
Perdana Menteri, Asal Usul Jawatan, 6-8  
Perdana Menteri dan Badan Kehakiman, 14-15  
Perdana Menteri dan Inisiatif Dasar Luar, 17-18  
Perdana Menteri-Kerajaan dan Kabinet, 11-13  
Perdana Menteri dan Parlimen, 13-14  
Perdana Menteri dan Parti Politik, 15-16
- Perdana Menteri, Peranan dan Kuasa, 10-11  
Perdana Menteri, Proses Pelantikan, 8-9
- R**  
Razaleigh Hamzah, 25, 85  
Rohadizad Abdul Rahim, 83  
Roslan Hamid, 90
- S**  
Shahidan Kassim, 223, 225  
Shamsul Amri Baharuddin, Profesor Datuk Dr., 136-137  
Shukor Harun, 90  
Subky Latif, 90  
Sufi Yusof, 81  
Suhaini Aznam, 215  
Suhami Mokhtar, 90  
Syed Hussein Al-Atas, Profesor, 85
- T**  
Timbalan Perdana Menteri, Proses Pemilihan, 53-55
- U**  
UMNO, 19, 25
- W**  
*Washington Times*, 37-38  
Wawasan 2020, 98-99
- Y**  
Yusanani Yushak, 108
- Z**  
Zaid Ibrahim, 222  
Zainuddin Maidin, 87  
Zakaria Wahab, 81, 9

## BIODATA

---



Chamil Wariya kini berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Divisyen Berita dan Ehwal Semasa, TV3.

Memulakan kerjaya dalam bidang kewartawanan pada pertengahan tahun 1971 sebagai pemberita kadet Utusan Malaysia.

Antara 1976 hingga 1983, beliau berkhidmat dengan bahagian Melayu, Perkhidmatan Luar Negara, Perbadanan Penyiaran British (BBC) di London.

Sekembalinya ke tanah air, beliau menjadi penulis Rencana Pengarang dengan Kumpulan Utusan. Beliau kemudian dilantik menjadi Pengarang Rencana dan seterusnya Ketua Bahagian Majalah.

Beliau berhijrah ke TV 3 pada 17 Ogos 1998 sebagai Editor Kanan, kemudian Pengarang Urusan.

Beliau memiliki Ijazah Pertama dalam bidang sains sosial (*B.A Social Science*, Kepujian Kelas Dua Atas) dari University of Westminster, London dan Ijazah Sarjana, *M.A (Social Science)* dari University of Leicester,

England dan M.A (*International Relations*) dari University of East Anglia.

Beliau juga pernah melakukan kerja-kerja penyelidikan untuk ijazah Ph.D di University of Leicester.

Beliau juga telah menghasilkan 18 buah buku, kebanyakannya berkaitan politik Malaysia dan hubungan antarabangsa.

Kini beliau merupakan ahli panel perunding Institut Pemikiran Mahathir di Universiti Utara Malaysia (UUM); ahli Pasukan Komunikasi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN); ahli lembaga eksekutif Yayasan Anak Yatim Malaysia (YATIM); anggota Jawatankuasa Pembangunan Ummah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) di Jabatan Perdana Menteri; ahli jawatankuasa Strategik Penerangan UMNO Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid.

Dalam bidang penyiaran pula, beliau pernah menjadi pengacara program wawancara di TV1 antara tahun 1984-1997.

Di TV3 pula, beliau bertindak sebagai pengacara bagi dua program bual bicara—*Soal jawab* dan program serantau *In Conversation*, terbitan bersama TV3, iTV Thailand, RCTI Indonesia dan ABS-CBN Corporation Filipina.

Program yang disiarkan di empat buah negara ini khusus mengundang pemimpin kerajaan sebagai tetamu. Antara yang pernah di temu ramah ialah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (ketika itu Timbalan Perdana Menteri); Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra; Presiden Republik Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Presiden Majlis Parlimen Indonesia, Dr. Amein Rais; Presiden Timor Leste, Xanana Gusmao; dan bekas Setiausaha Agung ASEAN, Rudolfo Severino.

Beliau juga pernah menjadi pengacara beberapa program siaran langsung TV3 seperti Perhimpunan Agung UMNO dan pelantikan PM ke-5.

Sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang kewartawan dan penulisan, beliau dianugerahi darjah kebesaran dari Selangor dan Pulau Pulau Pinang yang membawa gelaran Dato'.

Daripada Kerajaan Negeri Selangor, beliau mendapat Dato' Paduka Mahkota Selangor, (DPMS) sempena Permaikotaan Sultan Selangor pada Mac 2003; manakala Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula menganugerahkan beliau dengan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) pada tahun 2001.

Pada tahun yang sama, beliau dianugerahi Darjah Sultan Salahuddin

Abdul Azizi Shah (SSA) dan tahun sebelumnya, Kesateria Mangku Negara (KMN) oleh Yang di-Pertuan Agong.

Beliau juga merupakan penerima the British High Commissioner Award pada 1989/1990 dan Anugerah Kewartawanan ASEAN anjuran Mobil pada tahun 1984.

Beliau juga pernah menjadi International Visitor, kerajaan Amerika Syarikat.

Chamil juga pernah menjadi Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Istilah Sains Politik, Dewan Bahasa dan Pustaka; ahli panel Anugarah Belia Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia; dan ahli panel Dasar Penerangan Negara, Kementerian Penerangan Malaysia.

Dalam bidang politik pula, Chamil pernah menjadi Setiausaha Kelab UMNO United Kingdom. Beliau pernah menganggotai Biro Penyelidikan UMNO Malaysia yang dipengerusikan oleh ahli Majlis Tertinggi, Tan Sri Khalid Abdullah. Beliau juga pernah menjadi ahli Jawatankuasa Ekonomi, Biro Ekonomi, Pegerakan Pemuda UMNO Malaysia.

## **BUKU-BUKU OLEH CHAMIL WARIYA**

### **POLITIK MALAYSIA**

1. Dilema Pemuda UMNO
2. Siapa Kuasa UMNO
3. Pilitik Komproni– satu tinjauan kerjasama Melayu- bukan Melayu
4. UMNO Baru– Sejarah dan Perkembangan Awalnya
5. UMNO Era Mahathir /
6. Pandangan Politik Era Mahathir
7. Politik dan Raja
8. UMNO Sabah: Mencabar dan dicabar
9. Krisis Sultan-Menteri Besar: Apa Sebenarnya Terjadi
10. Muhammad Haji Muhd. Taib: Dari Pendidik ke Pemimpin
11. Suara Bicara Melayu Baru
12. Pemilihan UMNO 1996: Profil, Rekod dan Prestasi Calon-calon Naib Presiden
13. Abdullah Ahmad Badawi:Perjalanan Politik PM ke-5.

BIODATA

14. Dari Sungai Burung ke Bukit Megawati—Perjalanan Politik Dr. Mohamad Khir Toyo.

POLITIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

1. Dasar Luar Era Mahathir
2. Pergolakan Antarabangsa sejak 1945
3. Perang Teluk—Kesan dan Pengajaran
4. Telunjuk Amerika-Soviet di Asia Tenggara
5. ZOPFAN:Mitos dan Realiti